

Antara Sejarah dan Mitos

Sejarah Melayu & Hang Tuah dalam Historiografi Malaysia

Ahmat Adam

Contents

Indeks

Strategic Information and Research Development Centre (SIRD) adalah sebuah badan penerbit bebas yang ditubuhkan pada Januari 2000 di Petaling Jaya, Malaysia. Penerbitan **SIRD** merangkumi pelbagai bidang pengajian ilmu seperti pengajian Malaysia dan Asia Tenggara, pengajian gender, sains social, politik, ekonomi dan hubungan antarabangsa. Buku terbitan kami juga sesuai untuk semua lapisan masyarakat khususnya komuniti ilmuan, pelajar, badan bukan kerajaan (NGO), pembuat polisi, dan masyarakat awam. SIRD juga mengedarkan buku (melalui cabang organisasinya; **GB Gerakbudaya Enterprise Sdn Bhd)** terbitan cendekiawan dan institusi-institusi penerbitan, NGO-NGO, dan penerbit-penerbit bebas yang lain. Selain itu, kami juga menganjurkan seminar, forum dan diskusi berkumpulan. Kami percaya, semua ini adalah bermanfaat untuk pembangunan dan penggabungan gagasan pemikiran kebebasan awam dan demokrasi.

Antara Sejarah dan Mitos

Sejarah Melayu & Hang Tuah dalam Historiografi Malaysia

Ahmat Adam



SIRD
Strategic Information and Research Development Centre
Petaling Jaya, Malaysia

Hakcipta © 2016 Ahmat Adam

Diterbitkan pada tahun 2016 oleh
Strategic Information and Research Development Centre
No. 2, Jalan Bukit 11/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Email: gerak@gerakbudaya.com
Website: www.gerakbudaya.com

Cetakan Pertama: Januari 2016
Cetakan Kedua: Jun 2016
Cetakan Ketiga: Julai 2017

Hak cipta terpelihara. Tidak boleh menyalin apa jua kandungan buku ini dengan apa pun bentuk dan cara-elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia / Cataloguing-in-Publication Data

Ahmat Adam
Antara Sejarah dan Mitos: Sejarah Melayu & Hang Tuah dalam Historiografi
Malaysia / Ahmat Adam.
Includes index
Bibliography: page 201
ISBN 978-967-0960-14-2
e-ISBN 978-967-2165-93-4
1. Malay-literature.
2. Malay literature–History and criticism.
I. Judul.
899.2309

Aturan huruf dan rekaan bentuk kulit buku oleh Janice Cheong

Dicetak oleh Vinlin Press Sdn Bhd
2, Jalan Meranti Permai 1,
Meranti Permai Industrial Park,
Batu 15, Jalan Puchong,

47100 Puchong, Selangor, Malaysia.

Untuk mereka yang mahu belajar Sejarah

PRAKATA

Sejarah ialah cabang ilmu kemanusiaan yang walaupun disebut selalu sebagai disiplin yang mempunyai kepentingannya sendiri, jarang-jarang difahami dengan baik oleh banyak orang. Esei yang dikumpulkan sebagai bab dalam buku ini ialah hasil telaah saya sebagai penuntut dan pengajar sejarah dalam tempoh yang relatif panjang. Saya mula tertarik kepada sejarah sejak masih di bangku sekolah rendah Melayu lagi, iaitu dalam usia yang, menurut kata orang, masih mentah. Pada zaman itu, saya dapat dikatakan seorang yang pelahap terhadap karya romans sejarah yang dihasilkan oleh seorang guru sejarah di Maktab Perguruan Tanjung Malim yang sangat terkenal dengan kisah mengenai kebesaran kerajaan Melayu Melaka pada abad ke-15 dan juga ceritera tentang penghakisan kewibawaan kerajaan itu yang membawa kepada kemusnahannya pada tahun 1511. Pengarang yang saya maksudkan, yang sangat berjaya menggelorakan dan juga meruntun emosi seorang anak sekolah rendah, ialah tidak lain daripada Cikgu Ahmad bin Abdullah, yang lebih terkenal dengan nama Ahmad Bakhtiar (1902-1961). Dengan kecekapan penanya dia benar-benar telah menguakkan perasaan saya sehingga menanamkan rasa kesedaran dan penghayatan sejarah. Saya masih ingat watak pahlawan Melaka yang diciptakan olehnya, seperti Tun Busu Setia, Tun Lenggang, dan Dang Anom yang berjuang untuk sultan dan negeri Melaka. Walaupun watak-warak ini hanya fiksyen, kisah mereka berjaya mengasah minat dan menguatkan fahaman terhadap sejarah Melaka pada zaman menjelang kejatuhannya di tangan Portugis. Karya tersohor Cikgu Ahmad Bakhtiar yang masih segar dalam ingatan saya, ialah *Hujan Darah di Sungai Muar*, *Keris Melaka*, *Panah Beracun*, *Korban Keris Melaka* dan *Darah di Selat Melaka*. Jika tidak silap saya, semuanya diterbitkan pada tahun 1940-an oleh Sentosa Store, Kuala Pilah dalam tulisan Jawi.

Buku romans sejarah yang dihasilkan oleh Cikgu Ahmad Bakhtiar merupakan contoh bagaimana sejarah boleh diserapkan ke dalam pemikiran kanak-kanak yang pada zaman sebelum Malaya merdeka sangat sukar mendapatkan buku sejarah berbahasa Melayu. Walaupun kisah yang dipaparkan hanyalah khayalan, kandungannya berasaskan

sejarah yang sebenarnya pernah berlaku kepada kerajaan Melaka abad ke-15 dan ke-16. Oleh sebab itulah watak rekaan Ahmad Bakhtiar yang bersifat fiksyen sejarah itu mampu melepaskan dahaga kanak-kanak yang meminati sejarah, apatah lagi sejarah itu ialah sejarah kegemilangan dan tragedi kesultanan Melaka.

Akan tetapi, keadaan sekarang tidak sama dengan keadaan antara 50 hingga 60 tahun yang lalu. Kini, ilmu sejarah diajarkan dari peringkat pendidikan rendah sampailah ke tahap pengajian tinggi. Para pelajar, dan terutamanya mahasiswa diajarkan supaya dapat memahami erti sejarah. Mereka yang belajar di universiti harus mempunyai keterampilan berfikir atau *thinking skill* untuk membezakan yang mana dikatakan sejarah dan yang mana dinamakan mitos atau dongeng, atau legenda. Pokoknya, sejarah memerlukan pemahaman mendalam melalui kecekapan mencerakinkan fakta sejarah dan membuat interpretasi terhadap sesuatu peristiwa silam. Sejarah menekankan objektiviti dan sikap tidak memihak kepada sesiapa, tetapi sebaliknya menceritakan yang benar sahaja. Tidaklah benar jika dikatakan sejarah diriwayatkan oleh pihak yang menang kerana sejarawan yang baik (ertinya berwibawa) tidak akan terjebak ke dalam perangkap yang dipasang oleh pihak yang menang itu untuk memutarbalikkan fakta dan tafsiran.

Menyedari betapa pentingnya sejarah ditakrifkan menurut pentakrifannya yang betul, dengan mempersoalkan sesuatu yang diterima oleh banyak orang sebagai kebenaran tanpa bukti yang sahih dan meyakinkan, maka buku ini berusaha sedapat mungkin untuk mengetengahkan persoalan kebenaran sejarah dalam naskhah agung *Sulalat u's-Salatin* khususnya, dan cuba membicarakannya dalam konteks perbandingan antara historiografi dengan mitologi, dua tema yang menyentuh hal yang melibatkan historografi Malaysia tradisional. Bab-bab yang disusun dalam buku ini pada asalnya dibentangkan dalam bentuk makalah dalam seminar sepanjang tahun 2014 dan 2015. Walau bagaimanapun, Bab IV yang membicarakan persoalan mitos pembukaan negeri Melaka dan salasilah raja-rajanya telah pun diterbitkan dalam sebuah versi lain dalam jurnal *Kesturi* yang diterbitkan oleh Akademi Sains Islam Malaysia.[1]

Minat saya membicarakan dua unsur penting yang terdapat dalam *Sejarah Melayu*, iaitu unsur sejarah dan mitosnya, adalah kerana telah berlaku sekarang ini kecelaruan fikiran dalam kalangan masyarakat dari segi memahami erti sejarah dan menentukan, sama ada sesuatu peristiwa

yang didakwa sebagai sejarah itu bukan berupa rekaan sebuah mitos. Misalnya, benarkah kerajaan negeri Melaka telah diasaskan pada tarikh 1262 M.? Betulkah petualangan Hang Tuah [*sic*] itu benar-benar terjadi? Bahkan, benarkah manusia yang dinamakan Hang Tuah itu wujud?

Dalam buku ini saya menghidangkan, baik secara langsung mahupun tidak langsung, beberapa pandangan tentang karya *Sulalat u's-Salatin*, kitab klasik Melayu yang dianggap "buku sejarah" oleh setengah-setengah sejarawan Malaysia. Bahkan, pandangan golongan ini terhadap wira mitos Hang Tuah [*sic*] pun sebetulnya banyak dibentuk oleh pengetahuan mereka yang bersumberkan *Hikayat Hang Tuah*. Karya ini tidak syak lagi ialah karya besar orang Melayu. Kesannya berleluasa sampai kini walaupun pengarang bijaksana *Hikayat Hang Tuah* itu hanya memanjangkan episod dan mengembangkan watak dalam *Sejarah Melayu* dan cerita Panji, sehingga berhasil menjadikannya sebuah epik fiksyen yang agung.

Diharapkan perbahasan tema tentang erti sejarah dan takrif mitos dengan menggunakan *Sejarah Melayu* sebagai bahan kajian, akan dapat merangsang minat para pelajar terhadap sejarah masa silam negara ini, dan semoga mereka yang berminat itu mencari jalan untuk menyelongkar dan melakukan penyelidikan terhadap ratusan manuskrip lama dalam tulisan Jawi yang tersimpan di gedung-gedung perpustakaan dan arkib dalam dan luar negara, demi menambah, kalaupun tidak memperkayakan lagi pengetahuan masyarakat Malaysia tentang masa silam yang disebut sejarah itu.

Universiti Malaya Selasa, 4 Rabi'ul-awal 1437
15 Disember, 2015 Tahun Dal Awal [د]

1 Lihat *Kesturi* jilid 23 (2) keluaran Jun - Disember 2013.

SENARAI SINGKATAN

Cod. Orient.: Code Oriental
dlm.: dalam
f.: folio
HCWP: Hikayat Cekel Waneng Pati
HHT: Hikayat Hang Tuah
HSR: Hikayat Seri Rama
Hlm.: halaman
JMBRAS: Journal of Malayan [Malaysian] Branch Royal Asiatic Society
KITLV: Koninkijk Instituut voor Taal-, Land- en Vokenkunde
M.: Masihi
MS.: Manuskrip
S.M.: Sebelum Masihi
Sansk.: Sanskrit
r.: menjadi raja
t.t.: tanpa tarikh
V.O.C: Vereenigde Oost Indische Compagnie (Syarikat Hindia Timur Belanda)

PENGHARGAAN

Buku ini tidak mungkin terhasil dalam bentuknya sekarang ini jika tiada orang yang sudi membantu saya melaksanakan kerja saya. Saya dengan ikhlas ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada individu dan pihak yang telah banyak menyumbang ke arah menyempurnakan penerbitan buku ini. Terima kasih khas saya tujukan kepada para petugas perpustakaan Universiti Malaya, terutamanya para pustakawan di Perpustakaan Pusat, Perpustakaan Peringatan Za'aba, perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik, dan perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, semuanya bertempat di Universiti Malaya. Saya juga terhutang budi kepada Profesor Madya Dr. Victor Pogadaev dari Fakulti Bahasa dan Linguistik kerana telah dengan baik hati menunjukkan kepada saya sebuah naskhah tesis Ph. D. sarjana Rusia, Prof. Dr. E. V. Revunenkova yang memuatkan faksimile naskhah *Sulalat u's-Salatin* tahun 1798 milik Krusenstern. Naskhah *Sejarah Melayu* yang kini tersimpan di Arkib Institut Manuskrip Oriental di Saint-Petersburg inilah salah sebuah sumber utama yang telah saya manfaatkan untuk kajian ini. Terkaitkan dengan hal ini saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Yayasan Karyawan dan terima kasih ikhlas kepada penerajunya, Tun Ahmad Sarji dan Datuk Zainal Abidin Borhan, kerana memprakarsai penerbitan karya saya tentang *Sulalat u's-Salatin* versi Krusenstern tersebut.

Saya pun ingin merakamkan penghargaan kepada Dr. Henri Chambert-Loir yang berada di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya sebagai Felo Penyelidik (2014-2015). Beliau pun secara jujur telah membaca makalah yang saya jadikan bab ke-6 dalam buku ini dan memberikan kritikan dan saranan bermutu kepada saya. Kepada kawan-kawan yang sering saya ajak berbincang tentang isu-isu ilmiah yang kontroversial, saya juga merakamkan penghargaan walaupun nama mereka tidak tercatat di sini.

Terakhir, tetapi bukannya kurang penting, saya ungkapkan penghargaan dan terima kasih saya kepada isteri saya Aysha Khalid dan

anak-anak, serta cucu-cucu saya yang dikasihi, yang tetap menjadi penyokong utama dan sumber inspirasi untuk saya terus berusaha.

Ahmat Adam

ORTOGRAFI

Untuk membuat transliterasi dari Jawi ke Rumi ejaan Ruminya adalah mengikut sistem ejaan Indonesia-Malaysia pasca-1970. Walaupun demikian, dalam kes tertentu ejaan lama telah digunakan bagi tujuan mentransliterasikan huruf Arab, seperti ‘ayn [ع]. Huruf Arab Jawi yang dirumikan adalah seperti yang berikut:

ا	a
ب	b
ث	th
چ	c
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s

ش	sy
ص	ṣ
ع	‘
ط	ṭ
ف	f/p
ق	q/k
ک	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	t

Konsonan Melayu ditransliterasikan seperti berikut:

ڠ	ng
	ny

Untuk perkataan Sanskrit dan Jawa kuno (Kawi), huruf Jawi yang digunakan telah ditransliterasikan dengan huruf yang berikut:

ش	ś
ي	y
و	w
ن	n
ب	bh
ڠ	ŋ
ا	ā
ĕ	seperti dalam kata Mĕru
é	seperti dalam kata perak

Bab I

APAKAH SEJARAH?

Sejarah secara ringkas, ialah rakaman peristiwa masa lalu. Setiap orang mempunyai ingatan yang berupa pengalaman dirinya. Melalui ingatannyalah dia mengenali dirinya. Bagi sesuatu bangsa pun peringatan terhadap pengalaman bangsa itu sebagai suatu kumpulan merupakan sejarah yang dikongsinya bersama. Jadi, sejarah ialah peringatan pada pengalaman berkelompok manusia. Manusia tanpa sejarah tidak mungkin dapat dikatakan beradab kerana tanpa sejarah kita tiada mempunyai pengetahuan tentang siapa sebenarnya kita, dan bagaimana kita muncul. Seseorang itu memerlukan pengetahuan sejarah walau sedikit mana sekalipun jika dia ingin tahu akan persekitaran dunia yang didiaminya. Hanya setelah mengetahui sejarah persekitarannya atau dunianya itu baru dia dapat menyesuaikan dirinya dan bertindak dengan bijak untuk selesa dengan persekitaran itu.

Semua bangsa mempunyai daya pemikiran sejarah mereka. Sejarah mengajar manusia berfikir dengan dalam. Berfikir tentang masa silam itu sangat penting demi memahami masa kini. Berdasarkan pemerhatian teliti akan proses perubahan yang berlaku dan memikirkan cara proses itu terjadi akan membolehkan kita membuat andaian bahawa jika proses yang sama berlaku, maka akan terjadilah peristiwa tertentu pada masa hadapan. Sejarah, dengan kata lain, ialah rakaman (rekod) segala pengalaman. Untuk memahami keadaan masa kini, kita perlu mengetahui masa silam itu. Itulah sebabnya orang berkata, "Kita belajar daripada sejarah."

Dalam bentuk bertulisnya, sejarah ialah satu cabang kesusasteraan. Sejarah menghiburkan, mengingatkan, menjadi panduan dan menjelaskan siapa kita, seperti kitab *Sejarah Melayu* menurunkan salasilah raja dan bangsa Melayu. Walau bagaimanapun, ilmu sejarah sejak zaman purba lagi telah mengajar manusia agar sentiasa menceritakan yang benar. Pada abad pertama S.M., seorang pemikir Greek berkata, "Undang-undang pertama yang mesti dipegang oleh sejarawan ialah jangan sekali-kali berbohong. Yang kedua: Janganlah

sekali-kali menindas atau menyorokkan apa-apa yang benar. Prinsip menegakkan kebenaran ini sehingga kini menjadi pegangan ilmuwan. Walaupun cara dan kaedah sejarah sudah mengalami banyak perubahan, undang-undang yang disebutkan tadi tetap sama dalam mengkaji dan menulis sejarah.

Penulisan sejarah bergantung pada maklumat, iaitu sebanyak mungkin data yang diperoleh. Orang yang mula-mula mementingkan maklumat yang diperoleh daripada *interview*, dokumen dan sumber sezaman ialah Herodotus (c. 484 – c. 420 S.M.), yang hingga ke hari ini dianggap oleh orang Barat sebagai bapa ilmu sejarah. Herodotus yang hidup pada abad kelima S.M. berasal dari Halicarnasus, sebuah kota di barat daya Asia Kecil (iaitu daerah yang bernama Anatolia yang kini merangkumi negara Turki. Kawasan Anatolia dikelilingi di sebelah utaranya oleh Laut Hitam, di sebelah selatannya Laut Mediterranean, di sebelah timurnya Iran, dan di timur lautnya Caucasus, serta di sebelah baratnya Laut Aegean). Wilayah Halicarnasus walau bagaimanapun, adalah di bawah pengaruh tamadun Greek. Jadi, Herodotus seorang warga Yunani. Herodotus terkenal dengan karyanya *The Histories of Herodotus* (Sejarah-Sejarah Herodotus) yang terbit antara 430 S.M hingga 424 S.M. Tulisan Herodotus yang paling terkenal ialah tentang peperangan antara Greece dengan Parsi. Berbeza daripada tulisan sejarah pada zaman sebelum Herodotus, yang lebih bersifat mitos dan cerita tentang dewa-dewa, karya Herodotus mengambil pendekatan "baharu" yang meriwayatkan peristiwa penting zaman lampau. Akan tetapi, karya Herodotus pernah dikritik oleh sejarawan Greek yang menuduhnya sebagai berlebih-lebihan dalam pengisahan Sejarahnya. Bahkan, dia dituduh oleh ahli politik dan ahli falsafah Rom, Cicero (c.106 – 43 S.M.), sebagai pembohong. Begitu juga Thucydides yang pada abad kelima menganggap Herodotus seorang penjiplak.

Sebenarnya, Herodotus cuba memberikan sebab-musabab berlakunya Perang Parsi yang berlaku satu generasi sebelum Herodotus, yakni kira-kira 60 tahun. Untuk kajiannya Herodotus telah melakukan pengembaraan yang menyebabkan dia sampai ke negara Mesir, Syria, dan mungkin juga Babylon, dan negara di sekitar pantai Laut Hitam. Dalam perjalanannya itu dia menemui dokumen bertulis, tetapi dia tidak terlatih untuk membacanya. Namun demikian, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh para sejarawan kemudian, dan dengan bantuan bahan penemuan arkeologi dan bahasa dokumen yang tidak difahami

Herodotus, serta dengan membandingkan semuanya dengan bahan-bahan lain yang ditemukan oleh sejarawan yang terkemudian, maka para sejarawan akhirnya percaya bahawa Herodotus telah melakukan pendekatan dan kaedah sejarah yang benar dan dia tidaklah berbohong. Kemungkinan besar dia menggunakan tradisi lisan dalam melakukan penyelidikannya. Dia juga mengunjungi Greece bahagian Eropah dan tinggal beberapa lama di Athens. Dia dikatakan mati di negeri jajahan Greece, Thurii (juga disebut Thuria), sekitar tahun 444 atau 443 S.M.

Perhatian terhadap kaedah sejarah yang lebih rapi diberikan oleh Thucydides (c. 460 – c. 395 S.M.), yang pada abad kelima menulis karya sejarah terkenalnya, *Perang Peloponesia*. Thucydides menceritakan bagaimana dia telah menghimpunkan bahan kajiannya dan menyatakan ujian yang dilakukannya demi memisahkan fakta yang benar daripada ceritaan atau khayalan. Apabila dia mengutip kata-kata orang sezamannya, dia cuba memetik kata itu seakan-akan diungkapkan betul-betul oleh orang pada masa itu. Sejak masa Thucydides-lah kaedah sejarah telah digunakan oleh para sejarawan.

Bertolak daripada pendekatan dua orang sejarawan Greek inilah, maka wujud dua penanggapan sejarah yang dominan, iaitu apa yang disebut aliran moral dan politik. Herodotus, menurut orang Barat, ialah "bapa ilmu sejarah"; manakala Thucydides pula ialah "bapa mazhab realisme politik". Dia juga dianggap sebagai "bapa sejarah saintifik". Herodotus cenderung menjadikan sejarah sebagai pemberi rasa kemuliaan kepada manusia agung pada zamannya. Dia melihat jasa dan kekuatan wira agung, pendeta dan raja sebagai pengajaran moral yang mengandungi nilai yang berharga. Juga dia menganggap orang besar inilah yang membawa perubahan kepada sejarah. Namun begitu, bagi Herodotus, perkembangan sejarah yang tidak dapat dijelaskan dikatakannya sebagai kehendak atau takdir dewa-dewa. Thucydides menolak pandangan Herodotus ini. Katanya, hasrat untuk mengajarkan akhlak dan niat untuk memenuhi rasa ingin tahu adalah tidak relevan. Baginya, sejarah haruslah tidak mengandungi kepentingan peribadi. Sejarah menurut Thucydides, ialah cabang sastera didaktik yang bertujuan mengajar mereka yang inginkan pengetahuan tepat tentang masa lampau, yakni sebagai "anak kunci bagi masa depan".

Walaupun Herodotus dianggap sang pemula dalam kajian ilmu sejarah, kemajuan yang dicapai dalam aliran perkembangan ilmu itu hanya berlaku lama kemudian apabila orang terus-menerus

mempersoalkan pengertian sejarah. Kini, kita pun faham bahawa sejarah menangani isu yang melibatkan pengalaman manusia yang meliputi keseluruhan aksi manusia yang telah lepas. Sejarah juga merupakan naratif atau kisah masa lampau yang dibina waktu sekarang. Ilmu sejarah berbeza daripada misalnya, ilmu sosiologi yang menangani isu tentang hubungan manusia dan tenaga yang menentukan undang-undang yang mengatur hubungan itu. Ahli sosiologi cenderung melihat fenomena yang timbul sebagai kesan daripada hubungan manusia dari semasa ke semasa; mereka akan cuba mengkaji efek tenaga itu, seperti keturunan, iklim, ras, naluri, cara pengeluaran barang perindustrian dan idea atau buah fikiran yang dihasilkan. Mereka pun akan cuba mengkaji sifat atau ciri khas sesuatu kelompok manusia, misalnya cara dan adat kebiasaannya, konflik yang dihadapinya, migrasi dan persoalan hubungan antara iklim dengan budaya, teknologi dan seni, hidup di kota dan jenayah, dan sebagainya. Pandangan yang sama juga terdapat dalam kalangan ahli antropologi, walaupun mereka sebenarnya lebih mengutamakan masyarakat *preliterate*, iaitu yang belum celik huruf. Akan tetapi, penganut falsafah sejarah tidak berminat pada butiran yang rinci tentang kehidupan manusia secara berkumpulan. Ahli falsafah sejarah juga tidak berminat mengkaji kumpulan tertentu dan perkara yang ada hubungan dengannya. Sebaliknya, ahli falsafah sejarah lebih prihatin terhadap perjalanan hidup manusia secara keseluruhannya dan justeru, masalah besar bagi ahli falsafah sejarah adalah untuk mengetahui sifat perubahan dalam sejarah manusia. Seyogia juga disebutkan, sejarawan berbeza daripada ahli arkeologi yang lebih terlibat dengan artifak dan relik warisan. Bagi sejarawan, testimoni atau kesaksian yang didapati daripada dokumen bertulis lebih penting.

Apakah Falsafah Sejarah?

Istilah falsafah sejarah memberikan makna penyelidikan kritis terhadap sifat pemikiran sejarah. Falsafah sejarah ialah aspek teoretikal ilmu sejarah yang merupakan analisis terhadap beberapa tatacara sang sejarawan serta perbandingan yang dibuat terhadapnya dengan tatacara yang diamalkan oleh disiplin ilmu-ilmu yang lain – khasnya sains semula jadi. Oleh sebab itu, falsafah sejarah ialah suatu cabang kepada teori ilmu pengetahuan atau apa yang dinamakan epistemologi. Falsafah sejarah terbahagi kepada dua: falsafah sejarah kritis dan falsafah sejarah spekulatif. Munculnya falsafah sejarah berasal daripada usaha manusia

untuk mencari jawapan yang memuaskan untuk dua pertanyaan asas: Mengapakah sesuatu perkara itu berlaku? Dan bagaimanakah perkara itu terjadi? Manusia mula-mula melihat sejarah dengan mengungkapkan penceriteraan dalam bentuk mitos. Dalam dunia Kristian Barat, ahli-ahli sejarah menganggap asal-usul kejadian alam, seperti yang diungkapkan dalam kitab Injil sebagai mitos. Mitos sebagai alat mengungkapkan sejarah juga digunakan oleh masyarakat-masyarakat lain, termasuk masyarakat Melayu. Misalnya, dalam naskhah *Sejarah Melayu*, dikatakan asal-usul raja-raja Melayu adalah daripada keturunan Iskandar Dhulkarnain dan politi dan budaya siasah Melayu itu bermula di Bukit Siguntang Mahamĕru.

Falsafah Sejarah dari Sudut Pandangan Keagamaan

Pada Zaman Klasik Eropah yang sangat menekankan keunggulan agama Kristian, para penganut falsafah sejarah spekulatif menganggap peristiwa tertentu berlaku kerana keruntuhan akhlak manusia. Menurut mereka, peristiwa masa lalu itu ada rentetan atau ekorannya yang merupakan satu gerak evolusi. Evolusi berlaku atas ketentuan atau takdir Tuhan. Pada Zaman Pertengahan Eropah, falsafah sejarah yang demikian itu menganggap proses sejarah berlaku sekali. Menurut pandangan Kristian, sejarah mengarah kepada tujuan terakhirnya, iaitu kerajaan Tuhan yang wujud. Pandangan ini didukung oleh Saint Augustine (354 – 430 M.). Proses sejarah dilihat sebagai mempunyai bahagian awal, tengah dan akhir. Pada awalnya, dunia dan manusia dicipta oleh Tuhan. Menurut doktrin ini, lantaran dosa yang diwarisi manusia, maka proses kehidupan manusia ditentukan oleh cara hidup mereka. Manusia lahir dalam dosa (kisah Nabi Adam mengikut pemahaman Kristian), tetapi memiliki pengetahuan tentang baik dan buruk. Arus kemajuan manusia ditentukan oleh apa yang disebut Saint Augustine sebagai *the city of God* yang berpusat pada gereja dan *the city of Man* yang berpaksikan kebendaan duniawi manusia. Antara awal dengan akhir sejarah turunlah Jesus Kristus, yakni penjelmaan Anak Tuhan sebagai manusia. Dialah merupakan pusat rancangan Tuhan dalam perjalanan sejarah. Jesus dianggap sang penyelamat atau pembebas manusia yang jatuh kerana dosa mereka. Oleh yang demikian, pandangan di Eropah terhadap ilmu sejarah sangatlah diwarnai oleh doktrin agama Kristian.

Dalam Islam pun falsafah sejarahnya menyatakan bahawa apabila manusia mengingkari perintah Allah, maka bala akan diturunkan. Islam yang dalam beberapa hal hampir sama dengan agama Kristian, ialah agama Samawi (Semitik) yang percaya kepada *revelation* (wahyu), di samping *reason* (akal). Demikian juga agama Hindu yang percaya kepada kandungan Veda sebagai wahyu. Ahli-ahli falsafah Islam, seperti al-Razi (865 – 925 M.), seorang doktor perubatan dan ahli falsafah Islam bangsa Iran, misalnya memetik kata-kata orang Sufi bahawa jalan ke arah penyempurnaan rohani hanya dapat dicapai atas dasar keikhlasan manusia terhadap *al-Haqq*, yakni kebenaran Ilahi dan kasih sayang antara manusia. Dalam pandangan Islam, manusia berfungsi sebagai pemegang amanah yang mempunyai tanggungjawab moral atas semua fikiran dan perbuatan mereka. Al-Quran mengajarkan bahawa kejahatan dalam apa-apa bentuk pun akan membawa kehancuran kepada sistem hidup manusia. Contoh yang diberikan ialah tentang kebangkitan dan kemerosotan sesebuah tamadun dalam sejarah yang memperlihatkan kesemuanya berakhir dengan keruntuhan kerana manusia ingkar terhadap ajaran Tuhan. Jadi sejarah, menurut Islam, mengajarkan bahawa kuasa politik tidak boleh diberikan kepada orang jahat atau munafik kerana pada akhirnya masyarakat akan dirugikan oleh bala yang ditimpakan Tuhan. Proses sejarah menurut Islam adalah untuk menapis dan meminggirkan yang jahat daripada yang baik.

Pada abad ke-14 Abdul Rahman bin Muhammad Ibn Khaldun (1332 - 1406 M.) telah pun meletakkan prinsip dan falsafah sejarah yang menekankan kebenaran sejarah dan apa yang disebut falsafah rasionalis oleh orang Eropah sekitar tiga abad kemudian. Ibn Khaldunlah yang mula-mula menekankan sejarah sebagai suatu sains yang tulen yang berdasarkan prinsip falsafah. Sejarah katanya, melibatkan spekulasi dan merupakan percubaan untuk mencari kebenaran. Sejarah membabitkan penerangan yang halus tentang sebab dan asal-usul keadaan yang ada pada masa kini. Dialah orang pertama yang meletakkan asas kaedah pragmatis dan menjadikan evolusi sosial sebagai sasaran atau objek penyelidikan sejarah. Sejarah memerlukan huraian tentang bagaimana dan mengapa berlakunya peristiwa. Kata Ibn Khaldun, "Sejarah bukanlah semata-mata pengetahuan fakta, tetapi juga mengandungi prinsip masyarakat manusia." Dia pun menasihatkan sejarawan untuk mengkaji zaman silam demi memahami zaman kini. Ibn Khaldun jugalah yang lebih jelas menekankan perlunya sikap tidak memihak apabila sejarawan

menulis sejarah. Dia menekankan pentingnya melihat sumber dan menggunakan data yang sahih.

Falsafah rasionalis yang menekankan penaakulan atau penggunaan akal telah berkembang dan terhimpun di Eropah pada abad ke-17 dan ke-18. Orang pertama yang mencipta cabang ilmu yang disebut falsafah sejarah ialah Giovanni Battista Vico, iaitu ahli falsafah Itali (1668 – 1744), tetapi tulisannya hampir tidak dipedulikan orang pada zamannya. Pada tahun 1784, telah terbit buku Herder (1744 - 1803),[2] *Idea untuk Suatu Falsafah Sejarah bagi Manusia*. Karya ahli falsafah sejarah terkenal Hegel (1770 – 1831) pula telah terbit pada tahun 1837 dengan tajuk "Kuliah Tentang Falsafah Sejarah". Akan tetapi, pemikiran falsafah sejarah pada tempoh ini masih bersifat spekulasi metafizika. Tujuannya adalah untuk mendapat pemahaman tentang haluan sejarah secara menyeluruh. Maksudnya, adalah untuk menunjukkan bahawa ilmu sejarah boleh dianggap sebagai satuan yang merangkumi satu pelan yang boleh menampakkan satu haluan yang terperinci bagi kejadian yang boleh dinyatakan sebab kejadian itu berlaku. Pelan yang dimaksudkan ini ialah bahawa satu-satu perisitiwa itu berlaku kerana ada kuasa ghaib yang menjadikannya berlaku. Hegel menamakannya Roh. Bagi Hegel, perkembangan sejarah ditentukan oleh takdir. "Dalam sejarah budaya sosial," kata Hegel, "setiap zaman melambangkan satu kesatuan. Ciri politik, ekonomi, estetika dan nilai budaya, serta ciri intelektual dan keagamaannya merupakan fasa atau aspek penghidupan yang menyeluruh. Melalui aspek atau fasa itulah wujud satu struktur yang jelas, iaitu mudah difahami.

Akan tetapi, hanya pada abad ke-19, falsafah sejarah mengalami polemik yang hebat dan melahirkan pemikiran sejarah yang moden. Bermula dari masa itu pemikiran sejarah, seperti juga ilmu falsafah yang lain, menekankan *scientific inquiry*, yakni mencari kebenaran secara saintifik. Dalam perdebatan tentang perkara ini, para pemikir menolak persepsi yang mengatakan manusia cuba menolak hujah bahawa sesuatu itu berlaku hanya kerana secara kebetulan. Kata mereka, tentulah sesuatu itu terjadi kerana ada kuasa yang merancang. Pada mulanya manusia hanya mampu memberikan sebab-musabab sesuatu itu berlaku dengan cara yang naif. Tetapi, lama kelamaan dengan daya penaakulan, manusia mula menghuraikan kejadian yang berlaku berdasarkan analisis, iaitu menurut apa yang kita sebut kaedah sejarah.

Timbul juga dalam kalangan para pemikir itu bahawa sejarah tidak mungkin merupakan rentetan peristiwa yang terjadi secara kebetulan. Tidak mungkin sesuatu itu berlaku semata-mata "*by chance*". Mesti ada sesuatu yang mengawal – satu peraturan alam – yang mengawal sejarah sesuatu peristiwa. Kehidupan manusia tentulah mempunyai tujuannya. Orang yang berjiwa agama mengatakan sesuatu itu berlaku bukan tanpa dirancang oleh suatu kuasa ghaib, Oleh itu, timbul spekulasi tentang kejadian yang berlaku. Yang bersifat spekulatif ini merupakan satu daripada bidang falsafah sejarah. Bidang yang kedua ialah yang disebutkan bidang kritikal.

Dalam bidang spekulatif di mana ada percubaan untuk mencari sesuatu pola dalam pengalaman manusia, ahli falsafah selalunya melihat satu unsur *a priori* (berasaskan deduksi teori dan bukan pemerhatian empiris). Sejak Georg Wilhelm Friedrich Hegel,[3] mereka telah tidak lagi menghiraukan bidang ini. Akan tetapi, bidang kritikal atau analitikal yang menekankan konsep kebenaran dan fakta dalam sejarah, sangat menarik perhatian dan minat ahli falsafah. Kecenderungan mereka menangani perkara ini adalah untuk menerima pakai konsep logik saintifik terhadap sejarah. Terkait dengan ini ialah konsep objektiviti dalam sejarah. Seseorang sejarawan perlu mengelakkan diri daripada membuat propaganda.[4] Dia perlu membezakan yang mana sejarah dan yang mana propaganda. Satu istilah yang harus difahami oleh setiap penuntut sejarah ialah sikap tidak memihak atau *impartiality*.

Falsafah Sejarah dan Aliran Materialisme

Dalam kalangan sejarawan terdapat anggapan bahawa ada pola dalam aliran sejarah pada zaman lampau. Pola inilah yang dilihat seolah-olah berlaku berulang-ulang. Sejarawan yang meyakini perkara ini melihat adanya trend atau proses sejarah apabila suatu kejadian yang berlaku akan diekori oleh kejadian yang lain seolah-olah dalam satu rangka yang logik. Penganut doktrin komunisme percaya bahawa masyarakat berubah dari peringkat feudal ke tahap pembentukan kelas perdagangan dan industri yang disusuli sistem kapitalis dan membawa kepada peringkat manusia mencetuskan pertentangan kelas dan akhirnya melahirkan apa yang disebut oleh kaum Marxis sebagai kediktatoran proletariat. Dengan kata lain, falsafah sejarah yang bersifat Marxis melihat trend atau kecenderungan haluan sejarah manusia menjurus akhirnya ke arah pembentukan sebuah masyarakat komunis yang tidak

berkelas (*classless society*). Menurut Karl Henrich Marx (1818-1883), faktor yang menggerakkan aktiviti manusia ialah ekonomi. Sejak akhir abad ke-19, idea Marx telah membawa pengaruh yang sangat besar dalam penulisan sejarah. Pendekatan sejarawan yang beraliran Marxis berpijak pada teori sejarah Marx yang berasaskan minatnya dalam sejarah perindustrian dan politik serta idea yang dikongsinya bersama-sama sahabatnya, Friedrich Engels. Teori Marx telah menjadi dasar kepada idea yang disisipkannya ke dalam *Manifesto Komunis* yang digubalnya dan terbit pada tahun 1848. Idea *fundamental* dalam pemikiran Marx ialah tanggapannya tentang dialektik materialisme. Materialisme yang dimaksudkan Marx ialah bahawa alat pengeluaran (*means of production*) yang berkaitan dengan ekonomi merupakan dorongan utama yang mempengaruhi sejarah. Menurutnya, struktur ekonomi dan alat pengeluaran telah berubah bentuk dari sifat nomadiknya kepada bentuk feudal dan akhirnya kapitalis. Ditegaskan oleh Marx juga ialah bahawa perubahan ekonomilah yang merangsang dinamika sejarah kerana pemilik alat pengeluaran berkemampuan menguasai negara serta mengawal sistem perundangan dan pemerintahan.

Akan tetapi, Marx bukanlah pencipta asal konsep sejarah yang berdasarkan materialisme. Dia hanya melanjutkan falsafah Hegel. Jika Hegel menyatakan bahawa perubahan dalam dunia kebendaan (material) yang sebenar hanyalah refleksi kemajuan atau *progress* dan perkembangan Roh Dunia, Marx sebaliknya menyatakan dengan tegas tentang realiti dunia luar dan menyatakan bahawa cita-cita unggul dan konsep kesejahteraan yang dipegang manusia merupakan hasil daripada persekitaran ekonomi kebendaan dan perubahan yang berlaku padanya. Konflik antara lawan (*opposites*) berlaku bukan dalam alam pemikiran, seperti yang dihujahkan oleh Hegel, tetapi sebaliknya berlaku dalam dunia sebenar tentang hal yang melibatkan manusia melalui perubahan ekonomi dalam struktur ekonomi sesebuah masyarakat.

Bagi sejarawan beraliran Marxis, pentafsiran sejarah yang tidak mengambil kira faktor material atau barangan atau kebendaan bukan analisis sejarah yang tepat. Kendati demikian, upaya menjawab soalan apakah faktor yang menjadi pendorong sejarah bukanlah benar-benar bersifat falsafah. Hal ini justeru demikian kerana seseorang sejarawan perlu melihat semua faktor yang kait-mengait yang menggerakkan sejarah. Teori pentafsiran sejarah yang bersifat Marxis hanya boleh

dianggap berunsur falsafah jika kita mengandaikannya sebagai satu aliran yang menuju kebenaran. Sejarawan Marxis memang menganjurkan pendekatan sejarah yang berasaskan prinsip materialisme sejarah, iaitu apa yang disebut dialektik *historical materialism*.

Falsafah Sejarah

Mengikut takrifnya, falsafah sejarah ialah istilah bagi dua kumpulan permasalahan falsafah, iaitu bahawa sejarah itu mengandungi bahagian yang spekulatif dan bahagian yang analitis. Sejarah analitis menganuti falsafah sejarah yang kritis atau *critical philosophy of history*. Yang disebut masalah *critical philosophy of history* tergolong dalam empat jenis, iaitu:

1. Sejarah dan bentuk-bentuk pengetahuan lain.
2. Kebenaran dan fakta sejarah.
3. Keobjektifan sejarah.
4. Penjelasan dalam sejarah.

Yang pertama itu merangkumi soalan atau pertanyaan tentang sifat atau *nature* pemikiran sejarah. Apakah sejarah dan apakah hubungannya dengan cabang-cabang ilmu yang lain? Yang menjadi isunya, sama ada pengetahuan sejarah adalah *sui generis*, yakni aneh, unik, atau bersifat khusus ataupun adakah seperti pengetahuan yang diterokai dalam bidang sains semula jadi atau pengetahuan *perceptual* yang ditanggapi melalui deria. Pandangan yang sering diterima ialah bahawa Sejarah dikaitkan dengan pengetahuan yang ditanggapi, yakni pengetahuan yang diraih melalui pencerapan. Yang dimaksudkan dengan pengetahuan ialah perkara ilmu atau sains. Sains menghendaki pembuktian dalam memastikan kebenaran tentang sesuatu. Pembuktian itu diuji melalui penyelidikan. Penyelidikan ialah kaedah ilmu moden untuk merungkaikan permasalahan, membentuk teori, membuat *discovery* atau membuat ciptaan atau *invention*. Tujuan penyelidikan adalah untuk menemui pengetahuan baharu, memperkembangkan pengetahuan dan memperbetulkan pengetahuan. Penyelidikan memberikan sifat maju dan dinamik Ilmu -- yakni sains – demi mencari dan memberikan pengetahuan yang benar.

Perbincangan yang bersifat ilmiah tentang kaedah sejarah yang saintifik telah dimulakan oleh ilmuwan Jerman-Yahudi bernama Ernst Breinheim (1850 – 1942), yang menerbitkan karyanya, *Lehrbuch der Historischen Methode Und der Geschisphilosophie* (Buku Teks Kaedah dan Falsafah Sejarah) pada tahun 1889. Sejak itu, semakin banyaklah orang

menulis kaedah sejarah. Intisari tulisan ini adalah bahawa sejarah memerlukan pendekatan yang menggunakan kaedah sejarah yang analitis atau *historical analysis.* Secara ringkas, kaedah ini mengemukakan empat langkah penting, iaitu:

1. Pemilihan subjek yang ingin ditelaah (diselidiki).
2. Pengumpulan sumber maklumat yang mungkin berguna tentang subjek tersebut.
3. Pemeriksaan terhadap sumber untuk memastikan kesahihan atau keasliannya, baik secara keseluruhan mahupun sebahagian sumber.
4. Pengambilan fakta yang boleh dipercayai dari sumber.

Sintesis daripada fakta tersebut disebut historiografi atau penulisan sejarah. Kaedah sejarah hanya bersifat saintifik jika saintifik dimaksudkan "mampu menentukan fakta yang boleh dibuktikan". Hal ini bermakna bahawa tugas penting sejarawan adalah untuk menyingkap dan menemukan fakta.

Apakah fakta? Fakta ialah sesuatu yang wujud atau sesuatu yang sungguh-sungguh terjadi. Fakta bagi ahli sejarah boleh ditafsirkan. Akan tetapi, tafsiran pula bersifat nisbi (relatif). Selepas sejarawan mengumpulkan fakta itu dia pun mengolah dan menyimpulkan fakta itu dalam bentuk kisah sejarah atau *historical narrative.* Naratif itu merupakan tafsiran terhadap data sejarah yang diperolehnya. Tafsiran boleh berbeza antara sejarawan yang berlainan nilai dan budaya atau pun berbeza dari segi latar belakang keagamaannya. Sistem nilai masyarakatnya boleh mempengaruhi sejarawan yang tidak objektif. Oleh yang demikian, prasangka peribadi sejarawan itu berkemungkinan mempengaruhi pentafsirannya terhadap fakta. Akan tetapi, jika perkara ini berlaku, ia menunjukkan kelemahan dalam penggunaan teori sejarah. Untuk mengelakkan perbezaan seperti ini, maka beberapa prinsip sejarah dari segi kaedah dan teorinya perlu dipatuhi. Jika tidak, tafsiran itu boleh dianggap *bias* atau tidak objektif. Objektiviti sejarah adalah maha penting dalam kaedah sejarah. Jika sejarawan mengabaikan teori, seperti *objective historical consciousness* (kesedaran sejarah yang objektif), maka tidak dapat tidak, sejarawan itu akan menyelewengkan atau membenamkan bukti demi menegakkan teori yang telah dipraanggap (*preconceived theory*). Namun demikian, ada juga sejarawan yang memegang teori perspektif, iaitu mentafsirkan sejarah mengikut pandangannya sendiri. Sejarawan yang seperti ini tentulah sukar mengamalkan objektiviti dalam membuat pentafsiran sejarah.

Kajian sejarah yang baik menunjukkan betapa sejarawan itu dilatih untuk selalu cermat atau teliti dalam membuat keputusan atau mencapai kesimpulan berdasarkan bukti. Hal ini dikatakan aktiviti intelektual. Budaya intelektual menekankan rasa ingin tahu, dan semangat untuk mencari jawapan atau sebab-musabab sesuatu yang berlaku. Dengan kata lain, semangat *inquiri* seseorang sejarawan haruslah sangat tinggi. Sejarawan yang baik juga harus bersifat analitis, dan tidak bias atau mudah memihak. Ilmu sejarah menjana daya penaakulan (*reasoning*) seseorang. Ilmu sejarah mengajar sejarawan berfikir secara objektif dan dalam perspektif yang tidak sempit. Sejarawan yang profesional tidak pernah menganggap bahawa dirinya membolot kemampuan untuk berfikir secara mendalam tentang hal-hal manusia. Sebenarnyalah, sejarah mengajar kita berpendirian kritis.

Sejarawan yang berwibawa mahu bukan sahaja menyatakan apa yang telah berlaku, tetapi juga untuk menunjukkan mengapa peristiwa itu berlaku. Sejarah bukanlah hanya rakaman peristiwa-peristiwa masa lalu, tetapi juga merupakan rekod yang penting yang berupa periwayatan yang menghubungkan kejadian-kejadian itu untuk membentuk satu penceritaan. Upaya mengaitkan atau menghubungkaitkan peristiwa-peristiwa itu sebenarnya melibatkan apa yang disebut sifat atau ciri pemikiran sejarah. Seperti ahli sains menghubungkan faktanya dengan melihatnya sebagai contoh pada hukum umum, sejarawan juga menghubung-kaitkan faktanya dan mencapai satu kesimpulan umum, misalnya situasi jenis A akan menimbulkan situasi jenis B. Oleh yang demikian, pemikiran sejarah adalah pada hakikatnya, satu bentuk pemikiran saintifik. Sejarah juga mempunyai hukumnya dan prinsip tersendiri.

Sama seperti data persepsi yang diterima pakai sebagai bahan oleh *natural scientist*, data sejarawan juga memberi sumbangan bahan kepada ahli sains sosial, yang mempunyai tugas untuk memberi pula sumbangan kepada keilmuan manusia yang serba penting. Jadi, tampaklah seolah-olah tugas sejarawan adalah mencari maklumat tentang apa yang berlaku, manakala ahli sains sosial pula untuk menerangkannya. Akan tetapi, di sinilah berakhirnya persamaan tugas itu kerana kerja-kerja sejarawan melebihi tugas mengumpulkan maklumat.

Mencari Kebenaran dan Kaedah Sejarah

Proses pemeriksaan secara kritikal dan secara menganalisis bahan rekod dan bahan bukti zaman silam yang masih ada dinamakan kaedah sejarah. Apabila zaman masa lalu itu direkonstruksi (atau dibangunkan semula) dengan cara yang imaginatif, iaitu berdasarkan data yang diperoleh daripada proses pemeriksaan teliti tadi, maka langkah ini dinamakan historiografi atau pensejarahan, iaitu perbuatan menulis sejarah. Melalui kaedah sejarah dan historiografi (kedua-duanya biasanya digabung menjadi kaedah sejarah), sejarawan pun berusaha untuk merekonstruksi (atau membangunkan semula) sebanyak mungkin gambaran zaman silam sesuatu masyarakat itu.

Tentang kebenaran dan fakta dalam sejarah, semua ahli falsafah daripada semua mazhab pemikir sejarah bersetuju bahawa fakta dan kebenaran sangat diutamakan dalam pemikiran sejarah. Bahkan, dalam konteks falsafah sejarah yang kritis juga. Satu fakta sejarah bererti bahawa fakta itu seharusnya mengandungi kebenaran. Namun begitu, harus diakui, jika dalam ilmu-ilmu lain faktanya boleh diperiksa dan kenyataan para pakar boleh diuji dan dipastikan benar-benar cocok atau sesuai dengan fakta yang ada, tetapi bagi ilmu sejarah, fakta untuk menerangkan sesuatu adalah berasaskan fakta zaman silam. Justeru itu fakta masa lampau tidak semestinya dapat diperiksa atau diuji secara langsung. Kaum sejarawan tidak dapat menguji tepat atau akuratnya sesuatu kenyataan sejarah kerana kejadian itu telah lama berlaku. Misalnya, kita tidak mungkin tahu dengan sebenar-benarnya jika Melaka pada abad ke-15 ialah sebuah kerajaan yang gilang-gemilang dan rakyatnya diperintah secara adil; kita juga boleh persoalkan pendapat yang mengatakan agama Islam mempunyai kedudukan yang unggul pada zaman itu tanpa memiliki maklumat yang cukup. Oleh yang demikian, sumber yang berbagai-bagai sangat penting. Pengkaji sejarah kesultanan Melaka misalnya, tidak cukup membataskan penggunaan bahan yang hanya diambil daripada *Sejarah Melayu*. Sumber rekod Cina, seperti *Ming Shi-lu* perlu dimanfaatkan, bahkan sumber Portugis pun perlu disemak.

Sekali Lagi Kaedah Sejarah!

Telah ditegaskan berkali-kali bahawa mencari kebenaran sejarah memerlukan bukti yang sahih. Penentuan kesahihan fakta harus bermula dengan rasa skeptik. Hal ini bererti bagi sejarawan, semua bahan bukti tidak semestinya terus diterima atau dipercayai sebagai *authentic* atau sahih. Seseorang sejarawan yang baik akan mempersoalkan dahulu,

sama ada dokumen ataupun bahan yang dikatakan sumber primer itu boleh dipercayai. Sains atau ilmu itu biasanya bermula dengan keraguan. Seorang ilmuwan meragukan pendapat tentang sesuatu perkara tanpa dukungan bukti. Justeru, seseorang itu akan terdorong untuk menyelidik tanpa prejudis. Dalam penyelidikan mana-mana cabang ilmu, penyelidikan dilakukan atas dasar fakta semata-mata. Kaedah ilmiah ialah kaedah kajian yang dilakukan secara hati-hati dan lengkap atas semua maklumat yang diperoleh untuk menjawab sesuatu permasalahan. Kesimpulan akan dibuat berdasarkan bukti yang ditemui dan bukti itu mestilah meyakinkan. Daripada kesimpulan yang dirumuskan, penyelidik itu mencipta satu teori atau hukum tentang permasalahan yang dihadapi. Teori atau hukum merupakan serangkaian pengertian yang memberikan kefahaman tentang permasalahan yang diselidiki. Jadi, sejarawan harus selalu bersikap kritis. Kesahihan fakta sejarah mestilah dipastikan terlebih dahulu dan bukan diterima bulat-bulat tanpa kritik. Hal ini termasuk karya yang berupa hasil pemikiran sejarawan lain, dan juga kenyataan yang dibuat pada mula-mulanya baik oleh orang tertentu mahupun yang terdapat dalam sesuatu sumber.

Sejarah ialah sumber inspirasi untuk kita melahirkan gagasan, fikiran dan idea untuk memperbaiki keadaan masa kini dan masa akan datang. Peristiwa dalam sejarahlah yang telah menggerakkan emosi, nilai dan cita-cita unggul yang menjadikan hidup ini bermakna. Kita mempunyai tradisi atau warisan kebudayaan kerana sejarah. Walau bagaimanapun, tidak semua zaman silam itu mempunyai rekod atau artifak yang terselamat daripada kehancuran untuk dijadikan bukti sejarah. Bahan tertulis yang ada pun kadang-kadang sangat sedikit untuk dijadikan bahan penulisan sejarah. Keseluruhan sejarah silam atau apa yang disebut sejarah, seperti yang sebenarnya berlaku hanya dapat diketahui melalui rekod yang terselamat. Namun demikian, seorang sejarawan yang berwibawa tidak akan mereka cipta sejarah, tetapi sebaliknya mencerakinkan peristiwa yang diselidikinya itu dengan berdasarkan pengetahuan umum dan pengalaman hidupnya. Kita ambil contoh sejarah kejatuhan Melaka. Kita mungkin boleh bertanya: Mengapakah dengan mudah – iaitu dalam tempoh lebih kurang sebulan sahaja – Melaka alah di tangan Portugis? Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kekalahan itu? Mengapakah kita mengkaji faktor-faktor itu? Apakah yang dapat dipelajari daripada sejarah?

Sehubungan dengan masalah falsafah sejarah yang dibincangkan lebih awal di atas, sejarawan bukan sahaja diingatkan agar memberi perhatian kepada kebenaran dan fakta sejarah dan keobjektifan sejarah, tetapi juga harus memberikan penjelasan dalam sejarah. Hal ini ada kaitannya dengan tugas utama sejarawan, yakni untuk memberikan keterangan sejarah. Kita tahu bahawa sejarah ialah naratif tentang tindakan masa lampau. Penceritaan itu disusun sedemikian rupa hingga boleh menampakkan bukan sahaja apa yang berlaku, tetapi juga mengapa peristiwa itu berlaku. Terkait dengan penjelasan sejarah ialah persoalan pendekatan sejarah.

Pendekatan Sejarah

Objek utama semua sejarawan ialah untuk mengkaji zaman silam manusia. Akan tetapi, apakah jenis pemahaman yang ingin dijadikan sasarannya? Ada dua pendekatan yang boleh diambil. Pertama, sejarawan itu hanya menumpukan perhatiannya pada menghuraikan dengan tepat tentang apa yang sebenarnya berlaku. Hal ini bermakna dia hanya membina satu penceritaan tentang kejadian masa lampau. Kedua, sejarawan itu meneroka lebih daripada sekadar menceritakan peristiwa silam, iaitu bukan untuk menyatakan apa yang telah terjadi sahaja, tetapi menjelaskan peristiwa yang terjadi. Jadi, naratif yang kedua itu lebih signifikan atau lebih unggul jika dibandingkan dengan naratif yang bersifat *plain* atau hambar sahaja. Perbezaan yang ketara ialah antara satu pengisahan yang bersahaja dengan penceritaan yang bertaraf ilmu. Kajian sejarah memerlukan latihan yang berterusan dalam mengenali hubungan hal yang rinci dengan yang umum berdasarkan generalisasi. Data yang banyak harus disusun dan dibuat klasifikasinya. Sejarah mengajar orang mempelajari bagaimana mencari maklumat yang relevan dan bagaimana menggunakannya untuk menyelesaikan masalah. Penyaringan data sejarah yang banyak sangat perlu diberikan perhatian. Bukan semua yang harus diutamakan, tetapi data yang penting adalah berguna untuk membina kefahaman.

Pendekatan sejarah pun mementingkan dimensi masa. Seorang sejarawan harus ada *sense of time* (kesedaran waktu). Kesedaran ini akan sentiasa mengingatkannya bahawa masa kini ialah hasil atau produk masa lampau. Sesuatu yang dibicarakan mestilah dalam konteks waktunya. Misalnya, dalam mitos tentang wira Hang Tuah [*sic*, Hang Tuha] dan Hang Jebat, siapakah yang sepatutnya memenuhi syarat wira

jika sistem nilai masyarakat Melayu abad ke-15 dijadikan sebagai ukuran? Perspektif sejarah melihat sesuatu itu dalam konteks masanya.

Sejarah dan Pertimbangan Moral

Penulisan sejarah tidak pernah terlepas daripada membuat pertimbangan moral (*moral judgement*). Akan tetapi, jika disiplin sejarah mahu diangkat sebagai ilmu yang mematuhi jalur yang saintifik, para sejarawan amat perlu mengelakkan diri daripada membuat *moral judgement*. Contohnya, apabila kerajaan Melaka abad ke-16 dikatakan tumbang kerana rajanya zalim, maka dakwaan itu merupakan satu pertimbangan moral. Sesuatu kejadian dalam sejarah berlaku kerana sebab-sebab yang terbukti berlaku. Rekod sejarah bukanlah semata-mata susunan beberapa peristiwa, tetapi merupakan rakaman tindak-tanduk manusia, tentang apa yang mereka cuba buat, tujuan mereka bertindak dan faktor yang mendorong mereka melakukan tindakan itu, serta matlamat yang menjadi sasaran dalam tindakan mereka.

Seyogia diingatkan, sejarah ibarat gudang simpanan nilai-nilai kemanusiaan, aspirasi dan penghimpunan segala usaha, pengalaman, harapan dan pencapaian manusia yang secara beransur-ansur telah membawa peradaban kemanusiaan. Sebagai sebuah kumpulan sejarawan belumlah lagi membiarkan latihan kritis yang mereka peroleh menggugat kemampuan untuk menjadi terlibat dengan nilai-nilai dan sebab-sebab yang mereka anggap patut mereka libatkan diri. Pendekatan sejarah menuntut kaum sejarawan mengakui bahawa nila-nilai kemanusiaan tidak berasaskan satu sistem nilai yang standard yang mudah dilihat, tetapi sebaliknya ia bersifat rencam dan beraneka, dan berubah-ubah mengikut masa dan tempat. IImu sejarah membina kesedaran adanya *relativity* terhadap nilai. Untuk menentukan, sama ada sesuatu itu dikatakan baik ataupun jahat, maju ataupun mundur, pertimbangan haruslah dibuat dalam konteks atau sehubungan dengan keadaan masa dan tempat. Contohnya, kita boleh bertanya: Apakah pemerintahan berbentuk despotik atau kuku besi itu buruk melulu? Atau kita boleh bertanya: Adakah undang-undang yang diperkenalkan oleh kolonialisme di Malaysia pada abad ke-19 dan ke-20 buruk semuanya? Bolehkah sejarawan melihat atau menimbang perubahan dibawa oleh kolonialisme dari sudut upaya membawa pemodenan ekonomi sesebuah negara? Tentulah gagasan penjajahan itu banyak kesan buruknya, tetapi jika sejarawan mahu mengelakkan daripada membuat *moral judgement*, maka

isu ini memerlukan perbincangan yang *neutral*. Dengan kata lain, sejarah menuntut sejarawan melihat dari sudut yang tidak berat sebelah, yakni tidak menghakimi sesuatu tanpa mengambil kira sifat relatifnya keadaan, masa dan tempat.

Kajian Naskhah

Ahli sejarah boleh memberikan bukti berdasarkan tinggalan sejarah, seperti dokumen atau wang logam, artifak arkeologi dan bangunan. Berdasarkan bukti sejarahlah para sejarawan membuat konstruksi sejarah masa silam. Tanpa bukti, perkara ini tidak boleh dikatakan sejarah, tetapi sekadar agak-agakan sahaja. Pendirian sebegini boleh dikaitkan dengan teori yang mementingkan kebenaran sejarah. Dengan demikian, adalah menjadi tanggungjawab sejarawan untuk menggunakan semua bukti yang dapat diperoleh apabila membuat satu-satu kenyataan, tetapi sejarawan juga mesti memilih dan menentukan bahan yang mana dikatakan *authentic*. Hal ini justeru kerana ada dokumen yang palsu dan ada pula yang bukan sengaja dipalsukan. Ada dokumen yang bersifat salinan daripada dokumen asal yang telah hilang buat selama-lamanya. Penyalin dokumen itu telah menginterpolasi beberapa bahagian dalam dokumen asal ataupun mencampuradukkan fakta yang diambilnya. Ada pula dokumen yang berupa karangan berdasarkan cerita lisan yang ditulis kemudian daripada tempoh sesuatu peristiwa itu berlaku. Misalnya, baru-baru ini, ada dakwaan kononnya sebuah dokumen abad ke-19 telah ditemui yang mendeskripsikan keris Taméng Sari.[5] Menurut dakwaan orang yang tidak kritis terhadap penggunaan sumber sejarah, dokumen ini telah ditulis dalam abad ke-19, iaitu lebih 300 tahun selepas Melaka ditakluki oleh Portugis. Bagaimanakah orang mudah percaya kepada cerita rekaan seperti ini, sedangkan bukti tidak ditemui oleh sang penulis yang mendakwa keris itu ialah keris Taméng Sari? Bertambah mengkhayalkan lagi dongeng ini apabila dikatakan juga keris Hang Jebat pun telah ditemui, sama seperti dakwaan palsu tentang penemuan kubur Hang Tuah [*sic*], Hang Jebat dan Hang Kesturi di Melaka.

Satu jalan keluar untuk menyelesaikan masalah kerumitan mengenal pasti manuskrip atau teks sesebuah manuskrip yang lebih boleh dipercayai naratifnya adalah dengan kesediaan para sejarawan menggunakan kaedah kritikan teks dan kajian perbandingan antara teks yang telah pun digunakan oleh para pengkaji kesusasteraan tradisional

Melayu. Langkah pertama adalah memastikan bila manuskrip itu ditulis. Jika ternyata manuskrip itu bukan dihasilkan pada zaman yang kontemporari, yakni bukan pada masa peristiwa itu berlaku, seperti manuskrip mengenai keris Tameng Sari itu, maka jelaslah sumber ini tidak boleh digunakan. Akan tetapi, kita pun sedar bahawa dalam penulisan manuskrip tradisional, manuskrip itu disalin dari semasa ke semasa dan oleh orang yang berbeza-beza; maka cara yang baik untuk mencari naskhah yang terawal adalah dengan mengumpulkan sebanyak mungkin salinan yang terdapat, seperti mengumpulkan teks *Sejarah Melayu* atau cerita Panji yang berselerak. Kaedah ini memerlukan pengumpulan seberapa banyak salinan atau naskhah untuk dibuat perbandingan antara teks yang berlainan. Biasanya, akan ditemui kata atau ungkapan atau *passage* (petikan atau bahagian dalam teks) yang tidak terdapat dalam beberapa teks. Dalam mengkajinya, soalan yang harus timbul ialah: Adakah kata, ungkapan atau *passage* itu merupakan tokok tambah pada salinan daripada naskhah yang asal? Untuk menyelesaikan masalah ini, maka penyelidik perlu membahagi-bahagikan salinan atau naskhah itu kepada satu atau beberapa "keluarga" – yakni kelompok teks yang sama atau hampir sama antara satu sama lain dan nampak seakan-akan berasal daripada sebuah naskhah induk baik secara langsung mahupun tidak langsung. Selepas itu, apabila teks yang dalam satu keluarga dibandingkan dengan teks dalam keluarga yang lain akan dapatlah ditentukan tarikh teks dalam satu keluarga secara perbandingan dengan yang lain. Jika teks daripada satu keluarga yang sama itu didapati disalin daripada teks antara satu sama lain, maka teks yang paling tua mungkin adalah yang terdekat dengan teks yang asal. Apabila teks paling tua dalam setiap keluarga teks itu diketahui, maka apabila dibuat perbandingan akan terdapat kata dan ungkapan dalam salinan naskhah yang tertentu, tetapi tidak yang lain. Maka, dengan cara itu akan dapat diketahui kata atau ungkapan yang mana telah ditokok tambah oleh penulis atau penyalin lain.

Tradisi Pensejarahan Awal Malaysia

Tradisi pensejarahan anak negeri tumbuh seiring dengan lahirnya kerajaan Melayu di Kepulauan Melayu. Yang dimaksudkan kerajaan Melayu ialah kerajaan yang bangkit dari utara Semenanjung hingga ke selatan dan menjangkau ke Kepulauan Riau dan daerah-daerah yang menggunakan bahasa Melayu di Pulau Sumatera. Di negeri Kedah, kita

mendapati karya sastera sejarah yang berjudul *Hikayat Merong Mahawangsa* mempunyai cirinya yang tersendiri. Naskhah ini, walau bagaimanapun, tidak kuat menampilkan sifat sejarahnya kerana lebih banyak mengandungi dongeng dan mitos. Namun demikian, adalah menjadi tugas sejarawan tempatan untuk membuat kajian historiografi mengenainya. Beberapa manuskrip yang bersifat sastera sejarah juga telah ditemui di Kelantan, seperti *Salasilah Negeri Kelantan*, di Patani, seperti *Hikayat Patani*, dan di Perak, *Misa* [*sic*] *Melayu*, dan *Hikayat Salasilah Perak*, Pahang, *Hikayat Pahang*, dan Terengganu, *Syair Tawarikh Zainal Abidin III* adalah antara karya sastera sejarah yang walaupun telah dikaji oleh orang Inggeris, masih boleh lagi diselidiki.

Di Melaka, sejarah kesultanan Melaka telah diceriterakan oleh penulis *Sulalatus-Salatin* pada abad ke-15 dan ke-16, tetapi ceritera itu diturunkan dalam bentuk tulisan pada awal abad ke-17. Hikayat Melayu ini kemudiannya disalin oleh banyak penyalin sehingga versinya berselerak di banyak tempat yang kerajaan Melayu telah wujud. Dianggarkan setakat ini, terdapat sekitar 33 naskhah *Sulalatus-Salatin* atau juga disebutkan dengan nama yang lebih popular, *Sejarah Melayu*. Salinan naskhah *Sejarah Melayu* telah ditemui di Lingga, Riau, Palembang, Siak, dan tentunya Melaka. Selain manuskrip *Sejarah Melayu*, satu lagi sumber sejarah kerajaan Melayu ialah *Hikayat Negeri Johor*. Penulisnya cuba memberikan sejarah Johor bermula dari tahun 1672, iaitu ketika Johor ditakluki oleh Jambi, hingga awal abad ke-19 yang berakhir dengan serangan Raja Selangor ke atas Perak. *Syair Perang Johor* juga memberikan lakaran sejarah kejadian abad ke-17 yang berlaku di Melaka dan Johor dan juga kisah utusan Johor ke Patani. Terkait dengan Johor juga ialah sejarah kerajaan Johor-Riau dan karya yang terkenal tentang Riau semasa diperintah oleh orang Bugis dengan persekongkolan raja-raja Melayu, ialah *Tuhfat al-Nafis*, dan *Silsilah Melayu dan Bugis dan Sakalian Raja-Rajanya*, kedua-duanya karangan Raja Ali Haji.

Tentang *Sejarah Melayu* sebagai sumber sejarah memanglah benar bahawa kehadiran peristiwa yang dilakar dalam bentuk dongeng dan mitos telah mempersulit sejarawan menyaring fakta yang benar dari segi kesahihan sejarahnya. Pengarang umumnya akan meriwayatkan sejarah dengan memulakannya dengan cerita asal-usul yang berbau dongeng, dan penceritaan itu akan beransur-ansur menjadi lebih sahih pada bahagian yang penulis atau penyalin itu sendiri menyaksikan peristiwa itu berlaku. Misalnya, dalam *Sejarah Melayu*, peristiwa kedatangan

Portugis ke Melaka pada tahun 1509 dan diikuti dengan penyerangan dan penaklukan Alfonso d' Albuquerque[6] ke atas Melaka nampaknya lebih real dan jika dibandingkan dengan sumber Portugis jelas menepati sejarah. Hal ini terjadi barangkali kerana penulis asal *Sulalatus-Salatin* atau *Sejarah Melayu* itu benar-benar mengetahui penaklukan Melaka oleh Portugis. Walaupun demikian, kesahihan dan kebenaran sesuatu fakta sejarah yang disebut dalam *Sejarah Melayu* menjadi kabur apabila pentarikhan tidak tepat atau kejadian itu tidak dinyatakan bila tarikh berlakunya.

Selain *Sejarah Melayu* yang popular itu, naskhah tua dalam bahasa Melayu yang lebih tua lagi ialah *Hikayat Raja-Raja Pasai*. Apabila ditemui, naskhah ini telah diterbitkan dalam bahasa Perancis oleh Eduard Dulaurier di Paris pada tahun 1849. Hikayat ini menceritakan kisah dua orang adik-beradik, yang tua bernama Raja Ahmad dan yang muda bernama Raja Muhammad; masing-masing telah berusaha mendirikan petempatan dengan menebang dan membersihkan hutan. Raja Muhammad telah berjumpa seorang budak perempuan di rumpun buluh betung. Dia mengambil anak itu sebagai anak angkatnya dan menamakan dia Puteri Betung. Manakala Raja Muhammad pula ketika membersihkan kawasan hutan di tempat yang lain telah bertemu dengan seorang tua yang menunjukkan kepadanya seekor gajah yang pada setiap hari Jumaat akan membawa seorang budak lelaki ke tebing sebuah sungai untuk memandikannya. Oleh Raja Ahmad anak itu diambilnya sebagai anak angkat dan diberikannya nama Měrah Gajah serta memeliharanya. Setelah masa beredar, kedua-duanya, iaitu Raja Ahmad dan Raja Muhammad telah mengahwinkan Měrah Gajah dengan Puteri Betung. Maka, berkat perkahwinan itu, mereka dikurniakan dua orang anak lelaki, yang tua bernama Měrah Silo, dan dialah yang menjadi nenek moyang Raja-Raja Pasai terkemudian.

Pada suatu hari, ketika Měrah Silo sedang berburu didengarinya anjingnya Si Pasai menyalak di atas sebuah bukit. Apabila Měrah Silo naik ke atas bukit itu dilihatnya seekor semut sebesar seekor kucing. Maka, ditangkapnya semut itu dan dimakannya. Persis di tempat kejadian itu Měrah Silo pun mendirikan istananya. Setelah tempat itu didiami oleh orang-orangnya, tempat itu pun dinamakan Samudera, kononnya daripada perkataan Semut Raya (yang bererti semut besar). Kononnya juga, kejadian itu telah pun diramalkan akan berlaku oleh Nabi Muhammad S.A.W. dan sempena peristiwa itu yang beritanya telah

sampai ke Mekah, Měrah Silo telah diarahkan bersama-sama dengan rakyatnya agar memeluk agama Islam. Arahan ini dipatuhi oleh Měrah Silo dan setelah dia dan rakyatnya masuk Islam dia telah memakai gelar Malik al-Salih dan kota yang dibukanya itu dinamakan Semudera Dar as-Salam. Malik al-Salih kemudiannya telah membuka lagi sebuah kota (bandar) yang dinamakannya mengikut nama anjingnya, Pasai; pada masa dia berburu ternampak olehnya Si Pasai berlawan dengan seekor pelanduk.

Seterusnya, hikayat itu menceritakan perkahwinan Měrah Silo dengan puteri Sultan Perlak. Daripada perkahwinan itu mereka dikurniakan seorang putera yang diberi nama Malik al-Zahir. Walaupun cerita ini kelihatannya berbentuk dongeng, sejarah kedatangan Islam di Pasai telah dibuktikan dengan kehadiran beberapa makam di daerah Pasai dan Perlak. Di Pasai, terdapat makam Malik al-Salih dan Malik al-Zahir. Daripada ukiran yang ada pada makam Malik al-Salih tercatat namanya serta tarikh dia mangkat, iaitu pada tahun Hijrah 696 atau 1297 M. Di makam Malik al-Zahir pula, tercatat namanya dan tarikh kematiannya, iaitu 726 Hijrah atau 1326 M.

Berdasarkan penemuan makam ini, maka tampak jelas betapa naskhah *Hikayat Raja-Raja Pasai* itu berguna sebagai sumber sejarah. Seandainya hikayat ini dan *Sejarah Melayu* tidak menyebutkan nama raja-raja itu dan juga tentang kewujudan kerajaan Pasai dan Perlak, tentulah maklumat yang ada pada batu nisan atau makam itu tidak dapat dijadikan bukti sejarah yang boleh disahkan. Bukti sejarah bukan sahaja diperoleh daripada kewujudan makam itu, tetapi juga daripada catatan pengembara luar. Pada abad ke-12 misalnya, pengembara Itali, Marco Polo, juga telah menyatakan bahawa dia telah pergi ke Perlak dan didapatinya Perlak telah pun menjadi sebuah kerajaan Islam. Pada tahun 1521, Raja Pidie (Pedir) yang diserang oleh Raja Aceh telah melarikan dirinya ke Pasai untuk mencari suaka dengan Portugis di situ. Hal ini diketahui daripada sumber Portugis.

Oleh yang demikian, sekalipun sumber manuskrip, seperti *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja-Raja Pasai* dikarang dengan disertakan dongeng dan mitos, tetapi sumber sedemikian tidaklah boleh diketepikan begitu sahaja kerana ada maklumat yang boleh disemak dengan menggunakan sumber luar; ini termasuklah sumber Eropah (Portugis, Belanda dan Inggeris), Arab, dan catatan semasa Cina.

Masalah dalam Mengkaji Manuskrip Melayu

Masalah utama yang dihadapi oleh sejarawan ketika mengkaji manuskrip Melayu adalah untuk menentukan, siapakah pengarang sesebuah naskhah sastera sejarah itu. Sifat penulis Melayu yang merendah diri menyebabkan nama pengarang jarang-jarang disebutkan. Kecuali Raja Ali Haji, tidak banyak penulis membubuh nama mereka sebagai pengarang atau penyalin sesebuah manuskrip. Hanyalah mulai abad ke-18 baru dimulakan tradisi menyebut nama pengarang atau penyalin. Salah sebuah naskhah *Sejarah Melayu* yang disalin di Melaka pada tahun 1798 menyebutkan nama Haji Muhammad Tahir al-Jawi, Muhammad Zakat Long dan Ibrahim Jamrut sebagai penyalin naskhah yang ditempah oleh seorang pelaut Rusia bernama Krusenstern. Ketiadaan nama pengarang menyebabkan kesahihan manuskrip menjadi masalah bagi sejarawan. Bahkan, nama gelar Tun Seri Lanang sebagai penyalin atau pengarang-editor *Sejarah Melayu* pun masih boleh dipersoalkan.

Sifat Karya Sastera Sejarah

Satu sifat pengarang zaman dahulu juga ialah mereka suka menambah apa-apa yang mereka ingin tonjolkan. Perbuatan menokok-tambah atau interpolasi seperti ini sering berlaku pada hikayat dan teks yang dikenali sebagai sastera sejarah. Misalnya, dalam satu versi *Sejarah Melayu*, Sultan Mansur Syah dikatakan meminang Puteri Gunung Ledang, manakala dalam versi yang lain, Sultan Mahmud pula dikatakan meminta untuk meminang puteri yang sama. Hal ini disebabkan penulis atau penyalin ingin mengangkat atau memperbesarkan ketokohan raja yang dipuja atau disembahnya. Kebiasaan menokok-tambah ini menunjukkan bahawa penyalin manuskrip itu seolah-olah bukan sekadar menyalin sahaja, tetapi juga "mengarang". Selain masalah kepengarangan, pentarikhan juga menjadi satu masalah bagi sejarawan. Sukar hendak didapatkan tarikh dalam tulisan penyalin naskhah lama Melayu tentang satu-satu peristiwa. Kadang-kadang, walaupun tarikh diberikan, tarikh itu apabila disemak ternyata tidak tepat. Contohnya, tarikh yang diberikan oleh Raja Ali Haji dalam *Tuhfat al-Nafis* tentang tarikh kematian Sultan Mahmud di Lingga; menurut Raja Ali Haji, raja itu mangkat pada 3 Januari 1812. Winstedt pun mengelirukan apabila dia memberikan 12 Januari 1812 sebagai tarikh kematian Sultan Mahmud Syah. Akan tetapi, tarikh ini sebenarnya setahun lebih lambat. Menurut penyelidikan terkini, dia mati pada 15 Januari 1811.[7]

Tiruan daripada Naskhah Lain

Satu lagi sifat penulisan sastera sejarah ialah bahawa penulis atau penyalin itu mengumpulkan bahannya dengan mengambil bahagian-bahagian daripada naskhah lain. Misalnya, ada bahagian-bahagian dalam *Sejarah Melayu* telah dipetik daripada atau diilhami oleh naskhah, seperti *Hikayat Raja-Raja Pasai*, naskhah Jawa, seperti *Hikayat Cekel Waneng Pati*, dan *Hikayat Pandawa Lima*, atau naskhah, seperti *Hikayat Iskandar Zukarnain*. Kadang-kadang struktur juga boleh ditiru. Misalnya, *Hikayat Aceh* mirip dengan struktur *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Raja-Raja Pasai* yang menceritakan salasilah raja-raja. Keterampilan seni bermain pedang yang ada pada Sultan Iskandar Muda ternyata diambil bulat-bulat daripada *Hikayat Raja-Raja Pasai* oleh pengarang *Hikayat Aceh*. Namun demikian, jika dibandingkan dengan naskhah-naskhah Melayu yang lain, *Hikayat Aceh* nampaknya mengandungi tarikh. Kerincian pengarang *Hikayat Aceh* melakarkan watak dan sejarah hidup Iskandar Muda dengan panjang lebar juga adalah unik sebagai karya yang bersifat sastera sejarah. Pengarangnya mungkin telah mendapat ilham daripada karya sastera Parsi yang dihasilkan oleh istana Moghul di India, seperti *Akbarnama*.

Satu lagi pendekatan yang kurang digunakan oleh sejarawan di Malaysia apabila mengkaji naskhah lama Melayu ialah kaedah filologi. Naskhah lama, iaitu umumnya yang ditulis pada atau sebelum abad ke-17, banyak memperlihatkan pengaruh bahasa dan sastera Kawi (Jawa kuno), Jawa Tengahan dan Jawa Baru. Selain itu, terdapat pengaruh daripada bahasa Aceh, Sunda, Parsi, Arab dan Portugis. Seseorang ahli sejarah yang mengkaji naskhah lama bertulisan Jawi itu pun perlu menyedari bahawa tulisan Jawi abad ke-17, bahkan yang abad ke-18 pun, tidak boleh dibaca, seperti orang membaca tulisan Jawi abad ke-20 dan abad ini, lantaran bentuk Jawi itu dicirikan oleh kata yang dieja tanpa mementingkan vokal dan diftong. Keupayaan membaca dan mengenali ejaan, seperti k/y/d/ h/n/d/y [كيد هندي], t/w/h [توه], t/w/n [تون], m/n/h/a/r/b [منهارب] untuk mengenal pasti kata: Kaid Hindi, tuha, tuan, dan meniharap [meniarap] memerlukan kemahiran dan pengalaman.

Memanfaatkan Sumber Maklumat

Seperti yang telah disebutkan di atas kaedah sejarah memerlukan seseorang sejarawan memeriksa apa-apa bahan dan tinggalan sejarah secara kritis. Dengan data yang diperoleh itulah, maka sejarawan boleh

merekonstruk masa silam itu. Walaupun demikian, tidaklah mustahil sejarawan kadang-kadang dihadapkan dengan masalah ketiadaan maklumat yang cukup. Jika ini berlaku, maka tidak dapat tidak sejarawan terpaksa mengakui keterbatasan yang dihadapinya itu. Akan tetapi, ini tidak memberikannya alasan untuk merekayasa sejarah. Dia hanya boleh mencipta semula dengan cara memberikan tafsiran terhadap kejadian yang telah berlalu pada zaman silam itu berdasarkan maklumat yang ada. Oleh yang demikian, apabila disarankan sejarawan menggunakan daya imaginasinya untuk membina semula sejarah masa silam itu, hal ini sama sekali tidak bermaksud imaginasi itu boleh dipergunakan untuk merekayasa atau mencipta sejarah tanpa berasaskan sumber yang asli.

Sumber primer ditanggapi sebagai sumber yang asli kerana sumber tersebut tidak berasal daripada satu sumber lain, tetapi sebaliknya isinya diterima secara langsung. Sebuah manuskrip boleh jadi hanya salinan daripada yang asal. Lantaran itu, manuskrip sebagai sumber tidak semestinya dianggap *original*. Akan tetapi, bagi para sejarawan yang diutamakan ialah maklumat yang diinginkan ada dalam sumber itu. Namun demikian, faedah mendapatkan dokumen yang *original* ialah pengarang yang sebenarnya mungkin dapat diketahui dan kesahihan bahan itu sebagai sumber pertama pun dapat ditentukan. Kendati demikian, ada juga kemungkinannya maklumat dalam dokumen *original* itu diambil dari tempat lain, misalnya laporan sesuatu dalam akhbar yang barangkali berasaskan kesaksian wartawan itu sendiri, atau mungkin juga kenyataan itu dipetik daripada orang lain dan jika ini berlaku, maka sumber itu ialah sumber kedua.

Berbeza daripada ahli antropologi, yang lebih mengutamakan masyarakat pracelik huruf (*preliterate*), dan ahli arkeologi yang lebih terlibat dengan artifak, bagi ahli sejarah testimoni atau kesaksian yang didapati daripada dokumen bertulis lebih penting. Dokumen boleh dibahagikan kepada beberapa kategori, seperti autobiografi, surat/warkah, laporan surat khabar, minit mesyuarat, laporan dalam fail kerajaan, atau catatan buku-buku perniagaan, diari – bahkan juga buku daftar hotel atau rumah rehat. Yang penting dipastikan ialah bahawa dokumen itu asli (*authentic*) sifatnya. Seseorang sejarawan perlu memastikan bahawa sumber yang diperolehnya itu boleh dipercayai kerana dalam *disiplin* ilmu sejarah kebolehpercayaan atau *credibility* amat penting.

Sejarawan sebagai Pemelihara Budaya

Profesion sejarawan menuntut dua peranan daripadanya; pertama, dia penjaga atau pelindung warisan budaya, dan kedua, dia jurukisah pembangunan manusia. Justeru, sebagai pelindung (*guardian*) warisan budaya, sejarawan mestilah seboleh-bolehnya mungkin menegakkan keakuratan (*accuracy*), kerincian (*detail*), dan sikap tidak memihak (*impartiality*) terhadap ceritera tentang masa lampau, baik tentang seseorang tokoh, mahupun kejadian, pemikiran, institusi dan benda-benda yang selagi pengetahuan, dan kritik sumber mengizinkannya. Sejarawan berpegang kepada moto "*the past for the sake of the past*", yakni "masa lampau demi masa lampau semata-mata". Sejarawan patut menolak atau mengutuk sebarang percubaan memutarbelitkan sejarah yang disebabkan oleh berfikir masa kini. Sejarawan tidak boleh melihat masa lampau dengan idea baharu dan demi tujuan kepentingan sekarang. Tidak boleh sejarawan membuktikan betul atau salahnya sesuatu penyebab di luar konteks sejarah sebelum berlakunya kejadian. Tentang peranannya sebagai pencerita pembangunan manusia, dia perlu mempunyai teori bagaimana manusia membangun. Justeru, dia perlu mendalami falsafah dan menguasai ilmu yang relevan, misalnya sosiologi, untuk dijadikan alat memahami perkembangan itu dan menganalisisnya.

Pandangan Sejarah yang Bersifat Kemalaysiaan

Sehingga kini, belum nampak munculnya sebuah konsepsi sejarah kebangsaan Malaysia. Belum lagi kelihatan lahirnya sebuah konsep falsafah sejarah nasional. Hal ini mungkin kerana sebagai sebuah negara, Malaysia masih terkial-kial mencari identitinya sebagai sebuah nasion. Ertinya, masalah besar kita ialah masalah politik yang masih belum berjaya mentakrifkan *national character* (karakter kebangsaan) bangsa Malaysia. Historiografi yang muncul lebih bersifat terpecah-pecah mengikut sejarah masing-masing kumpulan etnik dan demi melihat kepentingan etnik masing-masing. Apakah sejarah nasional itu akan bertolak daripada suatu historiografi yang berasaskan historiografi Melayu pun tidak pernah dibincangkan. Konsep historiografi Melayu itu sendiri memerlukan kajian yang lebih teliti. Persoalan yang dihadapi oleh masyarakat sejarawan Malaysia kini adalah untuk mencari titik pertemuan antara sejarah kolonial dengan sejarah tempatan dan mensintesiskan kedua-duanya. Persoalan wujudnya sejarah etnik yang

sempit dan terpisah-pisah juga harus ditangani: Apakah kriteria yang harus digunakan untuk menulis satu naratif daripada sejarah yang beraneka ragam itu? Bolehkah kita mewujudkan sebuah sejarah yang bersifat Malaysia-sentrik?

Mengasingkan Mitos daripada Sejarah yang Benar

Walaupun ciri sastera sejarah dalam bahasa Melayu menampakkan kelainan sifatnya sebagai historiografi, hakikat bahawa karya ini mempunyai sumbangan terhadap penulisan sejarah tanah air tidak dapat diremehkan. Memang penting bagi semua yang berminat pada sejarah tanah air membacanya demi memahami pandangan dan persepsi sejarah tradisional yang kita warisi. Akan tetapi, dalam pada itu sejarawan pun harus peka terhadap penggunaan sastera sejarah sebagai sumber. Tidak semua yang diceriterakan dalam karya, seperti *Sulalat u's-Salatin* itu dapat diterima sebagai data sejarah yang sahih. Penelitian yang rapi dan sikap yang kritis terhadap apa yang disajikan oleh karya agung kesusasteraan tersebut perlu menjadi pegangan setiap orang yang ingin menggunakannya sebagai sumber maklumat sejarah silam. Keprihatinan terhadap isu memisahkan peristiwa sejarah daripada mitos adalah bertujuan untuk menyedarkan masyarakat bahawa sejarah haruslah tidak diwarnai oleh mitos.

Apakah Erti Mitos?

Mitos ialah cerita yang berasaskan legenda yang memiliki erti yang simbolik, seperti Raja-raja Melayu dikatakan berasal daripada keturunan Iskandar Zulkarnain. Sementara legenda pula ialah cerita tradisional atau kumpulan yang diturunkan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain sehinggakan tidak diketahui siapa pengarang atau pencerita asalnya, namun dianggap seolah-olah bersifat sejarah. Kisah orang tertentu atau tempat yang tertentu, tetapi tidak dapat ditentukan kesahihannya ialah legenda. Demikianlah, misalnya Hang Tuah [*sic*], Hang Jebat, Hang Kesturi, Hang Lekir dan Hang Lukaiwa yang bersifat karakter legenda pun dianggap oleh sebahagian penduduk Malaysia sebagai karakter sejarah. Pentingnya kesedaran menyingkirkan mitos daripada penulisan dan penghayatan sejarah tidak dapat diragukan. Tujuannya tentulah untuk melindungi anggota-anggota masyarakat daripada dipengaruhi oleh tahayul dan dongeng dalam menanggapi sejarah tanah air; juga agar mereka faham bahawa masyarakat yang ingin

maju memerlukan kebenaran dijadikan asas dalam penghayatan sejarahnya.

Pada masa kini, sebahagian masyarakat masih terlalu mudah percaya kepada mitos yang dianggap sejarah. Timbul pandangan sempit yang barangkali berpunca daripada psikologi rasa rendah diri, misalnya menganggap *Sejarah Melayu* sebagai sumber sejarah yang *authentic*. Salah anggap terhadap karya yang naratifnya berbaur dengan mitologi telah menyebabkan berkembangnya salah pengertian tentang makna sejarah. Memang tidak dapat dinafikan bahawa dalam semua masyarakat terdapat cerita tradisional tentang sejarah awal sesuatu bangsa yang melibatkan makhluk atau kejadian *supernatural*. Kisah kuno sebegini dikategorikan sebagai mitos kerana kepercayaan yang sedemikian, jika disiasat secara mendalam, akan didapati palsu, sekalipun kisah tersebut diyakini secara berleluasa oleh banyak anggota masyarakat itu. Sesebuah cerita itu dikatakan palsu kerana direka atau dibesar-besarkan oleh orang yang menceritakannya. Dengan kata lain, mitos ialah ceritera tradisional tentang zaman lampau yang sering diselingi oleh elemen yang bersifat fantastik. Perlu diakui, semua masyarakat mempunyai mitos masing-masing dan mitos itu pula mempunyai peranannya yang tersendiri. Mitos mungkin bertujuan untuk menerangkan asal-usul bangsa atau perkembangan institusi politik, atau sesebuah kerajaan. Mitos juga dibentuk untuk meraih keperluan psikologi, seperti mengagung-agungkan seseorang wira yang dikhayalkan. Ahli antropologi cuba mengasingkan sejarah daripada mitos, tetapi ia bukanlah satu usaha yang mudah kerana bagi masyarakat yang tradisional, sejarah juga mempunyai fungsi yang sama dengan mitos dan kedua-dua jenis penceritaan, sama ada sejarah ataupun mitos, menjadi kelam antara kedua-duanya.[8] Namun demikian, hakikatnya ialah bagi sejarawan Malaysia sangatlah penting membezakan mitos daripada sejarah. Dalam bab-bab berikut perbincangan akan menumpukan soal: Apakah *Sejarah Melayu* dapat dikatakan sebagai sumber sejarah yang mutlak? Sebagai permulaan dalam bab yang berikut salah satu versi *Sulalat u's-Salatin* yang belum pernah dibicarakan, selain dalam bahasa Rusia akan diperkenalkan.

2 Ahli falsafah Jerman yang lahir di Prussia pada tahun 1744. Dia dikaitkan dengan Zaman Enlightenment atau Pencerahan.

3 Georg Wilhelm Friedrich Hegel (1770 – 1831), ialah ahli falsafah Jerman yang mencipta idealisme Jerman. Pembicaraannya yang berbentuk *historicist* (ketakdiran sejarah) dan bersifat *idealist* tentang realiti secara keseluruhannya merubah falsafah Eropah. Pembicaraan itu membuka jalan kepada tumbuhnya falsafah *continental* dan Marxisme.

4 Misalnya, seorang yang mendewa-dewakan seorang pemimpin apabila menulis perihal diri pemimpin itu.

5 Lihat *star2.com* "28 Jun 2015, "Taming Sari: Hang Tuah's keris finally described". Nama *Taméng Sari* berasal daripada kata Kawi *tameng* yang bererti perisai. *Sari* pula bermakna inti, luar biasa, yang terbaik, atau istimewa. Oleh yang demikian, "Tameng Sari" bermakna perisai yang terbaik sekali. Lihat Zoetmulder (2000 (2): 1042; 1194) dan Mardiwarsito (1981: 513-514).

6 Dalam sumber Portugis yang diterjemahkan nama ini juga dieja Afonso Dalboquerque.

7 Lihat Ahmat Adam (2009: 122).

8 *World Encyclopaedia* (1998: 948).

Bab II

MEMPERKENALKAN *SEJARAH MELAYU* NASKHAH KRUSENSTERN

Naskhah *Sulalatu 's-Salatin* atau *Sejarah Melayu* ialah karya sastera tertua (selain *Hikayat Raja-Raja Pasai*) yang terselamat disimpan, yang pernah ditulis oleh orang Melayu. Bahawa naskhah ini merupakan karya teragung orang Melayu dapat diukur daripada betapa banyaknya versi yang telah dihasilkan, iaitu tidak kurang daripada 33 buah, sama ada dalam bentuk yang standard yang berakhir dengan Sultan Mahmud mengatur pemerintahannya di Johor setelah lahir 'Alauddin, iaitu anaknya bersama Tun Fatimah, ataupun yang tidak lengkap, ataupun yang sudah ditokok-tambah kisahnya hingga terangkum di dalamnya kisah yang melampaui peristiwa kematian Tun Ali Hati. Dapat diduga bahawa salinan yang begitu banyak ini tersebar luas dalam kalangan masyarakat istana dan naskhahnya itu dibaca oleh mereka yang celik huruf atau diperdengarkan bacaannya kepada kumpulan kecil masyarakat atau kepada khalayak di istana.

Dalam pada begitu banyaknya versi yang ada, terdapat kelainan di sana sini antara teks, baik dari segi gaya bahasa dan gaya penceritaan, mahupun pentafsiran peristiwa, atau isi yang menyentuh nama seseorang tokoh, atau tokok tambah pada kejadian atau kisah, serta perbezaan penyalinan antara masing-masing penyalin. Perbezaan ini juga tidak sedikit disebabkan oleh kurang telitinya penyalin dalam membaca, mengeja, atau mentransliterasikan sesuatu perkataan daripada teks yang asal. Sehingga kini, banyak sarjana menganggap naskhah Raja Bongsu yang lebih terkenal dengan nama Raffles MS. No. 18, sebagai salinan terdekat dengan naskhah yang asal atau paling tua. Bertolak daripada kajian Sir Richard Winstedt pada tahun 1938, banyak penelaah yang umumnya bersetuju bahawa penyalin naskhah tersebut bernama Tun Bambang dan dia telah memperoleh sumbernya "daripada segala riwayat orang tuha-tuha dahulu kala" untuk mengarang kitab yang kemudiannya terkenal dengan nama *Sejarah Melayu*.

Walaupun naskhah Raffles MS. No. 18 dinyatakan sebagai salinan yang tertua, ada sebuah naskhah *Sejarah Melayu* yang kini tersimpan di Arkib Institut Manuskrip Oriental di Saint-Petersburg, Rusia, yang dikenali sebagai naskhah Krusenstern juga dianggap tua usianya, atau barangkali hampir seusia dengan naskhah Raffles MS. No. 18, tetapi jelas belum banyak dibicarakan orang. Walau bagaimanapun, seorang sarjana Rusia yang pakar dalam pengajian Melayu telah menulis tesis dalam bahasa Rusia tentang naskhah *Sulalatu 's-Salatin* tersebut dari sudut nilai sejarah dan budayanya.[9] Akan tetapi, oleh sebab karya bahasa Rusia ini belum mungkin diakses orang dengan mudah, maka saya merasakan wajar karya ini dibicarakan sebagai pengenalan kepada bab-bab yang berikut. Dalam bab ini, saya akan cuba membincangkan beberapa elemen daripada bahasa Kawi dan Sanskrit yang terdapat dalam teks *Sejarah Melayu* yang telah tersilap dibaca oleh para penyalin terkemudian, contohnya teks yang disalin pada akhir abad ke-18 dan juga teks *Sejarah Melayu* yang disalin semula pada awal abad berikutnya dan ditransliterasikan ke huruf Rumi pada abad yang sama hingga ke abad ke-20 yang lalu.

Naskhah *Sejarah Melayu* yang disebutkan sebagai versi Krusenstern itu disalin di Melaka pada tahun 1798 oleh tiga orang penyalin yang terdiri daripada Haji Muhammad Tahir al-Jawi, Muhammad Zakat Long dan Ibrahim Jamrut.[10] Oleh sebab ketiadaan maklumat tentang tiga orang penyalin ini kita hanya boleh mengagak bahawa mereka ialah segelintir orang yang dapat membaca dan menulis huruf Jawi pada penghujung abad ke-18. Seorang daripadanya bergelar Haji dan dia mungkin daripada kalangan "orang masjid" atau anggota kaum agama di bandar Melaka, manakala yang seorang lagi kemungkinannya berniaga batu permata. Rakannya yang seorang lagi pun tidak diketahui latar belakangnya. Akan tetapi, tidaklah mustahil jika ketiga-ketiga orang itu tinggal di tempat kediaman yang berdekatan dan kemungkinan besar di pinggir bandar Melaka itu sendiri. Nama mereka ini disebutkan pada halaman terakhir di bahagian (jilid) pertama naskhah tersebut. Mereka ini telah diupah oleh seorang pelayar Rusia berketurunan Jerman yang berkhidmat dalam angkatan laut Inggeris, iaitu dalam Syarikat Hindia Timurnya.

Pada sekitar bulan Julai 1798, pelayar bernama, Adam Johann Ritter von Krusenstern pergi ke bandar Melaka untuk berehat selepas dia jatuh sakit di Pulau Pinang, dan tinggal beberapa waktu di kota pelabuhan yang baru sahaja tiga tahun ditakluki oleh Inggeris dari tangan Syarikat

Hindia Timur Belanda. Di Melaka, dia mendapat maklumat bahawa naskhah *Sulalat u's-Salatin* ialah sebuah karya agung orang Melayu. Oleh sebab minatnya untuk memiliki sebuah naskhah Melayu yang mungkin dapat dijadikan hadiah untuk sahabatnya, Schubert, yang bertugas di Akademi Sains Saint-Petersburg , Komodor Krusenstern mendapatkan orang untuk menyalinnya. Salinan *Sejarah Melayu* yang dilakukan pada tahun 1798 itu kemudiannya diserahkan oleh Schubert kepada perpustakaan Akademi Sains di Saint-Petersburg, iaitu di Muzium Asiatiknya. Kewujudan naskhah ini hanya diketahui orang apabila pada tahun 1819, seorang ahli akademi yang bernama Fren telah menyebutkannya dalam catatannya tentang simpanan koleksi manuskrip di muzium tersebut.

Naskhah 1798 itu merupakan salinan tertua kitab *Sejarah Melayu* yang dibuat untuk mana-mana orang Eropah kerana selepas itu naskhah yang paling awal disalin ialah pada tahun 1807 oleh Ibrahim Kandu, tetapi tidak lengkap; dan pada tahun 1810 barulah Ibrahim menyerahkan sebuah naskhah yang lengkap kepada John Leyden untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Jika dikecualikan teks kacukan yang diresensi oleh Shellabear, dan diterbitkannya pada tahun 1896 dalam huruf Jawi (salinan Ruminya diterbitkan pada tahun 1898), ternyata antara naskhah abad ke- 19, naskhah paling terkenal hingga kini ialah naskhah Raffles MS. No. 18 yang disalin pada tahun 1812. Untuk tujuan memudahkan perbezaan antara naskhah 1798 dengan naskhah Raffles MS. No. 18 dan versi-versi utama yang lain, saya akan menggunakan nama naskhah 1798 itu naskhah Krusenstern, iaitu nama yang dikenali dalam kalangan sarjana Russia. Walaupun Raffles MS. No. 18 dinyatakan sebagai salinan daripada sebuah naskhah yang tua, dan oleh sebab itu, Winstedt menganggap Raffles MS. No. 18 sebagai naskhah *Sejarah Melayu* yang paling tua, setelah mengkaji naskhah Krusenstern ini, saya dapati naskhah ini juga disalin daripada satu naskhah induk yang juga sama tuanya atau setidak-tidaknya hampir seusia dengan naskhah Raffles MS. No. 18.

Ciri Naskhah

Naskhah Krusenstern yang seluruhnya tertulis dalam huruf Jawi, terdiri daripada dua bahagian: yang pertama mengandungi 116 folio, manakala bahagian kedua pula mempunyai 86 folio. Terdapat 30 juzuk atau bab[11] dalam naskhah ini. Kertasnya diperbuat di Amsterdam, Belanda, pada

tahun 1794, seperti yang terbayang pada tera airnya (*watermark*). Ukuran kertasnya ialah 26.5 x 20 sentimeter. Tulisannya menggunakan tinta hitam. Akan tetapi, kata Arab, nama sultan dan pembesar tertinggi serta pemula kata atau ungkapan yang khas seperti "al-kisah", dan "maka tersebutlah perkataan" ditulis dalam dakwat merah.[12] Ukuran teks ialah 19 x 13.5 sm. Di dua halaman terakhirnya, pada bahagian pertama, walau bagaimanapun, ukuran teksnya ialah 10 x 9 sm, manakala ukuran teks di dua folio terakhir untuk jilid kedua ialah 13 x 8 sm. Tiada angka ditulis pada halamannya, kecuali tulisan pensel yang mencatatkan halaman yang mungkin dibuat kemudian oleh seorang pustakawan atau peneliti. Seperti lazim, sifat kebanyakan manuskrip Melayu, naskhah ini juga tidak mempunyai halaman untuk judul. Teksnya mempunyai folio yang ditulis pada kedua-dua *verso* dan *recto.*

Hingga sekarang pun butir-butir tentang manuskrip *Sejarah Melayu* milik Krusenstern itu masih tidak diketahui oleh banyak orang, terutamanya di Malaysia, dan kawasan dunia Melayu umumnya. Dalam bab ini, saya bercadang hendak memberikan suatu tafsiran tentang "pengarang" dan usia naskhah *Sejarah Melayu* dengan membandingkan naskhah ini dengan naskhah Raffles MS. No. 18 yang dianggap tersalin daripada sebuah naskhah yang tertua. Sebagai memulakan perbincangan ini, saya akan memetik sebahagian mukadimah yang terdapat dalam kedua-dua naskhah:

Naskhah Krusenstern:

> Adapun kemudian dari itu, *qa la faqih la haqir istaqsir* yakni telah berkata fakir yang insan, [*sic.*, insaf] akan lemah keadaan dirinya dan singkat pengetahuannya dan pada suatu masa bahawa fakir duduk pada suatu majlis dengan [orang] besar-besar terlebih mulianya berkata-kata berkata-kata [*sic*] bersidir [*sic*, senda] gurau; antara itu ada seorang orang besar terlebih mulianya dan lebih besar martabatnya daripada yang kala ini berkata pada fakir. "Hamba dengar a[da] hikayat Melayu dibawa oleh Orang sekelia [s-k-l-y, سكلي *sic.*, Kaya] Sogoh dari Goa; barang kita perbaiki kiranya dengan istiadatnya sekali supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita dan diingatkan oleh segala mereka itu. Syahdan adalah beroleh faedah ia daripadanya.
>
> Setelah fakir menerngar [*sic.*, m-n-r-ng-r] demikian, jadi beratlah atas segala anggota fakir *al lazi 'sir li* [*sic.*] *'alay jahli* [*sic.*] Tun Mahmud [m-h-m-w-d] namanya, Tun Seri Lanang timangannya, Paduka Raja gelar bendahara, piut

anak Orang Kaya Paduka Raja, cucu Bendahara Seri Maharaja, anak Seri Nara Diraja Tun ‘Ali, anak baginda Mani Purindan *qadda sallahu sirrahum* Melayu bangsanya, dari Bukit Segunung [s-g-n-ng, *sic.*, Siguntang] Mahamĕru[13] ulu [w-l-w, ولو] Malakat negerinya, Batu [Sa]wal [*sic.* Sawar][14] *dar al-salam.*

Demikian katanya: tatkala pada *hijrat u'n-nabi sallalLahu* [*alayhi*] *wasallam* seribu dua puluh sa tahun pada tahun Dal Awal pada dua belas hari bulan Rabi'ul-awal pada hari Khamis waktu dhuhya [dhuha] pada ketika syamsu pada zaman kerajaan marhum mangkat di Aceh pada [*sic.* paduka] Seri Sultan ‘Alauddin Ri'ayat Syah *zillullahi fi ‘l ‘alam*, anak Sultan Mahmud [m-h-m-d] Syah, cucu Sultan ‘Alauddin, cicit Sultan Mansur Syah, piut Sultan Muzafar Syah, anak Sultan Muhammad [m-h-m-d] Syah al marhum *khalladallahu mulkahu wa sultannahu wa abbada ‘adlahu wa ihsanahu* sedang masa baginda bernegeri di Pase[15] [p-a-s-y] Raja.

Dewasa itu datang pada hamba Seri Nara Wangsa yang bernama Tun Bambang anak Seri Agra [a-k/g-r][16] Raja Patani menjunjungkan titah Yang Dipertuan Sultan Abdullah Mughayat [m-gh-a-y-t] Syah ibni Sultan ala Jalla ‘Abdul Jalil Syah *fainna syarafal-makan wal-zaman*. Maka ia sungguhnya kemuliaan tempat dan masa *wa zainul-majalisi ahlul-iman* dan ia perhiasan segala kedudukan orang beriman *madarijal ta'ati wal-ihsan*; dan ia memerangi[17] segala *pengkah* [p-ng-k-h][18], ta'at, dan kebajikan[19] *wa bad* [*sic*] *fadhlahu wal-imtinan* dan dikekalkan Allah Ta'ala kiranya ia dengan ‘adilnya pada segala negeri.

Demikian bunyi titah baginda: “Bahawa beta minta perbuatkan hikayat Melayu pada bendahara dengan isti'adatnya sekali supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita; diingatkan oleh mereka supaya beroleh faedah daripadanya. Setelah fakir *al-lazi murakkabun ‘ala jahili* maka fakir **pergonjaklah** [p-r-k/g-n-j-k-l-h][20] diri fakir pada mengusahakan dia; syahadan memohonkan taufik ke hadrat Tuhan *sani' al-'alam*, dan minta huruf kepada Nabi *sayyidil-anam*, dan minta *afwah* kepada keempat sahabat yang akram.

Maka fakir kala ‘alam [k-a-l-a-‘a-l-m, *sic.*, karanglah] hikayat ini *kama sami'tu* [*sic*, sami' tuhu] *min jaddi auli* [*sic, wa abi*] supaya akan menyukakan duli hadrat baginda. Maka fakir namai [*sic*] ia ***Sulalatu ‘s-Salatin, yakni perturan [p-r-t-w-r-a-n, sic. pertuturan] segala raja-raja*** *hadihi* [*sic*] *dawa iru al-akhbar, wa ghuru al-amthal*; inilah mutia segala citra dan cahaya umpamanya. Maka barang siapa membaca dia jangan dimudah-mudahkan. Tahukah kamu akan perkatan Nabi sala ‘lLahu ‘alaihi wa sallam, *Tafakkaru filLahi, wa la tafakkaru fi dhatilLahi*? yakni bicarakan olehmu pada segala kebesaran Allah, dan jangan kamu fikirkan pada Zat Allah.

Naskhah Raffles MS. No. 18 pula memulakan bab pembukaannya seperti yang berikut:

> ... *I'lam*, tatkala pada *hijrat u'n nabi salalLahu 'alayhi wasallam*, seribu dua puluh sa[21] tahun pada tahun du al awal [Dal awal][22] pada dua belas haribulan Rabi'ul-awal pada hari Ahad pada waktu dhuha pada zaman kerajaan Paduka Seri Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah *zilullahi fi 'l 'alam*[23] sedang bernegeri di Pasir [p-a-s-r] Raja, dewasa itu, bahawa Seri Nara Wangsa yang bernama Tun Bambang anak Syeri [*sic*] Agra [a-g-r] Raja Patani iaitu datang menjunjungkan titah Yang Pertuan [*sic*] Di Hilir *fainna syarafalmakani wazzamani* maka bahawa ia sanya kemuliaan tempat dan zaman *wazaina majalisi ahli-iman* dan ia perhiasyan [*sic*] segala kedudukan orang yang beriman *wanura madaritjatta 'ati wal-ihsani* dan ia menerangkan segala *tanggel*[24] taat, dan kebajikan *zida bilfadli wal-imtinani* dan ditambahi Allah Ta'ala kiranya dengan kelebihan dan kemurahan *dima 'adlun fi sairil buldan* dan dikekalkan kiranya ia dengan 'adil pada segala negeri.
>
> Demikian bunyinya titah yang maha mulia itu: "Bahawa hamba mintak diperbuatkan hikayat pada *hari* [h-a-r-y, هاري] pertuturan [p-r-t-t-w-r-n, فرتتورن] segala Raja-raja Melayu dengan isti'adatnya supaya didengar oleh anak cucu kita yang kemudian dari kita dan diketahuinyalah segala perkataan; syahdan beroleh faedahlah mereka itu daripadanya. Setelah fakir al-mu *'tarifu bil 'ajzi wannaqsi bi'ilmihi* yakni fakir yang insaf akan lemah keadaan dirinya dan singkat pengetahuan ilmunya allazi *yarkabu 'ala jahlihi* yakni yang *kandelan*[25] atas bebalnya; *lah*[26] menengar [*sic*] titah Yang Maha Mulia itu maka terjunjunglah atas batu kepala fakir dan beratlah atas segala anggota fakir. Maka fakir goncaklah[27] diri fakir pada mengusahakannya, syahdan memohonkan taufik fakir ke hadrat Tuhan *sani' al- 'alam* dan kepada Nabi *Sayyidil anam*.
>
> Maka fakir karanglah hikayat ini *kama sami'tuha min jaddi waabi* dan fakir himpunkan daripada segala riwayat orang tuha-tuha dahulu kala, supaya akan menyukakan duli hadrat baginda. Maka fakir namainya hikayat ini ***Sulalatu 's-Salatin yakni pituturan***[28] [p-t-t-w-r-n] ***segala raja-raja***; maka barang siapa membaca dia jangan lagi dibicarakannya dengan sempurna bicaranya, karana sabda Nabi salalLahu alayhi wasallam, *Tafakkaru fi alail Lahi wala tafakkaru fizatilLahi* yakni "Bicarakan oleh kamu pada segala kebesaran Allah dan jangan fikirkan pada Zat Allah."[29]

Melalui petikan daripada naskhah Krusenstern di atas kita diberitahu seorang pembesar berkata kepada pengarang: Ada hikayat Melayu dari Goa dibawa oleh Orang Kaya Sogoh. Nama Tun Bambang disebut. Dia

dikatakan datang menjunjung**kan** titah "**Sultan** Abdullah Mughayat Syah yang meminta agar hikayat itu diperbaiki. Nama Tun Seri Lanang, iaitu Mahmud, tiba-tiba diselitkan, diikuti dengan salasilah nenek moyangnya. Tarikh permulaan membuat resensi (merevisi teks) ialah 12 Rabi'ul-awal 1021 tahun Dal Awal, hari Khamis. Akan tetapi, nama hari ternyata tidak bertepatan dengan tarikh. Masa *Sejarah Melayu* itu dikarang [*sic.*, disalin] ialah "pada zaman kerajaan [pemerintahan] 'marhum mangkat di Aceh', iaitu Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah, **anak Sultan Mahmud Syah**, cucu Sultan 'Alauddin yang disebut "bernegeri di Pase [*sic.*] Raja". Nama yang diberikan pada hikayat tersebut ialah "***Sulalat u's-Salatin yakni perturan*** [p-r-t-w-r-n, فرتورن] [*sic*, pertuturan] ***segala raja-raja***". Fonem /t/u/ (suku kata **tu**) tertinggal – mungkin kerana penyalin berasa janggal menggunakan istilah "pertuturan" dalam ayat.

Daripada naskhah Raffles MS. No. 18 pula kita pun diberitahu bahawa penulisan (atau penyalinan) *Sulalatu 's-Salatin* bermula dengan titah pada 12 Rabi'ul-awal 1021 Hijrah bersamaan dengan Tahun Dal Awal, pada hari Ahad, waktu dhuha.[30] Kita diberitahu bahawa Tun Bambang anak Seri Agra Raja Patani datang "menjunjungkan titah Yang Pertuan [*sic*] Di Hilir". Ungkapan "menjunjungkan titah" mempunyai dua makna: satu bermakna Tun Bambang sendiri yang menjunjung titah; satu lagi bermakna bahawa dia membawakan titah kepada seseorang. Nama "Sultan Abdullah" tiada disebutkan. Tafsiran pun dibuat oleh setengah-setengah pengkaji, bahawa jika benar Tun Bambang yang menjunjung titah itu, maka dia boleh dianggap sebagai orang yang menjadi "pengarang" *Sulalatu 's-Salatin*. Akan tetapi, jika dia menjunjungkan titah untuk disampaikan kepada orang lain maka istilah 'fakir' tidak mungkin merujuk kepada Tun Bambang. Namun begitu, tiada pula disebutkan kepada siapa Tun Bambang "menjunjungkan" (membawakan) titah itu, kerana nama sebenar "fakir" tiada disebut.

Namun demikian, kita diberitahu bahawa "fakir" "mengarang" dengan cara "menghimpunkan segala riwayat orang tuha-tuha dahulu kala". Dalam naskhah Raffles MS. No. 18 nama Tun Seri Lanang atau Bendahara Paduka Raja tidak disebut. Walaupun nama Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah[31] disebutkan, tetapi diberikan tanpa nama bapanya. Baginda juga dikatakan bernegeri – yakni mendirikan kerajaannya – sama ada di Pasir [p-a-s-r, فاسر] Raja (pinggir Sungai Raja) ataupun Pasar Raja. (Kubur Raja).

Nama hikayat ialah "***Sulalatu 's-Salatin, yakni pertuturan segala raja-raja***". Kata *pertuturan* yang dalam naskhah Krusenstern ditulis "*perturan*" [*sic*., *pertuturan*] atau dalam bentuk Kawinya "*pituturan*" telah membingungkan banyak orang yang mula-mula mengkaji *Sejarah Melayu*. Dalam banyak versi, kata ini difikirkan oleh hampir semua peresensi (*reviewer*) dan penyalin naskhah *Sejarah Melayu* yang mengandungi nama Tun Seri Lanang sebagai "pengarang", membacanya sebagai "peraturan". Bahkan, kata Kawi *hari atau ari* (yang dieja dalam huruf Jawi [h-a-r-y هاري][32] yang terdapat dalam naskhah Raffles MS. No. 18 telah digantikan oleh banyak orang dengan kata "bendahara" kerana menyangka penyalin telah tersilap menyalin perkataan "hari" yang mereka fikir seharusnya "bendahara". Bukan sahaja Shellabear dan Munsyi Abdullah membacanya demikian, bahkan Winstedt sendiri dalam resensi *Sejarah Melayu* pada tahun 1938 telah tersilap menanggapi ayat: "Bahawa hamba minta diperbuatkan hikayat pada ***hari pertuturan*** segala Raja-raja Melayu dengan istiadatnya" sebagai "Bahawa hamba minta diperbuatkan hikayat pada bendahara peraturan segala Raja-raja Melayu dengan istiadatnya" (Winstedt 1938: 42). Kesilapan Winstedt ini barangkali disebabkan oleh terkelirunya dia membaca kata "hari" dan "pertuturan" [p-r-t-t-w-r-n, فرتتورن][33] itu seperti yang tertulis dalam naskhah Raffles MS. No. 18.

Walaupun ada orang yang berpendapat kata "pertuturan" itu berasal daripada kata pinjaman dalam bahasa Batak Toba,[34] iaitu ***tutur***, yang bermakna 'kerabat' atau keluarga, yang sebetulnya, berdasarkan kajian saya, kata "tutur" adalah daripada bahasa Jawa Kuno atau Kawi. Kata *pertuturan* (menurut sebutan Melayunya)[35] membawa erti peringatan, riwayat, ajaran[36] dan kenang-kenangan.[37] *Pituturan* dalam bahasa Jawa kuno bererti nasihat atau amanat.[38] Bahkan, dalam bahasa Sunda pun (yang banyak dipengaruhi oleh bahasa Kawi) kata "tuturan" bermakna cerita, salasilah, sejarah atau pergantian generasi (turunan).[39] Oleh hal yang demikian, istilah "*hari pertuturan*" segala Raja-raja Melayu sebetulnya ialah kata daripada bahasa Kawi. Hari atau ari dalam bahasa Kawi ialah kata sapaan bagi kerabat yang lebih jauh, bahkan boleh juga digunakan untuk yang bukan kerabat. Jadi, ungkapan "hari pertuturan segala raja-raja" bererti salasilah semua Raja Melayu dan kerabat

jauhnya. Kata "[h]ari" dalam bahasa Jawa Kuno juga boleh berfungsi sebagai partikel penegasan (*emphatic particle*).

Meskipun demikian, untuk kata "pertuturan" penyalin naskhah Krusenstern pada tahun 1798 hanya menulisnya sebagai "perturan" [p-r-t-w-r-a-n]. Ini barangkali disebabkan oleh penyalin (seperti kebanyakan penyalin dan penyunting lain) berasa waswas tentang istilah ini lantaran tidak memahami kata asalnya dalam bahasa Jawa Kuno. Maka, penyalin naskhah Krusenstern dalam ayat "Akan isteri Laksamana Hang Nadim itu anak Laksamana Hang Tuah [*sic*] *perturan* [p-r-t-w-r-a-n, فرتورن] saudara dua pupu pada Bendahara Lubuk Batu" sekali lagi menulis kata itu "perturan" dan bukan "perturun" kerana seperti d dalam mukadimah hikayat Melayu itu huruf <u>alif</u> [a/ ا] disisipkan antara huruf <u>ra</u> [r/ ر] dan <u>nun</u> [n/ ن].

Dalam kedua-dua petikan, baik daripada naskhah Krusenstern mahupun naskhah Raffles MS. No. 18, pengarang mengingatkan sesiapa pun yang membaca naskhah *Sulalat u's-Salatin*, hendaklah jangan membicarakannya sekehendak hati ("sempurna bicara"). Sebaliknya, pembaca diingatkan agar mematuhi kata-kata Nabi Muhammad sallalLahu 'alayhi wasallam agar yang berbunyi, "Bicarakanlah tentang kebesaran Allah dan jangan bicarakan tentang Zat Allah."

Berdasarkan kedua-dua petikan di atas, kita juga boleh merumuskan bahawa tarikh 12 Rabi'ul-awal digunakan kerana tarikh ini ialah tarikh lahir Nabi Muhammad sallalLahu alaihi wasallam. Nama "Pase Raja" dalam naskhah Krusenstern dengan jelas dieja /p/a/s/r/ - /r/a/j / (فاسر راج) dalam naskhah Raffles MS. No. 18. Dalam kedua-dua naskhah juga terdapat perkataan bahasa Kawi atau Jawa Kuno.[40] Daripada butir-butir maklumat dalam kedua-dua mukadimah di atas juga terdapat beberapa pertentangan (dan juga persamaan) fakta yang perlu diterangkan demi mendapat kejelasan sejarah.

Sultan 'Alauddin anak Sultan Mahmud mati sekitar tahun 1564. Dia dihukum mati selepas dibawa ke Aceh ekoran daripada serangan Aceh ke atas Johor Lama.[41] Menurut satu pendapat, dia sebenarnya bernegeri di Pasir Raja. Jika hikayat Melayu itu dinyatakan telah dikarang pada zaman Sultan 'Alauddin yang ini, bagaimana pula hikayat itu boleh diresensi pada masa Sultan Abdullah Mughayat Syah, yang hanya dilantik menjadi Sultan Johor pada penghujung tahun 1613, selepas berada di Aceh sekitar enam bulan atau lebih?[42] Seyogia diingatkan, Aceh menyerang Batu

Sawar pada bulan Jun 1613. Dia kembali ke Batu Sawar selepas bernikah dengan adik perempuan Sultan Iskandar Muda dan dia menaiki takhta kerajaan Johor di Pasar Raja (pasar bererti kubur atau makam) pada penghujung tahun 1913. Sultan Abdullah Mughayat Syah (yang dikenali dengan gelar Raja Seberang atau Raja Bongsu), pun hanya memerintah di Batu Sawar hingga akhir tahun 1617 atau awal tahun 1618. Perselisihannya dengan Sultan Iskandar Muda Aceh telah menyebabkan dia terpaksa melarikan diri ke Lingga dan berada di sana hingga tahun 1623.

Pada tahun itu juga dia diburu oleh tentera Aceh sehingga menyebabkan dia melarikan diri pula ke Pulau Tambelan.[43] Sultan ‘Alauddin Riayat Syah, iaitu Raja Johor yang diganti oleh Raja Bongsu (Sultan Abdullah) tidak tertangkap ketika tentera Aceh menyerang Pasar Raja [atau Pasir Raja) di Batu Sawar. Oleh yang demikian, bukanlah Sultan ‘Alauddin yang ini yang mati di Aceh. Yang dikatakan yang mati di Aceh dan digelar “marhum yang mangkat di Aceh”, sebenarnya ialah Sultan ‘Alauddin putera Sultan Mahmud. Hal ini juga dinyatakan oleh penulis “Salasilah Raja-Raja Perak”. Manakala menurut *Sejarah Melayu* naskhah Raffles MS. No. 18, Sultan Mahmud Syah disebutkan dengan gelar “marhum Kampar” kerana dia mangkat di Kampar pada tahun 1528.

Menurut naskhah Krusenstern, Sultan ‘Alauddin Ri’ayat Syah putera Sultan Mahmud bernegeri di Pasir Raja. Apakah ada kemungkinan para penyalin *Sejarah Melayu* tahun 1798 ini tersilap apabila mengeja “pa – alif- sin –ya”, (p-a-s-y, فاسي)? Jika perkataan ini bermaksud Pasai, maka adalah munasabah jika *Sejarah Melayu* telah disalin kembali di Pasai. Jika hal ini benar, berertilah orang yang bergelar “Bendahahara Paduka Raja” telah menyalinnya setelah berada di Samalanga, yang terletak sesungguhnya, di daerah Pasai. Akan tetapi, versi *Sejarah Melayu* yang dikaji oleh Abdullah Munsyi, John Leyden dan Shellabear, walau bagaimanapun, menyatakan naskhah Melayu itu telah disalin pada zaman Sultan ‘Alauddin Ri’ayat Syah anak Sultan ala Jalla Abdul Jalil Syah. Namun begitu, rujukan kepada nama Sultan ‘Alauddin yang ini hanya benar untuk naskhah Raffles MS. No. 18 kerana memang pada 13 Mei 1612 (12 Rabi’ul-awal 1021) Sultan ‘Alauddin putera Sultan ala Jalla Abdul Jalil Syahlah yang menjadi raja di Pasar (atau Pasir) Raja).

Dari segi fakta sejarah sudah nyata bahawa tidak ada bukti tertulis sezaman yang mengatakan Sultan ‘Alauddin yang juga merupakan

saudara sebapa, tetapi berlainan ibu, dengan Sultan Abdullah Mughayat [atau Ma'ayat] Syah, mati di Aceh. Menurut sumber Belanda sezaman, pada waktu tentera Aceh menyerang Batu Sawar pada pertengahan tahun 1613, Abdullah telah ditawan dan dibawa ke Aceh, tetapi Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah telah berjaya meloloskan dirinya dan lari ke Bentan.[44] Pada bulan Ogos 1615, dia dilaporkan telah berunding dengan Portugis yang antara lain menjanjikan pertolongan untuk menghantar puteranya Tengku Bujang ke Pahang (kerana dia beristerikan puteri Pahang) agar dapat menuntut takhta kerajaan Pahang. Pada sekitar bulan November 1615 pula 'Alauddin dilihat berada di Selat Singapura.[45] Jadi, tidak mungkin marhum yang mangkat di Aceh itu merujuk kepada raja ini. Berkaitan dengan ini juga kita tiada bukti bahawa orang yang bergelar "Tun Seri Lanang"lah yang menyalin *Sejarah Melayu* pada tahun 1612. Jika benar pun dia menjadi penyalin atau tukang resensinya, maka besar kemungkinannya ini berlaku pada masa terkemudian. Memanglah benar Nuruddin ar-Raniri ada menyebutkan dalam karyanya, *Bustan u's-Salatin* (yang ditulis pada tahun 1638), tentang *Sejarah Melayu* dikarang oleh Bendahara Paduka Raja, tetapi nama Tun Seri Lanang tidak disebut. Seyogia juga diingatkan, ada beberapa orang bendahara yang ditawan (termasuk dari Perak) dan dibawa ke Aceh.

Oleh sebab ada percanggahan seperti yang disebutkan di atas, maka saya berpendapat nama Tun Seri Lanang (dalam bahasa Kawi "lanang" bererti laki-laki) dalam hampir semua versi (kecuali versi Raffles MS. No. 18) mestilah telah ditokok tambah (diinterpolasi) oleh seorang penyalin-redaktur yang mengetahui kandungan sebuah manuskrip yang mencatatkan nama Tun Bambang sebagai orang yang "menjunjungkan titah". Apakah interpolasi ini berlaku di Pasai atau Aceh? Mungkin. Berasaskan rumusan terhadap kedua-dua resensi *Sejarah Melayu* di atas, kita pun boleh bertanya: Apakah yang dapat kita perkatakan tentang "kepengarangan" dan asal-usul karya yang bernama *Sulalat u's-Salatin* yang kemudiannya lebih terkenal dengan nama *Sejarah Melayu* itu?

Nampaknya, dalam naskhah Raffles MS. No. 18, Seri Nara Wangsa yang bernama Tun Bambang hanyalah yang "menjunjung**kan**[46]" titah Yang Dipertuan Di Hilir. Tidak begitu jelas dia sebagai pengarang. Jika dibuangkan potongan kalimah Arab dan terjemahan Melayunya, bermula daripda "*fainna syarafal makani*" sampai "... dengan adilnya pada segala negeri" maka ayat "Seri Nara Wangsa yang bernama Tun Bambang

menjunjungkan titah" wajar dibaca berterusan sampai kepada ayat "demikian bunyinya titah itu" (yang diikuti dengan kata sebenar dalam titah Yang Dipertuan Di Hilir) dan kemudian diteruskan dengan membaca ayat yang berikutnya, iaitu "setelah fakir menengar [*sic*] titah yang maha mulia itu ..." Maka ayat itu boleh juga diertikan bahawa Tun Bambang yang menjunjungkan (menyampaikan) titah itu kepada "fakir" yang tidak dinyatakan namanya. Akan tetapi, apakah fakir merujuk kepada Tun Seri Lanang atau orang lain sukar ditentukan. Namun begitu, ayat itu boleh juga ditafsirkan sebagai bermaksud bahawa Tun Bambanglah yang melaksanakan (menjunjungkan) titah itu. Jika ini tafsirannya, maka pengarangnya mestilah Tun Bambang, tetapi ini tidak mungkin kerana dia bukanlah Bendahara Paduka Raja.

Jika diandaikan bahawa "fakir" yang dimaksudkan itu ialah Tun Seri Lanang, maka kemungkinan besarnya ialah bahawa penyalin lain yang menyalin *Sejarah Melayu* selepas Mei 1612 telah membuat tokok tambah (menginterpolasi) versi Raffles MS. No. 18 atau mana-mana teks *Sulalatu 's-Salatin* dengan memasukkan nama gelar, Tun Seri Lanang, hingga menimbulkan ayat yang agak janggal apabila nama itu digabungkan bersama-sama dengan nama Tun Bambang. Tidak mungkin "fakir" dalam teks *Sejarah Melayu* terang-terangan menyebut nama gelarnya (Tun Seri Lanang) sendiri, kecuali orang lain yang mengetahui nama gelarnya telah menginterpolasikannya kemudian. Cara meriwayatkan kebesaran salasilah diri sendiri juga tidak lazim dilakukan oleh orang Melayu pada zaman itu, bahkan akan kelihatan janggal atau kekok jika seorang bangsawan berbuat demikian kerana lazimnya akal budi Melayu itu bersifat merendah diri. Bahkan, dalam konteks kepercayaan animisme berhubung dengan *semangat*, yang menjadi anutan orang Melayu zaman dahulu pun, tabu atau pantangan menyebut nama sendiri atau pembesar yang berwibawa, seperti orang yang berpangkat bendahara, adalah menjadi amalan masyarakat. Hakikat ini ditunjukkan dalam *Sejarah Melayu* di mana pembesar, kecuali raja, disebutkan dengan nama gelarnya sahaja. Jadi, bagaimana mungkin nama Mahmud atau Muhammad digunakan?[47]

Dalam naskhah Krusenstern, ayat: "Setelah fakir mendengar demikian, jadi beratlah atas segala anggota fakir *al-lazi sir lay 'Ali Jahli* Tun Mahmud namanya Tun Seri Lanang timangannya ..." ketara benar menonjolkan nama Tun Mahmud. Naskhah yang digunakan oleh John Leyden untuk menterjemahkan *Sejarah Melayu* ke dalam bahasa Inggeris

pada suku akhir tahun 1810 juga menyebut Tun Mahmud sebagai nama sebenar Tun Seri Lanang. Demikian pula naskhah *Sejarah Melayu* koleksi Farquhar dan naskhah *Sejarah Melayu* yang tersimpan di Perpustakaan John Rylands di Universiti Manchester. Naskhah John Rylands ini seperti naskhah Raffles MS. No. 18 tidak menyatakan Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah telah mati. Dinyatakan pula yang memberi titah ialah **Sultan** Abdullah Mughayat Syah. Naskhah ini juga menyebutkan nama Tun Mahmud sebagai nama Tun Seri Lanang, dengan salasilahnya sekali. Ayat ini jelas suatu interpolasi orang yang menyalin daripada sebuah naskhah lain yang tidak menyebutkan nama Tun Mahmud. Jika dilihat ayat pada mukadimah naskhah Perpustakaan John Rylands juga nampak sangat sisipan nama Tun Seri Lanang dilakukan secara interpolasi.

Siapakah Pengarang atau Penyalin-resensi *Sulalat u's-Salatin* atau *Sejarah Melayu*?

Sama ada Bendahara Paduka Raja yang dikatakan bergelar Tun Seri Lanang yang menulisnya pada 12 Rabi'ul-awal 1021 Hijrah ataupun orang lain menyalinnya, agak sukar ditentukan. Pada tarikh yang disebutkan itu Sultan Abdullah Mughayat [bukan Ma'ayat][48] Syah belum lagi menjadi Sultan Johor. Dia ialah Yang Dipertuan di Hilir. Kemungkinannya naskhah ini disalin selepas 12 Rabi'ul-awal 1021, iaitu setelah Raja Bongsu diisytiharkan sebagai Sultan Johor. Interpolasi mungkin telah berlaku semasa Bendahara Paduka Raja berada dalam buangan di daerah Pasai, iaitu ketika Raja Bongsu telah menjadi Raja Johor (pada penghujung tahun 1613) dengan ihsan Iskandar Muda.

Kita tahu bahawa penyalinan *Sejarah Melayu* pada mulanya telah dilakukan pada bulan Mei 1612, iaitu pada masa pemerintahan Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah, anak Sultan ala Jalla Abdul Jalil Syah berada di Pasar Raja, Batu Sawar. Kalaupun Bendahara Paduka Raja menulisnya kemudian, lantaran Syeikh Nuruddin ar-Raniri menyebutkannya pada tahun 1638, maka naskhah *Sejarah Melayu* tidak mungkin ditulis oleh Bendahara Paduka Raja atau orang yang bergelar "Tun Seri Lanang" sebelum tahun 1613. Lagipun, pada tahun itu Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah saudara Raja Seberang masih bergelar Sultan. Namun begitu, kita bolehlah membuat spekulasi bahawa mungkin Bendahara Paduka Raja atau orang yang bergelar "Tun Seri Lanang" telah ditangkap bersama-sama dengan Raja Seberang (Yang Dipertuan Di Hilir) dan dibawa ke Aceh oleh tentera Sultan Iskandar Muda pada pertengahan tahun 1613.

Sumber daripada tradisi lisan Aceh pun mengatakannya demikian. Bahkan, menurut tradisi lisan Aceh, makam "Tun Seri Lanang" ada di Samalanga, sebuah daerah yang terletak sekitar 110 km dari Banda Aceh. Akan tetapi, kebenaran perkara ini tidak pernah dibuktikan, dan hal ini hanya kekal sebagai mitos. Jika hal ini tiada kebenarannya (lantaran secara bertulis tiada apa-apa bukti sezaman yang dapat menyatakan kesahihan sejarahnya), maka berertilah *Sejarah Melayu* telah diresensikan (direvisikan) oleh seseorang, sama ada Bendahara Paduka Raja ataupun seorang pembesar lain ketika berada di Aceh.

Walau apa-apa pun spekulasi yang dibuat, berdasarkan naskhah Krusenstern yang ternyata lebih awal daripada resensi sejenisnya (Shellabear, Abdullah Munsyi, Sultan Abdul Rahman Lingga dan Munsyi Muhammad Ali), nama gelar yang didakwa sebagai Bendahara Paduka Raja atau seseorang yang bergelar "Tun Seri Lanang" ialah Tun Mahmud; tetapi jika berdasarkan naskhah Shellabear dan Abdullah Munsyi – dua versi yang ternyata disalin kemudian daripada naskhah Krusenstern –dia juga mungkin bernama Tun Muhammad. Kedua-dua nama ini pun sebetulnya sangat erat perkaitannya dari segi makna. Baik "Mahmud" mahupun "Muhammad" dalam bahasa Arab bererti "dia yang terpuji". Bahkan, kekeliruan ini bertambah membingungkan apabila dalam naskhah Krusenstern terdapat nama Mahmud (f. cxlvii: 2) dan Hamid (f. cxl: 2) dinyatakan sebagai nama suami Tun Genggang (bapa "Tun Seri Lanang"). Nama ini pun mempunyai erti yang hampir sama dengan Mahmud atau Muhammad, yakni "yang patut dipuji".

Jika digabungkan kata dalam frasa "Tun Mahmud [atau Muhammad] namanya, Tun Seri Lanang timangannya", maka intisari maksud yang terserlah daripada kata itu ialah "laki-laki yang terpuji". Bolehkah ini diandaikan sebagai petanda untuk menyatakan bahawa nama sebenar pengarang *Sejarah Melayu* itu sebetulnya tidak diketahui? Jika kita lihat nama orang yang menulis karya sejarah Jawa, *Negarakrtagama* atau *Desawarnana*, maka nama "Prapanca" juga sebenarnya nama samaran kerana kata *prapanca* bererti penjelasan tambahan, dunia nyata, atau boleh juga bermakna kebingungan (Zoetmulder 2000(2): 848). Seyogia juga diingatkan, lantaran wujudnya tabu menyebutkan nama orang besar-besar, maka tidak mungkin pengarang *Sejarah Melayu* itu akan memberitahu namanya sendiri, yang sesungguhnya merupakan pantang orang Melayu tradisional.[49]

Naskhah Krusenstern, jika dibandingkan dengan naskhah-naskhah yang sejenisnya, jelas telah disalin daripada sebuah naskhah yang lebih awal. Perkara ini kelihatan pada cara nama Tun Seri Lanang ditempelkan. Kalaupun benar orang yang bergelar Tun Seri Lanang telah meresensikannya, maka penempelan nama ini mungkin dilakukan selepas orang yang bergelar "Tun Seri Lanang" itu meninggal dunia dan barangkali ini dilakukan kerana orang yang menyalinnya mengetahui bahawa "Tun Seri Lanang" memang terlibat dalam penulisan semula *Sulalat u's-Salatin*.

Bukti kedua yang menunjukkan naskhah ini lebih tua dapat dilihat pada struktur pembahagian kisah atau bab penceritaannya yang tampaknya berakhir dengan kisah penaklukan Melaka oleh tentera Portugis yang diketuai oleh Alfonso d'Albuquerque.[50] Dalam bab ini juga dimasukkan kisah Raja Ahmad dibunuh atas arahan bapanya, Sultan Mahmud, dan kelahiran Raja Ali yang kemudiannya pada tahun 1529, menjadi Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah. Bab ini pun diakhiri dengan kisah kematian pengikut Raja Ahmad yang setia, Tun Ali Hati. Versi yang mempunyai akhiran cerita dengan kematian Tun Ali Hati nampaknya bukan sahaja ada pada naskhah Krusenstern, tetapi juga pada naskhah Munsyi Abdullah, naskhah John Rylands, dan juga John Leyden. Kecuali sedikit perbezaan pada susunan kisah, seperti ceritera ke-11 dalam naskhah Abdullah dan yang lain dijadikan ceritera ke-12 dalam naskhah Krusenstern, versi *Sejarah Melayu* ini juga mempunyai persamaan dengan naskhah Maxwell 105, versi Sultan Abdul Rahman Syah Lingga (Leiden Cod. Or. 12026), versi Farquhar, dan Munsyi Muhammad Ali, yang semuanya menamatkan kisah dengan kematian Tun Ali Hati.

Persamaan juga terdapat pada penggunaan nama Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah yang mangkat di Aceh. Jelas sekali seperti yang telah disebutkan pada awal tadi, yang dimaksudkan dengan marhum yang mangkat di Aceh ini bukanlah anak Sultan ala Jalla Abdul Jalil Ri'ayat Syah, tetapi ialah Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah yang dibunuh di Aceh pada tahun 1564. Apakah yang dapat kita tafsirkan daripada hal ini? Bagi saya, jelas sekali naskhah Krusenstern dan sejenisnya itu telah disalin daripada sebuah naskhah tua yang memang menunjukkan bahawa *Sulalat u's-Salatin yakni hari pertu[tu]ran segala raja-raja Melayu dan istiadatnya* telah ditulis pada zaman Sultan 'Alauddin putera Sultan Mahmud (r. 1529 - 1564), yang mangkat di Aceh, tetapi kemudiannya mengalami proses interpolasi, seperti yang kelihatan pada versi yang

digunakan oleh penyalin yang menghasilkan *naskhah* Krusenstern, John Leyden, Abdullah, John Rylands, Shellabear, dan lain-lain yang sejenisnya. Antara kesemuanya itu, walau bagaimanapun, naskhah Shellabearlah yang paling banyak ditokok tambah sehingga menjadikannya sebagai sebuah teks *hybrid* atau teks campuran.

Tuanya naskhah awal yang digunakan oleh penyalin naskhah Krusenstern juga dapat dilihat pada cara dan sejauh mana rangkap tembang atau puisi Jawa dalam bab tentang lawatan Sultan Mansur Syah ke Majapahit telah disalin mereka. Berbanding dengan naskhah Abdullah atau Shellabear, puisi Jawa tentang bagaimana kehadiran Hang Tuah [*sic*] telah mempesona perempuan-perempuan di Majapahit, tampak jelas lebih terperinci disalin dalam naskhah Krusenstern, sama seperti naskhah Raffles MS. No. 18. Dalam naskhah Abdullah, Shellabear atau Leiden Or. 12026, dan naskhah John Rylands yang tersimpan di Universiti Manchester, puisi Jawa yang disalin itu lebih ringkas dan tidak selesai – barangkali juga kerana kesukaran mentafsirkan ejaan dan katanya.

Ayat terakhir dalam mukadimah *Sejarah Melayu* tentang ingatan Nabi SallalLahu alaihi wasallam itu sebenarnya lebih merujuk kepada ingatan "pengarang" agar tidak dibicarakan hal-hal zat Tuhan. Seyogia diingatkan, pada abad ke-16 dan ke-17, pemikiran Sufi beraliran *wahdat al-wujud* yang berasaskan tulisan Ibn al-Arabi sedang giat disebarkan oleh murid-murid dan para pengikut Hamzah Fansuri (wafat 1590) dan Syamsuddin al-Sumatrani (wafat 1630). Keadaan ini berpanjangan hingga ke masa ketibaan Syeikh Nuruddin ar-Raniri di Aceh pada tahun 1637.[51]

Ingatan agar pembaca *Sulalat u's-Salatin* tidak membicarakan soal Zat Allah, tetapi sebaliknya membicarakan kebesaran Allah juga tertera dalam naskhah Raffles MS. No. 18. Hal ini menunjukkan bahawa benarlah *Sejarah Melayu* dari Goa (Makassar) itu telah disalin kembali pada tahun 1021 Hijrah atau 1612 M. ketika ajaran tasawuf *wahdat al-wujud* sedang berkembang, tetapi hendak disekat oleh mereka yang menganggapnya menyeleweng dan mengetepikan syariat pada ketika Nuruddin ar-Raniri telah berada di Aceh. Sekalipun demikian, naskhah Raffles MS. No. 18 pun merupakan salinan daripada sebuah naskhah *Sulalat u's-Salatin* yang lebih tua.

Seperti yang telah dihujahkan di atas tadi, alasan untuk menyatakan usianya yang tua, hampir sama dengan alasan untuk membuktikan ketuaan yang dijadikan asas penyalinan bagi naskhah Krusenstern dan yang sejenisnya. Namun demikian, berdasarkan beberapa kisah yang

tiada terdapat dalam naskhah yang dijadikan asas oleh naskhah Krusenstern, dan yang sejenisnya, seperti kisah yang ke-24 hingga ke kisah yang ke-31, yang berupa lanjutan selepas kisah ke-23 tentang penaklukan Melaka dan pembunuhan Tun Ali Hati, saya lebih cenderung untuk menyatakan bahawa sumber yang digunakan oleh penyalin naskhah Raffles MS. No. 18 hanya berbeza sedikit daripada naskhah awal yang digunakan oleh naskhah Krusenstern dan yang sejenisnya.

Kemungkinan yang berlaku ialah bahawa penyalin atau penyunting naskhah Raffles MS. No. 18 telah membuat revisi pada teks *Sejarah Melayu* dengan menggunakan beberapa sumber, termasuk naskhah Blagden[52] yang memang kemudiannya menjadi teras kepada naskhah Raffles MS. No. 18.[53] Oleh sebab naskhah ini mencakupi hanya kejadian yang berlaku sebelum tahun 1536, maka tampaknya, usia naskhah yang digunakan sebagai acuan oleh penyalin naskhah Raffles MS. No. 18 memang tua, tetapi merupakan gabungan dua naskhah, iaitu naskhah asal yang kisahnya berakhir dengan kematian Tun Ali Hati, dan naskhah Blagden.

Dari segi penggunaan istilah, seperti "pertuturan" (peringatan, salasilah), "*manggusta*" (manggis), "karas bandan" (kelengkapan alat tulis), "bizurai" (wizurai), dan beberapa yang lain, serta ketepatan menentukan nama hari bagi tarikh 12 Rabi'ul-awal tahun Dal awal Hijrah 1021, sebagai hari Ahad, pun menunjukkan ketuaan usianya. Bahawa tarikhnya bertepatan dengan hari Ahad juga menunjukkan salinannya dibuat sebelum penyalinan kembali dilakukan oleh penyalin naskhah Krusenstern sebelum tahun 1798. Akan tetapi, naskhah yang menjadi acuan penyalin asal naskhah Krusenstern pun berusia tua; namun begitu, oleh sebab proses interpolasi yang dilaluinya semasa disalin kembali menyebabkan timbul sedikit perbezaan dengan naskhah Raffles MS. No. 18 yang disalin pada 12 Rabi'ul-awal 1021 (13 Mei 1612), dan telah memasukkan bab yang menceritakan peristiwa sebelum tahun 1536 (yang dipetik daipada naskhah Blagden, tetapi tidak terdapat di dalam naskhah acuan yang digunakan oleh penyalin asal naskhah Krusenstern). Bahawa penyalin naskhah Krusenstern di Aceh menyatakan naskhah tersebut disalin pada hari Khamis (bukan Ahad) juga menunjukkan disalin terkemudian, tetapi naskhah sumber atau induknya tetap berupa naskhah yang sama tua dengan sumber naskhah Raffles MS. No. 18 (tanpa teks naskhah Blagden). Penyalinan kembali naskhah tersebut jelas

telah berlaku ketika Bendahara Paduka Raja berada di Aceh, iaitu berdasarkan bukti daripada *Bustan u's-Salatin*.

Bilakah Naskhah yang Menjadi Acuan Penyuntingan Naskhah Krusenstern Disalin?

Dalam naskhah Krusenstern, ada beberapa petunjuk bahawa naskhah *Sejarah Melayu* yang menjadi naskhah induk bagi naskhah Krusenstern 1798 itu telah disalin semula di Aceh, tetapi lama selepas Bendahara Paduka Raja meninggal dunia. Bahawa penyalinan itu dilakukan oleh seseorang yang identitinya tidak diketahui selepas kematian Bendahara Paduka Raja dapat dibuktikan dengan terdapatnya banyak kata daripada bahasa Aceh yang digunakan di dalamnya. Contohnya, nama gelaran Aceh, seperti: "Datuk Si kudai" (dari kata *kude* yang bererti kedai), "*gogale*" (yang bererti membuat tidak tenteram), "utus" (dari kata "*utoih*" yang dalam bahasa Aceh bererti "tukang", "*Mĕrah Silo*" (bukan Marah Silu) dan beberapa yang lain. Istilah "Orang Kaya Sogoh" juga merupakan gelaran Aceh. Kata "Sogoh" ialah korupsi atau kata tercemar daripada kata Aceh "Sagoe" (disebut "sagi") yang bererti "segi", iaitu bahagian daerah pemerintahan *uleebalang* di luar daerah pemerintahan Sultan Aceh. Terdapat tiga sagoe; setiap sagoe itu dinamakan dengan berdasarkan jumlah mukim yang terdapat di dalamnya, misalnya "Sagoe [Sagi] Dua Puluh Lima Mukim" dinamakan demikian kerana terdapat 25 mukim. *Uleebalang* yang memerintah sagoe disebutkan "panglima *sagoe*" atau "panglima sagi" dan panggilan akrabnya ialah "Orang Kaya". Istilah *sagoe* sebagai daerah pemerintahan mula-mula diperkenalkan pada zaman pemerintahan Sultanah Nurul-'Alam Nakiatuddin (r. 1675 - 1678). Menurut orang Aceh, raja perempuan inilah yang membahagikan daerah Aceh Besar kepada tiga *sagoe*. Jika ini benar, berertilah naskhah induk bagi naskhah 1798 itu telah disalin selepas pertengahan abad ke-17. Walaupun ada juga sarjana[54] yang berpendapat istilah *sagoe* telah diperkenalkan pada zaman Sultan Ali Mughayat Syah (r. 1516 - 1530), ini tidak menolak kemungkinan naskhah itu disalin pada sekitar pertengahan abad ke-17.

Pada kisah ke-22 dalam *Sulalat u's-Salatin* naskhah Krusenstern (f. cxliv: 2) terdapat kata "yang menjadi raja Perak sekarang ini". Kalimat ini memberikan isyarat bila naskhah *Sejarah Melayu* telah disalin semula di Aceh. Bahagian hujung kisah ke-22 itu menyebutkan bahawa Sultan Mughal telah melantik Raja Sulung (saudara sepupunya) sebagai Sultan

Perak yang bergelar Sultan Muzafar Syah. Raja Mughal ialah gelaran bagi Sultan Iskandar Thani yang menggantikan Sultan Iskandar Muda pada tahun 1636. Naskhah *Sejarah Melayu* yang mengandungi nama Tun Seri Lanang menyebutkan nama Sultan Mansur Syah anak Muzafar Syah sebagai Raja Perak ketika naskhah *Sejarah Melayu* di"tulis" di Aceh. Akan tetapi, sejarah Perak menyebutkan yang menggantikan Muzafar Syah sebagai Sultan Perak pada tahun 1653/54 bukanlah Raja Mansur, tetapi abangnya, Sultan Mahmud. Walau bagaimanapun, Raja Mansur telah dilantik oleh Sultan Mahmud sebagai Sultan Muda sekitar antara tahun1650-an hingga 1660-an. Kekeliruan penyalin *Sejarah Melayu* tentang perkara ini menyebabkan dia tersilap menamakan Raja Mansur sebagai Sultan Perak dan ini jelas menunjukkan penyalin tidak benar-benar mengetahui apa yang berlaku di Perak lantaran dia berada di Aceh. Hal ini juga membuktikan bahawa naskhah yang dijadikan acuan oleh Haji Muhammad Tahir al-Jawi dan rakan-rakannya pada tahun 1798 untuk menyalinnya semula setelah diminta oleh Komodor Krusenstern ialah naskhah yang disalin di Aceh pada separuh kedua abad ke-17 mungkin sekitar tahun 1660-an atau 1670-an.[55]

Penutup

Daripada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa naskhah *Sulalat u's-Salatin* milik Krusenstern yang kini tersimpan di Arkib Institut Manuskrip Oriental di Saint-Petersburg, telah menyingkap tabir yang selama ini menyembunyikan banyak maklumat tentang *Sejarah Melayu*. Rupa-rupanya maklumat yang terselindung selama berabad-abad itu kerana para pengkajinya yang lepas-lepas telah tersalah baca apa yang sebetulnya tertulis dalam karya agung orang Melayu ini. Perkara ini bukan sahaja berlaku pada pembacaan naskhah Krusenstern, tetapi juga pembacaan teks semua naskhah *Sejarah Melayu* yang menunjukkan kegagalan mengenali kata asing yang dieja mengikut sistem ejaan Jawi Kuno. Dalam bab berikut masalah tersalah baca huruf Jawi bentuk lama yang lazimnya tidak mewajibkan penggunaan vokal dalam satu-satu perkataan akan dibicarakan.

9 Lihat E. V. Revunenkova, *Sulalat-us-Salatin: Krusenstern's Malay Manuscript, its Cultural and Historical Value* (judul yang diberikan terjemahan Inggerisnya), Russian Academy of Sciences and Peter the Great Museum of Anthropology and Ethnography (Kunstkammer), St. Petersburg, 2008.

10 "Jamrut" ialah sebutan Jawa untuk "zamrud", batu permata berwarna hijau. Mungkin sekali Ibrahim digelar "jamrut" kerana dia berniaga zamrud. Pada pendapat saya, sekurang-kurangnya seorang daripada penyalin naskhah 1798 ini ialah seorang Melayu yang berketurunan Jawa, iaitu Muhammad Tahir al-Jawi. Ibrahim "Jamrut" pun mungkin juga seorang Jawa.

11 Dr. Revunenkova tersilap apabila dia mengatakan naskhah ini mengandungi 34 kisah (bab). Setiap bab sebenarnya ditandai dengan kata "Alkisah". Susunan bab yang dilakukan oleh Dr. Revunenkova juga seolah-olah meniru susunan yang dibuat oleh Shellabear, dan oleh itu, pembahagian babnya tidak menepati apa yang tersusun dalam naskhah Krusenstern. Misalnya, ceritera Badang telah dimasukkannya ke dalam Bab Keenam, walaupun kisah itu merupakan sebahagian daripada Bab Kelima, iaitu sama seperti yang terdapat dalam Raffles MS. No. 18. Begitu juga kisah Hang Kesturi bertikam dengan Hang Tuah [*sic*] telah dimasukkannya ke dalam Bab ke-16, walaupun kisah ini sebenarnya berada dalam kisah (Bab) ke-12 lantaran kisah tersebut tercantum dengan kisah rombongan perwakilan Melaka ke negeri China. Selain kesilapan dalam menyusun bab, Dr. Revunenkova juga tersalah baca beberapa ungkapan, seperti "lembu putih" dibacanya sebagai "kerbau putih", nama "Raden Purna Lango" sebagai "Kirana Langu" dan nama Tun Seri Lanang, "Mahmud" dibacanya sebagai " Muhammad".

12 Maklumat ini, termasuk juga yang lain yang berkaitan dengan deskripsi naskhah dan tulisan dalam teks telah dipetik daripada karya Dr. Revunenkova, iaitu dengan bantuan terjemahan oleh pensyarah bahasa Rusia di Universiti Malaya, Profesor Madya Dr. Victor Pogadaev. Saya merakamkan penghargaan kepada Dr. Pogadaev yang dengan senang hati telah menterjemahkan bahagian-bahagian yang relevan daripada karya ini. Walau bagaimanapun, sebarang kesilapan yang mungkin timbul adalah atas tanggungan saya sendiri.

13 Kata Jawa Kuno (asal Sanskrit) yang bererti gunung, yang dalam mitologi Hindu merupakan pusat Jambudwipa dan dunia.

14 *Sawar* bererti penghalang atau penghadang (Wilkinson 1959(2): 1028).

15 "Pase" ialah "pasir" menurut sebutan lisan Melayu.

16 Dalam naskhah Melayu lama huruf [ک] (tanpa titik) untuk /k/] biasa digunakan sebagai ganti huruf [ ] atau /g/].

17 Penyalin naskhah Raffles MS. No. 18 menulisnya, "menerangkan".

18 *Pengkah* (juga *pengkuh*) dalam bahasa Jawa Kuno atau Kawi bererti tegap, kuat, sukar untuk diatur (kepala batu) (Lihat Zoetmulder (2000(2): 808).

19 Daripada kata Kawi "becik"; kebecikan bererti kebajikan, keunggulan, keistimewaan (lihat Mardiwarsito 1981: 113).

20 Kata akarnya "gonjak" atau "gunjak" dalam bahasa Kawi bererti mengejek, berolok-olok atau bersenda gurau atau mempersendakan diri dengan maksud merendah diri seolah-olah kelihatan bodoh. Sebutan Melayunya boleh juga "kunjak" (lihat Zoetmulder 2000(1): 303 dan Wilkinson 1959: 381 dan 626).

21 *Sa* dalam bahasa Kawi dan Melayu bererti satu.

22 Tentang penggunaan huruf Arab dalam sistem kalendar Melayu lama, lihat Ahmat Adam (2009: 1 – 34).

23 Ertinya: "bayang-bayang Allah di dunia".

24 Kata Kawi yang bererti rintangan, halangan atau perlawanan. Juga bererti ketakutan atau kekhuatiran (lihat Wojowasito (1977: 262). Cf. Zoetmuder (2000(2): 1206).

25 Walaupun ejaannya seolah-olah menampilkan ejaan [k-n-d-r-a-n], tetapi huruf [ر atau "r'] sebenarnya ialah kesilapan penyalin menyalin huruf [ل atau "l"]. Oleh yang demikian, ejaan sebetul kata ini ialah [k-n-d-l-n], yakni untuk kata "kandelan", bukan "kendaraan". *Kandelan* dalam bahasa Jawa Kuno atau Kawi bererti tebal, padat, kokoh, atau banyak. "Kakandelan" bererti dengan ketebalan (lihat Zoetmulder 2000(1): 453), Wojowasito 1977: 127, dan Mardiwarsito 1981: 265).

26 *Lah*, ialah kata Kawi. Kata ini digunakan sebagai desakan, nasihat, permintaan, atau peringatan (lihat Wojowasito 1977: 150; lihat juga Zoetmulder 2000(1): 557).

27 "Goncak" adalah bentuk tercemar kata "gonjak" atau "gunjak" yang berasal daripada kata Kawi *gonjak*. Lihat nota 18 di atas. Dalam bahasa Melayu, kata "goncak" (juga *kunjak*) bererti membuat kelakar; memperolokkan diri atau membuat diri seolah-olah dipermainkan (lihat Wilkinson 1959 (1): 374 dan 626).

28 P-t-t-w-r-n = pituturan. Dalam bahasa Kawi bentuk kata *pitutur* bererti nasihat atau anjuran. *Papituturan* bererti peringatan (lihat Mardiwarsito 1981: 624-625).

29 Petikan daripada sebuah hadith Syiah (lihat *Usul al-Kafi*, I, 92, hadith 1. Sumber hadith ialah Abu Ja'afat al-Sadiq).

30 Waktu dhuha ialah waktu sembahyang pada pagi hari, iaitu antara waktu apabila matahari sudah terbit dan sebelum masuknya waktu zuhur, yakni waktu matahari tegak atau tepat di puncaknya.

31 Tidak disebut dia mati di Aceh.

32 Lihat Raffles MS. No. 16: f. 2.

33 Tanpa prihatin terhadap bentuk ejaan Jawi lama yang tidak mementingkan vokal, Muhammad Haji Salleh membaca ejaan untuk perkataan asal Kawi, yang juga tidak diketahui olehnya akan maknanya, sebagai "perteturan" (Muhammad 1997: xiii dan xv).

34 Lihat R. Roolvink (1967(3): 304-305, nota 8). Seyogia diingatkan, kata ini terdapat dalam bahasa Batak Toba kerana pada pertengahan abad ke-14, wilayah Batak pun

menjadi sebahagian daripada jajahan Majapahit (lihat Slametmulyana 1979: 146 dan Robson 1995: 33).

35 Bukan "perteturun" seperti yang disangkakan oleh Muhammad Haji Salleh (1997: *passim*).

36 Mardiwarsito (1981: 624).

37 Zoetmulder (2000(2): 1307 - 1308).

38 *Ibid* (2002(2): 1308).

39 Lihat Hadjadibrata (2003: 857).

40 Penggunaan istilah dalam bahasa Kawi secara lumrah juga amat ketara dalam teks kedua-dua naskhah. Hal ini sebenarnya telah tidak disedari oleh banyak orang yang mengkaji teks *Sejarah Melayu*.

41 Lihat Macgregor (1955: 84; 1956: 6). CF. Pinto (1969: 39). Sultan 'Alauddin yang ini digelar orang "Marhum Sayyid Mangkat di Aceh" (lihat Maxwell 1882 (9): 97-98).

42 Bahkan, pada ketika itu 'Alauddin masih bergelar sultan, walaupun dia dalam pelarian hingga ke tahun 1616. Raja Bongsu naik takhta dengan gelaran Sultan Abdullah Mughayat Syah setelah berkahwin dengan adik perempuan Sultan Iskandar Muda.

43 Tambelan atau Timbulan terletak di kawasan Pulau Tujuh, di Kepulauan Riau.

44 Lihat C. A. Gibson-Hill (1956: 126 -128).

45 *Ibid.*, hlm. 133.

46 Imbuhan "kan" sengaja dihitamkan sebagai penegasan. Demikian pula huruf-huruf lain yang digelapkan dengan sengaja demi penegasan.

47 Perbincagan tentang pantangan nama ini boleh diikuti dalam Bab VI.

48 Kesilapan mereka yang menggunakan nama "Maayat Syah" adalah disebabkan oleh kerana pentransliterasi telah tersalah baca huruf Jawi ghayn [غ] sebagai 'ayn [ع].

49 Untuk perbincangan lanjut tentang pantangan menyebut nama, lihat Bab VI.

50 Atau Afonso Dalboquerque (Birch, 1880).

51 Tentang perbezaan dalam doktrin Tasawuf masing-masing, lihat Peter Riddell (2001: 104 -125).

52 Lihat Blagden (1925).

53 Lapan kisah dalam naskhah Blagden telah dijadikan lapan bab terakhir untuk naskhah Raffles 18. Lihat Ibid: 10 – 25.

54 Lihat misalnya, Teuku Iskandar (2007: 11).

55 Keterangan lanjut tentang pengaruh bahasa Aceh dalam *Sejarah Melayu*, dan masa penyalinan awal naskhah yang menjadi acuan kepada naskhah milik Krusenstern telah saya kemukakan dalam karya yang kini dalam proses penerbitan oleh Yayasan Karyawan, Kuala Lumpur, yang diberikan judul "*Sulalat u's-Salatin* yakni per[tu]turan segala raja-raja. Dialih aksara dan disunting dengan kritis, serta diberi anotasi dan pengenalan oleh Ahmat Adam".

Bab III

TERSILAPKAH ANDA MEMBACA *SEJARAH MELAYU* SELAMA INI?[56]

Suatu hal yang kurang diberikan perhatian oleh para pengkaji *Sejarah Melayu* selama ini ialah kehadiran beberapa elemen daripada bahasa Kawi dan Sanskrit dalam teks *Sejarah Melayu*. Oleh sebab kebanyakan peresensi (*reviewer*) kurang memberikan perhatian yang teliti terhadap bentuk ejaan Jawi yang digunakan oleh para penyalin awal sepanjang beberapa abad yang lalu, maka tidaklah menghairankan jika banyak kesilapan membaca dan mentransliterasikan huruf Jawi ke Rumi telah berlaku. Kesilapan membaca oleh peresensi atau penyunting pada tahun-tahun terkemudian pun mungkin telah meneruskan kesilapan itu lantaran mereka itu tidak mempedulikan ejaan Jawi bentuk kuno yang pembacaannya tidak boleh dibuat sama seperti membaca huruf Jawi pada zaman moden. Lagipun, seperti yang diketahui, pada abad ke-19 tidak semua penyalin itu terdiri daripada orang Melayu asal dan banyak antara mereka itu tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bahasa serumpun bahasa Melayu, seperti Jawa Kuno, Jawa Tengahan, Sunda atau Melayu Kuno; oleh sebab itu, tentulah mereka tidak akan dapat membuat salinan dan transliterasi yang tepat.

Sementelahnya pula, mereka yang menyalin daripada naskhah yang memang sudah sedia bersifat salinan kedua atau ketiga, akan lebih terkeliru apabila mereka cuba mentafsirkan ejaan setengah-setengah perkataan yang kelihatan asing bagi mereka. Apabila naskhah salinan itu kemudian ditransliterasikan oleh orang Eropah (atau orang tempatan yang diupah oleh orang Eropah), maka kesalahan mengeja atau mengenali perkataan yang disalin itu akan lebih merumitkan lagi. Hal-hal begini pun mungkin telah berlaku sejak 200 tahun atau 300 tahun dahulu. Perbincangan tentang kesilapan ini, walau bagaimanapun, akan lebih banyak merujuk kepada teks naskhah Krusenstern dan Raffles MS. No. 18.

Salah Tafsir terhadap Istilah yang Digunakan

Dalam bab yang terdahulu telah dibandingkan antara mukadimah yang terdapat dalam teks Krusenstern dengan pendahuluan yang terkandung dalam teks *Sejarah Melayu* versi Raffles MS. No. 18. Tujuannya adalah untuk menunjukkan betapa terdapat banyak persamaan antara kedua-duanya, sekalipun ada juga perbezaan apabila berlaku interpolasi oleh penyalin kedua-kedua teks. Persamaan itu kelihatan, terutamanya dari segi gaya bahasa dan penggunaan istilah yang banyak berasal daripada bahasa Kawi dan Sanskrit. Oleh sebab terdapat begitu banyak perkataan Jawa Kuno atau Kawi saya menduga bahawa mungkin sekali naskhah induk yang dijadikan acuan untuk menyalin kedua-dua naskhah telah ditulis, sama ada oleh seorang Jawa ataupun seorang Melayu berketurunan Jawa yang fasih dalam bahasa Kawi atau Jawa Tengahan dan Sanskrit, serta mempunyai pengetahuan luas dalam kesusasteraan Jawa Kuno; atau barangkali, penulis asalnya memang seorang Melayu yang memiliki pengetahuan yang sangat dalam tentang sastera, sejarah dan kebudayaan Jawa Kuno.

Bertolak daripada perbincangan tentang mukadimah *Sejarah Melayu* dalam bab yang terdahulu, barangkali wajar kita membicarakan beberapa istilah yang digunakan dalam mukadimah tersebut. Untuk itu, kita rujuk petikan kata daripada versi naskhah Krusenstern tahun 1798 dan naskhah Raffles MS. No. 18 tahun 1812. Istilah dan ungkapan itu adalah seperti: Seri Agra /s/r/y/ /a/-k(g)/r/ [سري اكر], yang oleh hampir semua peresensi, daripada Shellabear dan Winstedt sampailah kepada Abdul Rahman Haji Ismail dan Muhammad Haji Salleh, dibaca dan ditransliterasikan ke dalam huruf Rumi sebagai "Seri Akar Raja". Nama gelaran pangkat ini sebetulnya tiada kena mengena dengan "akar". Para peresensi itu terkeliru dengan huruf Jawi kaf [ک] yang tiada bertitik yang sepatunya dibaca sebagai huruf ga [ ]. Kata "Agra" [a-k[g]-r] ialah kata Kawi (asal Sanskrit) yang bererti pemimpin, atau terutama, terkemuka, tertinggi atau terpenting.[57] Dan ayat dalam naskhah Krusenstern, "Dan ia memerangi segala *pĕngkuh* [atau pĕngkah], taat, dan kebajikan" dibaca oleh kebanyakan peresensi: "... dan ia menerangi [*sic*] segala pangkat ta'at dan kebajikan" (Shellabear 1981: 2, Situmorang dan Teeuw 1952: 2, dan A. Samad Ahmad 1986: 3). Perkataan Kawi "pengkuh" atau "pengkah" yang bererti tegap atau kukuh, tetapi dieja dengan ejaan Jawi lama [ڤغكه] memang mengelirukan kerana mereka menyangka huruf hujung perkataan itu ialah huruf ta marbutah [ة], dan

oleh sebab itu, membaca kata itu sebagai "pangkat". Kesilapan mereka itu juga lantaran tidak terlintas dalam fikiran mereka kata itu bukanlah perkataan Melayu, tetapi Kawi. Dalam pada itu, banyak antara mereka yang mentransliterasikan ayat dalam manuskrip Raffles MS No. 18 apabila mentransliterasikan ayat yang bermaksud sama, iaitu, "... dan ia menerangkan segala *tanggĕl*, taat dan kebajikan ..." kepada "Dan ia menerangkan segala **tangga**, taat dan kebajikan" (lihat Winstedt 1938: 42, Brown 1952: 12, Muhammad Haji Salleh 1997: 3, dan Abdul Rahman Haji Ismail 2009: 65). *Tanggel* juga ialah istilah Kawi yang membawa makna rintangan, halangan atau perlawanan (Wojowasito 1977: 262). Apabia kata *tanggel* digantikan dengan "tangga" tentulah maksud ayat itu terseleweng.

Kesilapan membaca perkataan Kawi dalam mukadimah naskhah Raffles MS. No. 18 juga kelihatan pada perkataan *kandelan* dalam ayat, "Setelah fakir ... yang insaf akan lemah keadaan dirinya dan singkat pengetahuan ilmunya ... yang *kandelan*[58] atas bebalnya ... " telah dibaca oleh ramai peresensi[59] sebagai "Setelah fakir ... yang insaf akan lemah keadaan dirinya dan singkat pengetahuan ilmunya ... yang "kenderaan"[60] atas bebalnya." Kata "kandelan" yang dalam bahasa Kawi bererti tebal atau padat[61] pun apabila dibaca "kenderaan" juga tidak munasabah. Sama seperti apabila kata "gonjaklah" yang telah dibaca sebagai "kencanglah", atau "goncanglah", atau "perkejutlah" tentulah tidak akan mencerminkan maksud ayat yang sebenar.[62]

Masalah yang dihadapi oleh banyak pengkaji *Sejarah Melayu* kerana mereka menganggap hikayat Melayu itu hampir seluruhnya ditulis dengan menggunakan perkataan Melayu, sedangkan dalam hampir semua versi *Sejarah Melayu* kata yang berasal daripada bahasa Jawa Kuno dan Sanskrit banyak sekali ditemui. Juga yang menjadi penghalang utama dalam membuat transliterasi dari Jawi ke Rumi adalah cara menulis Jawi dalam naskhah tua Melayu, dan cara pemindahan aksara atau peresensi itu membaca kata dalam huruf Jawi itu, yang biasanya dilakukan dengan berdasarkan ejaan yang mereka biasa gunakan. Para pengkaji manuskrip Melayu tentu sedar betapa sukarnya membaca atau mengenali sesuatu perkataan semata-mata kerana ejaan Jawinya tidak mementingkan vokal atau diftong. Misalnya, kata "tuan" cukup dieja dengan huruf /t/n/, atau / t/w/n/, manakala kata "duli" dieja dengan huruf /d/l/ sahaja dan menteri dieja /m/n/t/r. Begitu juga kata "Bota" (atau Sanskritnya

Bhuta)[63] cukup dieja dengan dua huruf sahaja, iaitu ba /b/ dan ṭa /t/ [طب]. Perkataan yang berbeza pun kadang-kadang dieja dengan cara yang sama; misalnya, kata "toh" dan "tuha" dieja dengan huruf Jawi yang sama, iaitu /t/w/h/ [توه]; kata "bawa" dan "bau" pun dieja dengan menggunakan huruf yang sama, iaitu /b/a/w/ [باو], dan kata "bunga" dan "buang" pula dieja /b/w/ŋ/ [بوڠ], iaitu dengan huruf Jawi yang sama; kata Arab "jahli" dan dan kata "jahil" juga dieja dengan huruf yang sama, iaitu /j/h/l/ [جهل].

Satu lagi masalah tulisan Jawi dalam manuskrip Melayu ialah titik pada sesuatu huruf kadang-kadang dibubuh di atas dan kadang-kadang di bawah. Misalnya, untuk titik huruf ba /b/ [ب], ada ketikanya dibubuh dengan betul, iaitu di bawah, tetapi ada juga masanya, seperti yang terdapat dalam manuskrip Krusenstern, titik ba /b/ [ب] itu dibubuh di atas hingga seolah-olah menjadi huruf nun /n/ [ن]. Misalnya, untuk nama "Bicitram" titik huruf ba dalam naskhah Krusenstern telah dibubuh di atas. Lebih mengelirukan lagi apabila titik huruf yang sepatutnya satu, dibubuh dua atau tiga, ataupun sebaliknya. Dalam naskhah Krusenstern, misalnya, nama Bicitram dieja seolah-olah t/j/y/t/r/m [تجيترم] kerana huruf ba /b/ [ب] yang titiknya diletakkan di atas seolah-olah mempunyai dua titik huruf ta /t/ [ت], dan huruf ca /ch/ [چ] yang seharusnya ada tiga titik diberikan satu titik sahaja, sehingga huruf itu seolah-olah membentuk huruf jim /j / [ج].[64] Demikian pula titik huruf ga /g/ [ ] kadang-kadang dibubuh di bahagian atas dan kadang-kadang di bawah [ ]. Akan tetapi, sudah menjadi kelaziman pula bagi penulis manuskrip lama untuk tidak meletakkan titik pada huruf ga sehingga yang tinggal ialah huruf kaf /k / [ک], walaupun yang dimaksudkan ialah huruf ga /g/ [ ].

Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa cara penulisan kata dalam huruf Jawi tidak semestinya mencerminkan cara yang betul perkataan itu disebutkan. Contohnya ejaan s/p/r/b [سفرب] telah menimbulkan kesalahan sebutan bagi perkataan itu (hal ini akan dibicarakan lagi nanti). Oleh sebab itu, masalah tulisan Jawi gaya lama memang menyukarkan tugas membuat transliterasi jika penyunting tidak hati-hati. Hal inilah yang telah menyebabkan para peresensi Eropah yang mengerjakan *Sejarah Melayu* "tersasul" dalam membuat tafsiran mereka. Kesilapan dalam transliterasi yang dimulakan oleh para pengkaji Eropah itu, sekalipun mereka barangkali telah mendapatkan bantuan para pembaca tulisan Jawi yang terdiri daripada orang Melayu sendiri,

atau mereka yang berketurunan Jawi Peranakan,[65] telah diwarisi oleh para pengkaji terkemudian.

Dalam manuskrip Raffles MS. No. 18 juga terdapat kata "lah" dan "gonjaklah" yang digunakan dalam ayat:

> "*Lah* menengar [*sic*] titah yang maha mulia itu maka terjunjunglah atas batu kepala fakir dan beratlah atas segala anggota fakir, maka fakir *goncaklah* /k(g)/n/c/k/l/h/[66] diri fakir pada mengusahakannya ..."

Oleh sebab kesilapan membaca dua perkataan ini, maka ertinya turut terseleweng. Kegagalan memastikan makna kata *lah* dalam konteks ayat di atas, menyebabkan ada penyunting atau peresensi yang meninggalkan kata "lah" begitu sahaja tanpa mentransliteraikannya (Muhammad Haji Salleh 1997: 4 dan Abdul Rahman Haji Ismail 2009: 66); barangkali kerana memikirkan ini adalah satu kekhilafan penyalin. Ada pula yang menggantikannya dengan kata "setelah"[67] (A. Samad Ahmad 1979: 2 dan Situmorang dan Teeuw 1952: 2). Walhal, kata "lah" yang digunakan bukanlah kerana tersalah eja atau tersalah letak dalam ayat. "Lah" ialah kata seru dalam bahasa Kawi yang membawa makna "wahai!", baiklah! atau "nah!". Penggunaannya adalah bertujuan sebagai desakan, nasihat, permintaan atau, peringatan.[68] Kesalahan menanggapi kata seperti ini, memang banyak; misalnya, *sa* (yang bererti satu, sama atau dengan), *de* (yang bererti oleh, di, atau buat) dan *den* (yang bererti kadang-kadang atau ada kalanya) sering tidak ditanggapi maknanya, dan oleh sebab itu, sering pula transliterasinya silap. Juga penggunaan kata yang dianggap bukan daripada bahasa Melayu pun menyebabkan peresensi keliru, dan oleh itu, tidak dapat membuat transliterasi yang betul. Misalnya, dalam ayat "Maka fakir *pergonjak*lah (atau perkunjaklah) diri fakir pada mengusahakannya ... "telah dibaca sebagai "perkejutlah" oleh mereka yang menggunakan naskhah yang mengandungi nama Tun Seri Lanang (Shellabear 1981: 3, A. Samad Ahmad 1979: 3, dan Situmorang dan Teeuw, 1952: 2). Perkataan "gonjak" (dalam naskhah Raffles MS. No. 18) pun telah tersilap dibaca oleh semua peresensi yang menggunakan naskhah itu. Mereka membacanya sebagai "kencanglah" (Muhammad Haji Salleh 1997: 4), "goncanglah" (Abdul Rahman Haji Ismail 2009: 66), atau "bergoncanglah (Winstedt 1938: 42).

Kesilapan membuat transliterasi dari aksara Jawi ke Rumi menyebabkan pembaca awam *Sejarah Melayu* hingga kini terkeliru, dan oleh sebab itu, tidak dapat mengapresiasi sepenuhnya unsur klasik pada

bahasa Melayu arkaik dalam *Sulalalat u's-Salatin* sejak ketika hikayat Melayu itu mula dikaji oleh penelaah dan peminatnya, seperti Pieter van der Vorm, Valentijn, John Leyden, Winstedt, Wilkinson, Blagden, Roolvink, dan banyak lagi. Hal ini tidak berlaku pada karya klasik Eropah, seperti karya William Shakespeare (1564-1616) dan Geoffrey Chaucer (1343-1400), yang menampilkan kepada pembaca unsur arkaik yang terdapat dalam bahasa dan kesusasteraan Inggeris tua. Dalam *Sulalat u's-Salatin* terdapat ratusan kata pinjaman daripada bahasa Kawi atau Sanskrit yang lantaran tidak dikenali dengan cermat telah menyebabkan tidak muncul ejaannya yang betul dalam transliterasi, misalnya istilah *prastawa* (ditulis peristiwa), *karana* (ditulis karena), *abhyantara* (ditulis bentara), *awicara* (ditulis bicara), *agraja* (ditulis akar raja), *adiraja* [atau *adhiraja*] (ditulis al-diraja), *Po* (ditulis Pau) *anugraha* (ditulis anugerah), *penghuat* (ditulis penguat), *nityasa* (ditulis senantiasa), dan lain-lainnya. Kesilapan membuat transliterasi yang tepat menjangkiti pula para sarjana Melayu-Indonesia yang juga meneruskan apa-apa yang telah dilakukan oleh penelaah dan peminat Eropah terhadap *Sejarah Melayu* selama lebih seabad.

Sebagai contoh lagi, kesilapan mentransliterasikan, baik perkataan Kawi mahupun istilah Sanskrit, menyebabkan pembaca awam selama ini menganggap nama makhluk yang menabalkan Bicitram Syah sebagai Sang Supraba Tramberi Seri Tribuana ialah “Bat”, padahal nama ini seharusnya dibaca “Bota” menurut lidah Melayu. Bagi saya sendiri yang sangat meminati sejarah dan mitos orang Melayu, kisah kedua dalam naskhah Krusenstern (kisah ketiga dalam Raffles MS. No. 18) adalah yang paling menarik. Dan sayangnya, kisah atau bab inilah yang paling perlu ditransliterasikan dengan sebaik mungkin.

Juga, oleh sebab tersilap membaca manuskrip *Sejarah Melayu* yang telah ditransliterasikan ke huruf Rumi, sehingga ke hari ini pun orang masih menganggap nama Sang Supraba sebagai Sang Sepurba. Ada yang mengenal tokoh ini sebagai Sapurba, ada pula yang menamakannya Sipurba, ada pula yang mentransliterasikan namanya sebagai Suparba. Kesan daripada ini menyebabkan sudah sekian lama para peresensi *Sejarah Melayu* mengabaikan peri pentingnya nama Sang Supraba sebagai tokoh mitos dalam sejarah permulaan tatanegara (politi) Melayu kuno sejak diasaskan di Sumatera. Kegagalan mentransliterasikan nama tokoh ini dengan betul secara fonetiknya tidak sedikit menyumbang kepada

kecuaian dalam menganalisis fungsi mitos yang mempunyai erti yang simbolik dalam sistem kerajaan Melayu.

Kecuali beberapa orang ahli arkeologi, tidak banyak sejarawan cuba mentafsirkan mitos yang meriwayatkan asas penubuhan kerajaan Melayu di daerah Muara Tatang dan Sungai Melayu itu, dan membantu dalam memberikan gambaran tentang masyarakat dan sistem kepercayaan di kawasan itu. Barangkali tidak banyak yang menyangka bahawa di sebalik mitos Sang Supraba dan Bukit Siguntang Mahamĕru, pencerita *Sejarah Melayu* pada peringkat awal telah menampilkan kebijaksanaannya apabila dia cuba, dengan cara yang tidak langsung, untuk menunjukkan bahawa daerah Melayu itu telah didatangi oleh agama Buddha dan Hindu hanya dengan menyebutkan nama, seperti Bicitram Syah, Nila Pahlawan, Karna [*sic*, Krishna] Pandeyan, Malini dan Sundari. Penggunaan nama ini oleh pengarang asal *Sejarah Melayu* seolah-olah ingin memberitahu bahawa kedatangan agama Hindu (mungkin mazhab *Vishnavite* atau aliran Vishnu) telah bertembung bersama-sama dengan agama Buddha yang wujud di kawasan daerah Jambi sekarang ini. Pemberitahuan ini dibuat secara simbolik apabila kedua-dua anak raja keturunan maharaja Iskandar Dhulkarnain itu masing-masing memperisterikan Wan Empu dan Wan Malini. Malini yang dikahwini oleh Karna Pandeyan ialah nama yang simbolik kerana menurut mitos agama Buddha, dia dan Sundari ialah dua orang biksuni yang amat terkenal apabila Buddha (*circa* 563 S.M. - 400 S.M.), menubuhkan institusi *sangha biksuni* pada tahun kelima selepas Buddha menerima pencerahan atau kesedarannya (*enlightenment*). Sundari ialah puteri jelita seorang Brahman bernama Agnidatta. Kecantikannya itu menurut satu mitos agama Buddha telah menyebabkan dia diminati oleh banyak jejaka, tetapi kerana sangat setianya kepada Buddha, dia meminta agar dia ditahbiskan oleh Buddha sebagai biksuni, dan permohonannya itu diperkenankan.

Nama Nila Pahlawan merujuk kepada dewa Vishnu, iaitu dewa yang tubuhnya berwarna biru (nila) yang dalam doktrin agama Hindu dianggap sebagai dewa penyelamat, manakala nama Karna Pandeyan pula merujuk kepada dewa "Krishna yang berilmu (*pandey*)". Krishna, menurut doktrin agama Hindu, pun ialah penjelmaan semula Vishnu. Antara tiga nama anak raja ini nama Bicitramlah yang lebih istimewa. Kata "bicitram" ialah kata tercemar daripada kata dalam bahasa Sanskrit, *Vi-citra(m)*.[69] Makna kata ini ialah bersinar-sinar, menarik,

atau beraneka warna. Menariknya, kata ini juga mempunyai erti yang sama dengan kata Sanskrit "Suprabha", iaitu gemilang, menawan, dan berseri-seri. Nama Supraba menurut *Sejarah Melayu* ialah nama yang diberikan oleh Wan Empu dan Wan Malini. Akan tetapi, raja itu kemudiannya diberikan nama dan gelar sepenuhnya, Sang Supraba Tramberi[70] Tribuana.

Baik dalam mitos agama Buddha mahupun agama Hindu "Suprabha" sebenarnya ialah nama yang agung lantaran dia berwatak suci. Dalam *Sejarah Melayu*, kedatangan Sang Supraba melambangkan pertembungan antara budaya India dengan Melayu apabila dia berkahwin dengan Wan Sundari, puteri Demang Lebar Daun. Nama Supraba juga adalah istimewa kerana melalui waad antara dia dengan Demang Lebar Daunlah, maka wujud perjanjian terkenal yang mensyaratkan rakyat Melayu perlu setia kepada raja dan raja tidak akan mensia-siakan rakyat demi mewujudkan hubungan simbiotik antara kedua-duanya. Akan tetapi, menurut mitos Hindu dan juga Buddha, jantina tokoh "Suprabha" boleh jadi lelaki, dan boleh jadi juga perempuan. Juga agamanya pun boleh jadi Buddha atau boleh jadi Hindu. Dalam satu mitos agama Buddha nama "Suprabha" ialah nama seorang puteri saudagar kaya yang telah menjadi biksuni yang sangat setia kepada Gautama Buddha. Akan tetapi, menurut sumber mitos Hindu, "Suprabha" juga nama putera dewa yang berkebolehan meramalkan kejadian yang akan berlaku pada dirinya. Pada satu ketika, dia telah meramalkan kejatuhannya dari syurga akibat kehilangan *merit* atau "pahala", yang akan menyebabkan dia lahir semula[71] di dalam perut seekor babi betina. Perkara ini menimbulkan kesedihan yang amat sangat pada diri "Suprabha". Apabila ratapan kesedihannya itu diketahui oleh Indra, iaitu raja segala dewa, putera dewa itu pun dinasihatkan agar meminta pertolongan dewa Siva. Setelah dia melakukan apa yang disuruh Indra, dia pun mendapati dirinya berada di dunia yang lebih tinggi daripada "swarga". Namun begitu, dalam satu sumber Buddha yang lain, Suprabha seorang raja yang dikatakan telah "memasuki *samadhi*", iaitu menjadi seorang buddha. Justeru, bagi pemeluk agama Buddha, nama "Suprabha" juga membawa erti "telah mendapat pencerahan (kesedaran) atau *enlightenment*" kerana berjaya mencapai taraf seorang Buddha. Penganut Buddhisme menganggap Suprabha sebagai "penakluk" atau "pemusnah" eksistensi.[72] Oleh sebab itu, nama "Suprabha" juga dianggap sebagai nama suci yang lain bagi Buddha.

Dalam kedua-dua naskhah, baik milik Krusenstern, mahupun Raffles MS. No. 18, nama Wan Empu dan Wan Malini juga melambangkan budaya Melayu di Muara Jambi. Gelar Wan yang tercantum pada nama kedua-dua wanita ini juga berasal daripada bahasa Kawi, *hwan*, *wan* dan *hwanan*. Istilah *wan* ini bererti penggiring, penjaga atau penggembala atau pemelihara ternakan (Mardiwarsito 1981: 228). Dalam konteks kisah di Bukit Siguntang Mahamĕru, penggunaan gelar Wan yang tercantum pada nama dua orang wanita di bukit tersebut menunjukkan pengarang asal *Sejarah Melayu* ingin menunjukkan bahawa kebudayaan di daerah Muara Tatang yang menjadi kawasan Melayu itu ialah kebudayaan tani kerana kata "wan" menampilkan budaya agraria itu. Wan bukanlah gelar bangsawan, seperti yang dianggap oleh banyak orang.

Kedudukan Wan Empu dan Wan Malini sebagai wanita tani jelas menunjukkan ciri kesederhanaan yang terdapat dalam agama Buddha, iaitu sesuai dengan watak biksuni (Sanskrit) atau Bikuni (Pali) dalam sistem sangha Buddha. "Empuk" ialah kata tercemar daripada kata *Mpu* dalam bahasa Jawa kuno. *Mpu* atau *empu* dalam bahasa Kawi bererti orang yang dihormati atau dimuliakan (seperti seorang biksuni). Kata "empuk" ialah sebutan lisan daripada kata *empu*. Jadi, nama Wan Empu[k] ialah nama seorang penternak haiwan yang dihormati. Nama Wan Malini juga nama seorang wanita tani yang dipadankan daripada nama biksuni yang bernama Malini. Malini bermakna wanita perangkai bunga atau isteri seorang penggubah bunga atau tukang kebun. Dalam konteks kisah di Bukit Siguntang Mahamĕru, Wan Malini seperti juga Wan Empu[k] ialah wanita yang berbudaya agraria. Mereka tinggal di bukit yang dinamakan Siguntang Mahamĕru, iaitu lambang tempat kediaman para dewa. Mahamĕru (bukan Maha miru), dalam kosmologi Hindu, Jain dan Buddha ialah gunung tempat kediaman para dewa. Oleh sebab itu, candi agama ini dibina dalam bentuk yang mewakili imej Mahamĕru, seperti yang terdapat pada bentuk candi Borobudur. Jadi, di sebalik nama Wan Empu[k] dan Wan Malini digambarkan sebagai wanita tani, mereka juga lambang para dewi atau simbol agama Buddha itu sendiri.

Terkait dengan kegagalan mentafsirkan mitos Sang Supraba dan Bukit Siguntang Mahamĕru, ini ialah kegagalan para peresensi mentransliterasikan serta menterjemahkan kandungan *ciri* yang kemudiannya dikatakan menjadi bacaan dalam istiadat menggelar orang besar-besar di negeri Melayu (Maxwell 1881: 2-8). Sesungguhnya,

kegagalan ini amatlah disayangi kerana sehingga kini pun didapati dalam mana-mana versi *Sulalat u's-Salatin*, teks "ciri" yang lengkap telah tidak diberikan transliterasi dengan baik atau diberikan terjemahan yang betul oleh para pengkaji. Kegagalan para peresensi memberikan makna pada *ciri* yang bersifat puji-pujian menyebabkan pembaca awam *Sejarah Melayu* tidak dapat menikmati keindahan maksud *ciri* itu. Memanglah benar bahawa untuk mentransliterasikan "ciri" tersebut para peresensi juga perlu menghalusi satu persatu perkataan yang terkandung dalam "ciri" itu dan memberikan tafsiran yang bersifat kritis.[73] Walau bagaimanapun, dalam Bab V buku ini, segala sesuatu tentang "ciri" itu akan dibincangkan dengan lebih jelas.

Satu lagi kekurangan yang perlu diketengahkan tentang pembacaan *Sulalat u's-Salatin* ialah betapa para peresensi tidak begitu teliti mentransliterasikan serta menterjemahkan kandungan puisi Jawa dalam kisah ke-11 naskhah Krusenstern (kisah kesembilan dalam Raffles MS. No. 18 dan kisah ke-14 dalam naskhah Shellabear). Oleh penyalin naskhah *Sejarah Melayu* tahun 1798, kata Kawi, *honya*, iaitu perkataan pertama dalam kidung atau tembang (puisi Jawa) yang disisipkan telah disalin sebagai "ono", manakala kata "sirih" disalinnya "suruh". *Ono* ialah kata tercemar daripada *hana* (disebut *hono*) yang merupakan bentuk baharu daripada kata *honya*. Namun begitu, kata ini pun ditulis *onya* oleh hampir semua peresensi naskhah Raffles MS. No. 18, iaitu bentuk tercemar daripada kata *honya* yang merupakan kata seruan seperti "nah!"[74]

Ketidaktepatan mentransliterasikan juga berlaku pada nama gelar panglima Siam Oya Deco, yang dibaca sebagai Awi Dicu. Begitu juga nama Raja Cangka Anak,[75] iaitu putera Raja Campa, Po Gama dengan Raden Galuh Ajĕng, ditransliterasikan sebagai Raja Jignak oleh Leyden (1821: 210), Raja Jaknaka oleh Shellabear (1957: 133), Raja Jakanak oleh Winstedt (1938: 136), Brown (1952: 110), Situmorang dan Teeuw (1952: 176), dan A. Samad Ahmad (1986: 163), Raja Jikanak oleh Muhammad Haji Salleh (1997: 132), dan Jaka Anak oleh Abdul Rahman Haji Ismail (2009: 194). Demikian pula nama Mĕrah Silo, sering ditulis Merah Silu atau Merah Silau. *Silo* sebetulnya nama yang menurut ejaan dan sebutan Aceh bererti silau.

Tidak banyak peresensi *Sejarah Melayu* yang mentransliterasikan dari Jawi ke Rumi menyedari bahawa istilah *pani* yang digunakan dalam kisah

keenam naskhah Krusenstern dan Raffles MS. No. 18 dan kisah ketujuh naskhah Shellabear, serta naskhah yang diresensi oleh Munsyi Abdullah, Sitor Situmorang dan Teeuw, ialah kata Kawi yang bererti tangan. Tanpa teliti, mereka membaca ungkapan “Merah Silo berkarang di paninya” sebagai “berkarang di pantainya”. Padahal, “berkarang di pani” bermaksud “memiliki karang di tangannya dan tidak ada kena mengena dengan pantai. Begitu juga nama gajah yang dinaiki oleh Sultan Malik al-Salih yang sepatutnya dibaca “Paramadiwana” [p-r-m-d-y-w-a-n, فرمديوان] telah dibaca “Permadabuana” oleh Winstedt (1938: 74), Shellabear (1896: 70) Situmorang dan Teeuw (1952: 63), dan Muhammad Haji Salleh (1997: 47). Kata *paramadiwana* terdiri daripada kata *parama* dan *divana* yang dalam bahasa Sanskrit bererti permainan yang paling baik (Monier-Williams 1999: 588 dan 479), sedangkan *permada buana* (kecuali kata *buana*) tidak mengandungi apa-apa makna, baik dalam bahasa Sanskrit mahupun Kawi. Demikian juga nama “Seri Amerta” (atau Seri Amreta) dalam kisah ke-10 (naskhah 1798) dan kisah kelapan (naskhah Raffles MS. No. 18) (tentang Tun Perak) telah dibaca “Seri Amarat” oleh Winstedt (1938: 94), John Leyden (1821: 122), dan “Seri ‘Amarat” oleh Muhammad Haji Salleh (1997: 74), serta “Seri ‘Imarat” oleh Abdul Rahman Haji Ismail (2009: 136). Hanya A. Samad Ahmad (1986: 90) dan Situmorang dan Teeuw (1952: 101), yang betul mentransliterasikan kata itu “Seri Amerta”. *Amerta*, *amreta*, atau *amrta* dalam bahasa Kawi (berasal Sanskrit) bererti abadi, tidak mati atau kebal.[76] Dalam semua teks *Sejarah Melayu* terdapat nama Tun Janapatra, tetapi oleh sebab tersilap dibaca oleh para peresensi yang keliru dengan /j/a/n/ /p/t/r/a/ [جان فترا], maka kata ini ditransliterasikan “Jana Putera” oleh Winstedt (1938: 98), Muhammad Haji Salleh (1997: 81), A. Samad Ahmad (1999: 108), Sitor Situmorang (1952: 116), Abdul Rahman Haji Ismail (2009: 143), dan Shellabear (1957: 88). Walhal kata *patra* dalam bahasa Sanskrit (dan Kawi) membawa makna yang patut, mampu, cekap, tangkas, terampil, atau siap sedia dan kata *jana* pula bererti orang atau manusia (Zoetmulder 2000(2): 796-797 dan 2002(1): 410). Jadi, *Janapatra* bermaksud orang yang cekap.

Barangkali kesalahan transliterasi juga sangat menonjol pada nama putera Raja Tanjungpura dalam kisah Si Penyadap (kisah ke-11 naskhah Krusenstern, dan kisah kesembilan naskhah Raffles MS. No. 18). Kesemua para peresensi sebelum ini telah menyebut nama anak raja itu sebagai “Radin Perlangu” (Winstedt 1938: 101, Brown 1952: 73,

Muhammad Haji Salleh 1997: 83, dan Abdul Rahman Haji Ismail 2009: 146). Nama itu disebutkan "Raden Kirana Langu" oleh Shellabear (1981: 81) dan Situmorang dan Teeuw (1952: 120), "Raden Perlan Langu" oleh A. Samad Ahmad (1986: 112), dan "Radin Prana Langu" oleh John Leyden (1821: 158). Sebetulnya, baik istilah "perlangu", "kirana langu", "perlan langu" mahupun "prana langu", semuanya tidak mempunyai apa-apa makna untuk nama yang munasabah. Bahkan, tidak mungkin sekali-kali nama ini "Langu" kerana kata "langu" dalam bahasa Jawa kuno bererti bau yang busuk atau sesuatu yang memualkan atau menjijikkan (Zoetmulder 2000(1): 571). Dalam bentuk transliterasinya nama ini harus dieja dan disebut "Lango", iaitu kata Kawi yang bererti perasaan rindu, atau menjadi terpesona kerana kecantikan atau kecintaan. Kata *lango* juga membawa erti perasaan romantik atau rasa ghairah oleh cinta (Zoetmuder 2000(1): 568). Nama awalnya pun seharusnya "Purna" yang dalam bahasa Kawi bererti "penuh". Jadi, *Purna Lango* bererti penuh rindu.

Antara istilah yang akan mengelirukan pembaca awam *Sejarah Melayu* ialah kata Kawi yang dibaca "pecah" oleh para peresensi dalam ayat yang berikut:

> ... Syahdan didudukkan di atas segala raja-raja yang banyak dan dianugerahi keris ganja kerawang sebilah; empat puluh keris yang lain akan pengiringnya. Sekaliannya **dipecatkannya** sarungnya.

Kata Kawi *pecat*[77] dalam ayat di atas bukanlah bererti memecahkan sarung keris, sebaliknya bermakna dikeluarkan, dilepaskan sarung keris itu atau dipisahkan keris itu dari sarungnya. Kesilapan mentransliterasikan kata ini dan kemudian diterjemahkan pula ke dalam bahasa asing[78] tentulah mengelirukan. Satu lagi istilah yang silap ditransliterasikan ialah kata *citra* dalam mukadimah versi *Sejarah Melayu* yang mengandungi nama Tun Seri Lanang:

> Maka fakir namai hikayat ini "Sulalat u's-Salatin, yakni petu[tu]ran segala raja-raja ... inilah ***mutia* segala *citra*** dan cahaya segala peri umpamanya.

Hampir semua peresensi menggantikan "mutia segala citra" dengan ungkapan lain. Shellabear (1981: 3) dan Situmorang dan Teeuw (1952: 2) misalnya, menggantikannya dengan ungkapan "mutia segala cetera". A. Samad Ahmad (1986: 3) pula menulisnya, "mutiara segala ceritera". Sebenarnya, ungkapan itu ialah "*mutia* segala *citra*", yang bermaksud "mutiara segala yang terbaik yang berwarna cemerlang" (Zoetmulder

2000(1): 176; cf. Monier-Williams, 1999: 396). Dalam kisah ketujuh naskhah Krusenstern dan kisah keenam Raffles MS. No. 18, terdapat istilah Aceh goga[lé] yang tersilap dibaca oleh banyak peresensi. Lihat penggunaan kata *gogalé* dalam ayat yang berikut:

> Maka ditangkaplah raja Samudera itu; maka segala hulubalang Samudera pun *gogalah*, masing-masing mengunus [*sic*] senjatanya hendak berperang dengan orang Syahru'l-nuwi.

Akan tetapi, Winstedt (1938: 75), membaca ayat di atas, "maka segala hulubalang Samudera pun ngunglah", manakala Abdul Rahman Haji Ismail (2009: 111) membacanya, "maka segala hulubalang Samudera pun "ngeranglah", dan Muhammad Haji Salleh (1997: 49) pula langsung tidak mentransliterasikan ejaan untuk perkataan Aceh itu. A. Samad Ahmad (1986: 61) pula menulisnya: "... maka segala hulubalang Pasai itupun gemparlah ..." Bahkan, C. C. Brown (1952: 45) pun menterjemahkan istilah *gogalé* (yang tidak dapat dibacanya) itu dalam ayat, dengan agakan yang munasabah: "*The war-chiefs of the Raja of Semudra forthwith raised an outcry ...*" Padahal, *goga* sebetulnya bererti tidak tenteram atau gelisah (Abu Bakar *et al.*, 2001: 251).

Ada banyak lagi istilah Kawi dan Parsi yang tersilap dibaca oleh para peresensi. Contohnya, perkataan *kaid* yang berasal daripada *qaid*, iaitu istilah yang bererti ketua atau gabenor, atau pemimpin dalam bahasa Parsi (Steingass 2012: 950) telah dibaca sebagai "Kida". Sebagai contoh, daripada bahasa Kawi memadailah jika saya perturunkan satu petikan daripada kata yang diungkapkan oleh hulubalang Jawa apabila Tun Bija Sura berlunjur di hadapan Betara Majapahit dengan kainnya disingsing had lututnya, yang dianggap keterlaluan dan tidak sopan oleh hulubalang Jawa itu; lantas katanya: "Tan[79] pengidep[80] mambang[81] laku sira[82] – berlunjur di hadapan Betara Majapahit!" Kata ini yang bermaksud, "Jangan kamu terkedip berfikir bahawa sebagai rakyat asing kamu boleh berlunjur di hadapan Betara Majapahit!" jelas tidak ditransliterasikan dengan baik; malahan, tidak pula diterjemahkan oleh mana-mana peresensi yang mengkaji *Sejarah Melayu*, kecuali Brown yang cuba menterjemahkannya sebagai, "*I will give you such a clout as will destroy you, stretching out your legs before the Batara!*"

Tanpa mentransliterasikan atau menterjemahkannya, Winstedt menulisnya dalam tulisan Jawi: "Tan tepidak, tempelo ku saryo ...", manakala Muhammad Haji Salleh (1997: 93) yang nampaknya seperti mengulangi apa yang ditulis oleh Situmorang dan Teeuw (1952: 132),

membacanya, "Tanpa kedep tambung laku sira, berlunjur di hadapan Betara" (juga tanpa terjemahan). Abdul Rahman Haji Ismail (2009: 156) pula mentransliterasikan kata tersebut, tetapi tidak menterjemahkannya: "Tan tapidak tampil lo ko siryo lunjur di hadapan Batara!", manakala A. Samad Ahmad (1986: 126) membaca kata dalam tulisan Jawi itu sebagai: "Candala budak-budak ratu Melaka ini *tambung laku tanpa kedep*, muka andika Paduka Betara dipapasi, tidak umpama sedikit, main cara mana si keparat ini". Transliterasi A. Samad Ahmad ini, yang sungguh terpesong, memang tidak terdapat dalam mana-mana teks *Sejarah Melayu* lain yang telah disunting.

Penutup

Daripada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa walaupun banyak kajian telah dilakukan terhadap naskhah *Sejarah Melayu*, terutamanya versi Raffles MS. No. 18, dan di samping itu juga naskhah Shellabear dan Abdullah Munsyi, serta naskhah-naskhah lain yang mengandungi nama Tun Seri Lanang, berdasarkan telaah yang begitu banyak itu, didapati wujud pula begitu banyak kesilapan mentransliterasikan naskhah *Sulalat u's-Salatin* itu.

Pada pendapat saya, naskhah *Sulalat u's-Salatin* tahun 1798 milik Krusenstern, yang kini tersimpan di Arkib Institut Manuskrip Oriental di Saint-Petersburg, telah menyingkap tabir yang selama ini menyembunyikan banyak maklumat tentang *Sejarah Melayu*. Rupa-rupanya maklumat yang terselindung selama lebih daripada seabad itu kerana para pengkaji yang lepas-lepas telah tersalah baca dan tersilap mentransliterasikan beberapa istilah, ungkapan atau ayat yang tertulis dalam karya agung orang Melayu ini dengan betul, dari aksara Jawi ke huruf Rumi.

Selain kesilapan mentransliterasikan kata dalam huruf Jawi ke Rumi, dan mentafsirkan erti istilah pinjaman yang masuk ke dalam penulisan *Sejarah Melayu*, tidak pula banyak usaha dilakukan untuk mentafsirkan mitos dan menyaringnya daripada pandangan sejarah yang ingin diungkapkan oleh pengarang *Sulalat u's-Salatin*. Bab yang berikut akan meninjau persoalan mitos dan membicarakannya dari sudut sejarah, seperti yang ingin disampaikan oleh pengarang karya agung ini.

56 Bab ini berasal daripada makalah yang dibentangkan pada Seminar 400 Tahun *Sulalat u's-Salatin*, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, pada 29-30 Oktober 2013.

57 Istilah berkaitan, iaitu *agraja* pula membawa erti sulung, atau abang laki-laki (lihat Zoetmulder (2000 (1): 13 dan 14).

58 Dalam naskhah Raffles MS. No. 18 (f. 2) perkataan ini dieja [k-n-d-l-a-n], tetapi para perensi dan penyalin tersilap membaca konsonan /l/ sebagai /r/ lantaran tulisan yang mengelirukan.

59 Lihat Winstedt (1938: 42, Muhammad Haji Salleh 1997: 4, dan Abdul Rahman Haji Ismail 2009: 66).

60 Dalam bahasa Jawa Kuno, akar kata *kendran* ialah indra yang bererti raja, dan juga nama dewa. *Kendran* ialah tempat dewa Indra. Wojowasito (1977: 112). Dalam bahasa Melayu, *keinderaan*, iaitu varian bagi kata *kendaraan*, bererti tunggangan atau kuda. Wilkinson (1959 (1): 424). Kata "kendaraan" digunakan oleh Winstedt (1938: 42) dan Brown (1952: 12), tetapi Muhammad Haji Salleh (1997: 4) dan Abdul Rahman Haji Ismail (2009: 66) menggunakannya dalam bentuk ejaan, "kenderaan".

61 Lihat (Zoetmulder (2000(1): 453 dan Mardiwarsito 1981: 265).

62 Tentang kesilapan ini, lihat halaman seterusnya.

63 *Bhuta* dalam bahasa Sanskrit bererti makhluk suci, atau makhluk luar biasa, atau makhluk yang menyeramkan, termasuk hantu, dan roh sama ada baik atau jahat, jin yang nakal (Macdonell 2000: 208).

64 Kesalahan meletakkan titik ini mungkin telah berlaku akibat para penyalin yang lebih awal tersalah baca apa yang disalin mereka. Kesilapan berlaku secara berterusan kerana para penyalin yang terkemudian tidak berani mengubah ejaan, seperti yang ditemui.

65 John Leyden waktu cuba menterjemahkan *Sejarah Melayu* pada tahun 1810, telah mendapatkan bantuan daripada Ibrahim Kandu, seorang jurutulis berketurunan Chulia Pulau Pinang.

66 Terdapatnya varian pada kata "goncak" kerana konsonan /k/ boleh juga dibaca sebagai /g/. Terdapat juga pada masa-masanya penyalin tersilap mengenalpastikan, sama ada huruf jim [ج] mempunyai satu titik atau lebih sehingga menyebabkan konsonan / j / menjadi / ʧ / (atau huruf [c , چ]). Baik dalam naskhah Krusenstern mahupun dalam naskhah Raffles MS. No.18 kata gonjak telah dieja [k-w-n-c-k], tetapi banyak pula peresensi menyangka menyangka /k/ yang akhir itu adalah huruf nga [ŋ, ڠ].

67 Bahkan, penyalin naskhah Krusenstern pun telah menggantikan *lah* dengan "setelah" (*Sulalat 'us-Salatin* 1798: f. iii).

68 Lihat Wojowasito (1977: 150). Lihat juga Zoetmulder (2000(1): 557).

69 Kata ini juga bererti "raja" dan "anak raja". Makna ini digunakan dalam *Mahabharata* (lihat Monier-Williams (1999: 959).

70 *Tramberi* ialah gelaran suci Hindu bagi seseorang anak raja dari tiga dunia atau tiga alam (tribuana), iaitu syurga, bumi dan dunia bawah. Dalam bahasa Kawi *tram* adalah kata mistik. *Tramberi* disebut "Tramberih" yang bererti "yang suci". Kata Tri Buana (Sanskrit: *tri-bhuvana*) bererti tiga dunia. *Tribhuvana* juga merujuk kepada dewa Siva (lihat Zoetmulder 2000(2): 1271 dan 1274, dan Zoetmulder 2000(1): 135; lihat juga Monier-Williams 1999: 459).

71 Kelahiran semula atau reinkarnasi ialah transmigrasi roh ke dalam tubuh yang lain selepas kematian. Selepas kematian, roh itu akan lahir semula dalam tubuh yang lain, sama ada manusia, haiwan, ataupun dalam bentuk *spirit*, tetapi perpindahan roh

ini tergantung pada kualiti akhlak dalam tindakan atau perbuatan pada masa kehidupan sebelumnya. Konsep reinkarnasi wujud sebagai doktrin dalam agama-agama di India, termasuk Hinduisme dan Buddhisme.

72 Dalam doktrin agama Buddha, seseorang itu hanya mencapai status "buddha" apabila diaberjaya menghentikan putaran roda kelahiran, yang bererti memusnahkan kewujudan atau eksistensi.

73 Perkara ini tidak dilakukan oleh para peresensi yang mengkaji naskhah Raffles MS. No. 18. Demikian juga bacaan A. Samad Ahmad (1986: 22) yang juga sangat tidak menepati kandungan teks ciri itu. Bahkan, Shellabear (1981: 18) dan Situmorang dan Teeuw (1952: 24) yang menggunakan teks yang diresensi oleh Munsyi Abdullah tidak menyalin langsung teks ciri tersebut, sama ada memang tiada ditemui ciri itu dalam teks yang mereka resensi ataupun kerana mereka merasakan perkataan itu lebih baik ditinggalkan sahaja lantaran sukar difahami. Kesimpulannya, ialah transliterasi para peresensi ini tidak menolong pembaca awam *Sejarah Melayu* memahami kata dalam ciri tersebut. Barangkali, kegagalan para pengkaji ini kerana mereka tidak dirangsang oleh rasa ingin tahu dan tidak ada usaha untuk melakukan lebih daripada apa yang telah dikerjakan oleh Winstedt. Dalam pada itu, sekurang-kurangnya Maxwell telah cuba mendapatkan bantuan daripada rahib Buddha di Seri Lanka, untuk mentransliterasikan ciri itu, tetapi oleh sebab dia menduga bahasa yang digunakan bahasa Pali, maka hasilnya juga tidak memuaskan (lihat Maxwell 1882: 288).

74 Lihat Zoetmulder (2000 (1): 362).

75 *Cangka* dalam bahasa Kawi bererti berani, percaya pada diri sendiri. Cangka Anak bererti Anak yang berani (lihat Wojowasito 1977: 8).

76 Kata *amrta* juga bermakna air dari laut samudera yang diolah oleh para dewa untuk tujuan mengekalkan hayat. Lihat Zoetmulder (2000(1): 33).

77 Lihat Zoetmulder (2000(2): 800). Mungkin kesilapan ini disebabkan oleh salah seorang penyalin naskhah *Sulalat u's-Salatin* telah membaca huruf ta marbutah [ة] sebagai ha [ه].

78 Brown pun salah menterjemahkannya sebagai "broken"; yang betulnya, "unsheathed", iaitu terjemahan yang lebih tepat untuk *pecat*.

79 *Tan* ialah kata pernyataan ingkar yang umum, seperti tidak, tak, tiada, bukan atau jangan (lihat Zoetmulder 2000(2): 1198).

80 Daripada kata *hidep*. Anghidep atau panghidep dalam bahasa Jawa kuno bererti fikir, mengira, atau menduga, angan-angan, bermaksud (Zoetmulder 2000(1): 481), Mardiwarsito 1981: 354), Mardiwarsito 1981: 220).

81 Erti *mambang* ialah kelompok rakyat (daripada asal asing) (Zoetmulder 2000(1): 639).

82 Dalam kidung kata sira ialah kata ganti bagi orang kedua atau ketiga. engkau, kamu atau dia.(Zoetmulder 2000(2): 1101).

Bab IV

SEJARAH MELAYU SEBAGAI SUMBER TARIKH PEMBUKAAN MELAKA?

Semua masyarakat mempunyai deria sejarah (*sense of history*). Pemikiran sejarah itu mungkin terpancar dalam bentuk cerita lisan yang disampaikan turun-temurun atau ditulis untuk bacaan anak cucu atau generasi yang kemudian. Penceritaan "sejarah" itu pula boleh berbentuk riwayat yang berasaskan fakta sejarah, tetapi mungkin pula disulami dengan kisah yang berbentuk dongeng atau mitos yang melibatkan makhluk atau kejadian *supernatural*. Mitos juga ialah kepercayaan yang diyakini secara berleluasa sekalipun palsu, kerana mitos direka atau dibesar-besarkan oleh orang yang menceritakannya. Satu contoh mitos ialah cerita Raja Suran masuk ke dalam laut dan berkahwin dengan puteri raja di dalam laut. Satu lagi mitos ialah kisah Raja Melaka cuba meminang Puteri Gunung Ledang. Mitos ini ada kalanya direka oleh pengarang apabila mendapat ilham daripada sumber sastera yang lain, contohnya cerita pahlawan Badang yang diilhami oleh sastera Parsi dan penamaan negeri Melaka yang berasaskan mitos penamaan Majapahit. Kedua-dua nama kerajaan ini telah diberikan nama masing-masing berdasarkan nama pokok, satu dari pokok *amlaka*, iaitu kata Sanskrit untuk pokok asam Jawa (Monier-Williams 1999: 84) dan satu lagi dari pohon *maja*, iaitu daripada kata Kawi asal Sanskrit (Zoetmulder 2000(1): 637) yang buahnya (*aegle marmelos* atau *wood apple*) pahit. Dalam naskhah *Sejarah Melayu* memang terdapat banyak mitos. Sifatnya sebagai sebuah karya sastera menyebabkan dalam naskhah *Sulalat u's-Salatin* pengarang mempunyai kebebasan untuk mereka sesuatu cerita yang menghiburkan, walaupun cerita itu berbentuk mitos, dan disisipkan ke dalam cerita yang lebih panjang sebagai sebahagian kisah utamanya.

Di Asia Tenggara, memang terdapat karya berunsur sejarah yang bercampur- aduk dengan mitos dan legenda. Karya hikayat atau sejarah

dinasti raja Siam yang masing-masing dikenali sebagai *tamnan*, atau *pongsawadan* ialah bentuk karya yang memperlihatkan deria sejarah bangsa Thai, tetapi berbaur dengan cerita mitos dan legenda dan mencampuradukkan tarikh serta peristiwa.[83] Di negara Kemboja pun terdapat babad (*chronicle*) yang berunsur sejarah, tetapi bercampur-aduk dengan cerita mitos dan legenda. Kebanyakan naskhah tua ini merupakan babad atau hikayat raja-raja. Di daerah Kepulauan Melayu, selain *Sulalat'us-Salatin* atau *Sejarah Melayu*, terdapat karya, seperti "Ceritera Asal Raja-Raja Melayu Punya Keturunan", "Asal Raja Palembang" (Or. 14.319 Mal. 8341 B), *Hikayat Raja-Raja Pasai*, *Hikayat Banjar*,[84] *Hikayat Aceh* (yang lebih tepat jika dinamakan "Hikayat Raja-Raja Aceh"),[85] dan Kitab *Pararaton* (yang bererti "kitab raja-raja"). Sebuah lagi kitab sejarah tentang Raja-raja Majapahit ialah *Desawarnana* atau *Nagarakretagama* yang ditulis dalam bahasa Kawi. Masing-masing karya jelas mencerminkan *sense of history* masing-masing masyarakat.

Sulalat u's-Salatin atau *Sejarah Melayu* sebagai Sumber Sejarah

Banyak orang menganggap *Sulalat u's-Salatin* atau *Sejarah Melayu* ialah sebuah karya sejarah orang Melayu.[86] Bahkan, ada sarjana tempatan masa kini yang bulat-bulat menerima tempoh pemerintahan seseorang raja dalam *Sulalat us'-Salatin* sebagai sahih dan kerana itu percubaan mencipta tarikh bagi pemerintahan tersebut boleh dilakukan dan dapat dipercayai.[87] Seyogia dimaklumkan, antara naskhah *Sejarah Melayu* itu ada yang ditulis lebih awal dan ada yang ditulis atau lebih tepat lagi disalin terkemudian. Suatu hal yang sering dilupakan ialah sampai ke hari ini bangsa Melayu tidak mempunyai naskhah *Sulalat u's-Salatin* yang asal; yang ada, sebetulnya, hanyalah berupa salinan. Walaupun demikian, ada antara salinan ini telah dikaji dan dibukukan. Versi *Sejarah Melayu* yang popular dan digunakan selama bertahun-tahun di sekolah Melayu pada zaman kolonial ialah naskhah yang disunting oleh Abdullah Munsyi dan paderi Shellabear. Kemudian, apabila Sir Richard Winstedt mengerjakan naskhah yang dinamakan Raffles MS. No. 18, maka versi *Sejarah Melayu* yang disalin oleh jurutulis Stamford Raffles pada tahun 1812 ini menjadi popular. Naskhah ini semakin diketahui orang apabila orang Melayu sendiri telah menyuntingnya.[88]

Hingga ke hari ini, salinan yang dibuat untuk Stamford Raffles itu dianggap oleh banyak orang sebagai naskhah *Sejarah Melayu* yang tertua kerana naskhah tersebut dikatakan, berdasarkan salinan asli tahun 1612 yang telah hilang buat selama-lamanya. Akan tetapi, seperti yang telah dinyatakan dalam bab-bab terdahulu, salinan *Sejarah Melayu* yang dibuat pada tahun 1798 di Melaka untuk Komodor Krusenstern itu juga merupakan salinan semula daripada sebuah naskhah induk yang juga sama tuanya, atau setidak-tidaknya hampir seusia dengan naskhah Raffles MS. No. 18 (tanpa mengambil kira kisah tambahan yang terdapat dalam naskhah Blagden). Kesamaan usia naskhah induk yang digunakan oleh kedua-dua naskhah Raffles MS. No. 18 dan Krusenstern dapat diketahui berdasarkan kesamaan istilah Kawi yang banyak terdapat dalam kedua-duanya. Sekalipun mendiang Dr. Roolvink pernah mengemukakan tanggapan bahawa naskhah *Sejarah Melayu* mempunyai versi pendek dan versi panjang, saya berpendapat versi asal *Sejarah Melayu* yang standard adalah dicirikan oleh kisah yang berakhir dengan kematian Tun Ali Hati. Versi yang memasukkan kisah selepas penabalan Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah sebagai Sultan Muda dan pembunuhan Tun Ali Hati itu hanya berupa tambahan kepada naskhah standard yang kisahnya sama seperti semua versi yang mengakhiri ceritanya dengan kematian Tun Ali Hati.

Richard Winstedt dalam kajiannya terhadap naskhah Raffles MS. No. 18 menganggap manuskrip yang ditemui oleh Otto Blagden, iaitu yang mengandungi delapan kisah yang menceritakan kejadian yang berlaku sebelum tahun 1535 adalah sebenarnya sebahagian teks manuskrip Raffles MS. No. 18 yang dikarang oleh penulis *Sejarah Melayu* yang katanya sempat menyaksikan peristiwa serangan Portugis pada tahun 1535 di Johor Lama itu. Menurut Winstedt, susunan ceritanya telah diubah oleh peresensi[89] tahun 1612.

Pada fikiran saya, naskhah *Sulalat u's-Salatin* ialah karya yang ditulis dari zaman ke zaman, iaitu bermula dari abad ke-15. Oleh sebab penceritaannya pun bermula secara lisan, maka penyambungan kisahnya boleh sahaja dilakukan hingga abad ke-19. Contohnya, *Sulalat u's-Salatin* Cod. Or. 7304 yang diresensi oleh Tengku Said, menambah kisah dalam teks standard *Sejarah Melayu* itu sampai ke peristiwa Panembahan Anom menjadi raja di Sukadana pada tahun 1272 Hijrah atau 1855. Teks ini pun ditulis pada 4 November 1855 oleh Tengku Said. Justeru, versi yang dikatakan versi panjang oleh Roolvink itu sebenarnya ialah versi yang

ditambah kisahnya. Versi yang standard adalah tetap versi yang menceritakan kekalahan Melaka dan berakhir dengan peristiwa pembunuhan Raja Ahmad dan Tun Ali Hati, Penyalin naskhah yang disebut Raffles MS. No. 18 itu hanya menggabungkan manuskrip yang berakhir dengan kisah pembunuhan Tun Ali Hati oleh Sultan Mahmud Syah dengan manuskrip tambahan, seperti yang ditemui oleh Blagden.

Sejauh Manakah *Sejarah Melayu* Menepati Takrif Sejarah?

"Sejarah," menurut sarjana Islam terkenal, Abdul Rahman bin Muhammad Ibn Khaldun (1332 - 1395), yang menulis pada tahun 1377, iaitu lebih 200 tahun sebelum *Sejarah Melayu* disalin, "ialah, pada permukaannya, tiada lebih daripada maklumat tentang peristiwa politik, dinasti dan kejadian masa silam, yang dipersembahkan dengan menarik dan dibumbui dengan peribahasa." Namun begitu, di sebalik itu, "erti dalaman sejarah melibatkan spekulasi dan percubaan untuk mencari kebenaran [dan] keterangan dengan cara yang tidak ketara tentang sebab dan asal-usul perkara yang sedia wujud dan pengetahuan yang dalam tentang bagaimana dan mengapa berlakunya peristiwa itu".[90]

Takrifan oleh Ibn Khadun itu, seorang pemikir besar ilmu sejarah dan sosiologi pada zamannya, telah diberikannya kerana dia menganggap, walaupun terdapat sejarawan Muslim yang cemerlang yang telah mengumpulkan dengan banyak **kejadian** bersejarah dan telah menulis peristiwa bersejarah itu dalam bentuk buku, terdapat "**orang-orang yang tidak berhak melibatkan diri dengan sejarah kerana mereka memasukkan dalam buku-buku mereka gosip yang tidak benar yang mereka fikirkan atau yang mereka reka secara bebas dan palsu**,[91] [serta] laporan yang disangsikan yang mereka reka atau bunga-bungai" (Rosenthal 1958: 6).

Sebenarnya, agak sukar untuk menimbang *Sejarah Melayu* sebagai sebuah karya sejarah yang tulen lantaran terdapatnya unsur mitos di dalamnya. Namun begitu, tidak pula dapat dinafikan bahawa sebagai karya yang memuja Raja-raja Melayu karya ini memberikan gambaran nyata tentang beberapa peristiwa sejarah yang boleh diterima kebenarannya. Kelihatan usaha pengarangnya mencampuradukkan fakta sejarah dengan mitos yang seolah-olah memperlihatkan percubaan untuk menyampaikan rasa kesejarahan zamannya. Akan tetapi, disebabkan oleh sifat penceritaannya yang bercampur-baur dengan ceritera dongeng dan mitos, yang juga jelas menampakkan bahawa

kisahnya dicedok daripada teks sastera lama, seperti *Hikayat Iskandar Dhukarnain*, *Hikayat Raja-Raja Pasai*, dan karya sastera asal Jawa, seperti cerita Panji,[92] maka menjadi tanggungjawab sejarawan untuk menapis dan mengenal pasti mitos yang mempunyai makna terselindung yang telah dimasukkan oleh pengarang asal *Sejarah Melayu*.

Jika dibandingkan dengan karya Jawa, *Desawarana* (*Nagarakretagama*) yang nampak lebih meyakinkan untuk dianggap sebagai sebuah karya sejarah, lantaran kurangnya penggunaan mitos, dan tulisannya pun lebih kontemporari sifatnya, *Sulalat u's-Salatin* ialah karya yang ditulis untuk tujuan mengabsahkan salasilah Raja-raja Melayu yang ditelusuri dengan tujuan menulis sebuah hagiografi raja-raja. Cara penceritaannya disampaikan oleh pengarangnya menyebabkan karya *Sejarah Melayu* itu mirip menyerupai sebuah karya sastera. Namun begitu, oleh sebab karya ini mengandungi sejarah kebudayaan bangsa Melayu, serta beberapa peristiwa yang memang pernah berlaku dalam sejarah kerajaan yang bermula di Sumatera dan kemudiannya di Melaka, maka *Sejarah Melayu* pun dianggap oleh para sarjana sebagai karya sastera sejarah. Dalam kisah pertamanya (yang terpintal dengan ceritera mitos Iskandar Dhulkarnain) telah dimasukkan peristiwa serangan Raja-raja Cola ke atas tempat seperti Gangga Nagara dan penaklukannya ke atas kerajaan Melayu-Jambi dan Sriwijaya-Palembang pada abad ke-11; dan kemudiannya dalam kisah keenam, kelapan atau kesembilan kebanyakan versi *Sejarah Melayu*, dimasukkan cerita penubuhan kesultanan Melaka. Dengan yang demikian, sekalipun *Sulalat u's-Salatin* bukanlah sebuah karya sejarah yang tulen, tetapi oleh sebab terdapatnya elemen sejarah di dalamnya, seperti pelukisan tentang Raja-raja Melaka dan persaingan yang dilalui oleh pemerintahan raja itu dengan kerajaan seperti Ayutthaya dan Jawa-Majapahit, serta peristiwa Melaka ditakluki oleh Alfonso d'Albuquerque.[93] Semua ini menunjukkan bahawa seorang sejarawan masa kini boleh memanfaatkan gambaran sejarah yang diperikan oleh pengarang asal *Sejarah Melayu*, walaupun bukan tanpa pentafsiran yang kritis.[94]

Pentarikhan dalam Naskhah

Suatu masalah besar yang dihadapi oleh sejarawan yang mengkaji sejarah Asia Tenggara ialah betapa sukarnya menentukan kesahihan tarikh dan memastikan sesuatu peristiwa itu benar-benar terjadi dan bukan hanya

mitos belaka. Karya historiografi Siam, seperti *tamnan*, *pongsawadan* atau *chronicle* Kemboja, dan babad Jawa, seperti kitab *Pararaton* dan lain-lain seumpamanya, sering dipermasalahkan tentang tarikhnya dan kesahihan peristiwanya.[95] Lebih menyulitkan lagi ialah hakikat tiadanya pentarikhan dalam *Sejarah Melayu*. Yang ada hanyalah tempoh pemerintahan seseorang raja. Antara naskhah historiografi Melayu hanyalah *Hikayat Aceh* yang memberikan tarikh (Teuku Iskandar 2001: xlviii), tetapi kesahihannya pun masih perlu diwaspadai, kalaupun tidak dicurigai.

Sehubungan dengan perkara kesahihan sejarah kata-kata Ibnu Khaldun perlu ditekankan kerana terdapat usaha dewasa ini untuk merekayasa fakta sejarah berdasarkan sumber yang belum tentu sahih. Sebagai seorang yang sangat prihatin terhadap metodologi sejarah, Ibn Khaldun juga mengingatkan (Rosenthal 1958: 156 – 16):

> "Menulis sejarah memerlukan banyak sumber dan pengetahuan berbagai-bagai yang luas. Penulisan ini juga menghendaki pemikiran spekulatif yang bagus dan ketelitian yang rapi. (Pemilikan dua syarat ini) akan membawa sejarawan kepada kebenaran dan menjauhkannya daripada kesilapan dan kesalahan. Jika dia hanya percaya akan maklumat sejarah yang disampaikan dalam bentuk yang biasa-biasa sahaja dan tidak mempunyai pengetahuan yang bernas mengenai beberapa prinsip yang berupa akibat daripada kebiasaan, hakikat asas politik, sifat semula jadi ketamadunan, atau keadaan yang menguasai organisasi sosial kemanusiaan, dan sekiranya, selain itu, dia tidak pula menilai bahan yang terpencil atau yang kuno dengan cara perbandingan dengan bahan yang berdekatan atau sezaman, maka selalunya dia tidak akan dapat elakkan daripada tersandung atau tergelincir dan melencong dari lebuh kebenaran."

Tambah Ibn Khaldun lagi, penyelewengan sejarawan daripada jalan mencari kebenaran juga sering melibatkan angka, katanya: "Ia [angka-angka] menawarkan peluang yang baik untuk [memasukkan] maklumat palsu dan ia menjadi wahana bagi kenyataan yang karut" (Rosenthal 1958(1): 15-16). Kritikan Ibn Khladun ini nampaknya boleh dihubung-kaitkan dengan contoh dalam *Sejarah Melayu* tentang deskripsi banyaknya penduduk Melaka:

> "Adapun pada zaman itu negeri Melaka terlalu ramainya; segala dagang pun berkampung. Maka dari Air Leleh sampai ke Kuala Muar pasar tiada berkeputusan lagi. Dari sebelah Kampung Keling sampai ke Kuala Penajih tiada berputusan. Jika orang pergi dari Melaka datang ke Jugra tiada membawa api lagi. Barang di mana berhenti di sanalah ada rumah. Orang

dari sebelah sini hingga datang ke Batu Pahat demikian juga kerana rakyat Melaka pada masa itu sembilan belas laksa[96] banyaknya ..."[97]

Tentang angka bagi tempoh pemerintahan raja-raja Melaka nampaknya *Sejarah Melayu* mirip mencontohi (dengan sedikit-sedikit perbezaan) tempoh pemerintahan Sultan Melaka yang diberikan oleh naskhah "Ceritera Asal Raja-Raja Melayu Punya Keturunan" (Cod. Or. 3199). Misalnya, penyalin naskhah Raffles MS. No. 18 meniru "Ceritera Asal Raja-Raja Punya Keturunan" tentang usia pemerintahan Iskandar Syah, iaitu berjumlah 25 tahun (termasuk tiga tahun di Singapura). Akan tetapi, angka yang diberikan oleh naskhah Krusenstern ialah 35 tahun (hanya tiga tahun di Melaka). Manakala pemerintahan Sultan Muhammad Syah menurut "Ceritera Asal Raja-Raja Melayu Punya Keturunan" berlangsung selama 67 tahun (680 -747 Hijrah), tetapi naskhah Raffles MS. No. 18 memberikan angka 57 tahun. Angka dalam naskhah Krusenstern sama dengan yang dalam "Ceritera Asal Raja-Raja Melayu Punya Keturunan", iaitu 67 tahun. Namun begitu, untuk usia pemerintahan Sultan Muzaffar Syah terdapat persamaan antara "Ceritera Asal Raja-Raja Melayu Punya Keturunan" dengan naskhah Raffles MS. No. 18, iaitu 40 tahun, sedangkan menurut naskhah Krusenstern, usia pemerintahannya 42 tahun.

Yang lebih mengelirukan lagi ialah tarikh kematian Sultan Mansur Syah. Dalam "Ceritera Asal Raja-Raja Melayu Punya Keturunan" raja ini dikatakan memerintah selama 63 tahun. Namun begitu, menurut naskhah Raffles MS. No. 18, pemerintahannya adalah 73 tahun. Naskhah Krusenstern, walau bagaimanapun, senyap dalam hal ini. Akan tetapi, sumber Cina, *Ming Shi-lu*, menyebutkan bahawa "Sudan Mang-su Sha" [yakni Mansur Syah] telah pun menghantar dutanya ke istana Maharaja China pada 7 Julai 1459; dan rekod *Ming Shi-lu* bertarikh 13 September 1459 menyebutkan bahawa setiausaha penyelia China, Chen Jia-yu telah dihantar ke Melaka sebagai duta besar bersama-sama dengan utusan diraja bernama Peng Sheng sebagai timbalannya, untuk membawa tanda-bukti kelayakan bagi tujuan pengiktirafan Mansur Syah sebagai Raja Melaka.[98] Hal ini bermakna Mansur Syah telah pun naik takhta menjadi Sultan Melaka pada tahun 1458 atau 1459. Berdasarkan tarikh batu nisannya, kita pun tahu dia mangkat pada hari Rabu, 7 Rejab 882 Hijrah (atau 15 Oktober 1477). Hal ini bererti pemerintahannya bukanlah 63 atau 73 tahun, tetapi hanya 18 atau 19 tahun.

Percanggahan pada angka usia pemerintahan Raja-raja Melaka yang terdapat antara "Ceritera Asal Raja-Raja Melayu Punya Keturunan" dengan versi utama *Sejarah Melayu*, khasnya naskhah Raffles MS. No. 18 dan naskhah Krusenstern itu, pastilah menimbulkan keraguan dalam kalangan sejarawan tentang ketepatan penghitungan usia pemerintahan seseorang raja dan percubaan mengemukakan angka dan tarikh di dalam mana-mana versi *Sejarah Melayu*, persis seperti yang disebut oleh Ibn Khaldun bahawa "mereka (sejarawan itu) sanggup bertindak keterlaluan apabila berpuas hati dengan nama-nama raja, tanpa sebarang maklumat salasilah atau pun sejarah dan (berpuas hati) dengan hanya satu indikasi ber-angka tentang lamanya pemerintahan."[99] Percanggahan tempoh pemerintahan seseorang raja Melaka seperti yang terdapat dalam naskhah Raffles MS. No. 18 itu dengan apa yang diberikan dalam naskhah daripada versi-versi lain *Sejarah Melayu* juga bermakna ikhtiar menerka dan mencipta tarikh oleh setengah-setengah pengkaji tidaklah boleh dianggap bijak kerana sumber yang digunakan tidak dapat dipercayai.

Tarikh Kerajaan Melaka Dibuka

Di sebalik keraguan yang ketara tentang pengiraan usia raja-raja Melaka dalam *Sejarah Melayu* versi Raffles MS. No. 18 (yang mereka sebut naskhah Raja Bongsu)[100] itu, terdapat beberapa orang sejarawan tempatan yang percaya bulat-bulat pada pernyataan masa tersebut sama seperti pastor gereja reformasi Belanda, iaitu François Valentijn (1666-1727), dan pengumpul buku bernama Petrus van der Vorm (1664-1731) yang pada abad ke-18 telah cuba menerka bila Melaka dibuka sebagai sebuah kerajaan dengan menggunakan *Sejarah Melayu* sebagai sumbernya. Petrus van der Vorm telah mendahului Valentijn apabila sekitar tahun 1707-1708, dia mengemukakan tarikh 573 Hijrah atau 1177 M. sebagai tarikh pembukaan kerajaan Melaka. Akan tetapi, paderi Valentijn, yang pada sekitar tahun 1726, telah menghitung berdasarkan kiraan tahun Syamsiah (Masihi), menyatakan bahawa kerajaan Melaka telah dibuka pada kira-kira tahun 1160. Sehubungan dengan itu, sangatlah ketara bahawa sejarawan tempatan yang terlibat dengan projek yang dibiayai oleh kerajaan Melaka antara 2009-2010 meniru kaedah kedua-dua orang Belanda yang menghitung usia pemerintahan Raja-raja Melaka, seperti yang tercatat dalam *Sulalat u's-Salatin* dan kemudiannya mengundurkan pengiraan tarikh yang mereka sangka betul

ke belakang untuk menentukan bila kerajaan Melaka dibuka.[101] Tidak syak lagi kaedah yang mereka gunakan untuk menentukan tarikh pembukaan kerajaan Melaka itu adalah salah – tidak boleh dipercayai,

Jelas sekali kegigihan untuk membuat "penemuan baharu" tentang tarikh pembukaan kerajaan Melaka rupa-rupanya telah mendorong beberapa orang sejarawan tempatan yang dilantik oleh kerajaan negeri Melaka menerusi Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) untuk menjadikan *Sejarah Melayu* versi Raffles MS. No. 18 sebagai sumber asas penyelidikan mereka demi menyatakan bahawa kerajaan Melaka dibuka dalam tahun 1262.[102] Akan tetapi, kesilapan paling besar sejarawan itu ialah mereka mengandaikan semua nama raja-raja dan usia pemerintahan masing-masing, seperti yang dilakarkan dalam *Sejarah Melayu* adalah benar dan akurat belaka; walhal naskhah *Sejarah Melayu* itu, walau daripada versi apapun, hanyalah naskhah salinan. Ada kalanya sesebuah salinan itu pun dibuat berasaskan salinan yang terdahulu. Sangatlah tidak masuk akal bagi kumpulan penyelidik yang dibiayai oleh kerajaan negeri Melaka itu untuk berani menyatakan Seri Tribuana memerintah Singapura selama 48 tahun dan telah mula memerintah Singapura pada tahun 1170 M.[103]

Dengan hanya menghitung jumlah usia pemerintahan lima orang Raja Singapura[104] dan dicampurkan dengan jumlah usia pemerintahan tujuh orang Raja Melaka (selepas Iskandar Syah),[105] maka menjelang tahun 1511, terhasillah jumlah 350.5 tahun qamariah (hitungan Hijrah) atau 249 tahun syamsiah (hitungan Masihi)[106] bagi tempoh pemerintahan semua raja itu. Untuk mencari tarikh asal pembukaan Singapura dan Melaka usia pemerintahan masing-masing raja itu kemudiannya dipadankan dengan menghitung secara berundur ke belakang mulai dari tarikh Sultan Mahmud Syah dikalahkan oleh Portugis pada tahun 1511. Dengan kaedah yang amat mudah kumpulan penyelidik itu telah dengan sewenang-wenangnya membuat kesimpulan bahawa Melaka dibuka pada tahun 1262 (mula-mulanya dikatakan pada tahun 1278, tetapi kemudiannya dipinda!).[107] Kumpulan itu juga memutuskan bahawa kerajaan Singapura telah bermula pada tahun 1170. Padahal, sejarawan yang prihatin tentang kritik sumber tahu bahawa kekuatan pendapat seseorang sejarawan sangat bergantung pada beberapa sumber yang sahih. Tambahan pula, dewasa ini sarjana yang mengkaji sejarah zaman

awal Malaysia dan Asia Tenggara tahu bahawa Singapura mula muncul sebagai sebuah tatanegara (politi) perdagangan hanya sekitar tahun 1300, iaitu selepas pusat perdagangan Sriwijaya di Kota Cina, yang terletak antara Medan dan Belawan, tidak lagi aktif lantaran ditinggalkan oleh para pedagang Cina sekitar tahun 1275 selepas ekspedisi Pamalayu dari Jawa menyerang Sriwijaya. Menurut ahli arkeologi John Miksic,[108] antara tahun 1330 hingga 1349, seorang pedagang Cina bernama Wang Dayuan[109] telah dua kali berkunjung ke Temasik dan mencatatkan pengalaman perjalanannya. Lim Tse Siang, yang mengkaji sejarah Temasik dengan meneliti 8,681 serpihan seramik tinggalan arkeologi, pun yakin bahawa petempatan orang di Temasik berlaku antara abad ke-13 hingga ke-14, dan jumlah penduduknya meningkat tinggi pada akhir abad ke-13.[110]

Jelas sekali kaedah simplistik yang dilakukan oleh kumpulan sejarawan tempatan itu bukan sahaja tidak berdasarkan mana-mana sumber yang dapat mengkoroborasi "dapatan" penyelidikan mereka secara sahih, tetapi juga kesilapan besar mereka ialah mengandaikan bahawa sumber *Sulalat u's-Salatin* naskhah Raffles MS. No. 18 itu seratus peratus benar.[111] Walhal, jika dirujuk dan dibuat perbandingan antara naskhah Raffles MS. No. 18 dengan naskhah Krusenstern dan juga "Cerita Asal Raja-Raja Melayu Punya Keturunan" (Cod. Or. 3199)[112] terlihat dengan jelas betapa usia seseorang Raja Melaka itu berbeza-beza dalam versi itu.

Selain pentarikhan yang tidak boleh dipercayai lantaran percanggahan antara teks yang disebutkan tadi, dari segi logiknya juga, jika sebuah kerajaan Melaka sudah wujud seawal abad ke-14, maka tentulah ada dinyatakan oleh kitab *Nagarakretagama* (juga dikenali sebagai *Desawarnana*), yang siap ditulis oleh pujangga Prapanca pada tahun 1365, ketika Majapahit diperintah oleh Hayam Wuruk. Seyogia diingatkan, sejak awal abad ke-14, pengaruh kewibawaan Majapahit sudah pun menjangkau sampai ke daerah-daerah di tanah Semenanjung yang disebutkan Hujung Medini (Hujung Tanah). Daerah "bawahan" Majapahit yang pertama disebutkan oleh Prapanca (lihat Pupuh XIV: 2) ialah Pahang, diikuti oleh Langkasuka, Saimwang, Kelantan, Terengganu, Johor, Paka, Muar, Dungun, Tumasik, Kelang, Kedah, Jerai, dan daerah

yang dewasa ini tidak dikenali, yakni Kanjapiniran.[113] Nampak benar di sini nama Melaka tidak disentuh langsung.

Sumber Cina pun tidak menunjukkan kerajaan Melaka telah dibuka pada abad ke-14, apatah lagi pada abad terdahulunya. Maklumat yang ada dalam rekod *Ming Shi-lu* hanyalah bahawa pada penghujung Oktober 1403, sida-sida yang bernama Yin Ching telah dihantar ke Melaka untuk membawa pengisytiharan Maharaja China berupa arahan bagi Raja Melaka dan Cochin dan menganugerahi raja tersebut "langsir sutera bersulam emas berkilau dan payung, serta kain sutera yang halus dan berwarna-warni mengikut sesuainya".[114] Hal ini bermakna bahawa Raja Melaka pertama pastilah telah naik takhta, sama ada pada tahun 1402 ataupun sedikit awal daripada itu. Seandainya mahu disarankan bahawa tatanegara (politi) Melaka telah pun wujud sekitar 1390-an, saranan ini masih boleh dianggap munasabah, tetapi untuk mengatakan Melaka telah terbentuk sebagai kerajaan pada tahun 1262 sangatlah tidak masuk akal. Jika kerajaan Melaka telah wujud ketika itu tidak mungkin sumber Siam, seperti *tamnan* atau *pongsawadan* tidak menyebutkannya. Bahkan, rekod *Ming Shi-lu* pun hanya mulai menyebut Maharaja Hong-wu menghantar pengisytiharan arahan untuk Siam pada 26 Ogos 1370.[115] Ertinya, pada tempoh ini, kewujudan kerajaan Melaka tidak diketahui baik oleh Siam mahupun China.

Pada 17 Oktober 1408, *Ming Shi-lu* merekodkan bahawa Laksamana Cheng Ho dan rombongannya telah dihantar oleh Maharaja China ke beberapa buah negeri, termasuk Melaka.[116] Turut menyertai rombongan itu ialah Ma-Huan jurutulis dan jurubahasa Cheng Ho, yang juga seorang Muslim. Menurut catatan Ma Huan, ketika berada di Melaka pada tahun 1410,

> "Sebelum ini tempat ini (Melaka) bukanlah sebuah 'negeri'; [dan] oleh kerana laut [dekat sini] ia dinamakan 'Lima Pulau', Tidak ada raja bagi negeri; [dan] ia hanya di bawah kawalan seorang pembesar. Wilayah ini berada di bawah kuasa *Hsien Lo* (yakni Siam); ia membayar ufti tahunan sebanyak 40 *liang* emas (sama dengan 47.96 auns)[117]; [dan] jika ia tidak membayarnya maka *Hsien Lo* akan menghantar tentera menyerangnya.[118]

Sesungguhnya, keterikatan Melaka dengan Siam ialah suatu fakta sejarah. Melaka memang telah dipaksa membayar ufti kepada Siam sejak zaman sebelum menjalin hubungan diplomatik dengan China; walaupun pada umumnya, China, setelah menjalinkan hubungan dengan Melaka

(dan juga Siam), cuba menghalang Siam daripada mengganggu Melaka. Namun begitu, pembayaran ufti oleh Melaka kepada Siam berterusan hingga pertengahan abad ke-15.[119] Keterikatan Melaka dengan Siam inilah yang telah mencetuskan peperangan antara kedua-dua kerajaan. Peristiwa ini walau bagaimanapun, mempunyai gambaran yang berbeza-beza dalam *Sejarah Melayu* naskhah Raffles MS. No. 18 dan versi *Sejarah Melayu* yang mengandungi nama Tun Seri Lanang (termasuk naskhah Krusenstern). Menurut versi Raffles MS. No. 18, peperangan dengan Siam berlaku pada masa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, manakala naskhah Krusenstern dan yang lain menyebutkan bahawa peristiwa itu berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah. G. E. Marrison yang berhujah dengan berdasarkan maklumat yang diberikan oleh naskhah *Pongsawadan Luang Prasoet* (ditulis pada tahun 1680), mengatakan serangan Siam pertama terhadap Melaka berlaku pada tahun 1445, iaitu ketika Muzaffar Syah baru naik takhta (1445 atau 1446).[120] Serangan kedua Siam ialah pada tahun 1456, iaitu pada masa pemerintahan Boroma Trailokanat (Marrison 1949: 63).

Akan tetapi, satu lagi sumber Siam, iaitu *Kata Mandiarapala*, yang ditulis pada tahun 1468, membayangkan serangan ke atas Melaka itu tidak mungkin berlaku sebelum tarikh 1456. Manuskrip *Kata Mandiarapala* menyebutkan secara khusus Melaka disenaraikan sebagai sebuah daripada empat wilayah di Semenanjung yang menghantar ufti kepada Siam.[121] Wyatt menganggap serangan ke atas Melaka mungkin berlaku pada sekitar tempoh pemerintahan raja Siam yang bernama Trailokanath (1448 - 1488). Secara kebetulan pula, tempoh ini selari dengan zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah (1459-1477). Tentang serangan Siam terhadap Melaka sayang sekali kepastian tarikh serangan itu akan tinggal kabur lantaran percanggahan tarikh dalam kedua-dua sumber Siam itu. Bahkan, menurut Michael Vickery serangan Siam itu mungkin berlaku pada tahun 1431, iaitu berdasarkan laporan *Ming Shi-lu* bertarikh 20 Mac 1431 yang menyebutkan aduan utusan raja Melaka kepada Maharaja Cina tentang sikap bermusuhan Siam terhadap Melaka lantaran menghalang Raja Melaka (Seri Maharaja atau Sultan Muhammad Syah) datang mengadap Maharaja China.[122] Namun begitu, yang pasti, Raja Siam yang memerintah pada waktu itu, iaitu pada zaman sama ada pemerintahan Sultan Muhammad Syah, Muzaffar Syah ataupun Mansur

Syah memang memakai gelar "Bo Banya" (Bo Baña). Gelar raja Ayutthaya ini berasal daripada gabungan kata Khmer-Thai-Mon (Vickery 2004: 30).

Seperti yang telah disebutkan terdahulu, kedatangan tiga orang putera Raja Ṣuran di Bukit Siguntang Mahamĕru itu adalah suatu mitos yang sangat signifikan dalam sejarah ketatanegaraan orang Melayu. Dalam serangannya ke atas Gangga Nagara, Raja Suran telah berjaya mengalahkan Raja Gangga Syah Jawōn, llalu mengambil adik raja itu, Puteri Zaras Gangga, sebagai isterinya,[123] Hasil daripada perkahwinan itulah lahirnya tiga orang anak raja itu. Apabila dikaitkan dengan peristiwa dalam sejarah, maka mitos penaklukan Raja Suran ke atas Gangga Nagara[124] ini mengingatkan kita kepada serangan Rajendra Cola ke atas Sriwijaya dan pelabuhan jajahan takluknya (termasuk Kedah) pada tahun 1017 dan 1025.[125]

Mengikut mitosnya, kedatangan tiga orang anak Raja Suran itu berlaku pada waktu padi yang ditanam oleh Wan Empu dan Wan Malini, di kawasan bukit itu hampir masak. Rupa-rupanya kehadiran tiga orang muda di bukit itu membawa tuah kepada Wan Empu dan Wan Malini kerana waktu mereka pergi menjenguk ke huma mereka, didapati tanah negara[126] Bukit Siguntang Mahamĕru telah bertukar menjadi emas dan ini menjelaskan bahawa kilauan gemerlap yang mereka lihat bersinar-sinar pada malam sebelumnya ialah cahaya dari tanah negara bukit itu. Bahkan, buah padi yang mereka tanam di tanah bukit itu pun bertukar menjadi emas, dan daunnya menjadi perak serta batangnya menjadi tembaga suasa.

Bagi pengarang *Sejarah Melayu* yang tidak dikenali itu, kisah di Bukit Siguntang Mahamĕru yang melibatkan tiga orang anak raja keturunan dari India itu adalah cara yang tidak langsung untuk menyatakan bahawa budaya dan tamadun Melayu itu bermula di Sumatera di kawasan yang hari ini terletak di wilayah Jambi dan Palembang. Kesan daripada pertembungan budaya berunsur India, melalui bahasanya, yakni Sanskrit, agamanya, Hindu dan Buddha, dengan budaya yang dilambangkan oleh penampilan nama Wan Empu, Wan Malini, Demang Lebar Daun dan Wan Sundari, telah memperlihatkan berlakunya pembauran bahasa Melayu Kuno dan Jawa Kuno. Kemasukan bahasa Jawa Kuno ke daerah Melayu dan Sriwijaya adalah juga bukti pertembungan dua budaya rumpun Melayu yang berlaku, yang mungkin sebagai akibat daripada unjuk kekuatan antara dua kuasa. Hasil daripada

pembauran budaya Kawi-Melayu Kuno itu dengan budaya India yang berasaskan Sanskrit itulah secara tidak langsung telah membantu dalam membentuk tatanegara kerajaan Melaka yang menjadi tema inti pada naratif yang disampaikan oleh pengarang *Sulalat u's-Salatin*.

Salasilah Raja-Raja Melaka

Di sebalik percubaan mentafsirkan makna mitos, dan upaya melacak asal-usul tatanegara atau politi, Melayu yang bermula dengan peristiwa di Bukit Siguntang Mahamĕru itu, satu perkara yang jelas ialah, walaupun ada unsur mitos pada penurunan salasilah Raja-raja Melaka, tidak dapat pula disanggah secara total kebenaran sejarah yang wujud dalam salasilah itu. Hakikat ini dapat dilihat dalam semua versi *Sejarah Melayu* yang memberikan nama Iskandar Syah sebagai pemula kerajaan Melaka. Baik dalam naskhah Raffles MS. No. 18 mahupun naskhah Krusenstern, nama Iskandar Syah disebut sebagai Raja Melaka pertama. Agak menghairankan, nama raja yang bergelar Parameswara tidak disebut langsung, meskipun Tomé Pirés yang berada di Melaka ketika Portugis telah berkuasa, mencatatkan bahawa Raja Melaka pertama ialah Parameswara, yakni satu gelaran yang dalam bahasa Sanskrit bererti "yang dipertuan tertinggi" atau "Tuhan Yang Maha Agung" (Monier-Williams 1999: 588). Pirés menyebutkan nama anaknya sebagai Chaquem Daraxa (Iskandar Syah).[127] Mengapakah nama Raja Melaka yang bergelar Parameswara tidak disebutkan oleh pengarang *Sejarah Melayu*? Saya fikir, pengarang *Sejarah Melayu* seorang Muslim yang warak jika tidak pun fanatik, kerana ingin menunjukkan keunggulan agama Islam, sehingga Iskandar Zulkarnain dan Raja Kaid Hindi pun di"Islamkan". Bahkan, kedatangan agama Buddha dan Hindu ke Jambi dan Palembang pun hanya dinyatakan melalui penyebutan nama tiga orang anak raja yang tiba di Bukit Siguntang Mahamĕru dan disambut oleh Wan Empu dan Wan Malini.

Walau bagaimanapun, kendati nama Parameswara ditinggalkan oleh pengarang *Sejarah Melayu*, sumber Cina menunjukkan bahawa peningkatan taraf orang yang bergelar Parameswara daripada kedudukannya sebagai "pemerintah", kepada "raja" di Melaka, berlaku apabila Maharaja Ming menyatakan hasratnya untuk menganugerahkan cap mohor sebagai pengiktirafan kepada Parameswara sebagai raja, iaitu ekoran daripada kunjungan duta Melaka mengadap Raja China pada bulan September/Oktober 1405.[128] Menurut catatan *Ming Shi-lu* pada 11

November 1405, sebuah inskripsi untuk "gunung pelindung negeri", iaitu lambang yang menjadi tradisi kemaharajaan kepada negara-negara luar telah dianugerahkan oleh Maharaja China kepada Parameswara, Raja Melaka.[129] Kunjungan rombongan yang dikirim oleh Maharaja Yung-lo itu telah mendapat balasan daripada Raja Melaka dengan menghantar rombongan perwakilan yang diketuai oleh dutanya, A-b-u-la Jia-xin, untuk mengadap Raja China dengan membawa ufti dalam bentuk barang tempatan Melaka.[130]

Berikutnya, dalam pelayarannya yang ketiga, Laksamana Cheng Ho[131] tiba di Melaka pada tahun 1410 dan ketika itulah Melaka dinaikkan taraf dari sebuah kawasan kepada negeri, dan pekannya dinaikkan taraf sebagai sebuah bandar (Ch'eng).[132] Selepas sahaja rombongan Cheng Ho berada di Melaka, pada tahun 1411, bulan Ogos, Parameswara pun pergi mengadap Maharaja Yung-lo dengan mengetuai rombongan diraja yang berjumlah 540 orang termasuk sanak-keluarganya sendiri.[133] Pada tahun 1414 Ma Huan, yang sekali lagi ikut serta dalam pelayaran Cheng Ho ke Melaka dan tempat-tempat lain, mendapati pada masa dia dan Cheng Ho berada di Melaka, raja dan orang Melaka telah pun beragama Islam (Mills 1970: 110). Laporan Ma Huan ini bersesuaian dengan tulisan Tome Pirés yang menyebutkan bahawa Iskandar Syah atau Xaquem Darxa telah memeluk Islam pada ketika usianya telah menjangkau 72 tahun, dengan semua ahli keluarganya, dan beristerikan puteri Raja Pasai.[134] Kebetulannya pula, pada tahun 1414 juga, menurut rekod diraja *Ming Shi-lu* pada 5 Oktober, "Mu-wo Sa-yu-di-er Sha (atau Mu-gan Sa-yu(gan)-di-er Sha)" [Megat Iskandar Syah], datang mengadap Maharaja China untuk memaklumkan bahawa bapanya Parameswara telah meninggal dunia.[135] Dengan itu, jelaslah maklumat tentang raja pertama Melaka, Parameswara, lebih jelas dalam *Ming Shi-lu* berbanding dengan mana-mana versi *Sejarah Melayu*.

Dalam *Sejarah Melayu*, ceritera pengislaman Raja Tengah (menurut Raffles MS. No. 18) atau Raja Kecik Besar (menurut naskhah Krusenstern) haruslah dilihat sebagai upaya pengarang untuk menunjukkan kebesaran dan kehebatan raja Melaka setelah masuknya Islam. Nama Muhammad[136] dipakai untuk mempertegas hakikat raja Melaka sudah memeluk Islam, sekalipun peristiwa itu berlaku bukanlah

pada zaman Raja Kecik Besar atau Raja Tengah, tetapi sebaliknya sejak zaman Megat Iskandar Syah lagi, iaitu raja Melaka yang kedua.

Yang berikut ialah senarai raja yang memerintah Melaka menurut *Sejarah Melayu*:

Naskhah Raffles MS. No. 18 Naskhah Krusenstern

1. Iskandar Syah 1. Iskandar Syah

(beristerikan anak Tun Perpatih Tulus dan beranakkan:)[137]

2. Raja Kecil Besar gelar Sultan Megat 2. Raja Besar Muda
(beristerikan cucu Tun Perpatih (tidak diketahui nama isterinya)
Tulus, anak Bendahara)
Sultan Megat beranakkan: Raja Besar Muda beranakkan:
(i) Raden Bagus (i) Raden Bagus, menjadi Bendahari (beristerikan
anak Tun Perpatih Tulus)
(ii) Raja Tengah (beristerikan anak (ii) Raja Tengah (beristerikan anak
Tun Perpatih Permuka Berjajar) Tun Perpatih Tulus)
(iii) Raden Anom (iii)Raden Anom (beristerikan anak Tun Perpatih Tulus)

3. Raja Tengah (Muhammad Syah) 3. Raja Tengah
(Beristerikan anak Bendahara dan (beranakkan Raja Kecik Besar)
beranakkan Raja Kasim)

4. Raja Kecik Besar bergelar
Sultan Muhammad Syah
(beristerikan: (i) anak Tun Perpatih Pramuka Berjajar (ii) anak Mani Purindan, Tun Ute
dan (iii) anak Raja Rekan.
Dengan isteri (i) baginda
beranakkan: (a) Raja Kecik
Bambang dan (b) Raja Megat.
Dengan anak Mani Purindan
baginda beranakkan Raja
Kasim. Dengan anak Raja
Rekan baginda beranakkan Raja
Ibrahim.
4. Raja Ibrahim (Sultan Abu Syahid) 5. Raja Kasim (Sultan Muzaffar Syah)
5. Raja Ibrahim (Sultan Abu Syahid) 6. Sultan Mansur Syah
6. Raja Kasim (Sultan Muzaffar Syah) 7. Sultan ‘Alauddin Ri’ayat Syah
7. Sultan Mansur Syah 8. Sultan Mahmud Syah

8. Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah 9. Sultan Ahmad
9. Sultan Mahmud Syah 10. Sultan Ahmad

Berdasarkan senarai di atas, naskhah *Sejarah Melayu* versi Raffles MS. No. 18 menyatakan nama sembilan orang raja yang memerintah Melaka hingga pada waktu Melaka ditakluki oleh Portugis. Akan tetapi, naskhah Krusenstern mencatatkannya sepuluh orang. Perbezaan hanya pada gelaran asal bagi raja yang keempat. Raffles MS. No. 18 menamakan Raja Ibrahim sebagai raja yang keempat, manakala naskhah Krusenstern menamakan Raja Kecik Besar sebagai raja keempat Melaka. Naskhah Raffles MS. No. 18 menyatakan Raja Tengah sebagai raja yang mula-mula memeluk Islam dengan gelaran Sultan Muhammad Syah, tetapi naskhah Krusenstern menyatakan Raja Kecik Besar sebagai gelaran asal Sultan Muhammad Syah. Jika kita membandingkan pula dengan catatan yang terdapat dalam sumber Cina, *Ming Shi-lu*, maka senarai Raja Melaka adalah seperti yang berikut:

1. Ba-li-mi-su-la [Parameswara] [(r. 1402 (atau sebelumnya)][138] - 1414) – 12 tahun memerintah.

2. Mu-gan Sa-yu-dier Sha [Megat Iskandar Syah] (r.1414 - 1423/1424) – sembilan atau 10 tahun.

3. Xi-li-Maha la-zhe [Seri Maharaja] (1423/24 - 1444) – 20/21 tahun.

4. Xi-li Ba-mi-xi-wa-er Diu-ba-sha [Seri Patameswara Dewa Syah] (1444-1445).[139]

5. Su-lu-tan Wo da-fo-na Sha (Muzaffar Syah)[140] 1445 - 1458/59) – 13/14 tahun.

6. Su-dan-Mang-su Sha [Sultan Mansur Syah][141] (1458/59 - 1477) – 18/19 tahun.

7. Ma-ha-mu Sha [Sultan Mahmud Syah][142] (r. 1481 - 1511) – 30 tahun.

Daripada tujuh nama yang direkodkan oleh *Ming Shi-lu*, tiga orang Raja Melaka telah menjadi tetamu Maharaja Yung-lo. Mereka ialah Parameswara (1411), Megat Iskandar Syah (1414 dan 1419) dan Seri Maharaja (1424 dan 1433/34). Masing-masing telah membawa hadiah untuk Maharaja China pada tahun tersebut. Dua orang Raja Melaka, iaitu Megat Iskandar Syah dan Seri Maharaja telah mengadap Maharaja China sebanyak dua kali seorang. Jika diteliti nama Megat Iskandar Syah dalam sumber *Ming Shi-lu* akan kita saksikan iras persamaannya dengan nama

Sultan Megat[143] dalam naskhah Raffles MS. No. 18 dan Raja Besar Muda dalam naskhah Krusenstern.[144] Saya fikir dua nama ini ialah orang yang sama dan dia beragama Islam. Masa pemerintahannya adalah antara 1414 – 1423/24, manakala Seri Maharaja pula datang mengadap Maharaja Yung-lo pada 20 April 1424 juga untuk memberitahu bapanya telah mangkat dan dia baru sahaja naik takhta.[145] Dia berangkat pulang pada 30 April 1424. Raja ini pergi lagi kemudiannya ke negeri China dan tiba di Nanjing pada 28 November 1433 bersama-sama keluarganya untuk menunggu musim bunga buat mengadap Marahaja China. Rombongan yang terdiri daripada 228 orang itu hanya kembali ke Melaka pada 20 Jun 1434.[146]

Ada empat nama Raja Melaka yang disebutkan dalam naskhah Krusenstern, tetapi tidak disebutkan oleh rekod *Ming Shi-lu*, iaitu Raja Tengah, Sultan Abu Syahid, Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah dan Sultan Ahmad; atau tiga orang raja jika menurut naskhah Raffles MS. No. 18, iaitu Sultan Abu Syahid, Sultan 'Alauddin dan Sultan Ahmad. Tentang Raja Melaka yang ketiga, iaitu yang bergelar Raja Tengah, menurut Raffles MS. No. 18, dia telah mengambil nama Sultan Muhammad Syah apabila dia memeluk Islam. Nama ini berpadanan dengan nama Seri Maharaja yang menurut *Ming Shi-lu* juga merupakan Raja Melaka yang ketiga. Sebaliknya, menurut naskhah Krusenstern, Sultan Muhammad Syah ialah Raja Kecik Besar. Dialah yang bermimpi telah "berpandangan dengan rasul Allah". Kedua-duanya – baik Raja Tengah dalam naskhah Raffles MS. No. 18 mahupun Raja Kecik Besar dalam naskhah Krusenstern – beristerikan anak Tun Perpatih Pramuka Berjajar.

Seyogia diingatkan, gelar asal Tun Perpatih Pramuka Berjajar ialah Raden Bagus – bapa saudara Raja Kecik Besar dan juga Raja Tengah sendiri. Dan Tun Perpatih Pramuka Berjajar ialah orang kedua memegang jawatan bendahara selepas Tun Perpatih Tulus. Proses interpolasi yang berlaku terhadap kedua-dua naskhah telah menyebabkan timbulnya sedikit perbezaan pada gelaran asal Sultan Muhammad Syah; Raja Tengah menurut naskhah Raffles MS. No. 18 dan Raja Kecik Besar menurut naskhah Krusenstern dan naskhah-naskhah lain yang mengandungi nama Tun Seri Lanang.

Tentang raja yang disebutkan Seri Maharaja oleh *Ming Shi-lu*, atau Sultan Muhammad Syah oleh *Sejarah Melayu*, usia pemerintahannya berlangsung selama 20 atau 21 tahun (1423/24 - 1444/45). Ada

kemungkinannya jangka masa Seri Maharaja itu merangkumi juga masa singkat pemerintahan Sultan Abu Syahid yang menurut semua versi *Sejarah Melayu* hanya berlangsung sekitar satu tahun lima bulan. Akan tetapi, ketiadaan nama Raja Ibrahim atau Sultan Abu Syhid dalam *Ming Shi-lu* pun barangkali boleh dijelaskan dengan kehadiran nama Seri Parameswara Dewa Syah yang disebutkan dalam rekod *Ming Shi-lu.* Ada dua kemungkinan mengapa nama Sultan Abu Syahid tidak disebutkan atau tidak diketahui oleh pencatat *Ming Shi-lu.* Pertama, kerana terlalu singkat tempoh pemerintahannya, dan kedua, kerana maklumat tentang apa yang berlaku dalam politik dalaman istana Melaka tidak diketahui oleh istana Maharaja Cina. Yang diketahuinya hanyalah nama Seri Parameswara Dewa Syah, iaitu nama yang berbau Hindu, tetapi mungkin sebetulnya orangnya Islam kerana adanya gelar Syah di hujung namanya.

Namun demikian, apakah mungkin Seri Parameswara Dewa Syah merujuk kepada Raja Ibrahim (Sultan Abu Syahid) yang masih budak, atau merujuk kepada raja yang kemudiannya bergelar Sultan Muzafar Syah lantaran nama berunsur Hindunya tidak disebutkan dalam mana-mana versi *Sejarah Melayu*? Seyogia diingatkan, tempoh 1444/45 itu ialah waktu rusuh di Melaka lantaran persengketaan antara kumpulan Raja Kasim dengan puak Raja Rekan. Oleh yang demikian, tidak mustahil pula jika nama Parameswara Dewa Syah itu merujuk kepada Raja Kasim yang kerana nasab "Keling" di sebelah ibunya, memakai gelar itu sebelum dia mengambil nama Sultan Muzafar Syah. Laporan *Ming Shi-lu* pada 5 Mei 1445 menyebutkan kedatangan utusan dari Melaka ke istana Raja China memohon watikah perlindungan Maharaja China untuk negeri Melaka dan jubah naga "mang"[147] dan payung diraja untuk dianugerahkan kepada Xi-li Ba-mi-xi-wa-er Diu-ba-sha (Seri Parameswara Dewa Syah). Biasanya, watikah perlindungan itu hanya diberikan kepada seorang raja yang baru naik takhta, seperti Seri Parameswara Dewa Syah. Selepas itu, tiada apa-apa laporan dalam *Ming Shlu*, hingga pada 30 Mei 1455 kemudian, iaitu 10 tahun selepas Muzafar Syah menjadi Raja Melaka dan itulah sebabnya *Ming Shi-lu* pada tarikh berkenaan menyebutkan nama Raja Melaka, Su-lu-tan Wu-da-fo-na Sha [Sultan Muzaffar Syah] yang dikatakan menghantar utusan ke istana Maharaja China dengan membawa ufti berupa kuda dan barang hasil negeri Melaka. Kesimpulannya, kemungkinan Seri Paramaeswara Dewa Syah juga bernama Sultan Muzafar Syah itu memang ada.

Akan tetapi, yang lebih aneh lagi ialah ketiadaan nama Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah dalam laporan *Ming Shi-lu*. Sebaliknya, laporan Cina itu pada 23 Ogos 1481 menyebutkan Lin Riong dan Qian Heng, utusan Maharaja China telah dihantar ke Melaka untuk tujuan pengiktirafan "Ma-ha-mu Sha" sebagai Raja Melaka. Kesilapan pencatat *Ming Shi-lu* ialah menyebutkan nama Mahmud Syah sebagai anak "Su-dan Man-su Sha". Kesilapan ini tentulah mengundang pertanyaan: Mengapakah boleh berlaku demikian? Menurut *Sejarah Melayu*, Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah atau Raja Husin (menurut naskhah Krusenstern) atau Raja Radin (mengikut naskhah Raffles MS. No. 18) ialah anak Sultan Mansur Syah. Kesilapan meninggalkan nama 'Alauddin Ri'ayat Syah dalam rekod *Ming Shi-lu* mungkin disebabkan oleh pihak istana Maharaja China tidak mengetahui perkembangan negeri Melaka waktu itu kerana sepanjang masa pemerintahan Sultan Mansur Syah (1458/59 - 1477) hanya terdapat dua kali utusan dari Melaka mengadap Maharaja China, iaitu sekali pada bulan April 1469 dan sekali lagi pada bulan Jun 1475.[148] Oleh yang demikian, pihak istana Maharaja China tentulah tidak tahu akan kewujudan Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah. Dari sini, kita juga dapat merumuskan bahawa tempoh antara tahun 1477 hingga 1481 tentulah masa pemerintahan Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah. Oleh sebab pemerintahan Sultan 'Alauddin yang sangat singkat itu pula, iaitu sekitar empat tahun, maka namanya tercicir dalam rekod *Ming Shi-lu*. Namun demikian, walau apapun alasannya, yang pasti ialah pemerintahan Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah memang wujud. Hakikat ini sama sekali tidak boleh dipertikaikan kerana duit syiling timah yang terukir nama baginda (walaupun tiada bertarikh) telah ditemui. Terdapat juga sebuah makam di Pagoh, Muar, yang menurut cerita rakyat ialah milik baginda. Lebih daripada itu, sumber asing, *Rekidai-hōan* (Dokumen berharga tentang generasi berterusan) yang merupakan rekod Raja-raja Ryukyu, dan hanya dijumpai pada tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua, ialah saksi utuh tentang kewujudan Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah.

Walau bagaimanapun, sumber Raja-raja Ryukyu yang seluruhnya ditulis dalam tulisan Cina itu memberikan satu maklumat yang menarik tentang Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah. Sepucuk surat dari Melaka yang diterima oleh Raja Ryukyu pada tahun 1480 menyebutkan bahawa Sultan 'Alauddin naik menjadi raja ketika usianya masih mentah, iaitu baru enam tahun (Kobata dan Matsuda 1969: 118). Dalam surat tersebut Sultan 'Alauddin memanggil Raja Ryukyu itu "Paduka ayahanda" (*ibid*). Namun

begitu, maklumat dalam surat tahun 1480 itu tentang usia 'Alauddin sangatlah meragukan. Seandainya dia naik takhta ketika berusia enam tahun, maka berertilah dia mangkat ketika berusia 10 tahun, suatu hal yang sangat sukar dipercayai.

Yang mungkin boleh dipersoalkan ialah: Ada kemungkinannya perkataan enam itu sebenarnya bermaksud 16? Perkataan enam yang disebutkan itu boleh mengelirukan kerana jika dia berusia enam tahun ketika naik takhta pada tahun 1477 berertilah apabila dia digantikan oleh Sutan Mahmud pada tahun 1481 umurnya baru mencapai 10 tahun. Perkara ini tentunya tidak munasabah kerana sumber Portugis pun menyebut bahawa ketika dia naik takhta 'Alauddin telah pun beristerikan puteri Raja Kampar. Dia juga telah berkahwin dengan anak bendahara Melaka dan menurut sumber Portugis itu juga hasil dari perkahwinannya inilah dia memperoleh putera yang kemudiannya bernama Sultan Mahmud. Dengan isterinya dari Kampar itu dia memperoleh seorang putera yang kemudiannya bernama Sultan Sulaiman [*sic*, Munawar Syah jika menurut *Sejarah Melayu*]. Akan tetapi, menurut sumber Portugis juga, Sultan 'Alauddin telah mati kerana diracun menjelang pemergiannya ke Mekah, berikutan daripada *intrigue* yang berlaku antara Raja Pahang dengan Raja Inderagiri. Kematiannya itu menimbulkan perebutan kuasa antara puak permaisuri Kampar yang mahukan Sulaiman [*sic*] menggantikan 'Alauddin dan keluarga bendahara yang mahukan Mahmud mengisi takhta kerajaan sebagai pengganti ayahnya. Dan akhirnya puak bendahara berjaya merajakan Sultan Mahmud. Sumber Portugis juga menyebutkan bahawa pada masa inilah Melaka menjadi tidak tenteram (Birch 1880(3): 81).

Oleh sebab beberapa maklumat lain menunjukkan Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah sudah pun beristeri waktu hidupnya, maka agak sukar untuk menerima kenyataan yang dibuat dalam surat Sultan 'Alauddin pada tahun 1480 kepada Raja Ryukyu itu. Kenyataan bahawa dia berusia enam tahun ketika dia menerima pengiktirafan Raja China perlulah diwaspadai tentang kemungkinan adanya angka sebenar yang tercicir. Sementelahnya pula dokumen hubungan Ryukyu dengan Melaka yang tersimpan dalam khazanah *Reikidai hōan* kerajaan Ryukyu itu bukanlah ditulis dalam bahasa Melayu, tetapi dalam tulisan Cina seluruhnya (Kobata dan Matsuda 1969: v, *Preface*), dengan kemungkinan menggunakan dialek yang seakan-akan menyerupai bahasa Jepun (Birch 1880(3): xv). Walau bagaimanapun, tentang pemerintahan 'Alauddin,

seyogia diingatkan bahawa menjelang Ogos 1481 Mahmud telah pun naik takhta sebagai Sultan Melaka dengan menggantikan 'Alauddin Ri'ayat Syah. Kesimpulan ini dibuat berdasarkan laporan diraja Ming (*Ming Shi-lu*) bertarikh 23 Ogos 1481 yang mencatatkan bahawa Lin Riong, setiausaha penyeliaan di pejabat pemantauan istiadat China, telah dikirimkan sebagai duta utama bersama-sama Qian-heng, utusan di pejabat perutusan, sebagai upaduta "dengan tujuan untuk memberikan pengiktirafan kuasa kepada Sultan Mahmud yang menggantikan bapanya, Mansur Syah [*sic*, 'Alauddin Ri'ayat Syah] yang telah mangkat."[149] Akan tetapi, misi Raja China itu kandas dalam pelayaran apabila kapal mereka tenggelam. Susulan kepada itu, menurut laporan bertarikh 12 Jun 1484 sekali lagi duta China dikirim ke Melaka untuk menyampaikan watikah pengiktirafan China terhadap kuasa Sultan Mahmud Syah. Namun pada kali yang kedua itu pun misi kedutaan China itu gagal sampai ke Melaka. Hanyalah pada bulan Oktober 1485 baru dikirim lagi duta yang membawa watikah pengiktirafan untuk Sultan Mahmud Syah.[150]

Jika sejarah kesultanan Melaka dan raja-raja mahu diperiksa dengan baik, maka tidak syak lagi sumber Raja-raja Ming adalah sangat berguna. Rekod Cina itu menunjukkan bahawa bermula daripada Parameswara sampailah kepada Sultan Mahmud Syah naik takhta, pemerintahan Raja-raja Melaka telah mendapat pengiktirafan Raja China. Hubungan Melaka-China itu merupakan peristiwa yang benar-benar berlaku dalam sejarah lantaran dikoroborasi oleh sumber *Ming Shi-lu*. Akan tetapi, hubungan Melaka dengan China adalah ibarat hubungan sebuah kerajaan mandalika yang berada di bawah naungan sebuah kerajaan besar yang memberikan jaminan naungan untuk keselamatan pemerintahan mandalika itu. Setiap Raja Melaka adalah diketahui menghantar ufti dan dari segi erti diplomatiknya "menyembah" Maharaja China. Walau bagaimanapun, pengarang *Sejarah Melayu* yang mengerti makna hubungan Melaka-China ini telah cuba menunjukkan kebesaran Raja Melaka dengan mencipta mitos perkahwinan raja Melaka, Sultan Mansur Syah, dengan puteri Cina yang kononnya bernama Puteri Hang Li Po (kisah ke-12, *Sulalat u's-Salatin* 1798), seperti sebelumnya dalam kisah ke-11 telah disisipkan kisah perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan puteri Jawa, Raden Galuh Cendera Kirana, suatu mitos yang juga dicipta untuk menunjukkan kebesaran Melaka berbanding Majapahit. Pengarang *Sejarah Melayu* yang licik itu, bahkan telah mereka cerita

bahawa Maharaja China telah terkena tulah lantaran menerima surat Raja Melaka yang berkirim "sembah" kepadanya. Oleh sebab itulah itu Maharaja China kononnya telah menderita penyakit kusta. Ubatnya hanyalah dengan meminta air basuh kaki Raja Melaka untuk diminum oleh Maharaja China dan juga digunakan untuk membasuh mukanya. Jelas sekali cerita mitos sebegini telah disisipkan ke dalam sejarah hubungan Melaka dengan China yang benar-benar terjadi dengan dipusingkan ceritanya agar boleh menunjukkan bahawa antara dua orang raja itu raja Melakalah yang lebih berdaulat.

Seorang lagi raja Melaka yang tidak disebutkan oleh sumber Cina ialah Sultan Ahmad. Walaupun nama Raja Melaka ini sering dilupakan, pengarang *Sejarah Melayu* telah menyebut dalam kisah terakhir naskhah Krusenstern bahawa dia telah "dirajakan" oleh bapanya, Sultan Mahmud. Pengarang *Sejarah Melayu* itu juga menjelaskan lagi bahawa istiadat merajakan itu dilaksanakan dengan "segala pegawai dan segala alat kerajaan sekalian diserahkan baginda kepada Sultan Ahmad".[151] Akan tetapi, pengarang *Sejarah Melayu* itu tidak pula menyatakan berapa lama masa pemerintahannya. Kita hanya boleh menjangka bahawa dia dilantik pada kira-kira tahun 1510 dan kedudukannya sebagai sultan pun berakhir apabila atas perintah bapanya dia dibunuh mungkin sekitar tahun 1513. Peristiwa ini berlaku selepas dia dan Mahmud Syah melarikan diri ke Bentan dan setelah dia menubuhkan negeri di Kopak. Berbeza dengan Raja-raja Melaka yang lain, Sultan Ahmad tidak meninggalkan zuriat. Hal ini seperti yang disebut oleh Chambert-Loir adalah unik kerana kesinambungan Raja-raja Melaka itu terputus, walaupun disambung semula dengan kembalinya Sultan Mahmud ke takhta kerajaan. Keunikan inilah, di samping sebab-sebab lain, yang mendorong Chambert-Loir untuk meragui kemungkinan Sultan Ahmad benar-benar menjadi Raja Melaka.[152] Saya fikir keraguannya ini tidak bertempat kerana mengikut *Sulalat u's-Salatin* naskhah Krusenstern, "setelah Sultan Ahmad mangkat, maka oleh Sultan Mahmud, anakanda baginda Raja Mudafarlah ditimangkan baginda akan kerajaan" (Naskhah Krusenstern 1798: f. CLXXXIX). Walaupun bukan Raja Mudafar yang menggantikan Sultan Mahmud kemudiannya, lantaran Sultan Mahmud telah menamakan Raja Ali sebagai Sultan Muda, adalah munasabah bagi kita demi menjaga urutan sejarah untuk memasukkan nama Sultan Ahmad sebagai Raja Melaka terakhir sebelum negeri itu ditakluki Porrtugis. Walau pun gelaran "sultan" mungkin tidak membawa apa-apa

kuasa sebenar lantaran dia dibayangi oleh kata putus Sutan Mahmud Syah, tidak mustahil kedudukannya sebagai raja yang diserahkan tanggungjawab oleh bapanya, meletakkannya pada kedudukan yang tinggi selama masa kira-kira dua tahun ketika Melaka berperang dengan Portugis. Dengan penemuan dua keping duit timah yang mencatatkan nama "Sultan Ahmad ibn Mahmud Syah" tentulah sukar bagi sesiapa pun untuk mengatakan Sultan Ahmad tidak wujud walaupun namanya tidak berhujungkan "Syah".

Penutup

Daripada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa, walaupun banyak kajian telah dilakukan terhadap naskhah *Sejarah Melayu*, terutamanya versi Raffles MS. No. 18, di samping naskhah Shellabear dan Abdullah Munsyi dan naskhah-naskhah lain yang mengandungi nama Tun Seri Lanang, berdasarkan telaah yang begitu banyak itu, didapati wujud kelompangan dalam membicarakan aspek mitos dan makna yang tersirat di sebalik perlambangannya. Sesungguhnya, hanya pentafsiran sejarah yang jujur akan dapat menyerlahkan betapa pentingnya *Sejarah Melayu* digunakan sebagai sumber sejarah negeri Melaka dan orang Melayu. Walau bagaimanapun, pentafsiran itu memerlukan rasa sedar dan insaf bahawa mitos perlu diberikan maknanya dan kelemahan *Sejarah Melayu* dari segi pentarikhan dan fakta yang bercanggah perlu diwaspadai dan diteliti secara kritis dan diberikan pertimbangan yang waras tanpa membuat kesimpulan sejarah yang semberono. Hanya dengan penelitian yang objektif baru boleh dibuktikan dakwaan keagungan *Sejarah Melayu* sebagai sebuah karya klasik bangsa Melayu.

83 *Tamnan* ialah sejarah sejagat dunia Buddha dengan salah sebuah kerajaan negara Thai; manakala *pongsawadan* ialah sejarah keturunan raja-raja. *Tamnan* yang terkenal bagi kajian historiografi Thai dan yang ada kaitannya dengan Melaka ialah yang berkaitan dengan Ayutthaya. Manuskrip yang berkaitan ialah *Luang Praseut*.

84 Oleh pengarangnya ditulis pada pembukaan kisah, "Ini hikayat ceritera raja Banjar dan raja Kotawaringin" (lihat Ras, 1968: 228).

85 Ayat pertama dalam naskhah yang dinamakan *Hikayat Aceh* menyebut: "Ini hikayat raja Aceh daripada asal turun-temurun" (lihat Teuku Iskandar, 2001: 3).

86 Lihat Zainal Abidin bin Abdul Wahid (1991: *passim*). Zainal Abidin juga menganggap "pengarang" *Sejarah Melayu* telah menunjukkan "sedikit sebanyak sifat keilmiahannya" (hlm. 17 -18). Pandangan ini diulanginya lagi (hlm. 21), dengan kata: "'Pengarang' *Sejarah Melayu* mendekati penulisannya dengan cara ilmiah".

87 Lihat Abdul Rahman Haji Ismail (2013: 12-13).

88 Lihat Muhammad Haji Salleh (1997) dan Abdul Rahman Haji Ismail (2009). Abdul Rahman menamakan naskhah yang terkenal dengan nama Raffles MS. No. 18 ini

sebagai naskhah Raja Bongsu kerana naskhah ini mula-mula disalin atas arahan Raja Bongsu di Johor Lama pada tahun 1612.

89 Winstedt (1938: 27 – 34).

90 Rosenthal (1958: 6).

91 Penggelapan kata di atas adalah sebagai penegasan.

92 Misalnya, *Hikayat Cekel Waneng Pati*, *Hikayat Carang Kulina* dan *Hikayat Pandawa Lima*.

93 Ejaan yang digunakan oleh kebanyakan pengarang. Akan tetapi, nama ini disebut sebagai Afonso Dalboquerque dalam *The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque* yang diterjemahkan oleh Walter de Gray Birch, dan diterbitkan pada tahun 1875. Dalam naskhah Krusenstern nama ini pun ditulis sebagai Afongso Dhalberkarki [افڠسو زالبرکرک].

94 Tentang isu pentafsiran, Ibn Khaldun telah pun mengingatkan sejarawan agar jangan mudah "berpuas hati dengan nama-nama raja, tanpa sebarang maklumat salasilah atau sejarah, dan [berpuas hati] dengan hanya [kerana adanya] satu indikasi berangka tentang lamanya sesuatu pemerintahan" (lihatRosenthal 1958: 10).

95 Tentang percanggahan pada nama raja dan masalah pentarikhan dalam naskhah Kemboja dan Siam, lihat Vickery (2004: 2 – 3; 1996: 6 – 7). Tentang pentarikhan dalam sumber Siam, lihat juga Wyatt (1967: 282 dan 286) dan Marrison (1949: 63).

96 Sembilan belas laksa sama dengan 190,000 orang.

97 *Sulalat u's-Salatin* 1798 naskhah Krusenstern, kisah ke-28 (f.clxx:2). Petikan ini terdapat dalam kisah ke-21 naskhah Raffles MS. No. 18.

98 Wade (t.t.), http://epress.nus.edu.sg/ms/entry no. 755 dan 758; diakses pada 2 Februari, 2014.

99 Lihat Rosenthal (1958: 10). Sehubungan dengan itu, Ibn Khaldun ketika mengkritik sejarawan Ibn Rashiq, pengarang *Mizan al-'amal*, pun menulis: "Tiada siapa boleh percaya akan apa yang mereka katakan. Mereka tidak boleh dianggap jujur, bahkan bahan mereka pun tidak layak disebarkan kerana mereka telah menyebabkan bahan yang berguna lesap dan merosakkan kaedah dan kebiasaan yang diiktiraf (sebagai betul dan praktis) oleh sejarawan" (Rosenthal 1958: 10).

100 Dalam kalangan sarjana antarabangsa yang menyelidik naskhah lama Melayu, dan dalam katalog semua perpustakaan yang memiliki koleksi manuskrip *Sulalat u's-Salatin* atau *Sejarah Melayu*, naskhah ini dikenali sebagai "Raffles MS. No. 18", dan bukan naskhah Raja Bongsu.

101 Lihat Roolvink (1967(3): 303).

102 *Utusan Online* (arkib), 2 Jun 2010. Lihat juga Muhammad Hatim Abdul Manan "Kerajaan Melayu Melaka diasaskan pada 1262", *Berita Harian online*, 9 Jun 2010.

103 Lihat Abdul Rahman Haji Ismail (2013: 17).

104 Iaitu Seri Tri Buana, Paduka Sri Wikrama Wira, Sri Rana Wikrama, Paduka Sri Maharaja, dan Sultan Iskandar Syah.

105 Iaitu Sultan Mahkota [*sic!*], Sultan Muhammad Syah, Sultan Abu Syahid, Sultan Muzaffar Syah, Sultan Mansur Syah, Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah, dan Sultan Mahmud Syah.

106 Abdul Rahman Haji Ismail (2013: 17-18).

107 Lihat "Kerajaan Melayu Melaka diasaskan pada 1278: Penyelidik", *Berita Harian online*, 17 April 2010.

108 Miksic (2000: 112).

109 Wang Dayuan (1311–1350) seorang pengembara dari Quanzhou, China pada zaman Dinasti Yuan pada abad ke-14. Antara tahun 1328–1333, dia belayar di Laut China Selatan dan melawat banyak tempat di Asia Tenggara. Sekitar tahun 1330, dia telah melawat Pulau Singapura dan menyebut nama Dan Ma Xi, iaitu Temasik dalam tulisannya *Daoyi Zhilüe Guangzheng Xia* (*Daoyi Zhilüe*) (deskripsi tentang puak gasar) bertarikh 1349.

110 Lihat Lim Tse Siang (2012: 63-64).

111 Tentang persoalan versi *Sejarah Melayu* yang tertua telah dibahaskan dalam "*Sulalat u's-Salatin*, yakni per[tu]turan segala raja-raja" Dialih aksara dan disunting dengan kritis, serta diberikan anotasi dan pengenalan oleh Ahmat Adam, naskhah yang sedang diterbitkan oleh Yayasan Karyawan, Kuala Lumpur.

112 Salinan naskhah ini boleh dibaca dalam Roolvink (1967: 313-315).

113 Lihat Slametmulyana (1979: 280). Cf. Robson (1995: 34).

114 Wade (t.t.), http://epress.nus.edu.sg/msl/entry/7; diakses pada 1 Mei 2014.

115 *Ibid.*, http://epress.nus.edu.sg/msl/entry/500; diakses pada 1 Mei 2014.

116 Tarikh pemergian Cheng Ho ke Melaka, walau bagaimanapun, menurut Ma Huan, ialah tahun 1409. Hal ini bererti Laksamana Cheng Ho mestilah telah berada di Melaka pada tahun 1410. Lihat Ma Huan (1970: 108, nota 9; 109, nota 1).

117 Mills dlm. Ma Huan (1970: 108, nota 7). Berat emas 47.96 auns kira-kira sama dengan 4.4 paun emas. Menurut Wade, satu *liang* pada zaman Ming, sama dengan kira-kira 37 gram (lihat Wade (t.t.: 11, nota 72).

118 Ma Huan (1970: 108).

119 Lihat Wyatt (1967: 282 dan 286).

120 Marrison (1949: 63).

121 Wilayah-wilayah lain ialah Ujung Tanah, Malayu dan Warawari.

122 Vickery (2004: 28), tidak mungkin betul apabila dia mengatakan Melaka diserang pada tahun 1431 kerana menurut laporan Cina itu para utusan raja Melaka itu hanya menyampaikan maklumat bahawa raja Melaka ingin mengadap raja China, tetapi telah dihalang oleh Siam. Menurut utusan dari Melaka itu juga Siam sudah lama bercita-cita mahu menyerang Melaka. Lihat Wade (t.t.), http://epress.nus.edu.sg/msl/entry/1296; diakses pada 30 April 2014.

123 Nama Zaras Gangga terdapat dalam naskhah 1798 milik Krusenstern (f. x) dan naskhah Shellabear (1981: 15).

124 Dalam *Sejarah Melayu*, Gangga Nagara dikatakan terletak di atas bukit, "dipandang dari hadapan terlalu tinggi; dari belakang rendah; juga ada sekarang kotanya di darat Dinding kesana Perak sedikit."

125 Lihat Manguin (2009-2010: 3). Cf. Wolters (1970: 83- 84).

126 Tanah negara bererti puncak bukit yang rata. *Kamus Dewan* (2005:1074)

127 Cortesão (1967: 235 - 238).

128 Wade (t.t.), http://epress.nus.edu.sg/msl/entry/514; diakses pada 2 Mei 2014.

129 *Ibid.*, http://epress.nus.edu.sg/msl/entry/516; diakses pada 2 Mei 2014.

130 *Ibid*, http://epress.nus.edu.sg/msl/entry/1449; diakses pada 2 Mei 2014.

131 Ma Huan (1970: 109, nota 1. 34-35).

132 Lihat *Ibid.*, 109, nota 1.

133 Wade (t.t.), http://express.nus.edu.sg/msl/entry/1781; diakases pada 2 Mei 2014.

134 Cortesão (1944: 242).

135 Wade (t.t.), http://epress.nus.edu.sg/msl/entry/2115; diakses pada 11 Mei 2014.

136 Tentang kelaziman para pendakwah Islam menggunakan nama Muhammad untuk orang yang baru diIslamkan, lihat Syed Muhammad Naquib al-Attas (2011: 61).

137 Sama dalam naskhah Raffles MS. No. 18 dan Krusenstern.

138 Rekod *Ming Shi-lu* menyebutkan bahawa pada 28 Oktober 1403, sida-sida bernama Yin Ching telah dihantar ke Melaka untuk menyampaikan pengisytiharan pengiktirafan oleh Raja China serta membawa hadiah berupa sutera bersulam benang emas, langsir kasa dan payung serta beberapa lembar sutera yang halus dan berwarna-warni untuk Raja Melaka (Wade t.t.), http://epress.nus.edu.sg/msl/entry/7; diakses pada 1 Mei 2014.

139 Lihat ulasan tentang Seri Parameswara Dewa Syah di bawah.

140 Menurut *Ming Shi-lu* bertarikh 4 September 1455, duta Melaka bernama Duan-ma-gu Ling-ding telah dihantar oleh Raja Melaka untuk menyampaikan memorial serta ufti kepada Raja China.

141 Sumber *Ming Shi-lu* melaporkan pada 7 Julai 1459, Sultan Mansur Syah telah menghantar utusan untuk mengadap di istana Raja China dengan membawa ufti. Pada 13 September 1459, *Ming Shi-lu* melaporkan telah diberikan pengiktirafan sebagai Raja Melaka oleh Raja China.

142 Kali pertama Raja China menghantar utusan untuk menyampaikan watikah ialah pada bulan Ogos 1481, tetapi gagal apabila kapal setiausaha penyelia dari pejabat penelitian upacara, Lin Rong, tenggelam dan tiga tahun kemudian seorang setiausaha penyelia yang lain, bernama Zhang Sheng, pula dihantar sebagai ketua utusan untuk menyampaikan watikah Raja China yang bertujuan menyampaikan pengiktirafan terhadap Sultan Mahmud Syah sebagai raja Melaka (lihat Wade t.t.), http://epress.nus.edu.sg/msl/entry/2849; diakses pada1 Mei 2014.

143 Bukan Raja Mahkota atau Sultan Mahkota, seperti yang disangkakan oleh A. Samad Ahmad (1986: 72), Muhammad Haji Salleh (1997: 58) dan Abdul Rahman Haji Ismail (2009: 120). Ejaan kata ini ialah [م ت , m/g/t], bukan [m/k/t]. Huruf Jawi ga [ ] lazimnya tidak dibubuh titik [ک]. Mĕgĕt dalam bahasa Kawi bererti seseorang yang diberikan jawatan atau kedudukan tinggi di istana (Zoetmulder 2000(1): 663).

144 Dalam naskhah Krusenstern, yang bergelar Raja Megat ialah anak kedua Raja Kecik Besar dengan isterinya anak Tun Perpatih Pramuka Berjajar. Abang Raja Megat bernama Raja Kecik Bambang. Lihat naskhah Krusenstern (1798: f. L (2)).

145 Wade (t.t.), http://epress.nus.edu.sg/msl/entry/2966; diakses pada 10 Mei, 2014.

146 *Ibid.*, http://epress.nus.edu.sg/msl/entry/1651; diakses pada 10 Mei 2014.

147 Jubah naga "mang" ialah jubah yang dihiasi dengan gambar bulatan cakera naga berkuku empat yang dianugerahkan kepada orang taklukan (subjek) yang setia kepada Maharaja China. Hanya Maharaja China yang berhak memakai jubah yang dihiasi dengan gambar bulatan cakera naga berkuku lima yang disebut, "long".

148 Wade (t.t.), http://epress.nus.edu.sg/msl/ entry/1209 dan entry/2080; diakses pada 11 Mei 2014.

149 Rekod Raja-raja Ming tidak mengetahui kisah pemerintahan Sultan 'Alauddin. Hal ini mungkin kerana pemerintahannya sangat singkat (lihat Wade t.t.),

http://epress.nus.edu.sg/msl/entry 2653; diakses pada 25 Mei 2015.
150 *Ibid*, entry 2849 dan 2900; diakses pada 26 Mei 2015.
151 Lihat Naskhah Krusenstern (1798: f. CLXXXIV: 2).
152 Lihat Chambert-Loir (2005: 156 - 158).

Bab V

MITOS, MAKNA, DAN KEINDAHAN DALAM TEKS *SEJARAH MELAYU*

Dalam perbincangan terdahulu kita telah cuba mengemukakan apakah erti sejarah dengan mengutip pandangan sejarawan Muslim yang bernama Abdul Rahman bin Muhammad Ibn Khaldun (1332 - 1395). Berdasarkan hujah Ibn Khaldun ini, yang menulis sejarah dan pensejarahan pada tahun 1377, iaitu lebih daripada 200 tahun sebelum *Sejarah Melayu* disalin semula pada tahun 1612, tentulah sukar untuk mengukur *Sejarah Melayu* sebagai sebuah kaya sejarah yang tulen lantaran terdapatnya unsur mitos di dalamnya. Namun begitu, tidak pula dapat dinafikan bahawa sebagai karya yang memuja Raja-raja Melayu, *Sejarah Melayu* adalah sebuah karya sastera yang sangat indah sekalipun naratif yang berunsur sejarahnya banyak berbaur dengan cerita mitos. Ketiadaan tarikh tentang peristiwa yang diceritakan oleh pengarang menyebabkan karya ini lebih mendekati sebuah karya kesusasteraan, walaupun ada bahagian-bahagian karya ini yang boleh dijadikan sumber oleh sejarawan. Dengan yang demikian, karya ini pun dianggap sebagai sebuah karya sastera sejarah oleh banyak sejarawan tempatan.

Dengan memasukkan kisah yang lebih merupakan mitos, seperti cerita lima pahlawan Melaka menyertai rombongan diraja ke Majapahit itu, pengarang *Sejarah Melayu*, secara kreatif telah memanfaatkan *literary device* yang sering digunakan dalam sebuah karya sastera, iaitu memasukkan cerita dalam cerita yang utama yang lebih panjang. Tradisi sastera yang sebegini boleh juga ditemui dalam *Hikayat Seri Rama*. Demikianlah, sebagai pengarang sebuah karya sastera, dia juga telah mendapatkan ilham untuk merekayasa lima watak hulubalang yang diberikan nama Hang Tuah [*sic*], Hang Jebat, Hang Kesturi, Hang Lekir dan Hang Lukaiwa dengan mencontohi lima orang pandawa dalam *Hikayat Pandawa Lima* dan lima orang penakawan dalam cerita Panji, seperti dalam *Hikayat Cekel Waneng Pati*.

Mitos dan Makna dalam *Sejarah Melayu*

Kesusasteraaan sesuatu bangsa ialah cermin diri bangsa itu, baik dari segi bahasanya, mahupun budaya dan tradisinya. Jika dilihat kandungan *Sejarah Melayu*, maka jelas sekali perkara ini diungkapkan oleh pengarangnya dengan cara yang sangat menarik dan membuat seseorang yang mengikutinya berfikir. Sebagai misalan, orang akan menemui makna yang tersirat dalam mitos yang dikisahkannya dengan cara dan gaya yang mempamerkan keindahan bahasa dan kehalusan fikiran yang ingin disampaikan oleh pengarang. Kendatipun integriti *Sulalat u's-Salatin* sebagai karya sejarah boleh dipolemikkan, tidak pula dapat disangsikan bahawa *Sejarah Melayu* atau salasilah raja-raja ini ialah karya agung sastera orang Melayu. Pengarang asalnya yang tidak diketahui siapa orangnya,[153] berkemungkinan telah menceritakan kisah awal tentang salasilah Raja-raja Melayu secara lisan. Andaian ini berdasarkan teks "ciri" yang menurut mitosnya telah dibaca sewaktu Sang Supraba ditahbiskan oleh makhluk jin yang bernama *Bhuta* atau *Bota* yang keluar dari buih muntah lembu putih yang dinaiki oleh anak raja itu ketika "turun" bersama-sama dengan dua saudaranya di Bukit Siguntang Mahamĕru. Dalam bahasa Jawa Kuno, *ciri* bererti tanda atau bukti (Mardiwarsito 1981: 140). Menurut Arlo Griffiths, profesor sejarah Asia Tenggara di École française d'Extrême-Orient, Jakarta, yang juga merupakan seorang sarjana bahasa Sanskrit, "*ciri*" yang terdapat dalam teks *Sejarah Melayu* itu bukanlah sebuah mentera, tetapi sebaliknya bersifat puji-pujian terhadap raja "dari tujuh bumi emas". "Ciri" itu mengandungi kata Sanskrit yang diambil daripada sebuah prasasti yang mirip bentuknya dengan prasasti Raja Candrabanu kerajaan Tambralinga (Griffiths, mengagak tarikhnya mungkin abad ke-13) dan prasasti Adityawarman (abad ke-14), iaitu kedua-duanya merupakan maharaja beragama Buddha.[154] Mungkin disebabkan sifat misteri yang menyelubungi "*ciri*" itu, yang bahasanya tidak difahami oleh orang Melayu pada abad-abad yang terkemudian, walaupun Islam sudah lama bertapak, maka sampai ke abad ke-19 teks "*ciri*" itu masih digunakan sebagai bacaan sakral dalam istiadat "penggelaran" (pengangkatan) orang besar-besar di istana Raja Melayu.[155]

Teks "Ciri" dalam *Sejarah Melayu*

Tentang teks *ciri* yang asal, dalam mana-mana versi *Sulalat u's-Salatin*, hanya naskhah tahun 1798 milik Krusenstern yang mengandungi teks yang lengkap. Kita beruntung kerana penyalin naskhah tahun 1798 itu, sama ada Haji Muhammad Tahir al-Jawi ataupun salah seorang daripada rakan-rakannya, berjaya menyalin daripada naskhah yang mereka jadikan sebagai naskhah acuan dengan seteliti yang mungkin. Akan tetapi, untuk mentransliterasinya perensensi (*reviewer*) pun perlu menghalusi satu persatu perkataan yang terkandung dalam *ciri* itu dan memberikan tafsiran yang bersifat kritis.[156] Barangkali elok kita lihat *ciri* yang dimaksudkan itu. *Ciri* ini telah dibaca oleh Bota pertama kalinya ketika dia mentahbiskan Bicitram sebagai Sang Supraba Tramberi Seri Tribuana. Kali kedua *ciri* yang sama dibaca ialah ketika diadakan istiadat orang bergelar pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Syah (1423/24 – 1444/45). *Ciri* itu pun kononnya dibacakan oleh Bota. Oleh sebab teks *ciri* dalam naskhah Krusenstern yang dibaca dalam upacara orang bergelar pada masa pemerintahan Sultan Muhammad Syah lebih lengkap, maka teks ini diturunkan, seperti yang di bawah ini:

Aho![157] Swasti[158] padaka[159] śri maharaja (f. liv)

srimat[160] sri sapta[161] suwarna-bhumi[162]

bhujiya [*sic*, bhuja][163] -bala[164] -parakrama[165]

nagalang karana-makuta [*sic*, mukuta][166] (f. liv: 2)

rana-mukha[167] tribhuwana prasanga[168] sangkrit[169]

yana[170] tuŋga[171]-druma[172] -wana[173] bisran[174] kita[175]

[to]rana[176] -singhasana[177] rana-vikrama[178] wadana[179]

luntha[180] pallawika[181] salila[182] dipa[183] didi[184]

pradaya[185] kala[186] mulya[187] mauli-malika[188]

sri dharmaraja[189] aldiraja [*sic*., adhiraja[190]] raja parameswara[191]

(jawuh[192] jiwat[193] meneguhkan śena[194]

Yakni ka paduka śri [sri] maharaja raja aldiraja [*sic*., adhiraja]

raja parameswara).[195]

Menurut *Sejarah Melayu*, pembacaan *ciri* itu telah dilakukan oleh makhluk yang bernama Bota sebagai bukti pengangkatan Sang Supraba atau Raja Bicitram Syah[196] yang merupakan tokoh mitos dalam sejarah permulaan tatanegara Melayu kuno di Sumatera. Dengan memasukkan nama Nila Pahlawan[197] dan Karna Pandeyan[198] pengarang *Sejarah Melayu* seolah-olah ingin menyatakan bahawa agama Hindu yang datang ke kawasan Bukit Siguntang itu adalah berbentuk aliran yang memuja dewa Vishnu. Kata *nila* pada nama Nila Pahlawan memberi erti warna biru gelap, atau hijau gelap, atau hitam dalam bahasa Sanskrit. Warna *nila* dikatakan warna tubuh dewa Vishnu. Kata "pahlawan" pula ialah bentuk tercemar daripada kata Sanskrit *pallava* yang bererti tunas, ranting atau kudup. Kata idiom "tunas" dalam konteks ini bererti cambahan atau kelahiran. Jadi, istilah Nila Pahlawan (tunas atau ranting Nila)" adalah ungkapan idiomatik bagi inkarnasi Vishnu. Lambang "nila" yang digunakan untuk Vishnu juga terdapat pada nama Nilatanam, iaitu nama anak raja ketiga yang disebut dalam naskhah Raffles MS. No. 18. Perkataan *tana(m)* dalam bahasa Sanskrit bererti anak atau anak cucu (Monier-Williams 1999: 435, kolum 2). Jadi, baik nama Nila Pahlawan mahupun Nilatanam, kedua-duanya mempunyai makna yang hampir sama, yakni anak atau tunas (atau cambahan) kepada Vishnu. Manakala nama Karna Pandeyan yang terdapat di dalam naskhah Krusenstern pun sebetulnya merujuk kepada Vishnu kerana "Karna" ialah sebutan dalam bahasa Kawi untuk nama dewa Krishna; dan Krishna menurut doktrin agama Hindu ialah inkarnasi atau penjelmaan semula Vishnu. Kata *pandeyan* yang tercantum pada nama Karna terbit daripada kata Kawi *pandya* yang bererti orang yang ada kemahiran;[199] kata ini juga berasal daripada kata Sanskrit panda yang bererti kebijaksanaan, atau kearifan. Jadi, kata ini pun kira-kira seerti dengan *pandita* yang bererti orang terpelajar, bijaksana, sarjana, orang suci atau ahli falsafah (Monier-Williams 1999: 580). Oleh sebab itu, nama Karna Pandeyan yang terdapat dalam naskhah Krusenstern dan nama Krishna Pandita yang ditemui dalam naskhah Shellabear adalah sebenarnya merujuk kepada tokoh yang sama. Sama halnya dengan nama Nila Utama dalam naskhah Shellabear, ia juga merujuk kepada dewa Vishnu. Timbulnya perbezaan dalam penggunaannya antara teks yang ada adalah kerana proses interpolasi yang berlaku dari zaman ke zaman.

Dengan melihat nama-nama ini tentu kita sebagai pembaca *Sejarah Melayu* ingin bertanya: Apakah maksud sebenar pengarang asal *Sulalat u's-Salatin* memperkenalkannya? Adakah sesuatu yang simbolik pada nama-nama ini? Bahkan, kita juga patut bertanya: Apakah mitos yang dipaparkan dalam kisah di negeri Andalas itu mengandungi maknanya yang tersendiri? Kecuali beberapa orang ahli arkeologi, tidak banyak sejarawan cuba mentafsirkan mitos yang meriwayatkan fondasi (asas) kerajaan Melayu di daerah Muara Tatang, dan Sungai Melayu itu serta membantu dalam memberikan gambaran tentang masyarakat dan sistem kepercayaan di kawasan tersebut. Barangkali tidak banyak yang menyangka bahawa di sebalik mitos Sang Supraba dan Bukit Siguntang Mahamĕru, pencerita *Sejarah Melayu* pada peringkat awalnya telah pun memperagakan kebijaksanaannya apabila dia cuba, dengan cara yang halus (*subtle*), untuk menunjukkan bahawa daerah Melayu itu telah didatangi oleh agama Buddha dan Hindu. Mungkin pengarang ini sudah pun memeluk Islam, dan oleh itu, dia hanya menyebutkan nama, seperti Bicitram Syah, Nila Pahlawan, Karna [Krishna] Pandeyan, dan nama tiga orang wanita bernama Wan Malini, Wan Empu[k] dan Wan Sundari untuk mengungkapkan secebis sejarah awal orang Melayu.

Melalui penggunaan nama-nama ini, pengarang asal *Sejarah Melayu* seolah-olah ingin memberitahu bahawa kedatangan agama Hindu telah bertembung dengan agama Buddha yang wujud di kawasan daerah Jambi dan Palembang sekarang ini. Pemberitahuan ini dibuat secara simbolik dengan dua orang anak raja keturunan Maharaja Iskandar <u>Dh</u>ulkarnain itu masing-masing memperisterikan Wan Empu dan Wan Malini, dan kemudiannya Sang Supraba (Bicitram Syah) mengahwini Wan Sundari, puteri Demang Lebar Daun.

Baik nama Wan Empu, mahupun nama Wan Malini ataupun Wan Sundari, kesemuanya nama yang simbolik kerana "Empu" (sekalipun tidak dinyatakan nama sebenarnya) dalam bahasa Jawa Kuno atau Kawi bermakna orang yang dihormati, atau yang mulia. Istilah *empu*, *ampu*, atau *mpu* juga ialah kata panggilan untuk para rohaniwan,[200] seperti para brahmani atau kaum biksuni yang beragama Buddha. Menurut mitos agama Buddha juga, Malini dan Sundari ialah nama dua orang biksuni yang amat terkenal pada masa Siddharta Gautama (*circa* 563 S.M. – 400 S.M.) menubuhkan institusi *sangha biksuni* pada tahun kelima selepas Buddha menerima kesedarannya (*enlightenment*). Menurut satu mitos, Sundari ialah nama puteri jelita seorang Brahmana bernama

Agnidatta. Kecantikannya itu menurut mitos agama Buddha telah menyebabkan dia diminati oleh banyak jejaka, tetapi oleh sebab sangat setianya kepada Buddha dia meminta agar dia ditahbiskan oleh Buddha sebagai biksuni, dan permohonannya itu diperkenankan.

Dalam kedua-dua mitos, sama ada agama Buddha ataupun agama Hindu, "Suprabha" sebenarnya nama yang agung lantaran dia berwatak suci. Dalam *Sejarah Melayu*, kedatangan Sang Supraba melambangkan pertembungan antara budaya India dengan budaya Melayu apabila dia berkahwin dengan Wan Sundari, puteri Demang Lebar Daun. Nama Supraba juga adalah istimewa kerana melalui waad antara dia dengan Demang Lebar Daunlah, maka wujud perjanjian terkenal yang mensyaratkan rakyat Melayu perlu setia kepada raja dan raja tidak akan mensia-siakan rakyat demi mewujudkan hubungan simbiotik antara kedua-duanya. Akan tetapi, menurut mitos Hindu dan juga Buddha, tokoh "Suprabha" tidak semestinya lelaki; gendernya boleh jadi lelaki, dan boleh jadi juga perempuan. Juga agamanya pun boleh jadi Buddha atau boleh jadi Hindu. Dalam satu mitos agama Buddha nama "Suprabha" ialah nama seorang puteri saudagar kaya yang telah menjadi biksuni yang sangat setia kepada Gautama Buddha. Akan tetapi, menurut sumber mitos Hindu "Suprabha" juga nama putera dewa yang berkebolehan meramalkan kejadian yang akan berlaku kepada dirinya. Pada satu ketika, "Suprabha" telah meramalkan kejatuhannya dari syurga akibat kehilangan *merit* atau "pahala", yang akan menyebabkan dia lahir semula[201] di dalam perut seekor babi betina. Perkara ini menimbulkan kesedihan yang amat sangat kepada putera dewa itu. Apabila ratapan kesedihannya itu diketahui oleh Indra, iaitu raja segala dewa, maka "Suprabha" pun dinasihatkan agar meminta pertolongan dewa Siva. Setelah dia melakukan apa yang disuruh Indra, dia pun mendapati dirinya berada di dunia yang lebih tinggi daripada "swarga" (syurga). Namun begitu, dalam satu sumber Buddha yang lain, "Suprabha" seorang raja yang dikatakan telah "memasuki *samadhi*", iaitu menjadi seorang Buddha. Justeru, kepada pemeluk agama Buddha, nama "Suprabha" juga membawa erti "telah mendapat kesedaran atau *enlightenment*" kerana berjaya mencapai taraf seorang Buddha. Penganut Buddhisme menganggap "Suprabha" sebagai "penakluk" atau "pemusnah" eksistensi.[202] Maka, nama "Suprabha" juga dianggap sebagai nama suci yang lain bagi Buddha.

Dalam kedua-dua naskhah *Sejarah Melayu*, baik milik Krusenstern, mahupun Raffles MS. No. 18, nama Wan Empu dan Wan Malini juga melambangkan budaya Melayu di Muara Jambi. Gelar "Wan" berasal daripada bahasa Kawi, *hwan*, *wan* dan *hwanan*. Istilah *wan* ini bererti penggiring, penjaga atau penggembala atau pemelihara ternakan (Mardiwarsito 1981: 228). Dalam konteks kisah di Bukit Siguntang Bukit Siguntang Mahamĕru, penggunaan gelar "Wan" yang tercantum pada nama dua orang wanita di bukit tersebut menunjukkan pengarang asal *Sejarah Melayu* ingin menyatakan bahawa kebudayaan di daerah Muara Tatang yang menjadi kawasan Melayu itu ialah kebudayaan tani kerana kata "wan" bukanlah gelar bangsawan, seperti yang dianggap oleh banyak orang. Kedudukan Wan Empu dan Wan Malini sebagai wanita tani jelas mununjukkan ciri kesederhanaan yang terdapat dalam agama Buddha, iaitu sesuai dengan watak biksuni (Sanskrit) atau Bikuni (Pali) dalam sistem sangha Buddhis.

Kata *empu* dalam nama Wan Empu, walaupun melambangkan gelar seorang rohaniwan, namun sebenarnya hanyalah nama seorang penternak haiwan, sama seperti Wan Malini yang juga merupakan seorang wanita tani yang dipadankan daripada nama biksuni yang bernama Malini. Dengan demikian, dalam konteks kisah di Bukit Siguntang Mahamĕru, sekalipun Wan Empu dan Wan Malini ialah wanita tani yang tinggal berdekatan dengan bukit yang dinamakan Siguntang Mahamĕru, iaitu bukit yang melambangkan tempat kediaman para dewa, mereka pun dari sudut yang lain telah cuba digambarkan secara halus oleh pengarang *Sejarah Melayu* sebagai lambang kerohanian yang menghuni kawasan bukit Siguntang Mahamĕru.

Dalam kosmologi agama Hindu, Jain dan Buddha, Mahamĕru ialah gunung tempat kediaman para dewa. Oleh sebab itu, candi agama Hindu, Jain dan Buddha memang dibina dalam bentuk yang mewakili imej Mahamĕru, seperti yang terdapat pada bentuk candi Borobudur. Jadi, di sebalik tokoh Wan Empu dan Wan Malini digambarkan sebagai wanita tani, mereka juga lambang para dewi atau simbol agama Buddha itu sendiri.

Warisan dari Eropah

Sejak orang Eropah mula menaruh minat terhadap *Sejarah Melayu* pada abad ke-18, banyak kajian dan perbincangan telah dilakukan. Namun begitu, sayangnya, para pengkaji Melayu-Indonesia yang fasih berbahasa

Melayu ternyata mempercayai bulat-bulat apa yang diperkatakan oleh orang Eropah tentang *Sulalat u's-Salatin*. Yang paling ketara sekali ialah bahawa pengkaji Melayu tidak pernah mempersoalkan bacaan tulisan Jawi dalam manuskrip Melayu oleh orang Eropah, khasnya bagi naskhah *Sejarah Melayu* itu sendiri. Mereka mengambil sikap *take for granted* bahawa pemindahan teks Jawi kepada Rumi yang dilakukan untuk, atau oleh orang, seperti Valentijn (1726), John Leyden (1810), T. Braddel (1851), Marcel Devic (1878), W. E. Maxwell (1882), W. G. Shellabear (1895), C. O. Blagden (1925), R. O. Winstedt (1938), W. Linehan (1947), dan beberapa yang lain (yang tentunya dibuat dengan bantuan pembaca bahasa Melayu yang terdiri daripada jurutulis Melayu (atau Jawi Peranakan) adalah betul. Oleh yang demikian, tidaklah menghairankan jika terdapat kesalahan pemindahan aksara dari Jawi ke Rumi lantaran mereka tersalah baca tulisan dalam manuskrip Melayu itu. Masalah utama yang dihadapi oleh banyak pengkaji *Sejarah Melayu* adalah kerana mereka menganggap hikayat Melayu itu hampir seluruhnya ditulis dengan menggunakan perkataan Melayu. Juga yang menjadi penghalang utama dalam membuat transliterasi dari Jawi ke Rumi ialah cara menulis Jawi dalam naskhah tua Melayu, dan cara pemindah aksara atau peresensi (*reviewer*) itu membaca kata dalam huruf Jawi itu, yang biasanya dilakukan dengan berdasarkan ejaan yang mereka biasa gunakan.

Keindahan dalam *Sejarah Melayu*

Selain berperanan sebagai perlambangan untuk fenomena sejarah, mitos juga boleh memperlihatkan aspek estetika dalam sastera. Misalnya, tentang ciri yang dibincangkan di atas tadi, jika difahami erti kandungan teksnya, akan kelihatanlah keindahan pada mesej yang hendak disampaikannya. Lihatlah perlambangan kata dalam bahasa puisinya:

> Ayuhai! Sejahtera kepada Paduka Seri Maharaja
> yang terkenal di tujuh dunia negara emas;
> perkasa oleh kuasa tangannya;
> memiliki mahkota yang berhias seperti ular;
> terkenal dalam perang tiga dunia, di sembilan bahagian
> bertindak segera, bergerak pantas dengan kudanya
> di dalam hutan berpohon tinggi;

bersemayam di atas kursi singa, di kota berpintu gerbang;
dan pada musimnya melencong dengan wajah gembira,
bermain-main di pulau tasik, beristirahat;
dengan tujuan mulia membahagi-bahagikan hadiah.

Raja yang muhsin,[203] raja yang terutama,
Maharaja diraja, yang dipertuan, raja.
Penaka hujan menyuburi kehidupan,
membuat teguh bala tenteranya,
paduka Seri Maharaja yang agung!

Keindahan yang serupa juga terdapat dalam sebuah puisi Jawa yang merakamkan peristiwa mitos Hang Tuah [*sic*] berada di Jawa-Majaphit. Keindahan sastera itu jelas dapat dinikmati daripada teks kidung Jawa yang dimasukkan oleh pengarang asal *Sejarah Melayu* dan ditransliterasikan dengan baik oleh Haji Muhammad Tahir al-Jawi dan rakan-rakannya pada tahun 1798. (*Catatan*: Ayat terjemahan di dalam kurungan parentesis, dengan hurufnya digelapkan, adalah persis seperti yang disalin oleh Haji Muhammad Tahir *et al.*, dari teks induk *Sejarah Melayu*):

Ono[204] sirih[205] tanggap[206] ana[207] panglipur[208] saban[209] dina[210] katon[211] parandene[212] de[213] unang[214] uga[215]

(Ini toh suruh sambut olehmu akan mengiburkan [*sic*] rasa berahi, sehari-hari dilihat, sungguh demikian pun rindu juga).

Iwĕr[216] sang[217] rara[218] kabeh[219] deni[220] laksamana lumaku[221], laksamana lumaku penjurit ratu Melayu.

(Sabur[222] segala anak dara semuanya melihat laksamana lumaku penjurit ratu Melayu).

Ayu-ayu[223] anak wong pande wesi[224] angatakan[225] ya[226] yak[227] sanityasa[228] hari[229] de[230] cane[231] **[Cantik molek anak tukang besi, sungguh menggairahkan kerana sentiasa menghiburkan hati dengan menyusun cerana berisi sirih-pinang, kapur dan gambir.]**[232]

Kaget wong ing[233] pangkon deni laksamana nu[234] mandeng[235] penjurit ratu hing[236] seberang.

(Terkejut orang dalam pangkuan oleh melihat laksamana lalu, hulubalang raja seberang.)

Tutut[237] ana[238] ina[239] ka[240] temu[241] pati[242] nana[243] pati nan[244]

karo[245] katelu[246] jaruman[247] mara.[248]

(Ikut olehmu jikalau bertemu bunuh sekali. Bunuh keduanya, ketiga dengan suruh-suruhannya.)

Geger wong pasar deni laksamana liwat[249]

Laksamana liwat penjurit ratu Melayu

(Gempar orang di pasar, ya melihat Laksamana lalu Laksamana lalu hulubalang raja Melaka)

Wis[250] lolya[251] kung[252] lek[253] kwa-kwa[254] maning[255] sumbalinga[256] lipur[257] ana kung hati saban[258] kaloka.[259]

(Baik sudah luka yang dilalaikan itu datang rindukan pula sungguhpun ku hibur-hiburkan hatiku ini netiasa dendam juga.)

Geger orang de paseban[260] deni[261] Laksamana teka[262] Laksamana teka[263] penjurit ratu Melaka.

(Gempar orang di pengadapan sebab laksamana datang, hulubalang raja Melaka.)

Den[264] ura[265] rambut-i[266] dan tangisinya dan tangisi rambut-i milu[267] tan[268] de[269] remen.[270]

(Diuraikannya rambutnya ditangisi rambut-i milu tan de remen.)[271]

Diuraikannya rambutnya ditangisi: Wah! Rambutku ini dia pun turut tag[272] de remen.

Lihat pula puisi nyanyian (kidung) Jawa yang di bawah ini:

Sa[273] titik embun de[274] dhaun jasun[275]

Manucuran[276] de[277] dhaun jira

Sa[278] dina[279] amboi[280] katon[281]

Uru[282] idan[283] rasa manira[284]

Bak mandi de papan[285] mala[286] seya[287]

Isin[288] lara[289] amboi[290] mang[g]an[291]

Pijer[292] tangisan kangen[293] ning[294] sira.[295]

Dan alangkah indahnya apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu:

Setitik embun di daun bawang putih
Mencucur jatuh dari daun jintan
Sepanjang hari aduhai teringin
Mabuk berahi nikmatnya aku jatuh cinta
Bak mandi di penghadapan cabulnya menganiaya
Malu derita aduhai, sampainya hati!
Senantiasa menangis rindukan dia.

Selain puisi di atas, estetika sastera dalam *Sejarah Melayu* juga dapat dilihat daripada keratan pantun yang diselitkan oleh pengarang (atau penyalin):

Gendang raya dapat berbunyi
Raja Rekan masuk mengadap
Orang kaya apa dibawanya
Dendam sahaya dapat berdapat.[296]

Bermain Sultan Abu Syahid
Budak-budak bermain benteh[297]
Tuan juga dipandang baik
Bagai cincin kena permata.[298]

Cao Pandan anak Bo Banya[299]
Hendak pergi ke Melaka
Ada cincin berisi bunga
Bunga berladung air mata [300]

Lagi mana bubutan[301]
Bubutan lagi di keliti[302]
Kaka[303] Tun Telanai mana puputan[304]

Puputan lagi di Tanjung Jati[305]

Raja Maluku meminjam kuda
Kuda dipinjam kuda Maulana
Tuanku nyawa orang muda
Bertambah arif bijaksana.[306]

Sebuah pantun tentang baju Melayu pun diungkapkan:

Mur[307] dikata derji[308]
Empat hasta sehelai baju
Muda berusul Lela Manja
Bagai mutiara dalam teraju.[309]

Yang jika boleh diterjemahkan ke dalam bahasa kini:

Bak kata tukang jahit, kain sulam berbenang emas
Empat hasta sehelai baju
Muda berasal Lela Manja
Bagi mutiara dalam neraca.

Pantun yang berikut menggambarkan keadaan negeri Melaka di bawah Bendahara Seri Maharaja yang dirindui oleh para kelasi apabila meninggalkan bandarnya.[310]

Bandar Melaka pisang jarum,
Air Bukit Cina, Bendahara Seri Maharaja,
Maka sawut [*sic*, sahut] khalasi sekalian:
Orang berbayu[311] tok[312] berbayu.[313]

(Dua baris terakhir jika diterjemahkan akan bermakna:
Maka jawab kelasi sekalian,
Orang bernafas, tuak pun menjadi basi.)

Lihat pula balas-membalas pantun antara bunga air mawar di Gunung Ledang dengan bunga tanjung:

Sana-sini[314] gigi-gigi menimang
Hendak makan ikan di dalam telaga
Lagi lemak telur berkinang[315]
Sisiknya lekat kepada dada.

Biru katanya Dang Nila memangku puan
Berambang buah pedada
Adakah gila bagi tuan
Burung terbang dipesankan[316] lada.[317]

Penutup

Daripada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa, walaupun banyak kajian telah dilakukan terhadap naskhah *Sejarah Melayu*, terutamanya versi Raffles MS. No. 18, di samping naskhah Shellabear dan Abdullah Munsyi, serta naskhah-naskhah lain yang mengandungi nama Tun Seri Lanang, berdasarkan telaah yang begitu banyak itu, didapati wujud kelompangan dalam membicarakan aspek mitos dan makna yang tersirat di sebalik perlambangannya. Sebuah mitos yang belum puas dibicarakan oleh masyarakat Melayu Malaysia ialah kisah petualangan hulubalang yang selama ini dinamakan Hang Tuah [*sic*]. Untuk bab selanjutnya watak yang bergelar Laksamana Hang Tuah [*sic*] ini akan dibicarakan sedalam yang mungkin. Soalan utama yang ingin dijawab dalam bab berikut ialah, sejauh manakah benarnya Hang Tuah [*sic*] itu wujud?

153 Berbeza dengan karya *Nagarakrtagama*, yang ditulis oleh Prapanca, *Sejarah Melayu* telah disalin beberapa kali oleh lebih daripada seorang penyalin. Pengarang sebenarnya tidak diketahui. Akan tetapi, pengarang *Nagarakrtagama* pun sebetulnya tidak diketahui namanya. Nama gelar, Prapanca, ialah nama samaran sahaja. Kata *prapanca* ialah kata Kawi yang berasal daripada Sanskrit yang membawa erti penjelasan tambahan; manifestasi; kemunculan; amat banyak (*copious*); gaya penulisan yang merewang-rewang atau berbaur; kekacauan dalam fikiran atau perasaan bingung (lihat Zoetmulder 2000(2): 848; juga Monier-Wiliams 1999: 681).

154 Komunikasi peribadi pada 1 Januari 2013.

155 Lihat Maxwell (1882: 81-86).

156 Perkara ini tidak dilakukan oleh perensi-perensi lain yang mengkaji naskhah Raffles MS. No. 18. Bacaan A. Samad Ahmad (1986: 22) juga sangat tidak menepati kandungan teks ciri itu. Bahkan, Shellabear (1981: 18) dan Situmorang dan Teeuw, (1952: 24) yang menggunakan teks yang diresensi oleh Munsyi Abdullah tidak menyalin langsung teks ciri tersebut, sama ada memang tiada ditemui ciri itu dalam teks yang mereka resensi ataupun kerana mereka barangkali merasakan perkataan itu lebih baik ditinggalkan sahaja lantaran sukar difahami. Kesimpulannya, transliterasi peresensi ini tidak menolong pembaca awam *Sejarah Melayu* memahami kata dalam ciri tersebut. Dalam pada itu, sekurang-kurangny Maxwell telah cuba mendapatkan bantuan daripada rahib Buddha di Seri Lanka, untuk mentransliterasikan ciri itu, tetapi oleh sebab dia menduga bahasa yang digunakan ialah bahasa Pali, maka hasilnya juga tidak memuaskan (lihat Maxwell 1882: 288).

157 Kata seru *Aho* diungkapkan sebagai desakan. Dalam bahasa Kawi fungsinya sama dengan kata seruan "wahai!", atau "aduhai" (Wojowasito 1977: 8).

158 Dalam bahasa Kawi dan Sanskrit *swasti* bererti makmur atau bahagia. Juga boleh diterjemahkan dengan kata "hidup!", "sejahtera!" atau "semoga terjadi" (istilah salam pembukaan) (Prawiroatmodjo 1980: 721 dan Zoetmulder (2000(2): 1171).

159 Kedudukan, jawatan atau darjat (Macdonell 2000:152).

160 *Srimat* dalam bahasa Sanskrit bererti termasyhur; cantik, menawan, gemilang, bermartabat tinggi, makmur (Monier-Williams 1999: 1100).

161 Tujuh. *Sapta-bhuwana* bererti tujuh benua; tujuh kerajaan (Zoemulder (2000(2): 1033). Cf. Macdonell (2000: 207)

162 *Suwarna-bhumi* bererti bumi atau negara emas (Monier-Williams 1999: 763).

163 *Bhuja* ialah kata Kawi (dan Sanskrit) yang bermakna tangan atau lengan (Zoetmulder 2000(1): 139).

164 *Bala* dalam bahasa Sanskrit dan Kawi bererti tentera, kekuatan, kekuasaan, atau angkatan perang(Monier-Williams 1999: 722 dan Zoetmulder 2000(1): 99).

165 Kata Sanskrit (dan Kawi) parakrama bererti keberanian, kepahlawanan, kekuatan, atau melancar serangan (Monier-Willaims 1999: 654-655). Macdonell (2000: 154 dan Zoetmulder 2000(2): 764).

166 *Mukuta* dalam bahasa Sanskrit bererti tiara atau mahkota. *Nagalang-karana-mukuta* bermakna mahkota berhiasan ular (lihat Monier-Williams 1999: 532 dan 819).

167 *Rana-mukha* dalam bahasa Sanskrit dan Kawi bererti pelopor peperangan (lihat Zoetmulder 2000(2): 917).

168 *Prasanga* dalam bahasa Kawi bererti sembilan bahagian (Zoetmulder 2000(2): 1018). Erti lainnya, kesempatan, terlanjur atau terlalu berani (Mardiwarsito 1981: 435).

169 Ejaannya dalam kisah Sang Supraba naskhah Krusenstern sama seperti dalam naskhah Raffles MS. No. 18, iaitu [s-k-r-y-t سکريت], tetapi huruf kaf [k] untuk kata ini dalam naskhah Krusenstern tidak terselesai kerana tidak diberi cangapnya. Namun begitu, dalam kisah kelapan naskhah Krusenstern (f.liv: 2), perkataan ini dieja: [s-ng-k-r-y-t سڠکريت], iaitu kata tercemar daripada kata Sanskrit *samkrit*. *Sakrit* membawa erti bertindak tiba-tiba, atau serta merta; tetapi *samkrit* bererti memotong habis-habis atau menikam dengan gigih. Baik *sakrit* mahupun *sangkrit* menyampaikan maksud bahawa raja ini seorang yang tangkas bertindak dalam peperangan (lihat Monier-Williams 1999: 1124 dan 1126).

170 *Yana* bererti bergerak, kenderaan, atau berjalan (Zoetmulder 2000(2): 1488).

171 Kata *turangga* atau *turaga* bererti yang berjalan dengan cepat, dengan kuda; *aturaga* dalam bahasa Kawi bererti berkuda (Zoetmulder 2002(2): 1301).

172 *Druma* ialah pohon (Zoetmulder (2000(2): 1296 dan 1301).

173 *Wana* ialah hutan, atau belukar (Zoetmulder 2000(2): 1380). Akan tetapi, makna lain kata *wana* ialah sama dengan kata *wahana* iaitu kenderaan, kuda atau gajah. (*Ibid.*, 1367).

174 Daripada kata Sanskrit *visran* yang bererti membahagi-bahagikan, atau menghadiahkan (Monier-Williams 1999: 991).

175 *Kita* (atau *kuta*) ialah tempat yang dikelilingi benteng. atau kota yang dikelilingi tembok (Zoetmulder (2000(1): 507).

176 *Torana* bererti pintu gerbang, tetapi *turana* bererti pantas, atau laju (Monier-Williams 1999: 456 dan 451). Di sini kata *torana* yang dimaksudkan.

177 Takhta singa atau singgahsana raja (Monier-Williams 1999: 1213).

178 *Rana-vikrama* bererti keteguhan hati dalam peperangan (Zoetmulder 2000(2): 917 dan 1435).

179 *Wadana* bererti wajah, tindakan berbicara, air muka. Kata *vadhana* dalam bahasa Sanskrit bererti menuturkan atau berkata-kata. Ertinya yang lain ialah senjata ampuh (Monier-Williams 1999: 916).

180 Kata Sanskrit *luntha* bererti merangsang, membuat agitasi, mengguncangkan atau mengembara, atau bermalas-malas (Monier-Williams 1999: 904 dan Zoetmulder 2000 (1): 615).

181 Dalam bahasa Sanskrit *pallavika* bererti menyebar, berbaur, melencong atau menyimpang. Ia juga boleh bererti bertunas atau tumbuh (lihat Monier-Williams 1999: 623).

182 *Salila* bererti air, bermain-main atau tenang (Zoetmulder 2000(2): 991).

183 *Dipa* (atau *dwipa*) ialah pulau (Zoetmulder 2000(1): 220).

184 Erti *didi* dalam bahasa Kawi ialah tujuan, supaya, sendiri (Zoetmulder 2000(1): 216). *Didi* dalam bahasa Sanskrit juga bererti bersinar-sinar atau menjadi cemerlang (Monier-Williams 1999: 481).

185 Kata Kawi *pradaya* bererti maksud atau tujuan (Zoetmulder 2000(2): 836).

186 *Kala* = waktu

187 *Mulya* bererti mulia, unggul, ulung, terkenal, menghargai, memuliakan, menilai (Zoetmulder 2000(1): 680).

188 *Mauli-malika* ialah lingkaran bunga di kepala. *Mauli* bererti kepala atau mahkota (Macdonell 2000: 237).

189 *Dharmaraja* ialah nama dewa Yama. *Sridharmaraja* bermaksud *bhatara dharma*, yakni sinar raja atau dewa yang mendukung keadilan (lihat Monier-Williams 1999: 511). Cf. Zoetmulder (2000(1): 199).

190 Yang pertama antara para raja; raja yang tertinggi berkuasa (Zoetmulder 2000(1): 9).

191 "Parameswara" bererti Maharaja; Mahadewa (khusus yang bernama Siwa).

192 Kata Kawi yang bererti hujan (Zoetmulder 2000(1): 417 - 418).

193 *Jiwat* atau *jiwita* dalam bahasa Kawi bererti hidup atau jiwa (Zoetmulder 2000 (1): 425).

194 *Sena* bererti angkatan perang, atau tentera (Wojowasito 1977: 243).

195 Perenggan dalam kurungan terakhir ini tiada terdapat dalam kisah kedua tentang Sang Supraba ditahbiskan oleh Bota.

196 Gelaran *Syah* yang digunakan oleh pengarang *Sejarah Melayu* ialah kata pinjaman daripada bahasa dan sastera Parsi bagi menunjukkan status raja seseorang itu. Gelaran ini yang pada mulanya dipakai oleh Raja-raja Islam di Iran telah mempengaruhi raja-raja di Turki, India dan Asia Tenggara (khasnya Melayu). Dalam mitos tiga orang anak raja yang tiba di Bukit Siguntang Mahamĕru pun anak raja yang tertua, iaitu Bicitram telah diberikan gelar "Syah" pada namanya.

197 Atau Paladutani jika menurut naskhah Raffles MS. No. 18. *Paladutani* terdiri daripada gabungan kata Kawi berasal Sanskrit, *pala*, yang bererti pengawal atau pelindung bumi dengan *dutani* yang bererti utusan yang dikirim (lihat Monier-Williams 1999: 622, kolum 3 dan Zoetmulder 2000(1): 241; lihat juga Macdonnel 2000: 123).

198 Tiga nama itu adalah seperti yang dinyatakan dalam teks naskhah Krusenstern. Akan tetapi, menurut naskhah Raffles MS. No. 18, mereka dikenali sebagai Bichitram Syah, Paladutani, dan Nilatanam. Menurut naskhah Shellabear pula nama mereka ialah Nila Pahlawan, Krishna Pandita dan Nila Utama.

199 Dalam bahasa Kawi *panday* bererti pandai atau ahli dalam pertukangan (Zoetmulder 2000(2): 744).

200 Lihat Zoetmulder (2000(1): 673).

201 Kelahiran semula atau reinkarnasi ialah transmigrasi roh ke dalam tubuh yang lain selepas kematian. Selepas kematian roh itu akan lahir semula dalam tubuh yang lain, sama ada manusia, haiwan, ataupun dalam bentuk *spirit*, tetapi perpindahan roh ini tergantung pada kualiti akhlak dalam tindakan atau perbuatan pada masa kehidupan sebelumnya. Konsep reinkarnasi wujud sebagai doktrin dalam agama-agama di India, termasuk Hinduisme dan Buddhisme.

202 Dalam doktrin agama Buddha seseorang itu hanya mencapai status "buddha" apabila dia berjaya menghentikan putaran roda kelahiran, yang bererti memusnahkan kewujudan atau eksistensi.

203 Kata "muhsin" ialah terjemahan untuk *dharmaraja*. Kata *dharma* membawa erti salah satu daripada delapan sifat *buddhi*. *Dharma* juga merangkumi makna kebajikan, kebaikan, keadilan kesalihan, kesucian dan murah hati. Sifat ini menurut doktrin

agama Buddha Mahayana adalah "yang mutlak" yang bercirikan kebenaran, undang-undang, dan keadilan (lihat Zoetmulder 2000(1): 197).

204 Dieja [a-w-n, نوا]. Mungkin varian untuk kata *Kawi* hana atau *onya* [*honya*] yang bererti ada. Kata honya ialah kata seruan, seperti "nah!" (lihat Zoetmuler (2000(1): 362 dan Wojowasito 1977: 101 dan 107).

205 Kata *suruh* ialah varian bagi kata *sĕrĕh* yang bermakna daun sirih (Zoetmulder 2000(2): 1158).

206 *Tanggap* bererti terima, sambut, ambil. (Wojowasito 1977: 261 dan Mardiwarsito 1981: 583).

207 *Ana* atau *hana* bererti ada (Mardiwarsito 1981: 41 dan 208).

208 Daripada kata *anglipur* yang bermakna menghibur, melegakan, menggembirakan. *Panglipur* adalah cara menghibur, atau penghibur (Zoetmulder 2000(1): 603). Cf. Wojowasito (1977: 156).

209 *Saban* bererti setiap kali (Wojowasito 1977: 228).

210 *Dina* ialah hari (Zoetmukder 2000(1): 219).

211 *Katon* ialah kata Jawa Baru yang membawa makna dapat dilihat atau kelihatan Prawiroatmodjo (1980: 214).

212 *Parandene* (kata Jawa Baru) membawa erti walaupun demikian, meskipun begitu. (Prawiroatmodjo 1980: 561).

213 *De* bermakna keadaan, sebab, atau menyebabkan (Zoetmulder 2000(1): 210 dan Wojowasito 1977: 71).

214 *Unang* atau *unĕng* bererti menimbulkan rasa rindu; menggiurkan (Mardiwarsito 1981: 638). *De unang* membawa maksud menyebabkan sedih lantaran merindukan kekasih.

215 *Uga* (atau *ugi*) bererti juga, namun (Mardiwarsito 1981: 632).

216 Atau *ĕwĕr*, bererti sibuk, kesulitan, kalut (Mardiwarsito 1981: 245).

217 *Sang* (partikel penghormat) sama seperti *Si* (Wojowasito 1977: 236).

218 *Rara* bererti perawan, anak dara (Wojowasito 1977: 465).

219 *Kabeh* bererti semua, seluruh (*Ibid.*, 258).

220 *Deni* bererti oleh, kerana, untuk (*Ibid.*, 151).

221 *Lumaku*, kata Jawa Baru (bukan Kawi) yang bererti berjalan, datang (Prawiroatmodjo, 1980: 315. Dalam bahasa Kawi kata *lumaksana* bererti berjalan.

222 Tidak keruan atau haru-biru (*Kamus Dewan* 2000: 1363).

223 Varian dari *hayu* yang bererti baik, cantik, molek, elok (Zoetmulder 2000(1): 346).

224 Anak *wong pande wesi* bererti anak orang tukang besi.

225 Varian daripada *kahangeten*? Kata ini bererti kehangatan atau keghairahan (Zoetmulder 2000(1): 334).

226 *Ya* bermakna sungguh atau sesungguhnya, atau seandainya (Mardiwarsito 1981: 708).

227 *Yak* adalah sama dengan *yan*, iaitu kata yang membawa erti jika, jikalau, atau kerana. (Mardiwarsito 1981: 709).

228 Senantiasa.

229 *Hari* dalam bahasa Kawi bererti menghiburkan atau menyenangkan hati (Zoetmulder 2000(1): 339 dan Mardiwarsito 1981: 75 dan 212).

230 *De* bererti membuat, buat atu kerja (Mardiwarsito 1981: 150).

231 *Cane* atau *canya* bererti daun sirih dengan kapur. tembakau, gambir dan pinang bersama-sama di dalam cerana (Zoetmulder 2000(1): 159).

232 Terjemahan bebas saya sendiri.

233 *Ing* ialah kata Kawi untuk di, pada.

234 *Nu* bererti yang (Mardiwarsito 1981: 377).

235 *Mandeng* dalam bahasa Jawa Baru bererti memandang. *Mandang* pula bererti serta, demi (Prawiroatmodjo 1980: 329).

236 Varian bagi *ing* yang bererti di, pada, oleh, dengan (Mardiwarsito 1981: 238).

237 *Tutut* dalam bahasa Kawi bererti turut atau ikut (Zoetmulder 2002(2): 1308).

238 Kata Kawi *ana* atau *hana* bererti ada, keadaan, mengerjakan, mengadakan, yang ada. (Zoetmulder 2000 (1): 333) Cf. Wojowasito (1977: 101).

239 *Ina* bererti terutama (Mardiwarsito (1981: 236). Ina juga bererti pengasuh (Wojowasito 1977: 111).

240 *Ka* bermakna sebab, dengan, lalu; di sana, dan, dengan, kemudian (Wojowasito 1977: 123). Cf. Mardiwarsito (1981: 258).

241 *Temu* bererti temu, dapat, sampai pada, bertemu, mendapatkan, menderita (Wojowasito 1977: 269).

242 *Pati* bererti maut, mati, bunuhlah! (imperatif) (Mardiwarsito 1981: 412-413). Cf. Wojowasito (1977: 197).

243 *Nana* bererti membinasakan; luka, hancur (Wojowasito 1977: 175).

244 *Nan* bermakna begitu atau demikian (Wojowasito 1977: 175 dan Mardiwarsito 1981: 363).

245 Varian untuk kata *karwa* yang bererti dua, atau berdua, kedua-dua (Mardiwarsito 1981: 271).

246 Erti *telu* dalam bahasa Kawi ialah tiga. *Katelu* bererti ketiga-tiganya.

247 Kata *jaruman* bererti pengantara, telangkai (Mardiwarsito 1981: 250).

248 *Mara* bererti sesungguhnya, binasa, maut, mati sehingga, supaya (Mardiwarsito 1981: 345).

249 *Liwat* bererti lalu dalam bahasa Kawi (Mardiwarsito 1981: 323).

250 *Wis* bererti habis, sudah; telah, berhenti (Mardiwarsito 1981: 689).

251 *Lolya* bererti terlupa, sangat ingin (Wojowasito 1977: 157).

252 *Kung* = rindu dendam, bercinta, gundah-gulana (Wojowasito 1977: 146).

253 Kata Kawi *lĕk* bererti bersedih hati; murung (Mardiwarsito (1981: 315).

254 *Kwa-kwa* bererti kekerabatan (Zoetmulder 2000(1): 551).

255 Kata *maning* bererti lagi (Mardiwarsito 1981: 339).

256 Kata *sumbalinga* ialah kata Jawa baru yang bererti dapat juga dipegang teguh janjinya; dapat juga terlaksana (Prawiroatmodjo 1980: 712).

257 *Lipur* ialah hibur, atau terhibur; lipurana bererti mengadakan hiburan; menenagkan keadaan (Zoetmulder 2000(1); 603).

258 *Saban* bererti dulu; setiap kali (Wojowasito 1977: 228).

259 *Kaloka* bermakna terkenal atau termasyhur (Zoetmulder 2000(1): 606).

260 Kata tercemar daripada kata Kawi *pasewan* yang bererti ruang penghadapan (Zoetmulder 2000(2): 1080-1081). Kata akarnya ialah *sewa* yang dalam bahasa Sanskrit bererti kehadapan , penghormatan, atau sembah. *Paseban* ialah kata Jawa Baru – bukan Kawi – untuk balai penghadapan (lihat Prawiroatmodjo 1980: 564).

261 *Deni* = kerana

262 *Teka* = datang, sampai (Wojowasito 1977: 267).

263 Kata *teka* di sini bermaksud "itulah" (lihat *Ibid*).

264 *Den ura* = hendaknya diurai; atau harus diurai (Wojowasito 1977: 72).

265 Dieja "urai" [يروا]. *Ura* dalam bahasa Kawi bermakna urai, lepas terbuka (Wojowasito 1977: 288 dan Mardiwarsito 1981: 645).

266 Akhiran [i] dalam bahasa Kawi berasal daripada kata depan "ini". *Rambut-i* bermakna rambut ini (Wojowasito 1977: 109).

267 *Milu* adalah kata Jawa Baru yang bererti ikut atau turut serta (Prawiroatmodjo 1980: 364).

268 *tan* bererti tiada, tidak.

269 Kata *de* bererti memberi, merangsang (Mardiwarsito 1981: 150). Akan tetapi, ungkapan *tan de remen* membawa makna tidak memberikan kegembiraan.

270 *Rĕmĕn* bererti kegembiraan atau kesukaan (Zoetmulder 2000(2): 937).

271 *Milu tan de remen* bermaksud turut tidak memberangsangkan atau turut tidak menyenangkan.

272 Kata *tag* mempunyai erti yang sama dengan *tan* (tidak) (Wojowasito 1977: 257).

273 Sama dengan "se" (satu) (Wojowasito 1977: 228).

274 Dalam konteks ini *de* bererti "di" (Prawiroatmodjo 1980: 90 dan Wojowasito 1977: 71).

275 Kata Kawi *jasun* bererti bawang putih (Zoetmulder 2000(1): 415).

276 Daripada kata *kucur* yang dalam bahasa Kawi bererti cucuran, aliran atau mengucur ke bawa (Zoetmulder 2000(1): 526). Mancuh? bererti mengalir ke atas; cur bererti mengalir dengan memancut atau tiba-tiba memancut (memancur) (Prawiroatmodjo 1980: 329 dan 86).

277 *De* ialah kata Kawi untuk dari, atau bagi (Wojowasito 1977: 71).

278 Kata Kawi *sa* bererti sepanjang (Wojowasito 1977: 228).

279 *Dina* = hari.

280 Daripada kata seru bahasa Sunda *ambeu* atau *ambeuing*, yang bermaksud menunjukkan rasa hairan atau keciwa (lihat Hardjadibrata 2003: 18).

281 *Katon* bererti ingin, hendak (Wojowasito 1977: 132).

282 Kata Kawi *uru* (atau *wuru*) bererti mabuk. Boleh juga membawa erti marah (Zoetmulder 2000 2): 1475) dan Mardiwarsito 1981: 646).

283 *Idan* atau *edan* berrti fikiran yang mengacaukan, menggila (Wojowasito 1977: 109) dan Zoetmulder 2000(1): 377. *Uru idan* boleh diertikan seperti dalam keadaan mabuk kepayang, iaitu hilang ingatan diri atau lupa akan diri kerana jatuh cinta (lihat *Kamus Dewan* 2005: 746).

284 Kata *manira* ialah kata ganti orang pertama, saya atau aku.

285 Di sini, kata *papan* dalam bahasa Kawi bererti tempat untuk orang berkunjung atau menghadap (Zoetmulder 2000(2): 759).

286 Kata Kawi *mala* (asal Sanskrit) yang bererti cabul, kotor, cemar, noda, cacat (Zoetmuder 2000(1): 638). Cf. Mardiwarsito (1981:337).

287 *Seya* bererti sia-sia; kata lainnya ialah *aneya-neya* (aniaya) (Zoetmulder 2000(2): 1082).

288 *Isin* bermakna malu (Wojowasito 1977: 115).

289 *Lara* ialah kata Kawi yang bermakna derita, sedih (Wojowasito (1977: 152).

290 Lihat nota 137 di atas.

291 Daripada kata *manggan* dalam bahasa Jawa Kuno yang bererti "sampai hati" (Prawiroatmodjo 1980: 331). Tidak mungkin *mangan* (yang bererti makan), iaitu kata Jawa Baru dari bahasa Kawi *pangan* (yang bererti makanan).

292 *Pijer* bererti terus-menerus, selalu, asyik (Zoetmulder 2000(2): 817).

293 *Kangen* ialah kata Jawa Baru (bukan Kawi) yang bererti rindu (Prawiroatmodjo 1980: 206).

294 *Ning* membawa erti pada, dari, oleh atau nya (Mardiwarsito 1981: 370; juga 238).

295 *Sira* bermaksud ia, beliau; juga ganti nama orang kedua atau ketiga (dalam kidung). (Wojowasito 1977:246). Cf. Zoetmulder (2000(2): 1101).

296 *Sulalat u's-Salatin* 1798 naskhah Krusenstern (f.lix: 2).

297 Bermain dengan cara mengunci atau memasung kaki bahagian tulang kering seperti dalam pergelutan atau sepak-menyepak dengan tulang betis (Wilkinson (1959(1): 121-122).

298 *Sulalat u's-Salatin* 1798 naskhah Krusenstern (f.lx: 2).

299 Nama gelar yang berasal daripada gabungan kata dalam bahasa Khmer-Thai-Mon yang dipakai oleh Raja-raja Ayutthaya, Kemboja dan Martaban (Vickery 2004: 23-27 dan 30-31).

300 *Sulalat u's-Salatin* 1798 naskhah Krusenstern (ff. lxx: 1 dan 2).

301 *Bubutan* ialah tali penegak tiang perahu sebagi ikhtiar untuk menegakkan tiang tersebut.

302 *Keliti* ialah penyangkut pengayuh atau dayung di sisi perahu.

303 Kaka ialah kata Kawi yang bererti abang.

304 Puputan ialah tiupan angin.

305 *Sulalat u's-Salatin* 1798 naskhah Krusenstern (f. lxxvi).

306 *Ibid* (f. cxxviii: 2).

307 *Mur* dalam bahasa Jawa Baru ialah sejenis kain bersulam benang emas.

308 Daripada kata Parsi *darzi* yang bererti tukang jahit.

309 *Teraju* ialah kata Kawi yang bermakna neraca.

310 Lihat kisah ke-23 naskhah Krusenstern atau kisah ke-26 naskhah Shellabear.

311 Menghela nafas atau menghisap udara.

312 *Tok* dalam bahasa Kawi bererti *tuak*, minuman arak yang diperbuat daripada nira nipah atau kelapa atau enau atau beras pulut yang telah diperam.

313 Dalam bahasa Kawi *berbayu* bererti menjadi setengah basi atau "masuk angin". *Bayu* bererti hilang rasa baharu atau segar (Zoetmulder 2000(1): 117 dan 2000(2): 1310).

314 *Sana-sini* dalam bahasa Jawa Kuno bererti di kedua-dua belah (Zoetmulder 2002(2): 1647).

315 *Kinang* dalam bahasa Jawa Kuno bererti sirih dan ramuannya. *Kinang* atau *anginang* [berkinang] pula bererti makan sirih (lihat Zoetmulder 2000(1): 501). Cf. Mardiwarsito (1981: 284). Akan tetapi, *kinang-kinang* dalam bahasa Melayu bermakna sejenis kuih yang dibuat daripada pulut yang mulanya dijemur hingga kering dan kemudian dimasak dalam minyak untuk dimakan dengan gula kabung (Wilkinson 1959(10) 600).

316 Mungkin daripada kata Kawi *pes* atau *pespesan*. “Pespesan” dalam bahasa Kawi bererti memanggang. “Pesan” di sini membawa maksud menyediakan bumbu (lada) untuk membuat “pespesan”, iaitu lauk yang dibungkus dengan daun dan dipanggang (lihat Zoetmulder (2000(2): 815; lihat juga Wojowasito (1977: 199).

317 *Sulalat u's-Salatin* 1798 naskhah Krusenstern (f. clii).

Bab VI

BETULKAH HANG TUAH [*SIC*] WUJUD?

Berbicara tentang nama "Hang Tuah" selalunya membangkitkan berbagai-bagai perasaan dalam kalangan orang Melayu. Tidak mudah membincangkan watak mitos yang kewujudannya dianggap benar-benar sahih, dan telah berpaksi dalam minda masyarakat Melayu sekitar tidak kurang daripada empat abad lamanya. Nama ini, sepatah kata seorang Sasterawan Negara, telah menyuburkan imaginasi hampir seluruh dunia Melayu dan sehingga kini menjadi lambang bangsa Melayu, lantaran tokoh yang dimitoskan ini dipercayai boleh membantu mengembalikan maruah bangsa seandainya maruah itu terhakis. Bahkan, Muhammad Haji Salleh seolah-olah menyetujui Richard Winstedt apabila dia berkata, "Hang Tuah [*sic*] mati sebelum berlakunya kejatuhan Melaka ke tangan Portugis" (Muhammad Haji Salleh 2014: 123-124). Kononnya, mengikut Sasterawan Negara ini juga tokoh yang bernama Hang Tuah itu mati kerana "menghidap demam panas dan sakit kepala" (Muhammad Haji Salleh 2014: 124). Kenyataan ini bermakna bahawa seorang Sasterawan Negara pun dapat menerima hakikat Hang Tuah [*sic*] itu pernah wujud. Penerimaan ini banyak diperbantu oleh kewujudan cerita lisan rakyat tentang wira yang dinamakan Hang Tuah [*sic*] itu.

Dengan hujah bahawa sumber lisan dan separuh lisan itu selalunya merupakan dialog dengan karya yang tertulis, seperti *Sulalat u's-Salatin*, Muhammad pun mengambil sikap yakin bahawa cerita rakyat itu boleh membantunya untuk menelusuri asal-usul Hang Tuah [*sic*] itu (Muhammad 2014: 126). Pun demikian, dia tidak lepas daripada berpandukan, bahkan mempercayai banyak sudut daripada riwayat hidup Hang Tuah [*sic*], seperti yang dilakarkan oleh pengarang *Hikayat Hang Tuah (HHT)* yang masyhur itu. Tampak jelas dia percaya bahawa Hang Tuah [*sic*], seperti yang dilakarkan oleh pengarang karya klasik Melayu itu, dengan segala bentuk pengalaman *adventure*-nya benar-benar wujud dalam sejarah. Justeru, Sasterawan Negara itu cuba

mengusut seberapa banyak sudut tentang Hang Tuah [*sic*], bahkan cuba menelusuri tempat kelahiran hulubalang yang masyhur itu dengan mengunjungi beberapa tempat, termasuk Kampung Bakung di Pulau Singkep, juga tempat-tempat di Terengganu, dan Melaka untuk mencari Sungai Duyung [*sic*, 'Duyong' jika di Melaka] sebenar yang menurut cerita lisan ialah tempat kelahiran Hang Tuah [*sic*]. Setelah membanding-bandingkan tempat-tempat yang dilawatinya, akhirnya Muhammad pun yakin bahawa Sungai Duyung yang di pulau Singkep itulah, iaitu di wilayah Bakung, tempat lahir Hang Tuah [*sic*] (Muhammad 2014: 141).

Sasterawan dan Mitologi

Sikap gigih seorang Sasterawan Negara mengkaji sebuah karya, seperti *HHT* bukanlah sesuatu yang luar biasa. Biasanya, pengkaji kesusasteraan memang berminat kepada cerita, baik yang bersifat lisan mahupun yang dituangkan ke dalam bentuk karangan yang juga berpangkalkan sumber lisan. Cerita yang bersifat mitos dan dongeng memang mudah mendapat tarikan para penulis sastera, apatah lagi tentang seorang wira yang sudah dimitoskan, seperti "Hang Tuah" [*sic*], kerana kesusasteraan itu ialah cermin masyarakat atau bangsa yang diceriterakan oleh mitos itu. Upaya mentafsirkan *HHT* sebagai sebuah karya yang mencerminkan pergolakan politik Johor telah dicuba oleh Boris Parnickel dan kemudiannya, V. I. Braginsky, yang berspekulasi bahawa kandungan hikayat itu ada kaitannya dengan peristiwa di Johor antara tahun 1650-an hingga 1680-an, suatu rumusan yang sangat terpesong daripada pembicaraannya sebagai sebuah karya sastera yang beracuankan sejarah abad ke-15 dan 16 dan khayalan pengarang sendiri (Braginsky 1990: 399 - 403).

Seorang lagi pengkaji sastera sejarah orang Melayu pun berpendapat bahawa Hang Tuah [*sic*] bukanlah tokoh mitos. Mohd. Yusoff Hashim (2008) dengan bersandarkan pandangan Liaw Yock Fang dengan tegas mengatakan bahawa Hang Tuah [*sic*] ialah tokoh sejarah (Liaw 1975: 154). Akan tetapi, Mohd. Yusoff Hashim melalui tulisannya yang cuba membandingkan *HHT* dengan *Sejarah Melayu* terang-terang memperlihatkan kekeliruannya dalam membezakan antara mitos dengan sejarah, dan oleh sebab itu, dia sendiri pun gagal membuktikan kewujudan Hang Tuah [*sic*] sebagai figur sejarah. Allahyarham Profesor Ismail Hussein lebih bijaksana apabila dia menolak percubaan melihat sebuah teks sastera Melayu (seperti *HHT*) sebagai sebuah karya sejarah

dengan alasan teks kesusasteraan Melayu tidak mempunyai kronologi, seperti yang diperlukan oleh sejarah (Ismail 1966: 77).

Dalam semua masyarakat memang terdapat cerita sastera yang mengisahkan zaman silam masyarakat itu. Sama ada cerita ini berasaskan kisah benar ataupun tidak, hanya mereka yang mempunyai kemahiran mentafsirkan mitos dan legenda dapat membantu. Hal ini justeru kerana kebanyakan cerita yang mengkhayalkan itu selalunya mirip kepada dongeng, mitos atau legenda yang pada suatu waktu dipercayai sebagai benar. Akan tetapi, bagi para sejarawan, persoalan yang sering diajukan ialah: Apakah mitos yang dikatakan berdasarkan kebenaran itu betul-betul menceritakan kejadian yang benar-benar berlaku? Para sejarawan hanya boleh menerima sesuatu itu jika buktinya ada.

Dalam pada itu, para pengkaji mitos akan menunjukkan bahawa mitos itu bukan sekadar bersifat cerita sahaja kerana mitos mempunyai tujuan tersendiri, baik pada zaman purbakala mahupun pada zaman yang baru terlepas. Peranan mitos adalah untuk mengesahkan cara masyarakat itu bergerak. Para anggota masyarakat menggunakan mitos untuk mengabsahkan kewujudan masyarakat itu dan bahawa itulah cara mereka mengendalikan kehidupan bermasyarakat. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa dalam setiap masyarakat, mitos itu memang senantiasa ada. Yang membezakan antara mitos itu dari segi bentuknya sahaja. Keperluan sesebuah masyarakat atau bangsa terhadap mitos kerana mitos itu boleh membantu para anggota masyarakat itu memahami dan mengerti dunia sekitar mereka dan sistem nilai mereka, bahkan kedudukan anggota masyarakat itu sendiri dalam masyarakat mereka.

Seyogia diingatkan, mitos dan legenda dapat dikaitkan dengan persekitaran geografi sesebuah wilayah. Legenda tentang seorang laksamana misalnya, tentulah ada kaitannya dengan masyarakat maritim yang persekitarannya ialah laut. Mitos dan legenda juga ada kaitannya dengan sistem nilai. Kita ambil contoh suatu mitos yang berkaitan dengan kuasa raja dalam *Sejarah Melayu*. Menurut mitos itu, setelah permaisurinya meninggal dunia, Sultan Melaka ingin memperisterikan Puteri Gunung Ledang. Mitos ini menunjukkan betapa raja yang serba berkuasa di Melaka ingin memperisterikan seorang puteri yang dianggap luar biasa, lantararan bermastautin di gunung. Akan tetapi, mitos tentang raja menginginkan puteri "luar biasa" ini juga terdapat pada

orang Jawa dan Sunda yang percaya akan wujudnya penguasa lautan di selatan Pulau Jawa. Dalam mitos yang melibatkan pengasas kerajaan Mataram, Panembahan Senopati (r. 1586-1601 M.), dia dikatakan telah jatuh hati terhadap Nyi Roro Ratu Kidul, iaitu tuan puteri yang tinggal di bawah dasar laut di selatan Pulau Jawa. Perbezaan antara dua mitos itu dapat dilihat dari segi kesan atau pengakhiran ceritanya: Pengarang *Sejarah Melayu* menunjukkan bahawa dalam percubaannya untuk memperoleh seorang isteri yang "luar biasa", Raja Melaka gagal memperisterikan tuan puteri yang tinggal di gunung, tetapi sebaliknya pula Raja Mataram berjaya memperisterikan puteri di bawah lautan. Akan tetapi, mitos ini memberikan gambaran tentang keperkasaan raja dan kejayaan raja yang diceritakan. Selain Panembahan Senopati, cucunya, iaitu Raja Mataram yang bernama Sultan Agung (r. 1613 – 1645) adalah dilihat sebagai raja besar Mataram yang berjaya, manakala Raja Melaka, Sultan Mahmud Syah menurut versi *Sulalat u's-Salatin* yang mengandungi nama Tun Seri Lanang, memiliki watak yang lemah yang akhirnya membawa kepada kekalahan Melaka di tangan Portugis.

Benarkah Hang Tuah [*sic*] itu Mitos?

Cerita dongeng begini tentulah tidak dapat diterima sebagai sejarah kerana kebenarannya tidak pernah dipastikan. Cerita seperti ini lebih merupakan legenda, iaitu cerita yang bukan sejarah dan memang tidak dapat disahkan kebenarannya, namun disampaikan daripada satu keturunan kepada keturunan yang lain sehinggakan lama-kelamaan diterima seolah-olah merupakan sejarah. Sementelahnya pula, seperti dalam mitos Nyi Roro Ratu Kidul itu, tokoh yang terlibat, iaitu Raja Mataram, baik Panembahan Senopati mahupun Sultan Agung Adi Prabu Hanyokrokusuma, memang wujud dalam sejarah Jawa, dan dengan yang demikian, mitos Raja Mataram berkahwin dengan Nyi Roro Ratu Kidul pun dipercayai hingga kini – paling tidak sebagai legenda. Demikian pulalah yang berlaku kepada cerita tentang manusia yang bernama Hang Tuah [*sic*]. Hulubalang yang dimitoskan ini akhirnya muncul sebagai manusia legenda kerana namanya, seperti yang ditafsirkan orang, tersebut dalam *Sulalat u's-Salatin* dan *HHT*. Karya yang kedua ini terhasil lama selepas Portugis menakluki Melaka, bahkan pada masa Melaka telah pun jatuh ke tangan Belanda, dan diperintah oleh Syarikat Hindia Timur Belanda (*Vereenigde Oostindische Compagnie*, atau singkatnya *VOC*).

Sebetulnya, legenda orang yang bernama Hang Tuah [*sic*] itu bukan tersebar luas lantaran disebabkan oleh *Sulalat u's-Salatin*, iaitu hikayat Melayu yang, walaupun mula ditulis sebelum abad ke-16, disambung kemudiannya dari semasa ke semasa hingga ke tahun 1612, bahkan juga selepas itu, hingga ke akhir abad ke-19; akan tetapi, kepopularan Hang Tuah [*sic*] sebagai seorang wira adalah disebabkan oleh tersebarnya cerita hikayat tokoh itu secara meluas, terutamanya tentang kembaranya, setelah dihasilkan oleh pengarang yang tidak dikenali sekitar akhir abad ke-17. Sama seperti *Sejarah Melayu*, karya yang bernama *HHT* itu pun telah disalin berkali-kali sejak karya ini mula dihasilkan pada zaman Belanda mengambil alih Melaka dari tangan Portugis; dan ceritanya tersebar bukan sahaja di istana raja-raja Melayu, tetapi juga dalam kalangan *literati* Melayu di Kepulauan Melayu. Justeru, pengaguman orang terhadap wira fiksyen yang bernama Hang Tuah [*sic*] itu kerana pengisahan tentang petualangan wira tersebut sangat memberikan kesan yang kuat terhadap mereka yang diperdengarkan kisahnya secara lisan, atau yang berpeluang mendengar pembacaan kisah wira legendaris itu, atau berkesempatan membaca sendiri teks naskhah *HHT* itu pada masa-masa yang terkemudian, iaitu setelah celik huruf semakin bertambah meluas dalam kalangan penduduk yang menguasai bahasa Melayu dan tulisan Jawi.

Seperti yang disebutkan oleh banyak sarjana, *HHT* mungkin sekali telah ditulis pada sekitar akhir abad ke-17, iaitu berasaskan maklumat FranÇois Valentijn yang telah melihat naskhah tersebut di Maluku sebelum dia dipanggil kembali ke Betawi oleh *V.O.C.* pada tahun 1712 (Iskandar 1996: 292). Hikayat itu menceritakan kehebatan seorang wira yang bernama Hang Tuah [*sic*], seorang "yang amat setiawan pada tuannya" (*HHT* MS. 23 Universiti Malaya: f. 2), gagah berani, serta banyak memiliki sifat kepahlawanan, dan berdaya usaha, tetapi juga mempunyai ciri manusiawinya, seperti bercita-cita besar, berdendam dan ada kalanya juga menaruh iri hati" (Noriah 2014: 4). Tidak dapat dinafikan kehebatan karya ini yang, oleh banyak pengkaji kesusasteraan Melayu, dianggap sebagai sebuah epik yang tiada tolok bandingnya (*epic par excellence*). Valentijn, orang yang mula-mula menyebutkan kewujudannya pun menganggapnya sebagai "sebuah mutiara yang luar biasa". Kehebatan hikayat ini lebih-lebih dirasakan kerana pengaruhnya tersebar di hampir seluruh wilayah Kepulauan Melayu. Tiada masyarakat rumpun Melayu yang tidak mengenali nama Hang Tuah [*sic*] dan

perisitwa yang berkaitan dengannya dan dengan kesultanan Melaka. Legenda tentang Hang Tuah [*sic*] mencakup beberapa peristiwa yang dicampur-baurkan dengan sejarah sampai melahirkan mitos tempatan, seperti dakwaan bahawa kuburnya berada di beberapa tempat di alam Melayu. Di Melaka, misalnya, ada orang percaya bahawa kuburnya terletak di Tanjung Keling. Mitos lain yang terdapat di Melaka ialah bahawa tempat asal kelahirannya ialah Duyong, sebuah kampung Melayu yang jaraknya dari Bandar Melaka sekitar enam km. Duyong juga dikaitkan dengan perigi Hang Tuah [*sic*] yang kononnya berada di situ sudah ratusan tahun. Semua ini mitos belaka dan kebenarannya tidak pernah terbukti.

Begitu kuatnya dampak pengaruh *HHT* itu sehinggakan setengah-setengah pihak lupa bahawa *epic romance* ini merupakan cambahan atau *offshoot* daripada beberapa episod yang ditemui dalam naskhah *Sejarah Melayu* atau *Sulalat u's-Salatin*. Bahkan, pengarang *HHT* juga boleh dianggap sebagai sang pemula yang telah mencipta novel besar yang bertemakan sejarah *mythical* seorang wira kesultanan Melaka. Di samping merangkaikan episod dalam *Sejarah Melayu*, pengarang hikayat yang kreatif itu telah mengembangkannya sehingga menjadi sebuah fiksyen sejarah yang terintegrasi yang berlandaskan beberapa kejadian yang benar-benar berlaku atau yang dipercayai telah pun berlaku dalam satu tempoh sejarah oleh setengah-setengah orang. Dalam *HHT* misalnya, cerita tentang kebesaran kerajaan Melaka dan hubungannya dengan Majapahit dijadikan tema besar untuk menampilkan kehebatan wira yang dinamakan Hang Tuah [*sic*]. Cerita keturunan Sang Supraba, Raja Palembang menjadi raja-raja Melaka pun dicambahkan daripada dua kisah awal dalam *Sejarah Melayu*. Sang Maniaka yang dalam *Sejarah Melayu* dikatakan anak Sang Supraba yang menjadi raja di Tanjungpura, telah dijadikan watak Raja Bentan dan kemudiannya menjadi Raja Melaka yang pertama oleh pengarang *HHT*. Manakala episod dalam hikayat tersebut tentang Sang Jaya Nantaka yang disisihkan oleh saudaranya Raja Melaka, dan betapa dia kemudiannya menjadi pengail yang diselamatkan dan diberikan perangsang oleh Parama Dewana mengingatkan pembaca *Sejarah Melayu* kepada peristiwa Raja Kasim yang juga menjadi pengail setelah dia diketepikan oleh Raja Ibrahim yang menjadi Sultan Abu Syahid, tetapi telah diberikan sokongan dan semangat untuk menjadi raja oleh Maulana Jalaluddin.

Beberapa episod lagi, seperti kisah Hang Nadim mengusahakan agar Tun Teja anak bendahara Pahang dapat dibawa ke Melaka untuk dipersembahkan kepada Sultan Mahmud Syah telah dijadikan sebahagian daripada upaya Hang Tuah [*sic*] mendapatkan *favour* daripada sultan Melaka. Demikian juga episod Hang Tuah [*sic*] dicabar dengan beberapa ujian di Majapahit telah dikembangkan menjadi kisah Hang Tuah [*sic*] mengembari orang mengamuk dan membunuh Taming Sari. Pelukisan pengarang *HHT* tentang hiasan dan pakaian Raja Melaka sewaktu akan berkahwin di Majapahit juga kelihatan seakan-akan sama dengan apa yang dihuraikan tentang anak Raja Tanjungpura dalam *Sejarah Melayu*, dan kisah tentang fitnah yang menimpa Hang Tuah [*sic*] yang menyebabkan dia diusir oleh sultan telah juga dikembangkan menjadi sebahagian *HHT*.

Memang jelaslah bahawa sebagai sebuah *historical novel*, *HHT* memperlihatkan betapa beberapa peristiwa lain dalam *Sejarah Melayu* diinterpolasi oleh pengarang *HHT* itu dengan mereka semula plot ceritanya dengan watak-watak lain diperkenalkan, seperti Raden Wira Nantaja yang bergelar Ratu Melayu, Patih Karma Wijaya, Temenggung Seri Wak Raja, Tun Jenal, Megat Panji Alam, dan lain-lain yang mewarnai cerita yang disampaikan, sekalipun interpolasi dan perubahan plot cerita itu masih dapat dikenali kemiripan temanya, yang jelas kelihatan diambil daripada *Sejarah Melayu* dan cerita Panji.[318] Hujah ini tidak pula bermaksud ingin menafikan kehebatan pengarang *HHT* itu yang jelas telah memperlihatkan daya kreatifnya sebagai periwayat yang menumpukan ceritanya pada seorang tokoh kesultanan Melaka dan menampilkan kebijaksanaannya dalam mengisahkan cerita yang kemudiannya telah menghasilkan, menurut setengah-setengah orang, sebuah epik fiksyen sejarah yang hebat. Oleh sebab kehebatan karya *romance* inilah, maka karya berkenaan tersebar dengan meluas di dunia Melayu dan sangat mendatangkan kesan sehingga penduduk rantau Kepulauan Melayu yang mendengar atau membacanya percaya bahawa cerita tentang Hang Tuah [*sic*] itu benar-benar berlaku dalam sejarah.

Namun begitu, betapa pun kehebatan pengaruh nama Hang Tuah [*sic*] itu, ilmu sejarah menuntut para sejarawan menempatkannya dalam perspektif sejarah yang betul. Dari sudut penulisan sejarah, jelaslah watak yang bernama Hang Tuah [*sic*] dalam kesusasteraan perlu dipisahkan daripada manusia yang dilakarkan dalam naratif sejarah. Cerita rakyat Inggeris tentang pemimpin Welsh akhir abad kelima atau

awal abad keenam bernama King Arthur atau Artōrius, dan wira-penjahat Robin Hood atau Robin of Loxley yang lebih kurang mengikut legendanya hidup pada abad ke-13 di Yorkshire Selatan, England, memerlukan saringan apabila cerita ini mahu diletakkan dalam perspektif sejarah, yakni dengan menapis unsur tahyul dan perkara yang tidak benar. Demikian pula dengan legenda Laksamana Hang Tuah [*sic*] itu, seorang sejarawan tentulah perlu mengelakkan diri daripada terjebak dalam mempercayai dongeng dan mitosnya. Contohnya, penemuan kubur Hang Tuah [*sic*] tidak pernah terbukti kebenaran atau ketulenan sejarahnya.[319] Bahkan, penemuan kubur sahabat-sahabat Hang Tuah [*sic*] yang dimitoskan juga telah mengukuhkan lagi tanggapan setengah-setengah orang Melayu bahawa wira-wira dalam fiksyen sejarah itu benar-benar wujud.

Perbezaan antara Sejarah dengan Mitos

Leopold von Ranke (1795-1886), seorang ahli sejarah bangsa Jerman, menegaskan bahawa sejarah menceritakan apa yang sebenarnya telah berlaku. Menurutnya,

> Ketepatan dan kebenaran sejarah dapat dibuktikan oleh keterangan fakta yang dikumpulkan dari arkib, epgiraf, arkeolgi, wang logam, monumen dan lain-lain, semuanya benda-benda yang nyata, bukan daripada khayalan yang direka. Norma tertentu yang menyangkut lokasi ruang dan masa adalah menjadi inti dasarnya.

Berbeza dengan sejarah, kata von Ranke:

> ... di pihak lain pula mitologi berdiri di hujung sana, di luar objektiviti, semuanya adalah hasil imaginasi, sama seperti fiksyen, tanpa sebarang bukti yang objektif yang dapat diselidiki secara rasional atau diperiksa secara saintifik, tetapi sebaliknya bergantung semata-mata pada kepercayaan dan keyakinan seseorang.[320]

Pada kebiasaanya, mitologi mempunyai versi yang berbagai-bagai. Contohnya, *Hikayat Seri Rama* (*HSR*) yang dikarang berdasarkan karya *Ramayana* Valmiki, diketahui mempunyai versi Jawa Kuno yang dikarang lebih daripada 1000 tahun dahulu (Robson 1980: 5). Versi Kawi itu kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu yang melahirkan karya yang dikenali sebagai *HSR* dewasa ini.[321] Tidak syak lagi hikayat ini apabila ditelaah dari segi antikuiti bahasa dan juga strukturnya tampak jelas ketuaan usianya, walaupun naskhah asalnya (dengan berdasarkan

salinan yang masih ada) berkemungkinan ditulis antara awal abad ke-14 dengan abad ke-16, setelah Islam bertapak di Terengganu dan di Melaka. Karya ini jelas jauh lebih tua daripada *Sejarah Melayu*. Demikian pula apabila membaca *HHT* yang juga telah disalin oleh beberapa orang penyalin yang berbeza pada akhir abad ke-17[322] dan zaman kemudiannya akan kelihatanlah dengan jelas sifat arkaik bahasanya, terutamanya dari segi kehadiran istilah Kawi yang juga terdapat dalam *HSR* dan *Sejarah Melayu*. Sekalipun demikian, lantaran menyedari bahawa kelainan antara versi *Sejarah Melayu* dengan *HHT* yang berbagai-bagai itu timbul kerana wujudnya interpretasi, interpolasi dan transposisi yang berbeza-beza, maka bagi para sejarawan, persoalan *veracity* (ketepatan dan kebenaran) sejarah yang memerlukan *authentication* (pengesahan ketulenan) sangat penting ditekankan. Hakikat ini menuntut sejarawan mengakui bahawa mitos haruslah dilihat sebagai fenomena budaya dan bukan sebagai sebuah sejarah yang *authentic* atau tulen. Akan tetapi, sejarawan pun tahu bahawa pengenalan tokoh mitologi, seperti Hang Tuah [*sic*] telah disadurkan daripada kitab *Sulalat u's-Salatin*. Oleh yang demikian, adalah tanggungjawab sejarawan untuk menelaah kisah Hang Tuah [*sic*] dalam *Sejarah Melayu*. Di sini, perlu pula ditanyakan: Apakah kandungan *Sulalat u's-Salatin* atau *Sejarah Melayu* itu dapat dianggap sebuah karya sejarah yang *authentic* secara keseluruhannya? Penyelidikan terkini yang saya lakukan terhadap *Sejarah Melayu* selama ini membolehkan saya membuat kesimpulan bahawa tidak semua peristiwa yang tertulis dalam *Sejarah Melayu* itu dapat dianggap sebagai sejarah yang tulen.

Pengaruh Bahasa dan Kesusasteraan Jawa

Suatu hal yang jarang-jarang dibicarakan oleh pengkaji naskhah *Sulalat 's-Salatin* ialah betapa naskhah itu kuat dipengaruhi oleh bahasa Jawa Kuno,[323] Jawa Tengahan,[324] dan Jawa Baru. Pengaruh ini jelas berpunca daripada karya berbahasa Kawi atau Jawa Tengahan yang masuk ke dalam budaya sastera Melayu antara abad ke-14 hingga ke-16, sama ada dalam bentuk lisannya, seperti wayang kulit dan kekawin, ataupun tulisan yang berupa hasil terjemahan. Selain kekawin Ramayana dan Mahabharata, dan *HSR*, cerita Panji yang berbagai-bagai aneka dan jenis yang telah dipersembahkan dalam bahasa Melayu itulah yang memberikan ilham kepada pengarang yang telah melahirkan kisah tertentu dalam *Sejarah Melayu*, misalnya kisah hubungan Melaka dengan

Majapahit dan kisah petualangan Hang Tuah [*sic*] dengan rakan-rakannya ketika berada di tanah Jawa. Penggunaan secara lumrah istilah daripada bahasa Jawa Kuno dan Jawa Tengahan dalam kedua-dua buah karya ini menyebabkan pembacaan *Sejarah Melayu* dan *HHT* harus dilakukan dengan sikap yang hati-hati dan penuh teliti demi mengelakkan kesilapan mentafsirkan erti yang terkandung pada istilah tersebut. Selain ditemukan istilah, seperti *jebad*, *kasturi*, *leker*, *lukaiwa*, *sumanarasa wilis*, *priyayi*, *perlente*, *sahut*, *panca prasada*, *tuha*, *senapati*, *paseban*, *kembari*, *karuniya*, *biduan*, *ayo*, *prastawa*, dan lain-lain yang merupakan beberapa contoh istilah Kawi, Jawa Tengahan dan Jawa Baru, pembaca juga akan terpaksa memikirkan cara menyebutkan kata yang tertulis dalam bentuk Jawi lama itu lantaran sebutan yang sebetulnya tidak semestinya seperti apa yang diejakan dalam teks. Sebagai contoh, ejaan Jawi /l/a/ŋ/w/ [لاڠو] perlulah dibaca sebagai "laŋo" dan bukan "langu", dan s/p/r/b [سفرب] hendaklah disebutkan "Supraba" dan tidak "Sepurba".

Satu sebab pembaca tersilap membaca istilah tersebut kerana mereka tidak menyangka bahawa kata itu adalah daripada bahasa Jawa Kuno, Jawa Tengahan atau Jawa Baru. Kesilapan itu juga berpunca daripada ejaan Jawi yang digunakan untuk penulisan naskhah zaman dahulu itu. Oleh sebab tulisan huruf Arab itu tidak berasaskan vokal untuk membentuk suku kata, maka pembacaan beberapa istilah leksikal boleh terdedah kepada berbagai-bagai tafsiran (Ismail Hussein 1966: 79). Tambahan pula, jika sesebuah naskhah itu dibaca oleh seorang penyalin yang bukan berketurunan Melayu jati, kemungkinannya juga ada jika sebutan setengah-setengah istilah yang disadur daripada bahasa Jawa Kuno atau Jawa Tengahan itu tersilap dibaca. Dalam banyak keadaan, lantaran tersalah baca, maka maknanya pun tersilap ditanggapi. Misalnya, apabila nama yang dieja [l/k/y/w, لکيو] disebutkan "lekiyu", maka tersilaplah sebutan atau bacaannya. Sebetulnya, perkataan yang ditulis Jawi itu perlulah disebut "lukéwa" atau "lukaiwa" kerana sebutan ini memberikan makna golok, pedang,[325] atau sabit dalam bahasa Kawi (Zoetmulder 2000(1): 612 dan Mardiwarsito 1981: 325). Dalam bahasa Cam pun terdapat nama sejenis pedang yang disebutkan *lakkuriba* atau *lakkuraba* menurut loghat Campa.[326] Tidak mungkin nama sahabat orang yang digelar laksamana itu disebutkan Lekiu atau Lekiyu kerana kata ini tidak mengandungi apa-apa makna.

Sebenarnya, kehadiran pengaruh bahasa Jawa Kuno dan Jawa Tengahan dalam penulisan kesusasteraan Melayu tidaklah seharusnya

menghairankan, kerana pengarang dan penyalin naskhah lama, seperti *HSR*, *Sulalat u's-Salatin* dan *HHT* banyak sekali mendapat ilham daripada membaca naskhah lama Jawa atau menonton wayang kulit yang ceritanya diambil daripada kekawin *Ramayana* dan kekawin *Mahabharata*, atau hikayat Panji, seperti *Hikayat Cekel Wanengpati* dan berbagai-bagai kisah Panji lain. Seyogia dimaklumkan, sekalipun cerita Panji itu tertulis dalam bahasa Jawa Kuno, tetapi ada antaranya yang sudah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Persoalan Ejaan Jawi t/w/h [هوت]

Demikian pula ejaan Jawi t/w/h [هوت] dalam *Sejarah Melayu* dan *HHT*, yang akibat orang tersalah baca sejak awalnya, dan tersilap menanggapinya atau mengenalinya sebagai istilah daripada Jawa Kuno dan Melayu Kuno, telah terkeliru hingga sukar membezakan sebutan "tuha" yang membawa erti "tua" dan "pemimpin", dengan sebutan "tuah" yang membawa erti "nasib"; kesilapan ini telah menyebabkan sehingga kini, bacaan untuk ejaan Jawi t/w/h itu pun tersalah disebutkan.[327] Selain boleh dibaca "tuha", ejaan t/w/h [توه] pun boleh disebutkan sebagai "toh" yang diwakili oleh fonem /t/ /ɔ/ /h/ . Kata "toh" membawa erti taruhan atau petaruh, seperti orang yang dijadikan sandaran dalam pertempuran atau pertandingan (Zoetmulder 2000(2): 1267). Sama seperti yang berlaku pada nama "Sang Supraba" yang sejak zaman berzaman telah melalui proses perubahan sebutan sewaktu kisahnya di Bukit Siguntang Mahamĕru disampaikan dalam bentuk lisan, istilah Kawi (dan Melayu Kuno) *tuha* dan kata Kawi *toh* juga telah mengalami perubahan dalam penyebutan lantaran cerita orang yang nama gelarnya dieja t/w/h [توه] itu telah disampaikan secara lisan pada awalnya. Jika istilah Supraba boleh bertukar menjadi "sepurba" atau "sapurba" atau "sipurba", maka demikianlah "Tuha" dan "Toh" lama-kelamaan pun berubah sebutan menjadi "Twah" yang bunyinya diwakili oleh fonem /t/ /w/ /a/ /h/. Ada kemungkinannya perubahan sebutan inilah yang menghasilkan nama "Hang Tuah" [*sic*] sampai ke hari ini. Malahan, perubahan juga berlaku pada ejaan t/w/h itu. Naskhah *Sulalat u's-Salatin* yang disalin pada tahun 1798, dan secara umumnya hampir semua naskhah *Sejarah Melayu*, pun memperlihatkan betapa ejaan t/w/h [توه] yang memberikan makna "tua" telah berubah menjadi t/w/a [توا] pada bab-bab tertentu. Keadaan ini juga berlaku dalam manuskrip *Hikayat Aceh*, yang sekalipun ejaan t/w/h [توه] digunakan secara

konsisten, namun pada satu halaman (folio 82, angka Arab) kata tuha-tuha telah dieja t/w/ /t/w [توتو]. Perubahan ini berlaku kerana interpolasi oleh penyalin dan juga oleh sebab penyalinan teks itu berlaku pada masa atau abad yang terkemudian. Dalam naskhah *Sejarah Melayu* 1798, perubahan berlaku mulai jilid kedua naskhah tersebut (daripada f. cv sampai f. cxcii). Kata "tuha" [توه] yang bererti usia lanjut telah diubah ejaannya menjadi /t/w/a/ [توا]. Akan tetapi, hal ini tidak berlaku pada naskhah *Sulalat u's-Salatin* versi Raflles MS. No. 18. Ejaan dan sebutan "tuha" digunakan dan diperlihatkan terus-menerus sampai ke bahagian hujung teks.

Namun begitu, dalam setengah-setengah versi *Sejarah Melayu* dan juga *HHT*, sekalipun ejaan t/w/h [توه] mengalami transformasi kerana dieja t/w/h/a [توها] (yang bermaksud usia), dari segi sebutannya, sama ada t/w/h ataupun t/w/h/a tetap sama. Kendati demikian, walaupun berlaku transformasi ejaan ini, kelihatannya dalam teks *Sejarah Melayu* yang mengandungi nama Tun Seri Lanang, perkataan "tuha" [توها] yang memberi makna usia lanjut, telah sengaja dieja demikian rupa oleh penyalin untuk membezakannya dengan "tuha" dan "toh", dua istilah yang memiliki ejaan yang serupa, (t/w/h [توه]), tetapi tidak bermakna tua. Akan tetapi, oleh sebab berlakunya pergeseran vokal /u/ dan /o/ serta konsonan /h/ sebutan istilah "tuha" dan "toh" itu pun lama-kelamaan dibunyikan sebagai /t/w/a/h. Gabungan sebutan yang bergeser antara fonem /t/ /u/ /h/ /a/ dengan /t/ /ɔ/ /h/ inilah yang barangkali mewujudkan pencemaran kata sehingga melahirkan sebutan /t/w/a/h/ itu dan lantas melahirkan istilah yang membawa erti khusus, seperti yang digunakan pada zaman sekarang, yakni untung atau nasib baik atau sakti. Akan tetapi, anehnya, jika disemak kandungan *Sejarah Melayu* ataupun *HHT*, memang tidak terdapat sama sekali istilah yang membawakan makna nasib, atau untung, yang disebut "tuah" dengan ejaan t/w/h [توه] atau t/w/a/h [تواه].[328] Justeru, nama "Hang Tuah" itu suatu kejanggalan.

Sebaliknya, selain memberikan makna usia lanjut, ejaan t/w/h [توه] dalam *Sejarah Melayu* yang disebutkan "tuha" dalam bahasa Melayu kuno dan Kawi, membawakan erti pemimpin, manakala ejaan yang sama, t/w/h [توه] juga, apabila disebut "toh" akan membawa erti taruhan dalam pertandingan atau perjudian, atau orang yang dijadikan sandaran dalam pertempuran. Akan tetapi, mengapakah dalam *Sejarah Melayu* dua nama gelar iaitu "Tuha" dan "Toh" diatributkan sebagai gelar seorang

tokoh? Untuk menjawab soalan ini, kita harus kembali kepada tradisi kuno bangsa-bangsa rumpun Melayu di gugusan Kepulauan Melayu tentang pantang larang pada penggunaan nama sebenar seseorang. Pantang larang ini disebutkan oleh ahli linguistik sebagai *word taboo* atau tabu perkataan yang melibatkan penyebutan nama.

Semangat dan Pantangan Menyebut Nama

Dalam konteks kepercayaan animisme atau kepercayaan terhadap kehadiran semangat atau roh dalam segala makhluk,[329] orang Melayu percaya bahawa nama seseorang akan menentukan nasib dan perjalanan hidupnya. Mereka percaya seorang bayi jika setelah diberikan nama jatuh sakit, maka itu tanda bahawa namanya itu tidak serasi dan justeru untuk membaiki keadaan, maka dia akan diserahkan sebagai anak angkat sementara kepada pihak ketiga yang lantas akan memberikannya nama yang lain (Skeat 1967: 341). Orang Melayu percaya kepada kehadiran semangat pada semua benda di alam ini. Semangat juga boleh dipuja. Semangat seolah-olah makhluk hidup dengan perasaan seolah-olah separa manusia atau pura-pura manusia (*quasi*-manusia). Semangat secara bebas memiliki kesedaran dan kerelaan hati sang pemilik zahirnya. Atribut manusia pura-pura yang dimiliki oleh semangat itu membolehkan semangat tinggal di dalam "rumah"nya, iaitu tubuh badan sang pemiliknya atau di tempat-tempat lain yang dipilihnya (Skeat 1967: 47 - 48). Apabila semangat meninggalkan tubuh pemiliknya, sesuatu yang tidak baik boleh berlaku pada tubuh itu. Misalnya, orang itu atau bayi itu boleh jatuh sakit. Semangat dilambangkan sebagai burung, dan jika terbang, semangat boleh dipanggil, seperti memanggil ayam (Skeat 1967: 597),

> "Kur Semangat, Si Anu ini yang sakit,
>
> Kembalilah kamu ke dalam selerang tubuh Si Anu ini
>
> Ke rumah tangga, kampung 'laman,
>
> Ke mak bapa sarung kamu!

Dalam kepercayaan bangsa-bangsa rumpun Melayu dan bangsa-bangsa Austronesia, yang juga termasuk masyarakat Polinesia, bahkan juga dalam kalangan bangsa Asia Tenggara yang lain, seperti Siam, Burma dan

bangsa-bangsa di Indo-China, tabu[330] menyebutkan nama orang lain mempunyai kaitan dengan kepercayaan kepada *Semangat*, makhluk halus yang menghuni pada semua benda di dalam alam ini, termasuk bahagian-bahagian anggota manusia. Menurut Frazer, dalam budaya bangsa-bangsa di Asia Tenggara dan Melanesia, nama seseorang adalah sebahagian yang penting pada dirinya. Kaitan antara nama orang itu dengan dirinya begitu teguh dan akrab sehingga jika ada orang mahu membuat angkara melalui sihir bahagian-bahagian dirinya, seperti kukunya, rambutnya atau apa-apa sahaja yang menjadi bahagian dirinya, termasuklah namanya, sihir itu akan berkesan (Frazer 1911: 318). Justeru, seseorang itu tidak akan ditanya siapa namanya. Contohnya, orang Batak mengelakkan daripada menyebutkan namanya, lebih-lebih lagi memberitahu nama ibu-bapa, bapa dan emak saudara dan mentua, apalagi datuk-nenek mereka lantaran sebutan itu menjadi pantang larang atau tabu kaum itu (Frazer 1911: 338-339). Tujuan tidak menyatakan nama peribadi kepada orang lain ialah untuk mengelakkan sihir. Musuh seseorang boleh membuat angkara kepada semangat atau ruh dirinya jika dia mengetahui nama musuhnya (Ibid: 319). Dalam kalangan suku Tolampu di Sulawesi Tengah terdapat kepercayaan bahawa jika nama seseorang ditulis maka semangat atau roh diri orang itu akan diambil (dilarikan). Akan tetapi mereka akan membenarkan nama kedua atau nama gelarnya disebut atau ditulis (Ibid.) Bagi mayarakat Dayak di daerah Landak, Kalimantan, menyebutkan nama ibu-bapa, datuk dan nenek, bahkan nenek-moyang sekalipun, juga dianggap pantangan, tidak kira sama ada mereka itu masih hidup ataupun telah mati. Masyarakat Alfur di Poso, Sulawesi, pun tidak akan menyebut nama peribadi mereka, tetapi jika seseorang ingin mengetahui nama orang Alfur maka janganlah bertanya kepadanya; sebaliknya ditanyakan kepada orang lain. Juga boleh dilakukan ialah dengan menanyakan nama anaknya, dan kemudian memanggilnya "Bapa Si Anu" (Ibid: 332). Dalam masyarakat Melayu tradisional pun nama seseorang tidak akan ditanyakan. Sebaliknya nama ibu bapa disebut secara tidak langsung iaitu dilakukan dengan menyebut nama anaknya; tujuannya ialah untuk mengelakkan nama ibu bapa itu disebut (Ibid.).

Pantangan menyebutkan nama juga, termasuk larangan menyebutkan satu nama yang bunyi sebutannya seakan-akan sama. Misalnya, bagi orang Alfur di bahagian utara Sulawesi, jika nama bapa mentua seseorang itu Kalala, maka nama yang umum untuk kuda yang juga

disebut "kawalo" tidaklah boleh digunakan, sebaliknya digantikan dengan nama lain, iatu kata yang serumpun dengan dialek lain. Nama haiwan itu hendaklah disebutkan "sasakojan" yang bererti "haiwan tunggangan" (Frazer 1911: 341).Tujuan tabu menyebutkan nama ini adalah untuk mengelakkan gangguan oleh semangat jahat (Frazer 1911: 341). Adat pantang larang menyebut nama ahli-ahli keluarga, seperti yang dipercayai oleh penduduk Tinguian di Pulau Luzon, pun ada kalanya melibatkan nama mereka yang sudah mati. Tujuan utamanya kerana takut diganggu oleh roh atau hantu si mati (Frazer 1911: 353).

Jika adat pantang larang boleh berlaku pada orang kebanyakan, maka apatah lagi jika adat ini juga diamalkan dalam kalangan raja dan orang besar-besar masyarakat tradisional di Asia Tenggara. Nama Raja Burma pantang disebutkan kerana dianggap mencemarkan. Dia hanya dikenali dengan nama gelar dirajanya. Di negara Siam pun nama raja dan pembesarnya sengaja dirahsiakan kerana takut pada sihir (Frazer 1911: 375). Dalam babad Ayutthaya dan Chiang Mai, terdapat nama dua orang Raja Siam, Trailok atau Tilok yang naik takhta pada tahun 1448 dan 1442. Nama mereka ini pun menurut Vickery mungkin rekaan sahaja, kerana tujuannya adalah untuk menyembunyikan nama sebenarnya (Vickery 2004: 25). Dalam *Sejarah Melayu*, misalnya, pengarang hanya menggunakan gelaran Bo Banya dan Phra Pan Cau untuk merujuk kepada raja Siam (kisah ke-10 *Sulalat u's-Salatin* 1798), dan Cau Pandan atau Oya Deco (kisah ketujuh *Sulalat u's-Salatin* 1798) untuk pembesarnya. Demikian pula di Campa, nama gelar rajanya disebutkan oleh pengarang *Sejarah Melayu* sebagai Po Kelong, Po Trai dan Po Gama (kisah ke-17 naskhah *Sulalat u's-Salatin* 1798). Walaupun demikian keadaannya, adat pantang larang tentang nama berbeza sedikit cara pelaksanaannya. Menurut kepercayaan kuno Melayu, Raja-raja Melayu pada zaman silam ialah penjelmaan semula dewa Śiva, dan oleh itu, raja memiliki kuasa atas hidup-mati rakyatnya (Frazer 1976: 122). Nama Parameswara adalah nama gelar yang memenuhi ciri-ciri penjelmaan semula Siva. Namun begitu, setelah Islam bertapak kukuh di Melaka, konsep kesucian (*sacredness*) raja telah diberikan tafsiran baharu yang mengukuhkan lagi kedudukannya. Raja Melayu dideskripsikan sebagai *zilullah fi'l-'alam* yang bererti "bayang-bayang Allah di dunia", dan *zilullah fi'l ardh* (bayang-bayang Allah di bumi). Oleh yang demikian nama seseorang yang menjadi raja pun berubah daripada nama asalnya. Dia mengambil nama gelar seperti Muhammad, Muzaffar, Mansur, 'Alauddin, Mahmud atau

Ahmad. Dengan kuasa "daulatnya", Raja Melayu pun dipercayai memiliki kuasa dan pengaruh peribadinya ke atas keadaan semula jadi alam, seperti menentukan subur atau tidaknya tanam-tanaman dan mempengaruhi penghasilan padi di sawah, sama ada hasilnya menjadi ataupun tidak, dan buah-buahan di dusun sama ada baik ataupun tidak hasilnya (Skeat 1967 [1900]: 36). Di Sulawesi Tengah, Sultan (Datu) Luwu dianggap mempunyai ciri kedewataan (Frazer 1976: 122). Mungkin kerana status raja yang dianggap suci itu sejak zaman Hindu dan setelah memeluk Islam dia dilihat sebagai khalifah Allah di bumi, maka tabu menyebutkan nama raja, seperti yang berlaku di Siam dan Campa adalah berbeza daripada pantang larang yang dikenakan terhadap hulubalang atau laksamana. Maka oleh kerana itu nama gelar raja-raja Melayu yang membawa makna "yang terpuji", "yang menang", "kemuliaan iman" atau "yang 'alim" menggantikan nama seperti Kasim, Abdullah, Husin dan Mamat. Nama gelar yang dianggap "suci" (kerana raja itu bayang-bayang Allah) yang dipilih setelah seseorang itu naik takhta ternyata disebutkan dengan berani oleh pengarang *Sejarah Melayu*[331] tetapi nama Laksamana dan pembesar-pembesar lain yang dianggap memiliki "kuasa magik" tidak pernah disebutkan kerana kepercayaan terhadap semangat itu membuat orang yakin bahawa lebih perkasa seorang pembesar itu, maka lebih "keras"lah namanya dan jika disebutkan, nescaya akan mengganggu jalannya unsur alam (Gaster 1964: 243). Oleh sebab pengarang *Sejarah Melayu* menyedari hakikat ini, maka dia pun mematuhi apa yang disebut oleh ahli-ahli linguistik sebagai "tabu perkataan". Alasan mengapa pantang larang menyebutkan nama itu berlaku menurut Simons, yang mengutip Keesing dan Fifi'I (1969: 159):

> Nama seseorang ... adalah dikaitkan dengan intisari (*essence*) orang itu. Nama bagi [nenek moyang] beroleh kesucian (*sacredness*) kira-kira sama dengan kesucian [semangat nenek moyang] ... Penggunaan bentuk [bahasa] yang dikaitkan dengan nama boleh mencemar kesucian nenek moyang itu.[332]

Oleh sebab tabu pada nama inilah, maka nama Laksamana sejak pada masa pemerintahan Sultan Muhammad Syah ternyata tidak disebutkan dalam *Sejarah Melayu*. Demikian pula nama Seri Amerta iaitu bentara di istana Sultan Muzafar Syah, pun bukanlah nama sebenarnya tetapi nama gelar sahaja. Dalam hal nama Tun Mutahir pula, walau bagaimanapun, namanya hanya disebutkan oleh pengarang *Sejarah Melayu* dalam kisah ke-23 naskhah Krusenstern dan kisah ke-16 naskhah Raffles MS. No. 18,

sebelum pelantikannya sebagai Bendahara oleh Sultan Mahmud Syah atas usul bondanya. Selepas dia bergelar Bendahara Seri Maharaja nama Mutahair tidak sekalipun disebutkan oleh pengarang, hinggalah dia mati dibunuh atas perintah Sultan. Amalan yang sama juga berlaku di Kemboja; hanya bezanya ialah melibatkan anak raja. Di Kemboja apabila seorang anak raja naik takhta, dia tidaklah lagi dikenali dengan nama asalnya; dan jika nama itu kebetulan ialah nama benda, maka nama itu pada kebiasaannya ditukar. Mulai pemerintahan Raja Ang Duong – *duong* bermakna wang logam kecil – nama *duong* itu pun ditukar menjadi *dom* (Frazer 1911: 376).[333] Di tanah Sunda, menjadi pantangan untuk menyebut apa-apa perkataan yang bunyinya serupa dengan nama raja atau pembesar. Demikianlah pula di daerah Bolang Mogondo, di barat Sulawesi, nama rajanya pantang disebut, kecuali dalam keadaan darurat (Ibid.)

Atas alasan supaya tidak melanggar pantang larang menyebutkan dan menulis nama seorang hulubalang besar seperti Laksamana, itulah maka pengarang *Sejarah Melayu*, dengan bijak dan halusnya, telah merekayasa nama Tuha dan Toh, dua nama gelar yang diberikan kepada nama wira yang menjadi aku yang kedua (*alter ego*) kepada Laksamana pada zaman Sultan Mansur Syah dan zaman selepasnya. Akan tetapi, kebijaksanaan pengarang juga terserlah apabila watak yang diberikan nama gelar Hang Tuha dan Hang Toh itu dijadikan sebagai watak rekaan dengan dibentuk cerita perkelanaannya sebagai cerita fiksyen yang disisipkan sebagai cerita dalam cerita dalam kerangka naratif sejarah salasilah Raja-raja Melaka. Orang mungkin bertanya: Mengapakah perlu watak fisyen itu dibentuk dengan dua nama gelar?

Memberikan dua nama gelar kepada seseorang sebenarnya membolehkan pengarang *Sejarah Melayu* menegaskan dua aspek pada ketokohan orang yang berjawatan Laksamana itu. Pertama, seperti yang tersirat dalam kata "tuha", pengarang ingin menyatakan bahawa Laksamana itu ialah pemimpin yang berketerampilan yang, sebagai hulubalang tertinggi, boleh menyelia para pengikutnya; yang kedua, kata "toh" pula menunjukkan bahawa Laksamana itu ialah orang yang menjadi harapan dan taruhan raja, yakni semacam ayam tambatan bagi negeri Melaka. Dalam pada itu, apabila memberikan dua nama untuk seorang hulubalang, pengarang *Sulalat u's-Salatin* mungkin juga telah mengambil iktibar daripada hikayat Pandawa dan cerita Panji yang menampilkan nama gelar yang berlainan untuk orang yang sama.

Contohnya, dalam *Hikayat Pandawa*, nama lain bagi Yudhistira ialah Dharmawangsa. Demikian pula dalam cerita Panji Raden Inu Kuripan juga bernama Temenggung Aria Wangsa dan Mesa[334] Pegunungan Panji Anglang Asmara; manakala penakawannya yang bernama Jerudeh [*sic*, Juru dyah] pun dikenali sebagai Rangga Nara Wangsa (*Hikayat Cekel Waneng Pati* 1965: 103). Malahan, Raden Galuh Cendera Kirana pun mempunyai nama lain, dan dikenali juga sebagai Ken Sila Beranti (*Hikayat Cekel Waneng Pati* 1965: *passim*).

Namun begitu, harus diakui bahawa dalam cerita Panji nama atau gelar untuk tokoh, seperti Raden Inu Kuripan dan watak-watak lainnya boleh berjumlah lebih daripada satu atau dua atau tiga. Kepelbagaian nama gelar ini, walau bagaimanapun, mungkin telah mendatangkan ilham kepada pengarang *Sejarah Melayu* untuk menambah nama gelar *Tuha* dengan *Toh*. Penambahan ini tidak akan ketara kepada pembaca *Sejarah Melayu* kerana kata *Toh* itu dieja dengan huruf yang sama dengan *Tuha*, iaitu t/w/h [توه]. Oleh yang demikian, orang yang nama gelarnya dieja h/ŋ/ t/w/h [هڠ توه] itu boleh sahaja disebutkan "Hang Tuha" atau "Hang Toh". Namun begitu, oleh sebab bagi pembaca yang tidak menyedari maksud pengarang *Sejarah Melayu* memperkenalkan dua nama gelar dengan satu ejaan yang sama, maka mereka boleh sahaja membaca nama gelar yang dieja h/ŋ/ t/w/h itu sebagai Hang Tuha sekalipun pembaca yang mengerti maksud perkataan "Toh" itu juga akan memahami bahawa kata itu pun membawa makna yang menguatkan lagi erti "Tuha" sebagai nama gelar.

Saya menggunakan ungkapan "nama gelar" kerana dalam karya lama sastera Melayu istilah yang digunakan untuk panggilan terhadap seseorang tidak selalunya menunjukkan nama sebenar orang itu. Walaupun dalam hal nama Raja-raja Melayu memperlihatkan nama asalnya sebelum naik takhta tidak digunakan, untuk nama pembesar dan hulubalang, pada umumnya, nama gelarlah yang sering gunakan, seperti Bendahara Tun Perpatih Tulus, Bendahara Tepok, Seri Bija Diraja, Sang Setia, Tun Mai Ulat Bulu, dan nama gelar Laksamana Hang Tuha sendiri. Tidak mungkin "Tuha" menjadi nama sebenar hulubalang yang kisahnya telah dimitoskan. Demikian juga nama Kesturi, Jebat, Lekir dan Lukéwa (atau Lukaiwa). Erti yang terkandung dalam nama ini cenderung menunjukkan ciri gelarnya. Malahan, penggunaan nama Kesturi dan Jebat untuk hulubalang yang bertarung dengan Hang Tuha pun satu cara halus pengarang *Sejarah Melayu* menyatakan sindirannya pada tokoh itu

lantaran nama gelar orang yang membawa erti wangi atau sesuatu yang mengharumkan (Kesturi atau Jebat) itu menjadi busuk kerana perbuatan derhakanya. Seyogia juga diingatkan, oleh sebab hulubalang ini hanyalah watak rekaan, dan begitu juga nama gelar Betara Majaphit, Patih Gajah Mada, Raden Galuh Cendera Kirana dan watak-watak lain di Majapahit itu hanya fiksyen, yang penggunaannya diilhami oleh cerita Panji, maka jelaslah nama gelar itu bukan nama yang asal, dan justeru, pengarang *Sejarah Melayu* tidaklah melanggar tabu penyebutan nama.

Tuah atau Bhagya?

Seyogia ditegaskan, istilah "tuah", seperti yang terdapat dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu zaman sekarang, yang membawa erti nasib yang baik, atau untung, tidak wujud dalam mana-mana teks sastera lama yang dihasilkan sebelum separuh kedua abad ke-17. Kata *tuha* sama sekali tidak terdapat, baik dalam *Sejarah Melayu*, mahupun *Hikayat Hang Tuah*, apatah lagi dalam *Hikayat Seri Rama* yang lebih tua. Perkataan "tuah" juga tidak dijumpai dalam cerita Panji versi lama, tetapi boleh ditemui dalam versi baharu, seperti yang disalin semula pada abad ke-19; contohnya, manuskrip dalam koleksi Cohen Stuart yang berjudul *Hikayat Panji Kuda Semirang*, sebuah karya yang besar kemungkinannya hanyalah sebuah salinan yang telah dibuat pada tahun 1832 (Liaw 2013: 124). Istilah "tuah" juga boleh ditemui dalam *Hikayat Banjar*, tetapi karya ini pun disalin pada abad ke-19 (Ras 1968: 1-4). Betapa pun demikian, ada sebuah karya sastera yang menurut Teuku Iskandar (2001: xxxiii), dihasilkan pada zaman kerajaan Sultan Iskandar Muda (1606 – 1636), yang "mungkin" telah menyebutkan perkataan "tuah" dengan membawa maksud untung nasib. Akan tetapi, karya yang berupa dua buah manuskrip (Cod. Or. 1954 dan Cod. Or. 1983) yang dikaji oleh Teuku Iskandar untuk disertasinya yang diterbitkan pada tahun 1959 dengan judul *Hikayat Aceh* hanyalah berupa salinan yang dibuat oleh lebih daripada seorang penyalin (Iskandar 2001: xix dan xxiii). Salah satu daripada salinan itu, iaitu Cod. Or. 1983, dikerjakan pada abad ke-19 iaitu pada 9 Mac 1847, dan menurut Iskandar, salinan itu telah dibuat oleh seorang ahli bahasa Melayu bangsa Belanda. Jika kata "tuah" itu diambil daripada manuskrip yang ini, maka nyatalah kata itu digunakan pada abad ke-19, iaitu sama seperti *Hikayat Banjar* dan *Hikayat Panji Kuda Semirang*. Akan tetapi, untuk menyatakan bahawa kata "tuah" telah pun digunakan pada abad ke-17 untuk membawakan makna untung atau

nasib yang baik, maka perkara ini sangatlah dimusykilkan. Hal ini demikian kerana kedua-dua manuskrip hanya berupa salinan. Lebih munasabah jika pandangan Hoesin Djajadiningrat (Teuku Iskandar 2001: xv), yang mengatakan bahawa manuskrip Cod. Or. 1954 itu tidak mungkin ditulis "lebih kemudian dari awal abad-18" diterima kerana perkataan "tuah" [توه] yang terdapat dalam buku Teuku Iskandar itu ada kemungkinannya digunakan pada awal abad ke-18 atau seawal-awalnya pada separuh kedua abad ke-17. Hujah ini mungkin dapat diterima jika diberikan pertimbangan bahawa istilah "tuah" itu digunakan sebanyak satu kali sahaja dalam manuskrip *Hikayat Aceh*. Oleh sebab "tuah" merupakan istilah yang baharu, maka tidaklah menghairankan jika istilah ini digunakan bersama-sama dengan istilah *bahgya* yang memang bererti tuah seperti yang terdapat pada ayat yang berikut:

> Maka titah Raja Syahru-Nuwi kepada kedua ahli 'l-nujum itu, "Hai kedua kamu nujum, lihat dalam sastera kamu betapa bahgya [بهكي] dan tuah [توه] pencagah cucu saudara kita syah 'alam yang di Aceh itu" (*Hikayat Aceh*: f. 220).

Akan tetapi, kesemua ini hanyalah spekulasi belaka kerana belum ditemui lagi sampai kini naskah-naskhah lain yang disalin sebelum abad ke-19 yang mengandungi istilah "tuah" dengan membawa erti untung atau nasib yang baik. Bahkan, kita pun tidak dapat memastikan bila, atau pada abad keberapa naskhah Cod. Or. 1954 itu disalin.

Sesungguhnya, istilah yang digunakan untuk merujuk kepada maksud keuntungan, tuah, atau nasib baik, pada zaman karya klasik yang lebih tua daripada *Hikayat Aceh* ditulis, seperti *Hikayat Seri Rama*, *Sulalat u's-Salatin* dan *Hikayat Hang Tuah* [*sic*] itu (mungkin antara abad ke-14 hingga akhir abad ke-17), bukanlah 'tuah", tetapi ***bhagya***, ***bahagya*** atau ***bahage*** (Zoetmulder 2000(1): 95 dan Mardiwarsito 1981: 123). Juga pada masa-masanya, kata "untung" pun digunakan untuk membawakan makna "tuah", atau nasib yang baik. Hal ini dapat dilihat pada ayat dalam kisah kedua *Sulalat u's- Salatin* (1798 f. xxiv), iaitu tentang orang besar-besar Minangkabau datang mengadap Sang Supraba: "Terlalulah ***bahagya*** kami sekalian sebab duli tuanku sampai ke negeri kami ini". Juga ayat dalam *HHT*: "Lihat apalah di dalam nujum kamu sekalian betapakah untung *bahagya*nya anakku ini" (Siti Hawa 2012: 46).[335] Penggunaan kata "untung" (yang bermakna tuah) terdapat pula dalam teks *Hikayat Seri Rama* (HSR), seperti dalam ayat, "Hai Seri Rama, janganlah banyak katamu; barang siapa empunya untung ia, beroleh dia Sita Dewi"; juga

ayat, "Hai Mandudari, apatah dayaku lagi, sudah untung saudaraku akan mati" (*HSR* 1915: 73 dan 80).

Kata *bahagya* atau *bahage* dalam bahasa Jawa Kuno sebetulnya berasal daripada istilah *bhaga* dalam bahasa Sanskrit (Monier-Williams 1999: 751). Dalam *HSR* terdapat ayat yang berbunyi, "... jikalau barang daulat Seri Maharaja bertambah-tambah kiranya *bhagya* [بهكي] Seri Maharaja hambalah akan menyampaikan kehendak hati Seri Maharaja itu" (*HSR* 1915: 12). Penggunaan kata bhagya untuk nasib baik atau tuah juga kelihatan dalam ayat: Maka disuruh Maharaja Rawana, "Lihatlah oleh tuan-tuan sekalian, baikkah bahagya [بهاكي] kanak-kanak ini ... ?" (*HSR* 1915: 60). Dengan yang demikian, amatlah jelas bahawa kata yang disebut tuah langsung tidak ditemui dalam *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* [*sic*] atau *Hikayat Seri Rama*. Sebaliknya, kata *twah* hanya ditemui dalam bahasa Jawa Baru dengan membawa erti belang hitam atau bintik-bintik hitam pada kulit (Prawiroatmodjo 1980: 777, Mardiwarsito 1981: 626, dan Zoetmulder 2000(2): 1310), yang sama sekali tidak bererti nasib baik, untung, tuah atau sakti.

T/w/h [توه] Perlu Disebut dan Dibaca sebagai "Tuha" atau "Toh"

Justeru, adalah lebih munasabah untuk mengatakan bahawa istilah yang dieja dengan huruf t/w/h [توه] bukanlah memberikan makna untung atau nasib baik, tetapi membawa erti sudah lama hidup, kuno, berpengetahuan, atau berpengalaman, di samping membawa erti orang yang dijadikan taruhan atau sandaran dalam pertandingan dan pertempuran. Namun begitu, dalam kesemua versi *Sejarah Melayu*, baik istilah *tuha* yang lebih sering digunakan, mahupun juga "tua" yang kadang-kadang digunakan, umumnya membawakan makna tua. Dalam *HHT* pun istilah "tuha" digunakan seluruhnya, kecuali ejaannya yang berbeza. Ada dua bentuk ejaan digunakan, satu t/w/h [توه] (seperti Hang Tuha) dan satu lagi t/w/h/a [توها] (seperti perempuan tuha). Malah pembezaan ejaan yang dilakukan untuk perkataan yang mengandungi erti yang berbeza ini pun boleh dibuat sama sekiranya perkataan "tuah" itu wujud dan nama "Tuah" [تواه] yang dimaksudkan. Oleh sebab itu, apabila menyebut nama wira yang dimitoskan dalam *Sejarah Melayu* dan *HHT* itu hendaklah kata itu sewajarnya dibaca sebagai "Tuha" (Tua)[336] atau "Toh", dan bukannya "Tuah". Dengan yang demikian, nama yang

dieja [تن توه] (/t/n/ /t/w/h/) pun harus dibaca "Tun Tuha" atau "Tun Toh", dan bukannya "Tun Tuah".

Sebetulnya, selain membawa erti kelanjutan usia, istilah Kawi dan Melayu kuno *tuha* juga membawa erti ketua atau kepala atau pengawas kelompok. Istilah itu juga memberikan makna pemimpin, pandai atau tukang, atau seorang juru, yakni seorang yang ahli. Kata *tinuha* dalam bahasa Jawa Kuno membawa erti pemimpin, atau seorang *senior*, yang berpengalaman, manakala kata *atuha* pula membawa makna yang lebih tua, yang tertua, *kawakan*,[337] sempurna, ulung, unggul, berpengalaman (Zoetmulder 2000(2): 1281, Mardiwarsto 1981: 614, dan Wojowasito 1977: 275). Dalam bahasa Melayu Kuno pula, tuha yang bererti ketua atau pembesar melahirkan perkataan *datua* yang bererti datu [datuk], iaitu pembesar.[338] Namun begitu, "Hang Tuha" sebagai nama gelar wira yang dimaksudkan oleh pengarang *Sejarah Melayu* dan *HHT* tidak mungkin dapat diragukan kerana, seperti ditunjukkan dalam ayat yang di bawah ini, yang dipetik daripada *HHT*, istilah *tuha* jelas membawa erti "pemimpin":

> Bukan Tun Jenal dijadikan oleh Duli Yang Dipertuan **Orang Tuha**! Aku melebih-lebih karana aku dan Seri Maharaja Lela juga yang dijadikan **Orang Tuha** oleh Duli Yang Dipertuan membawa rakyat Raja dan senjata Raja ini" (Siti Hawa 2012: 278).

Contoh lain daripada *HHT* (Siti Hawa 2012: 380):

> Maka kata Hang Jebat, "Jangan tuan-tuan haru-biru karana dahulu lain sekarang lain, bukan seperti adat Laksamana dijadikan **Orang Tuha**[339] itu".

Sehubungan dengan perkataan yang menggunakan ejaan t/w/h [توه], tetapi disebutkan "toh" pula, erti yang dibawanya bukanlah tua atau ciri pemimpin, tetapi sebaliknya taruhan, atau orang sandaran dalam pertempuran. Penggunaan perkataan ini dapat ditemui dalam ayat kisah ke-18 (*Sulalat u's-Salatin* 1798: f. cxix: 2): "*Kerangkang, unjukkan lembingku, ambah-ambahan* ***toh*** seorang *kukulu priya*"[340]. Ayat ini membawa pengertian "Kerangkang, angkatkan lembingku! Kalau bertempur habis-habisan, taruhan pertama seseorang ialah kekasihnya". Penggunaan ejaan t/w/h [توه] di sini memang boleh mengelirukan kerana banyak orang yang membacanya menyangka kata itu ialah "tuha" atau "tuah", padahal tidak demikian. Pokoknya, apa yang hendak dijelaskan di sini ialah kata yang memakai ejaan t/w/h [توه] itu pastinya

bukan "tuah", tetapi membawa makna satu lagi sifat kepemimpinan, yakni Hang Tuha itu ialah taruhan Sultan Melaka.

Dengan melihat makna kedua-dua perkataan "tuha" dan "toh", maka jelaslah gabungan erti kedua-duanya itu dapat menggambarkan sahsiah seorang yang serba terampil, unggul, memiliki peribadi yang hampir sempurna, dan dianggap sangat bijaksana dan menjadi orang taruhan raja. Sifat ini bukan sahaja sesuai untuk watak mitos Hang Tuha, tetapi juga orang yang sebenarnya menjadi Laksamana negeri Melaka.

Sementara itu, perkataan *Hang* yang digunakan pada pangkal nama orang tertentu ialah istilah Melayu Kuno yang membawa erti orang yang dihormati. *Hang* Tuha dan *Hang* Toh berkebetulan mencerminkan makna yang juga terkandung dalam istilah *Hang* yang sememangnya membawa makna cekap, berketerampilan dan memiliki kepandaian atau kemahiran dalam sesuatu.[341] Di Sumatera, istilah *Hang* telah digunakan, mungkin sejak awal abad ke-13. Pada tahun 1930-an, pengkaji batu bersurat di Padang Lawas yang bertarkh 1235 M., telah menemui istilah *Hang*, *Si*, *Pu* dan *Sang* di hadapan nama seseorang. Umpamanya, Hang Tahi, Si Rangngit Kabayan, Pu Sapta, dan Sang Imba.[342] Oleh sebab gelar ini sudah pun digunakan sejak abad ke-13 di Sumatera, maka tidaklah menghairankan jika gelar berkenaan juga digunakan di Melaka untuk merujuk kepada golongan yang mempunyai kepandaian tertentu. Gelaran *Sang* dan *Si* serta *Pu*[343] (iaitu kependekan dari *Mpu*) juga digunakan sebagai tanda darjat tertentu. Dalam *Sejarah Melayu*, gelar Hang telah diberikan kepada nama watak *fictitious*, seperti Hang Jebat, Hang Kesturi, Hang Lekir dan Hang Lukéwa.

Berasaskan perbincangan di atas, nyatalah bahawa kesemua erti bagi istilah ***tuha*** menjurus kepada makna yang menunjukkan ciri pemimpin, ketua, pengawas atau ketua sesuatu kumpulan, atau seorang yang mempunyai kemahiran dan pengalaman. Dalam *HHT* jelas Laksamana Hang Tuha, selain "memberikan bimbingan kepada rakan-rakannya yang berlima" serta menegurnya apabila perlu, lantaran dianggap "ketua kumpulan" oleh sahabat-sahabatnya itu, juga digambarkan oleh pengarang sebagai seorang yang matang iaitu "sesuai dengan kedudukannya sebagai **ketua bagi kumpulan**[344] berlima itu" (Siti Hawa 2012: 9). Dengan yang demikian, nama **Hang Tuha** (ataupun **Hang Toh**) boleh ditanggapi sebagai nama atau gelaran seseorang yang mempunyai sifat yang unggul, ulung, sempurna, matang dan

berpengalaman – tegasnya, seorang pemimpin yang berketerampilan. Juga boleh diandaikan ialah bahawa, kedua-dua kata "tuha" dan "toh" dapat dianggap bersifat generik lantaran kata berkenaan boleh dijadikan gelar untuk Laksamana yang benar-benar wujud kerana makna yang tersirat dalam istilah tersebut boleh dikaitkan dengan sesiapa pun orang yang mempunyai kualiti pemimpin yang unggul. Kesimpulan ini mungkin benar jika tidaklah kerana kisah petualangan Hang Tuha lima bersahabat itu bukannya kisah fiksyen.[345]

Apabila diteliti bab atau kisah dalam *Sejarah Melayu* yang menceritakan perihal kunjungan Sultan Mansur Syah ke Majapahit, nampak jelas kisah itu ialah sebuah mitos yang sengaja direka oleh pengarang *Sejarah Melayu*. Hulubalang yang memakai nama gelar Laksamana Hang Tuha (atau Hang Toh) yang turut menyertai rombongan Raja Melaka ke Majapahit itu telah direka untuk tujuan menjadikannya *alter ego* kepada Laksamana yang benar-benar wujud, tetapi namanya pantang disebut. Penciptaan watak ini ialah hasil daripada kekreatifan pengarang *Sejarah Melayu* yang mahu mengarang sebuah kisah hulubalang yang menjadi cermin kepada diri Laksamana Melaka. Dengan kata lain, Hang Tuha atau Hang Toh yang memiliki sifat kepemimpinan yang unggul itu ialah watak khayalan yang sengaja direka lantaran wujudnya pantangan menyebut nama Laksamana yang sebenar.[346] Akan tetapi, kita boleh pula bertaya: Jika penggunaan nama sebenar Laksamana itu dianggap pantangan, tidakkah boleh nama gelar Hang Tuha itu digunakan juga oleh Laksamana Melaka? Sebagai jawapannya, jika diteliti kandungan *Sejarah Melayu* ternyata dalam semua bab di mana nama gelar Hang Tuha digunakan bersampingan dengan nama gelar sahabat-sahabatnya yang lain dan kisah mereka melibatkan setidak-tidaknya seorang daripada sahabat-sahabat itu, maka kisah yang diceritakan itu adalah semata-mata rekaan sahaja.

Pertama kali nama gelar Laksamana digunakan dalam *Sejarah Melayu* tanpa nama sebenar atau tanpa nama gelat "tuha" atau "toh" ialah dalam kisah atau bab kelapan (*Sulalat u's-Salatin* 1798: f. liii) atau bab keenam dalam naskhah Raffles MS. No. 18 (f. lii), iaitu ketika menceritakan Sultan Muhammad Syah mengatur kerajaannya. Akan tetapi, pada zaman Sultan Muzafar Syah, anehnya hulubalang yang bergelar Laksamana langsung tidak disebutkan dalam kisah ke-10 naskhah Krusenstern dan kisah kelapan naskhah Raffles MS. No. 18. Sebaliknya, panglima tertinggi Melaka yang dikerahkan oleh Sultan Muzafar untuk mengetuai angkatan

tentera Melaka menangkis serangan tentera Siam yang dipimpin oleh panglimanya, Oya Deco, ialah Bendahara Paduka Raja dan Seri Bija Adiraja. Pada masa pemerintahan Sultan Mansur Syah, angkatan perang Melaka yang dihantar untuk menakluki Pahang pun bukan juga dipimpin oleh Laksamana, tetapi oleh Bendahara Paduka Raja bersama-sama dengan Seri Bija Adiraja. Seri Bija Diraja[347] jugalah yang berjaya menangkap raja Pahang bernama Maharaja Dewa Sura. Gelar Laksamana walau bagaimanapun, disebutkan dalam kisah ke-11 naskhah Krusenstern (f. lxxxiv) dan kisah kesembilan naskhah Rafffles MS. No. 18 (f. lxxiv) apabila Hang Tuha memekik, "Ceh Laksamana lawanku!" Kata-kata ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa jawatan Laksamana itu sudah pun wujud ketika nama gelar Hang Tuha direka. Terdapatnya nama gelar Hang Tuha dan juga kata Laksamana di dalam kisah ke-11 naskhah Krusenstern, atau kisah ke-9 naskhah Raffles 18 itu menunjukkan bahawa cerita mengenai Hang Tuha itu telah disisipkan ke dalam kisah mengenai Majapahit. Di dalam bab ini jugalah mula diperkenalkan nama gelar Hang Tuha yang dalam suatu episod telah membunuh seorang Jawa yang mengamuk, dan sesudah itu nama gelar Hang Tuha telah dilekatkan gelar "Laksamana". Seluruh bab itu menceritakan tentang Majapahit dan petualangan Hang Tuha. Bermula dengan kisah putera raja Tanjungpura diangkat anak oleh Si Penyadap dan kemudiannya menaiki takhta kerajaan Majapahit, kisah itu diteruskan dengan kisah Hang Tuha dan kawan-kawannya dipilih untuk menyertai rombongan Sultan Mansur Syah ke Majapahit dan bagaimana terbentuknya petualangan (*adventure*) 'Laksamana Hang Tuha' di Jawa. Seperti yang akan dibincangkan nanti, kisah ke-11 naskhah Krusenstern yang mengisahkan kunjungan rombongan diraja Melaka, dan petualangan Hang Tuha serta cerita Si Penyadap itu sebetulnya mitos yang direka oleh pengarang *Sejarah Melayu*. Juga turut direka ialah kisah pertarungan Hang Tuha dengan Hang Kesturi dalam kisah yang berikutnya.

Jika diteliti kisah seterusnya yang mengandungi nama gelar Laksamana nyatalah dalam kisah ke-15 naskhah Krusenstern, iaitu dalam episod hulubalang Melaka itu menentang pahlawan Bugis, Semerluki, nama gelar Laksamana disebutkan bersendirian sahaja (yakni tanpa apa-apa nama lain tercantum padanya). Dalam kisah tentera Melaka berada di Pasai kerana cuba mengembalikan takhta kerajaan Sultan Zainal 'Abidin, sekali lagi nama gelar Laksamana Melaka disebutkan sebagai

salah seorang hulubalang yang menyertai Bendahara Paduka Raja pergi ke Pasai. Dalam kisah ke-18 ini pun nama gelar Laksamana disebutkan bersendirian sahaja. Nama gelar Laksamana juga timbul bersendirian dalam kisah ke-21 yang menceritakan Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah mengarahkan Laksamana Melaka pergi ke Pahang untuk "mengajar" Sultan Muhamad abang Sultan 'Alauddin yang cuba menunjukkan ingkarnya terhadap Melaka dengan membunuh Telanai Terengganu kerana menyembah ke Melaka tanpa memberitahu Raja Pahang itu. Kesemua ini menunjukkan bahawa Laksamana Melaka itu adalah berbeza daipada watak Hang Tuha yang dimitoskan. Sekali lagi Laksamana Melaka ditugaskan oleh Sultan 'Alauddin ialah apabila Sultan Ibrahim, Raja Siak, menghukum bunuh orang tanpa memberitahu ke Melaka. Dalam kisah ke-22 ini pun nama gelar lain untuk Laksamana tidak disebutkan, kecuali dua kali, iaitu sekali pada masa Raja Siak ditegur, seperti yang digambarkan dalam ayat: "Maka Sultan Ibrahim dan segala orang besar Siak semuanya diam, tiada menyaut [*sic*] kata Laksamana Hang Tuha itu" (*Sulalat u's-Salatin* 1798: cxxxi). Sekali lagi nama gelar Hang Tuha digunakan ialah ketika Sultan Mahmud yang baru naik takhta jatuh sakit, seperti yang disebut oleh ayat: "Maka dipelihara oleh Bendahara dan Laksamana Hang Tuha perlahan-lahan" (*Sulalat u's-Salatin* 1798: f. cxxxiii: 2). Juga secara tidak langsung, nama gelar Laksamana Hang Tuha telah disebutkan untuk merujuk kepada Tun Biajit kerana dia anaknya (*Sulalat u's-Salatin* 1798: cxxxvi: 2).

Seyogia diingatkan, penggunaan nama gelar "Hang Tuha" untuk kisah Laksamana Melaka menegur pembesar Siak itu boleh difahami jika kita mengambil kira laporan sumber Ryukyu yang menampakkan betapa berwibawanya Laksamana Melaka pada zaman Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah (Kobata dan Matsuda 1969: 119-120). Oleh yang demikian, bukanlah sesuatu yang mustahil jika Laksamana Melaka ditugaskan oleh Sultan 'Alauddin pergi menegur Raja Siak itu. Juga harus dimaklumi ialah nama gelar "Hang Tuha" digunakan kerana, seperti yang disebutkan di atas tadi, erti kata *tuha* dan *toh* memang pun cocok untuk menggambarkan watak kepemimpinan Laksamana Melaka yang sebenar yang juga, bersama-sama Bendahara Paduka Raja, merawat Sultan Mahmud Syah ketika dia sakit. Apabila dicantumkan nama gelar Hang Tuha (atau Hang Toh) menjadi Laksamana Hang Tuha (atau Laksamana Hang Toh) maka frasa itu membawa maksud "Laksamana yang terampil (cekap) (seperti yang diertikan oleh kata *Tuha*) atau Laksamana yang menjadi sandaran,

yang boleh menjadi tempat bergantung Raja (seperti yang dimaksudkan dengan kata Kawi *Toh*). Hang Tuha atau Hang Toh bukanlah nama sebenar Laksamana Melaka – jauh sekali Hang Tuah! Walaupun nama gelar Hang Tuha boleh dicantumkan dengan gelar Laksamana Melaka yang sebenarnya, penggunaannya tidaklah sama dengan penggunaan nama gelar Hang Tuha bersama-sama empat orang sahabatnya yang yang berupa mitos yang direka oleh pengarang *Sejarah Melayu* dalam kisah lawatan rombongan diraja Melaka ke Majapahit.

Seterusnya, dalam kisah ke-24 (*Sulalat u's-Salatin* 1798: f. clv) nama gelar Laksamana Hang Tuha digunakan oleh pengarang *Sejarah Melayu* ketika menyatakan tokoh itu sudah mati. Kenyataan ini mungkin sekali merujuk kepada Laksamana Melaka yang benar-benar wujud. Akan tetapi, apabila pengarang melihat orang yang menggantikannya tidak sehebat Laksamana Melaka yang sebenar itu kerana tidak menepati makna pada nama gelar "Tuha" atau "Toh", maka direkanya nama Laksamana Khoja Hasan, iaitu nama yang, besar kemungkinannya hanyalah khayalan.[348] Tidak mungkin pemberian nama sebenar Laksamana itu berlaku kerana pengarang *Sejarah Melayu* memang sedar bahawa menyebut nama pembesar merupakan satu pantangan.[349]

Pengaruh Kawi, Cerita Panji, dan Tradisi *Mahabharata* dan *Ramayana*

Tentang nama gelar Jebat, Kesturi, Lekir, dan Lukéwa, kata ini pun berasal daripada bahasa Jawa Kuno. Dalam bahasa Kawi *jebad* dan *kasturi* ialah perkataan seerti yang bermakna bau-bauan yang wangi atau yang mengharumkan. Baik *jebad* mahupun *kasturi*, kedua-duanya digunakan sebagai minyak wangi. Dalam bahasa Melayu dewasa ini pun musang jebat ialah musang yang menghasilkan kesturi. Tentang nama Lekir pula, juga kata pinjaman yang berasal daripada kata Kawi *lĕkĕr* yang bererti gulung, gelung, lingkar, atau tali membelit yang boleh menyebabkan sesuatu itu kukuh (Zoetmulder 2000(1): 583). Lukéwa atau lukaiwa pula ialah kata pinjaman daripada bahasa Kawi, *luké* atau lukai, iaitu nama sejenis golok. Kesilapan membaca ejaan Jawi l/k/y/w [لكيو] menyebabkan banyak orang membaca nama ini sebagai "Lekiu", padahal kata ini tidak membawa apa-apa makna. Kata *lukéwa* yang bermakna golok atau parang itu mungkin ditiru daripada nama salah seorang penakawan dalam cerita Panji, iaitu **Kṛtala**, satu istilah Kawi yang juga

bererti parang (Mardiwarsito 1981: 291). Sebenarnya, lima orang sahabat dalam *Sejarah Melayu* itu telah direka oleh pengarang dengan mencontohi lima orang "penghulun" (pelayan) Raden Inu Kuripan yang terdiri daripada Juru dyah [جروديه][350] (anak Patih), Punta (anak Demang), Kṛtala (anak Temenggung) dan Persanta (juga bergelar Semar), (anak Kiyai Rangga), serta Jemuras atau Turas (anak Jaksa) (*Hikayat Cekel Waneng Pati* 1787: 4 dan *Hikayat Naya Kusuma* t.t.: 7). Jika penghulun ini pelayan kepada Raden Inu, maka Hang Tuha lima bersaudara adalah diiktibarkan sebagai hulubalang Sultan Mansur Syah. Akan tetapi, ada juga dalam cerita Panji itu, seperti *Hikayat Panji Semirang*, yang menyebutkan pengiring Raden Inu Kertapati hanya terdiri daripada empat orang penakawan.[351] Mereka itu ialah Jurude [*sic*, Juru dyah], Punta, Kartala [*sic*, Kṛtala], dan Persanta [Prasandha?][352] Dalam hal ini tentulah mereka berempat itu melambangkan empat orang hulubalang yang berketuakan Hang Tuha. Hang Tuha di sini mewakili Raden Inu Kertapati. Baik lima mahupun empat, pokoknya pengarang *Sejarah Melayu* menggunakan watak penghulun atau penakawan dalam cerita Panji untuk mereka watak lima orang hulubalang Melaka yang menjadi hulubalang Raja Melaka, yang dikepalai oleh Hang Tuha.

Pengaruh daripada cerita-cerita Panji terhadap cerita-cerita mengenai Hang Tuha ternyata diabaikan oleh pengkaji-pengkaji *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* selama ini. Padahal karya sastera Jawa yang berkisar pada tema kembara (*adventure*) raja muda kerajaan Kuripan bernama Raden Panji Inu Kertapati yang dijodohkan dengan puteri Daha bernama Raden Galuh Cendera Kirana itu sangat mengesani pengarang *Sulalat u's-Salatin* yang telah menjiplak nama-nama karakter yang utama dalam cerita-cerita Panji. Selain nama-nama watak yang disebutkan di atas tadi nama gelar "Raja Melayu" dan nama "Raden Wira Nantaja" jelas telah diambil oleh pengarang *Hikayat Hang Tuah* untuk dijadikan plot dalam hikayat Melayu itu. Manakala nama keris yang dipakai oleh Raden Inu Kuripan yakni *Kalamisani* pun telah memberi ilham kepada pengarang *Sejarah Melayu* yang kemudiannya ditiru oleh pengarang *Hikayat Hang Tuah* untuk menamakan keris Hang Tuha, "Tameng Sari".[353]

Begitu kuatnya pengaruh cerita-cerita Panji itu boleh membuat seseorang bertanya: Bilakah cerita-cerita Panji itu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu? Menurut C.C.Berg (1928) masa penyebaran cerita Panji di Nusantara berlaku antara tahun 1277 M (iaitu ekoran daripada

serangan Jawa ke atas Sumatera dalam tahun 1275) hingga sekitar 1400 M. (Liaw Yock Fang (2013: 116). Berg juga menyatakan bahawa sebelum abad ke-13 tentu telah ada cerita Panji dalam bahasa Jawa Kuno. Cerita ini kemudiannya disalin ke dalam bahasa Jawa Tengahan dan bahasa Melayu. Akan tetapi Poerbatjaraka menyanggah pendapat Berg itu. Dia beranggapan bahawa mula timbulnya cerita Panji ialah dalam zaman keemasan Majapahit (atau dalam masa akhir kejayaan kerajaan tersebut)[354] dan ditulis dalam bahasa Jawa Tengahan (Poerbatjaraka 1968: 409–10). Penyebarannya ke luar Jawa terjadi dalam masa yang lebih kemudian lagi dengan cara lisan. Malangnya, tentang masuknya cerita Panji ke Tanah Melayu, sehingga kini belum ada lagi kajian tentang tarikh awal penterjemahan cerita-cerita Panji dalam bahasa Melayu itu; namun dapat diduga, pada zaman pengarang *Sejarah Melayu* mengarang kisah Hang Tuha dan rombongan diraja Melaka pergi ke Majapahit itu dia tentulah telah memperoleh dan membaca naskhah terjemahan atau asli, ataupun mengetahui melalui wayang kulit Jawa, sekurang-kurangnya satu (jika tidak pun lebih) daripada cerita Panji yang berbagai versi itu. Namun demikian, menurut allahyarham Prof. Poerbatjaraka, salah sebuah versi cerita Panji Semirang telah diterjemahkan langsung daripada bahasa Jawa Tengahan (Poerbatjaraka (terj. Zuber Usman & H.B. Jassin) 1968: xviii). Menurutnya terdapat begitu banyak perkataan-perkataan Jawa Tengahan[355] yang dipakai dalam naskhah itu (Ibid: xviii). Justeru kerana kata-kata Jawa Tengahan itulah maka naskhah itu dikatakan sangat tua[356] Tidak syak lagi, penciptaan lima orang hulubalang yang ikut serta dalam rombongan Sultan Mansur Syah melawat Majapahit, oleh pengarang *Sejarah Melayu*, adalah berupa kisah yang diilhamkan oleh cerita Panji.

Pemilihan lima orang sahabat itu juga memperlihatkan pengaruh angka sakti *panca* (yang bererti lima)[357] terhadap pengarang *Sejarah Melayu*; dan angka ini pun cocok dengan bilangan pandawa dalam "Hikayat Pandawa" (dalam tradisi *Mahabharata*), sebuah karya yang juga telah memberikan ilham kepada sang pengarang. Menurut hikayat yang berdasarkan epik Hindu ini, nama pandawa itu merujuk kepada lima orang putera Pandu dengan dua orang isterinya. Putera yang diiktiraf itu masing-masing bernama Yudhisthira (atau Dharmawangsa[358]), Bhima, Arjuna (atau Rajuna[359]), Nakula (atau Sakula[360]) dan Sadewa. Lima

orang penakawan Raden Inu Kertapati, seperti yang tersebut dalam cerita Panji, dan lima orang pandawa (seperti yang tersebut dalam *Hikayat Pandawa Lima*) inilah yang dijadikan dasar oleh pengarang awal *Sejarah Melayu* untuk merekayasa nama lima orang sahabat, iaitu Hang Tuha, Hang Jebat, Hang Kesturi, Hang Lekir dan Hang Lukewa. Dengan kata lain, lima orang sahabat yang disebutkan oleh pengarang *Sejarah Melayu* sebagai hulubalang Sultan Mansur Syah itu hanyalah fiksyen yang dipadankan daripada lima pandawa dan lima penakawan dalam cerita Panji. Kita katakan fiksyen kerana nama mereka hanya disebut ketika angkatan diraja Melaka merancang hendak melawat Majapahit. Ketika berada di Majapahit hanya nama Tuha, Jebat dan Kesturi yang disebut. Selepas rombongan Sultan Mansur Syah kembali ke Melaka hanya nama Hang Tuha dan Hang Kesturi yang disebut. Selepas Kesturi (atau Jebat, menurut versi tertentu) dibunuh, nama Hang Jebat (atau Hang Kesturi), Hang Lekir dan Hang Lukéwa terus dihilangkan dan tidak timbul-timbul lagi selepas itu. Ini pun menunjukkan watak-watak ini hanya fiksyen belaka.

Demi menunjukkan kehebatan lima hulubalang yang direka itu, pengarang *Sejarah Melayu*, telah meminjam dan mengubahsuai konsep "Sembilan Abadi" daripada tradisi Ramayana, Mahabharata dan cerita Panji dengan menyatakan, "orang yang ternama sembilan orang" itu terdiri daripada Hang Tuha, Hang Jebat, Hang Kesturi, Hang Lekir, Hang Lukéwa (atau Lukaiwa). Ungkapan "orang yang ternama sembilan orang" (*Sulalat u's-Salatin* 1798: f. lxxxiv) sebenarnya, adalah pengubahsuaian oleh pengarang *Sejarah Melayu* terhadap konsep *Ciranjiwin* yang dalam bahasa Sanskrit membawa makna makhluk yang abadi.[361] Dinyatakan dalam *Sejarah Melayu*, Hang Tuha dan empat orang sahabatnya itu adalah antara 40 orang hulubalang yang terpilih untuk menyertai rombongan diraja yang berangkat mengiringi Sultan Mansur Syah kerana berhasrat meminang puteri Majapahit. Rombongan diraja itu diketuai oleh Tun Bija Sura (*Sulalat u's-Salatin* 1798: f.lxxxiii: 2 – f. lxxxiv). Melalui kisah kunjungan ke Majapahit ini pengarang *Sejarah Melayu* pun secara halus ingin menunjukkan kebesaran kerajaan Melaka ketimbang Majapahit, dan dia cuba menggambarkan kehebatan hulubalang Raja Melaka semasa berada di Majapahit itu, terutamanya hulubalang yang bergelar Hang Tuha atau Hang Toh.

Tidak syak lagi, kisah ini pun hanyalah sebuah dongeng. Kebijaksanaan pengarang itu mengambil ilham daripada tradisi

Mahabharata dan *Ramayana* melalui cerita Panji dan *Hikayat Pandawa Lima* serta *Hikayat Seri Rama* (yang kesemuanya dipadankan daripada versi Jawanya)[362] menunjukkan betapa dia memahami dengan baik *wisdom* (kearifan) yang terselit dalam falsafah yang dibawa oleh kitab itu, iaitu seorang raja itu sangat memerlukan kesetiaan hulubalang yang dapat dipercayainya. Akan tetapi, dalam pada itu, pengarang juga merekayasa seorang wira yang diberikan nama gelar Hang Tuha yang dalam bahasa Kawinya mengandungi erti yang sangat dalam. Watak Laksamana Hang Tuha itu dibentuk demikian rupa untuk mencontohi watak "Lakshmana" dalam *Ramayana* yang kesetiaannya tidak pernah diragukan oleh raja dan saudaranya Rama. Melalui imaginasi pengarang *Sulalat u's-Salatin*, watak Hang Tuha itu dilukiskannya sebagai seorang yang "cerdik dan perkasa daripada yang lain" (*Sulalat u's-Salatin* 1798: f. lxxxiv). Dalam satu plot naratifnya digambarkannya Hang Tuha itu memekis dengan berkata, "Cheh, Laksamana lawanku!" (*Sulalat u's-Salatin* 1798: f. lxxxiv) – seolah-olah Hang Tuha itu mengukur dirinya setara dengan Laksamana Melaka.[363] Pengarang *Sejarah Melayu* seterusnya menulis: "Maka disebut oleh sama muda-muda namanya 'Laksamana'." Memang, kemudiannya, selepas Hang Tuha membunuh seorang Jawa yang mengamuk, pengarang *Sejarah Melayu* pun menyatakan bahawa Sultan Mansur Syah telah meletakkan nama "Laksamana" pada dirinya (*Sulalat u's-Salatin* 1798: lxxxiv dan f. lxxxiv: 2). Dongeng tentang Hang Tuha atau Hang Toh ini ditambah lagi dalam sebuah lagi versi *Sejarah Melayu*, iaitu Hang Tuha itu dikatakan berasal dari Makasar. Dia kononnya anak Raja Bajing,[364] yang dihadiahkan kepada Sultan Melaka ketika usianya masih budak lagi.[365] Menurut versi *Sejarah Melayu* ini, namanya ialah Daeng Mampuh [ممفوه][366] (ada juga yang membacanya sebagai Mempawah),[367] satu lagi bukti yang menunjukkan khayalan yang imaginatif dan kemampuan sang 'pengarang' atau penyalin mencipta sebuah mitos.

Pemilihan gelar Laksamana untuk watak fiksyen yang bernama Hang Tuha (atau Hang Toh) itu juga memperlihatkan pengarang asal *Sejarah Melayu* itu cuba menutup kehadiran Laksamana sebenar yang namanya tidak boleh disebutkan lantaran pantangan. Melalui rekaan gelar Laksamana Hang Tuha atau Hang Toh, pengarang juga cuba menyelitkan erti sebenar "Laksamana" dari segi falsafah kesetiaan terhadap raja. Hal

ini demikian kerana pengarang itu, siapa pun orangnya, sangat memahami nilai akhlak di sebalik nama *Lakshmana* dalam tradisi *Ramayana*. Nama "Lakshmana" dalam hikayat *Ramayana* melambangkan watak wira yang sangat setia dan sahabat yang istimewa kepada saudara sebapanya, Rama, iaitu raja yang memiliki ciri Vishnu, dewa penyelamat dalam agama Hindu (Monier-Williams 1893: 345 dan 426, dan Dowson 1957: 175).[368] Walaupun istilah "Laksamana" ialah saduran daripada nama adik Sri Rama, *Lakshmana*, berdasarkan bukti dalam *Sejarah Melayu* sendiri dan juga bukti lain, ternyata istilah ini juga digunakan pada zaman kesultanan Melaka untuk menggelar seseorang yang menyandang jawatan panglima yang dianggap orang kepercayaan raja. Menurut kisah kelapan *Sejarah Melayu* naskhah Krusenstern, pada zaman Sultan Muhammad Syah (r. 1423/24 - 1444/45) Laksamana adalah bertaraf hulubalang yang dipercayai raja, iaitu sama seperti kepala abentara yang bergelar Seri Bija Adiraja (*Sulalat u's-Salatin* 1798: f.lv - lv: 2). Hanya salah seorang antara mereka berdua ini yang layak memegang pedang kerajaan di kelek-kelekan. Juga dinyatakan ialah kepala abentara yang berdiri di kelek-kelekan kanan terdiri daripada "anak cucu hulubalang yang akan dapat menjadi laksamana" (*Sulalat u's-Salatin* 1798: f. liii).

Selain bertaraf orang kepercayaan Sultan dan seorang yang berstatus panglima tertinggi, Laksamana juga hulubalang yang menjaga keselamatan di laut. Dalam kisah ke-15 (*Sulalat u's-Salatin* 1798: f. cxii – cxii: 2) terdapat peristiwa Laksamana disuruh oleh Sultan Mansur Syah menghalang ketibaan pahlawan Bugis, Semerluki di perairan Melaka. Peranan Laksamana sebagai panglima laut Sultan Melaka disahkan pula oleh sumber Portugis.[369] Menurut ulasan Afonso Dalboquerque itu, kedudukan Laksamana dalam hierarki kerajaan sultan Melaka seperti yang diketahuinya pada tahun 1511, di bawah Bendahara Paduka Raja pegawai istana yang tertinggi ialah Laksamana. Temenggung hanya berada pada tingkat yang ketiga, dan syahbandar (yang terdiri daripada empat orang)[370] berada pada tingkat yang keempat. Menurut Dalboquerque juga, jawatan Laksamana ialah jawatan yang sangat dihormati (Birch 1880: 87).

Kebijaksanaan Pengarang *Sejarah Melayu*

Kehebatan jawatan Laksamana itu difahami benar oleh pengarang *Sejarah Melayu*. Di sinilah letaknya ketinggian pemikirannya. Di sebalik meriwayatkan cerita orang yang bergelar Laksamana dia juga menyelitkan falsafahnya tentang kesetiaan seseorang hamba kepada Raja Melayu dengan merekayasa sebuah fiksyen sejarah yang melukiskan peribadi yang dimiliki oleh wira yang memegang jawatan penting dalam hierarki pengurusan kerajaan, seolah-olah menyerupai apa yang dimiliki oleh watak Lakshmana dalam epik Hindu *Ramayana*. Namun begitu, Lakshmana dalam tradisi *Ramayana* itu menampilkan watak yang tidak sentiasa patuh kepada *dharma* jika doktrin itu menyebabkan sikap yang pasif atau yang tidak mempedulikan apa yang terjadi. Walaupun Lakshmana dalam *Ramayana* percaya kepada peri pentingnya tali persaudaraan adik-beradik, jika dilihatnya wujud hasad untuk memusnahkan kehidupan saudaranya yang lain, maka dia menyatakan kesanggupannya untuk membunuh – *wa imma* adik sebapanya, Bharata[371] Demikian pula, dalam versi *Sejarah Melayu* yang standard, Laksamana yang dimitoskan itu pun sanggup membunuh sahabat karibnya, Kesturi, atau Jebat (menurut versi *HHT* yang biasa).[372]

Berasaskan hujah di atas, saya berpendapat bahawa watak Hang Tuha (atau Hang Toh) yang telah dihikayatkan sehingga melahirkan sebuah epik mitos sejarah sekitar akhir abad ke-17 itu tidak pernah wujud. Dalam *HHT*, dia dan pengembaraanya hanyalah ciptaan sang pengarang yang berasaskan episod dalam *Sulalat u's-Salatin*, terutamanya kisah kunjungan Sultan Mansur Syah ke Majapahit. Bahkan, kisah ini pun hanyalah khayalan yang telah direka berdasarkan cerita Panji yang besar kemungkinannya diketahui oleh pengarang *Sejarah Melayu*, sama ada dalam bentuk terjemahan bahasa Melayu, ataupun kekawin atau wayang Jawanya. Pendedahannya kepada kisah perkelanaan anak-anak Raja Kuripan, Singhasari, Gegelang dan Daha serta Majapahit, telah membolehkannya mencipta sebuah fiksyen sejarah tentang lawatan rombongan Sultan Melaka ke Majapahit. Pengarang *Sejarah Melayu* yang memasukkan fiksyen ini ternyata tidak menghiraukan, atau barangkali tidak pun mengetahui sepenuhnya keadaan semasa di Majapahit ketika Sultan Mansur Syah memerintah Melaka.

Majapahit pada Masa Pemerintahan Sultan Mansur Syah

Seyogia diingatkan juga, kalaupun tidak kerana kisah hubungan Melaka dan Majapahit itu dibina dengan berasaskan kisah mitos sahaja, dari segi

realitinya pun tidak mungkin Sultan Mansur Syah boleh berkunjung ke Majapahit untuk tujuan meminang puteri betara Majaphit, kerana tempoh pemerintahan Sultan Mansur Syah (1458/59 - 1477) adalah selari dengan zaman kekacauan di Majapahit. Sejak tahun 1451 lagi, perang saudara telah mula menggugat kerajaan Jawa itu setelah Bhre Pamotan Sang Singhanagara atau Girindrawardhana Dyah Wijayakarna merampas kuasa Raja Sri Kertawijaya. Namun begitu, Bhre Pamotan hanya sempat memerintah selama dua tahun (Slametmuljana 1976: 186). Antara tahun 1453 hingga 1456, Majapahit kembali tergugat oleh perang saudara hingga menyebabkan dalam tempoh itu Majaphit tidak beraja, sampailah masa Bhre Wenker atau Bhre Hyang Purwawisesa naik takhta (r. 1456 - 1466). Akan tetapi, pusat pemerintahannya dipindahkan ke Tumapel. Kira-kira sedekad kemudian, iaitu pada tahun 1466, Bhre Wenker pun digantikan oleh Bhre Pandan-salas, tetapi baru sekitar dua tahun dia memerintah di Tumapel dia pun terpaksa meninggalkan keratonnya pada tahun 1468. Kerajaannya tergugat oleh perang saudara hingga dia mati pada tahun 1474. Raja Majapahit yang menggantikannya, iaitu Singawardhana Dyah Wijayakarana pun tidak mampu meneruskan pemerintahannya kerana pada tahun 1474 itu juga dia digulingkan oleh Bhre Kertabhumi (Slametmuljana 1976: 196). Namun demikian, Bhre Kertabhumi pun digulingkan oleh Raja Daha, Betara Prabu Girindrawardhana, anak Pandan-salas, pada tahun 1478 (Phalgunadi 1996: 19). Oleh sebab itu, jika adalah orang yang menganggap kisah lawatan Raja Melaka ke Majapahit itu bukan dongeng, tetapi benar-benar berlaku, maka perlulah faktor huru-hara di Majapahit itu difikirkan. Keadaan politik Majapahit yang sering bergolak dan sentiasa dalam keadaan tidak tenteram selama Sultan Mansur Syah memerintah itu, tentulah tidak akan memungkinkan Raja Melaka itu terdorong untuk menjalin hubungan dengan kerajaan Jawa yang sedang menghadapi kekacauan.

Akan tetapi, sekalipun demikian, dengan mendapat ilham daripada cerita Panji yang dibacanya pengarang *Sejarah Melayu* telah berjaya merekayasa sebuah fiksyen sejarah dengan memasukkan nama, seperti Aria Gajah Mada (yang telah pun meninggal dunia pada tahun 1364, lama sebelum negeri Melaka dibuka), Naya Kusuma, Raden Galuh Cendera Kirana dan betara Majapahit (yang tidak dinamakan) sebagai watak dalam kisah ke-11 naskhah *Sejarah Melayu* (*Sulalat u's-Salatin* 1798: f.lxxviii: 2 – f.xcii: 2). Sesiapa pun yang membaca cerita Panji, seperti

Hikayat Cekel Waneng Pati (HCWP), *Hikayat Panji Semirang*, *Hikayat Carang Kulina*, dan cerita Panji yang masih dalam bentuk manuskrip, seperti "Hikayat Naya Kusuma" yang juga dikenali dengan nama "Mesa Susupan Sira Panji Kelana Asmara Pati", dan mungkin juga beberapa versi yang lain lagi, tentu akan menyedari bahawa episod Raja Melaka pergi ke Majapahit itu hanyalah mitos belaka. Kisah berahi Sultan Mansur Syah terhadap Raden Galuh Cendera Kirana, puteri betara Majapahit itu, jelas telah diadaptasi daripada kisah mitos percintaan Raden Inu Kertapati dengan puteri Daha (Kediri) yang bernama Galuh Cendera Kirana (*HCWP* 1965: 37, 40-41).

Dengan itu, nyatalah bahawa penciptaan watak fiksyen Hang Tuha (atau Hang Toh) ketika berada di Majapahit, seperti yang digambarkan dalam *Sejarah Melayu* memang memperlihatkan kisah yang diadaptasi daripada cerita Panji. Malahan, keris sakti "Taméng Sari" yang kononnya dimilki Hang Tuha itu pun telah diadaptasi daripada nama keris Raden Inu Kuripan yang bernama keris "Kalamisani". Dalam cerita Panji yang berbagai-bagai versi itu diceritakan betapa keris yang sakti itu terkenal kerana bisanya. Justeru, orang yang sekebal mana pun, jika ditikam dengan keris itu, akan mati (*HCWP* 1965: 39). Bahkan, dikatakan apabila pemiliknya, Raden Inu Kertapati mengibas keris "Kalamisani" itu, maka orang yang terkena kibas itu pun akan menjadi lemah akibat terkena angin keris itu (*HCWP* 1965: 89).

Seluruh kisah ke-11 dalam *Sulalat u's-Salatin* naskhah Krusenstern, atau kisah kesembilan naskhah Raffles MS. No. 18, yang bemula dengan cerita Raden Purna Lango (nama ini pun direka berdasarkan nama dalam cerita Panji) hanyut di laut dan diselamatkan oleh Si Penyadap, dan kisah anak Raja Tanjungpura itu akhirnya berkahwin dengan puteri Majapahit, Raden Galuh Naya Kusuma,[373] diikuti dengan kisah Hang Tuha atau Hang Toh menyertai rombongan diraja Melaka ke Majapahit, dan kisah itu berlanjutan dengan hulubalang Melaka itu difitnah dan dia disembunyikan oleh Seri Nara Adiraja di sebuah dusun (yang mengingatkan kita kepada peristiwa Lakshmana dan Seri Rama di buang ke hutan) adalah bersifat dongeng belaka. Dengan membuat adaptasi daripada tradisi *Ramayana* dan *Mahabharata* melalui *Hikayat Seri Rama* dan cerita Panji, pengarang *Sejarah Melayu* pun mencipta nama gelar Laksamana Hang Tuha (atau Hang Toh) dengan tujuan untuk menegaskan betapa kesetiaan terhadap raja itu ialah sistem nilai yang sangat penting dan sangat diutamakan dalam budaya berkerajaan orang Melaka. Selain

sifat setianya yang ampuh, Lakshmana dalam *Hikayat Seri Rama* ialah seorang panglima turus yang dipercayai Rama. Di samping itu, dari segi keberanian dan kewiraannya, watak Hang Tuha telah dibentuk oleh pengarang mirip mencontohi Sang Rajuna, iaitu watak wira dalam hikayat Pandawa. Dalam tradisi *Mahabharata*, Arjuna atau Rajuna dianggap pahlawan yang paling dikagumi dan dipuja oleh banyak wanita pada zamannya.

Episod Pertikaman Hang Tuha dengan Hang Kesturi

Melalui episod pertikaman Hang Tuha dengan Hang Kesturi pula, pengarang *Sejarah Melayu* ingin menunjukkan betapa penderhakaan terhadap raja ialah suatu "dosa besar" yang tidak dapat dimaafkan. Sang pengarang ingin menunjukkan betapa perbuatan derhaka seseorang terhadap rajanya akan membawa kepada tragedi yang tidak diingini. Oleh pengarang *Sejarah Melayu* ditunjukkannya betapa perbuatan derhaka itu berakhir dengan pertarungan dua orang hulubalang besar Melaka. Tentang episod Hang Tuha bertikam dengan Hang Kesturi ini, tidaklah dapat diragui keaslian ciptaan pengarang *Sejarah Melayu* itu lantaran episod itu sungguh mengesani jiwa sesiapa pun yang mengikuti naratifnya, sekalipun hanyalah sebuah kisah rekaan tentang dua orang hulubalang raja yang diselitkan secara khas dalam kisah ke-12 (*Sulalat u's-Salatin* 1798: f. cvii-f. c: 2), iaitu di celah kisah rombongan kerajaan Melaka melawat negeri China dan kisah istana Sultan Mansur Syah terbakar. Kisah yang melibatkan dua orang tokoh yang dimitoskan ini dapat ditanggap sebagai muslihat pengarang hendak menyampaikan mesej yang maha penting kepada orang Melayu dewasa itu, yakni bahawa sejak zaman Sriwijaya pada abad ketujuh lagi kesetiaan kepada pemerintah sangat dituntut, dan derhaka dan khianat terhadap raja ata *datu* adalah dikutuk.[374]

Sebagai sebuah ciptaan sastera, walau bagaimanapun, cara pengarang menyampaikan kisah dua orang pahlawan bergelut dengan keris itu boleh sahaja menimbulkan rasa syak pembaca bahawa pengarang telah mendapat ilham untuk melakarkan kejadian bertarung tersebut dengan berasaskan suatu kejadian yang diketahuinya benar-benar berlaku antara dua orang kenalan, atau sahabat, atau dua orang yang mempunyai kaitan persaudaraan, atau dua orang hulubalang yang berdendam, sehingga dapat dijadikan fiksyen yang melibatkan hulubalang yang bergelar Hang Tuha dan Hang Kesturi, atau Hang Jebat (kerana dua

istilah ini pun mempunyai erti yang sama). Sekalipun demikian, penyisipan mitos pertarungan antara Hang Tuha dengan Hang Kesturi (atau Hang Jebat) itu, ke dalam sebuah naratif utama tentang Raja-raja Melaka dan kebesaran zamannya, sama seperti kisah fiksyen kunjungan Sultan Mansur Syah ke Majapahit, ialah suatu teknik kesusasteraan yang digunakan oleh pengarang *Sejarah Melayu* berdasarkan contoh, seperti yang tersurat dalam tradisi *Ramayana* dan *Mahabharata* dan juga cerita Panji, yang memang mengamalkan penyisipan cerita dalam cerita yang lebih panjang sebagai suatu *literary device* atau cara sastera.

Tabu Menyebut Nama

Seperti yang telah ditegaskan sebelum ini nama Laksamana yang betul-betul wujud itu tidak pernah dihebahkan oleh pengarang lantaran adanya kepercayaan orang Melayu terhadap pantangan menyebutkan nama pembesar. Keadaan ini sama halnya dengan tidak menyebut nama bendahara yang memeluk Islam pada zaman Sultan Muhammad Syah. Demikian pula nama sebenar Bendahara Seri Amar Diraja juga tidak disebutkan. Pembaca hanya mengetahui nama gelarnya sahaja, iaitu Seri Wak Raja (*Sulalat u's-Salatin* 1798: f. lii). Personaliti yang bergelar Seri Bija Adiraja yang berdiri di kelek-kelekan balairung bersama-sama dengan Laksamana, pun tidak diberitahu namanya oleh pengarang *Sejarah Melayu*. Akan tetapi ketiadaan nama sebenar Laksamana Melaka tidak pula menafikan kewujudannya. Atas kebijaksanaan pengarang *Sejarah Melayu* nama gelar Hang Tuha atau Hang Toh telah dicipta untuk mendeskripsikan karakter laksamana tersebut. Dalam pada itu pengarang *Sejarah Melayu* juga telah merekayasa watak seorang wira bersifat khayalan yang muncul pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah (r. 1448/49 – 1477), dengan memberikan nama gelar Hang Tuha atau Hang Toh, seolah-olah dia menjadi cermin diri seorang Laksamana yang benar-benar wujud.

Dengan cara memberikan gelar tambahan "Laksamana" kepada wira yang dikhayalkan itu, pengarang cuba menggambarkan bahawa Laksamana Hang Tuhalah yang menjadi sahabat raja sepanjang lawatan Raja Melaka ke Majapahit. Laksamana Hang Tuha direka sebagai seorang *nadim* yang dalam tradisi *Ramayana* sentiasa mendampingi Rama selama 14 tahun mereka terbuang dalam hutan belantara. Dengan memperoleh ilham daripada cerita Panji, pengarang juga telah mereka nama sahabat-sahabatnya yang juga berupa watak yang bersifat khayalan, iaitu Hang

Jebat, Hang Kesturi, Hang Lekir, dan Hang Lukaiwa. Bersama-sama dengan Hang Tuha, hulubalang yang dimitoskan itu seolah-olah menjadi jelmaan lima pandawa yang terkenal dalam *Hikayat Pandawa Lima*.

Laksamana Melaka dalam Sejarah

Di sebalik penciptaan kisah fiksyen tentang Hang Tuha (atau Hang Toh) dengan empat orang sahabatnya itu, ketokohan seorang atau lebih daripada seorang Laksamana pada zaman kesultanan Melaka memang tidak dapat diragukan. Pada zaman Sultan Muzafar Syah dan Mansur Syah pun tentu telah ada jawatan Laksamana jika kata, "Ceh! Laksamana lawanku!" yang diungkapkan oleh Hang Tuha ketika dia memekis, dapat dijadikan petunjuk. Penciptaan watak mitos Hang Tuha yang kononnya digelar "Laksamana" itu memberikan implikasi bahawa pengarang *Sejarah Melayu* yang kagum dengan orang yang berpangkat Laksamana itu telah mencipta mitos "Laksamana Hang Tuha" atau "Laksamana Hang Toh" untuk menggambarkan sifat kepemimpinan yang unggul seorang Laksamana Melaka. Di samping itu pengarang *Sejarah Melayu* pun seolah-olah sengaja memperkenalkan watak rekaan Laksamana Hang Tuha sebagai cara untuk mengelak daripada menyebut nama Laksamana yang sebenarnya. Dalam pada itu pula, kisah perkelanaan watak yang dimitoskan itu pun menjadi cerita dalam sebuah cerita panjang, iaitu naratif utama *Sejarah Melayu* itu sendiri. Sambil itu, pengarang pun menceritakan pula kisah dan tindakan pegawai raja yang benar-benar bergelar Laksamana dengan tidak melanggar tabu nama. Dengan cara yang demikian, terdapatlah dalam *Sejarah Melayu* dua orang "Laksamana" dalam penceritaan semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah, iaitu seorang yang direka cipta oleh pengarang *Sejarah Melayu* sebagai bersifat khayalan dan seorang lagi yang merupakan orang yang memang benar-benar memegang jawatan Laksamana ketika watak mitos Hang Tuha itu sedang menempuh zaman keremajaannya.

Seyogia diingatkan lagi bahawa mitos wira yang diberikan nama gelar Tuha atau Toh itu hanyalah sebuah naratif yang bersifat alegori yang mencerminkan watak Laksamana yang benar-benar wujud, iaitu seorang yang berkualiti pemimpin dan merupakan ayam tambatan kepada sultan. Namun demikian, apabila Laksamana yang benar-benar wujud itu, yang memang mempunyai sifat kepemimpinan, seperti tercermin dalam pengertian istilah "tuha" dan "toh" sudah meninggal dunia, pengarang *Sejarah Melayu* telah pun mencipta karakter "Laksamana Khoja Hasan"

atau Khoja Husin[375] (mengikut ejaan nama yang berbeza dalam teks yang berbeza) sebagai pengganti watak mitos Laksamana Hang Tuha dan mungkin juga laksamana Melaka yang sebenarnya wujud yang dikatakan telah mati. Seyogia dimaklumkan, kata *khoja* atau *khojah* berasal daripada kata Arab dan Parsi *khawaja*. Dalam bahasa Arab, kata ini ialah nama panggilan, seperti Tuan atau Tuan Besar (*Lord*) untuk orang asing (Wehr 1993: 305). Dalam bahasa Melayu sebutan "khoja" berkemungkinan telah dipengaruhi oleh sebutan *khoja* dalam bahasa Gujerati.[376] Kewujudan golongan bergelar "khoja" di Melaka dapat dibuat inferens melalui kehadiran beberapa watak yang memakai gelar ini dalam *Sejarah Melayu*. Mereka pada umumnya berperanan sebagai saudagar, tetapi ada juga dalam kalangan mereka yang terlibat dalam kegiatan keagamaan dan tidak mustahil jika ada yang tampil sebagai pembesar dalam masyarakat Melayu. Sekalipun mereka itu bukan berasal Melayu, tetapi sebaliknya orang asing yang beragama Islam, sama ada dari India Utara atau Parsi (Wilkinson 1959(1): 594), mereka telah berasimilasi dengan orang Melayu melalui perkahwinan dengan wanita tempatan. Di sebalik takrifan yang diberikan untuk golongan khoja ini, saya berpendapat pengarang *Sejarah Melayu* yang bijaksana itu menyisipkan watak **Khoja**[377] Hasan atau Husin sebagai pengganti Laksamana Hang Tuha dengan tujuan yang khusus, tetapi dibuat dengan cara yang sangat halus.

Dalam kisah ke-29 (naskhah *Sulalat u's-Salatin* 1798 hanya mempunyai 30 kisah), pengarang dengan cara yang tidak ketara telah meluputkan karakter Laksamana Khoja Hasan, iaitu kononnya setelah dia didapati terlibat dalam komplot pembunuhan Bendahara Seri Maharaja lantaran dirasuah oleh Raja Mendeliar [*sic*], pengarang *Sejarah Melayu* telah menulis dalam bab tersebut dengan kata: "... dan Laksamana Khoja Hasan pun disuruh baginda rampas oleh dia berdatang sembah[378] tiada dengan periksanya." "Khoja" ini walau bagaimanapun, tiada dibunuh (*Sulalat u's-Salatin* 1798: f. clxxx). Dia dikatakan telah mati dalam bab terakhir *Sejarah Melayu* versi 1798 dan dikuburkan di Gunung Pentar (*Sulalat u's-Salatin* 1798: f. cxc).

Saya berpandangan bahawa penyisipan watak Laksamana Khoja Hasan sebenarnya mengandungi maksud yang halus oleh pengarang *Sejarah Melayu* kerana dalam konteks ingin menunjukkan kelemahan Laksamana yang satu ini dia telah menggunakan gelar *Khoja*, tetapi

dengan makna yang lain, iaitu seperti yang terdapat dalam bahasa Parsi. *Khoja* dalam bahasa Parsi bererti sida-sida (Steingass 2012: 482). Hujah saya diperkuat lagi apabila Laksamana Khoja Hasan dikatakan telah dikuburkan di gunung *pentar*. Penggunaan istilah *pentar* sebetulnya merupakan sebuah kiasan untuk laksamana yang lemah itu kerana *pentar* bererti lemah (suara) (Wilkinson 1959(2): 880). Pada fikiran saya, watak Laksamana Khoja Hasan ini pun hanya mitos kerana *khoja* atau sida-sida (salah satu makna lainnya dalam bahasa Parsi) ialah seseorang yang sudah dikembiri atau lumpuh, tidak bertenaga dari segi batinnya.[379] Metafora yang terkandung dalam kata "khoja" digunakan dengan tujuan untuk menunjukkan bahawa "laksamana" yang ini langsung tidak mempunyai ciri "tuha" atau "toh" – yakni pemimpin yang boleh dijadikan andalan (orang yang dipercayai) atau taruhan dalam pertempuran. Dalam konteks ini sekali lagi pengarang *Sejarah Melayu* menunjukkan kekreatifan berfikirnya, iaitu Laksamana ini tidak diberikan nama gelar generik Tuha atau Toh kerana dia bukan seorang wira yang asli.

Dalam kisah ke-29 *Sejarah Melayu*, Laksamana yang bergelar "khoja" itu ditunjukkan sebagai seorang yang mudah dirasuah. Setelah mematikan watak Laksaman Khoja Hasan itu, kebijaksanaan pengarang *Sejarah Melayu* terserlah lagi pada cara dia memulihkan gelaran Laksamana. Laksamana ini memang wujud hingga ke masa selepas penaklukan Melaka oleh Portugis. Akan tetapi, nama aslinya pun sebenarnya tidak diketahui. Namun begitu, pengarang *Sejarah Melayu* yang kreatif itu telah menamakan Laksamana itu "Laksamana Hang Nadim". *Nadim* dalam bahasa Arab bererti sahabat, teman yang rapat, atau teman tempat mengadu (Wehr 1993: 1117).

Sebelum munculnya nama gelar Laksamana Hang Nadim memang telah wujud watak yang juga bernama Hang Nadim yang dalam naskhah *Sejarah Melayu* versi Krusenstern diberikan peranan untuk melarikan Tun Teja anak bendahara Pahang untuk dibawa ke Melaka sebagai "persembahan" kepada Sultan Mahmud Syah. Tujuan Hang Nadim adalah untuk menebus kesalahannya kepada Sultan Mahmud Syah yang murka lantaran Hang Nadim lambat pulang ke Melaka setelah disuruh membeli kain di India. Penggunaan nama gelar "Laksamana Hang Nadim" pun adalah cara halus pengarang *Sejarah Melayu* menggantikan watak fiksyen Laksamana Khoja Hasan. Dari segi konsepnya, nama gelar Nadim memang persis seerti dengan nama "Lakshmana" dalam tradisi

Ramayana, iaitu dia merupakan sahabat karib yang setia kepada Seri Rama. "Nadim", walau bagaimanapun, tidak pula digambarkan sebagai Laksamana yang memiliki ciri "tuha" dan "toh". Kendati demikian, pengarang *Sejarah Melayu* secara halus jelas telah melanjutkan penggunaan istilah "Laksamana" itu dengan memilih perkataan Arab *Nadim*.

Kesahihan sejarah tentang wujudnya jawatan Laksamana dalam sistem pemerintahan kerajaan Melayu Melaka telah pun dinyatakan di atas. Jawatan ini seterusnya dilihat kekal pada zaman Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah. Hal ini dibuktikan oleh dua pucuk surat yang ditulis pada tahun 1480 dan 1481, iaitu masa penghujung pemerintahan Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah. Dua pucuk surat itu telah dikirim kepada Yang Dipertuan Raja Ryukyu[380] oleh seorang yang menamakan dirinya "Laksamana" (Hsu Yun-Tsiao 1968: 11-12 dan Kobata dam Matsuda 1969: 119-120). Laksamana yang namanya dirahsiakan itu telah menyatakan bahawa kedua-dua surat itu dikirim bagi pihak sultan Melaka. Surat pertama bertarikh "Hari ketiga, purnama ketiga, tahun ke-16 pemerintahan Raja Ch'eng-Hua" (Ch'eng-hua 16/3/2)[381] (lihat Hsu Yun-Tsiao 1968: 12), berbunyi:

> Surat Laksamana Melaka dengan takzimnya mengadap Duli Yang Maha Mulia Raja Ryukyu.[382] Patik ingin memaklumkan bahawa kapal diraja Seri Paduka "Puh Cheh Ta" itu telah mengalami kecelakaan di Laut Annam dan anak-anak kapalnya yang terdampar di pantai telah berperang dengan orang-orang Chiao-chih (kawasan utara Annam). Setelah menerima berita itu, maka patik Laksamana pun menghantar orang dengan perahu ke negeri Chan-ch'eng (Campa, Annam) dan setelah diperiksa didapati hanya dua orang yang terselamat di Campa. Oleh sebab mengambil masa yang terlalu lama, maka seorang daripada mereka itu telah meninggal dunia. Maka sekarang Duli Yang Dipertuan Raja Ryukyu telah menghantar ke mari seorang duta, seorang jurubahasa bernama Cheng Luoh,[383] dan lain-lainnya untuk berniaga, dan sesudah itu mereka pun pulang dengan selamatnya. Oleh sebab patik Laksamana adalah hamba kepada Seri Paduka Yang Dipertuan Raja Melaka, dan pada masa yang sama juga hamba kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja negeri Ryukyu, maka orang itu dikirimkan pulang kepada duli tuanku berserta dengan surat untuk memohon ihsan tuanku supaya dapat menganugerahkan sebilah pedang, sebuah perisai besi[384] dan sebuah pelana. Patik hamba Duli Yang Dipertuan yang sentiasa berada di sini akan terus selama-lamanya memberikan khidmat yang sepenuh hati pada setiap tahun

kepada kapal-kapal dagang seri paduka tuanku sebagai membalas budi baik tuanku.[385]

Satu lagi surat yang tarikhnya bersamaan 1481 M., tetapi haribulannya tidak dicatat, kecuali bulannya, iaitu "purnama kedua tahun ke-16 Ch'eng Hua",[386] menunjukkan juga ditulis oleh Laksamana atas nama Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah. Surat ini walau bagaimanapun, lebih berupa warkah yang memuji kebesaran Raja Ryukyu sambil menyatakan ketibaan utusan dan jurubahasa yang membawa hadiah. Surat itu memaklumkan bahawa pedagang Ryukyu itu dibenarkan berniaga di Melaka tanpa sebarang gangguan. Mereka pun telah dianugerahkan minuman arak berwarna yang bermutu dan kemudiannya dibenarkan kembali ke negeri mereka. Bahawa surat-surat ini diakhiri dengan tandatangan "Laksamana" menunjukkan bahawa status jawatan Laksamana pada zaman itu adalah tinggi, kerana orang yang memegang jawatan itu telah diberikan kepercayaan menulis bagi pihak Raja Melaka.

Namun demikian, terdapat sepucuk lagi surat daripada Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah. Surat ini tidak menyatakan siapa penulisnya, tetapi dikirimkan bagi pihak sultan pada tarikh 16/2/ (iaitu purnama kedua tahun ke-16 Ch'eng-hua) bersamaan tahun 1480 M. Dalam surat tersebut Sultan 'Alauddin juga menghadapkan surat kepada "Seri Paduka 'ayahanda' Raja Ryukyu" dan menyatakan harapannya agar diterima dengan ikhlas beberapa barang hadiah yang dikirimkannya kepada Raja Ryukyu itu. Pada penghujung surat itu dinytakan bahawa ditulis bagi pihak raja, tetapi tidak dinyatakan daripada siapa. Penulis, seperti Kobata dan Matsuda menganggap surat ini telah ditulis oleh seorang Laksamana. Akan tetapi, saya fikir, ini tidak mungkin, sekalipun kelihatanya ditulis sebelum dikirim surat kedua yang menyebut "Laksamana" sebagai penulisnya. Alasan Kobata dan Matsuda ialah bahawa Laksamana ialah nenda Sultan 'Alauddin kerana bondanya kononnya ialah anak Laksamana. Maklumat ini diperoleh daripada sumber Portugis yang menyebut Sultan Mansur Syah memperisterikan anak seorang Laksamana (Birch 1880: 83). Akan tetapi, menurut teks *Sulalat u's-Salatin* isteri pertama Sultan Mansur Syah ialah anak Seri Nara Adiraja yang bernama Tun Putih Nur Polam [*sic*]; isterinya yang kedua (yang bukan gundik) ialah Puteri Unang Seri dari Pahang yang beranakkan Raja Ahmad dan Raja Muhammad. Walaupun tidak dinyatakan siapa ibu Raja Husin yang kemudiannya bergelar Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah, ada kemungkinannya dia anak Tun Putih Nur

Polam [*sic*] atau cucu Seri Nara Adiraja; atau mungkin pula dia cucu Laksamana yang namanya dirahsiakan jika sumber Afongso Dalboquerque dapat dipercayai (lihat Kobata dan Matsuda 1969: 119, nota 36).

Oleh sebab nama penulisnya tidak disebutkan lantaran mematuhi pantangan, besar kemungkinannya surat tahun 1480 pertama yang ditulis atas nama 'Alauddin itu telah dibuat oleh Bendahara Paduka Raja dan bukannya Laksamana kerana menurut hierarkinya Bendahara Paduka Rajalah pembesar yang terkanan selepas raja. Surat ini sangat menarik kerana menyingkap maklumat yang terselindung tentang Raja Melaka waktu surat itu dikirimkan. Dalam surat itu, Sultan 'Alauddin menyatakan kepada Raja Ryukyu yang dipanggilnya "ayahanda" bahawa dia naik takhta pada usia yang sangat mentah, iaitu enam tahun.[387]

Walaupun seperti yang telah dijelaskan bahawa nama sebenar Laksamana Melaka tidak mungkin diketahui, penulis seperti Kobata dan Matsuda, dan terakhir John Miksic (2012) masih mengandaikan nama Laksamana dalam dokumen Ryukyu itu ialah Hang Tuah [*sic*]. Pandangan mereka, walau bagaimanapun, hanyalah agak-agakan kerana mereka dipengaruhi oleh kisah fiksyen dalam naskhah *Sejarah Melayu* dan juga terutamanya, epik fiksyen sejarah *Hikayat Hang Tuah* yang menyebutkan Hang Tuah [*sic*] sebagai nama orang yang berpangkat Laksamana. Namun begitu, sehingga kini, tiada apa-apa bukti yang menunjukkan bahawa nama Laksamana yang hidup pada zaman Sultan Mansur Syah dan 'Alauddin Ri'ayat Syah itu dinyatakan. Bahawa pantangan menyebut nama Laksamana itu memang berlaku jelas tidak boleh disanggah. Sesiapa pun yang mengatakan namanya ialah Hang Tuah [*sic*] jelas tersilap. Kendatipun demikian, seperti yang telah disebut di atas, Laksamana ialah jawatan yang benar-benar wujud dalam hierarki pemerintahan kesultanan Melaka dari abad ke-15 hingga ke-16. Oleh sebab itu, kewujudan seorang yang bergelar "Laksamana" seperti yang dilakarkan dalam *Sejarah Melayu* memang boleh diakui dan bahkan, dapat dibuktikan ketulenannya berdasarkan sumber lain daripada *Sejarah Melayu*. Akan tetapi, oleh sebab kepercayaan orang Melayu kepada "semangat" masih kuat dianuti pada ketika *Sejarah Melayu* itu ditulis, maka pengarang, lantaran berpegang kepada pantangan memberikan nama orang besar-besar Melaka yang diketahuinya telah tidak memberikan nama Laksamana. Sebaliknya pula, nama samaran yang bersifat generik, seperti "Hang Tuha" atau "Hang Toh" telah

diciptakan untuk watak mitos yang dikaitkan dengan rombongan Sultan Mansur Syah melawat Majapahit dan kisah pertikaman Hang Tuha dengan Hang Kesturi.

Bahawa jawatan Laksamana itu memang wujud pun disebutkan oleh sumber Portugis. Pada masa pemerintahan Sultan Mahmud, sekitar tahun 1490, apabila Siam cuba menyerang Melaka dengan menghantar angkatan lautnya yang terdiri daripada 100 buah kapal layar, Laksamana Melaka, menurut sumber itu, telah dihantar untuk menghalang kemaraan angkatan laut Siam itu di tempat yang bernama Pulau Pisang,[388] dan dia berjaya menumpaskan angkatan Siam. Namun begitu, kita pun tidak mungkin tahu nama sebenar Laksamana pada zaman itu. Selepas peristiwa itu tiadalah Siam datang menjarah lagi sampailah masa Portugis menduduki Melaka 22 tahun kemudian (Birch 1880(3): 81).

Walaupun pandangan umum mengatakan Laksamana ialah sang penguasa di laut, berdasarkan peranannya, seperti yang dilakarkan oleh pengarang *Sejarah Melayu*, dia sebetulnya seorang panglima turus kesultanan Melaka, meskipun pertahanan laut Melaka juga terangkum dalam bidang tugasnya. Sebagai hulubalang besar, dia juga boleh berperanan sebagai wakil raja. Seperti yang telah disebutkan, kebolehannya sebagai utusan raja diceritakan dalam kisah ke-22 *Sulalat u's-Salatin* naskhah 1798. Menariknya, kisah Laksamana dihantar oleh Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah (r. 1477 - 1481) mula-mula ke Pahang untuk menyelesaikan masalah Sultan Muhammad Syah yang mengingkari Melaka dengan bertindak membunuh Telanai Terengganu yang mengadap ke Melaka tanpa memberitahu Raja Pahang itu, dan kemudiannya ke Siak[389] untuk menegur rajanya, Sultan Ibrahim dengan keras kerana telah bertindak menghukum bunuh orang tanpa memberitahu kepada Melaka, ialah kejadian yang memang masuk akal dan lantaran itu sangat mendekati kebenaran.[390] Seyogia pula diingatkan, dalam beberapa kisah dalam *Sejarah Melayu*, iaitu seperti kisah ke-15 (Laksamana berlawan dengan Semerluki),[391] kisah ke-18 (peristiwa Raja Pasai, Sultan Zainal Abidin kehilangan takhta),[392] kisah ke-20 (Melaka menyerang Haru),[393] kisah ke-21 (perkara pembunuhan Telanai Terengganu),[394] dan kisah ke-23 (hasrat Raja Melaka meminang Puteri Gunung Ledang),[395] nama Laksamana memang tiada disebutkan. Akan tetapi, walaupun nama Laksamana tidak diketahui, peranan orang

yang memegang jawatan Laksamana itu tetap penting dalam sejarah kesultanan Melaka.

Bukti sahih bahawa Laksamana Melaka pun pernah mewakili Sutan 'Alauddin Ri'ayat Syah untuk berutus surat dengan Raja Ryukyu pada sekitar tahun 1480 dan 1481, seperti yang dibincangkan di atas, menunjukkan betapa berwibawanya jawatan Laksamana itu seperti juga berwibawanyan Seri Bija Diraja yang diarahkan oleh Sultan Mansur Syah untuk pergi ke Pahang untuk merajakan Raja Muhammad sebagai Sultan Pahang seperti yang ceriterakan dalam *Sejarah Melayu* (*Sulalat u's-Salatin* 1798: f. cx: 2). Bagi sejarawan yang berminat kepada tatanegara kesultanan Melaka jawatan orang yang bergelar Laksamana atau Seri Bija Diraja, tentulah menarik perhatian kerana kedua-duanya merupakan hulubalang yang diberikan kepercayaan oleh raja yang menunjukkan hakikat bahawa dalam mewakili Sultan, wibawa itu tidak semestinya diletakkan pada Bendahara sahaja, yang biasanya ditugaskan atau diberikan kepercayaan untuk mewakili Raja Melaka dalam mengambil sesuatu tindakan diraja. Hal ini juga tampak jelas dalam peranan Laksamana menjalinkan hubungan dengan Raja Ryukyu itu.

Usia Laksamana

Bahawa Laksamana Melaka, yang menurut *Sejarah Melayu* telah berkhidmat sejak Mansur Syah menjadi sultan (1458/59 - 1477) hingga ke masa pemerintahan Mahmud Syah (1481 - 1511) dapat dianggap sebagai fakta sejarah yang boleh dibuktikan. Afonso Dalboquerque dalam ulasan yang dibuatnya selepas penaklukan Melaka pun ada menyebut seorang yang bergelar "*Lassamane*" yang melarikan diri ke Singapura dan tinggal di pulau itu lantaran menyangka Raja Melaka telah hilang selepas kejatuhan Melaka. Afonso Dalboquerque menggambarkan Laksamana itu sebagai seorang yang "berusia 80 tahun, seorang soldadu yang kawakan, memiliki nama yang baik dan sangat berpengetahuan" (Birch 1880(3): 90). Namun demikian, jika anggaran Dalboquerque tentang usia Laksamana itu sudah 80 tahun pada tahun 1511,[396] maka ini bermaknalah pada tahun 1490, ketika Laksamana Melaka itu mengusir angkatan Siam (seperti yang disebutkan oleh sumber Portugis yang sama), dia sudah pun berusia sekurang-kurangnya 70 tahun, suatu kemungkinan yang sangat diragukan. Lagipun, harus ditanyakan: Bolehkah seorang lelaki Melayu berpangkat Laksamana pada zaman kejatuhan Melaka di tangan Portugis itu mencecah usia sampai 80 tahun?

Kendati demikian, seandainya apa yang didakwa oleh Afonso Dalboquerque itu betul, maka hal itu pastilah sesuatu yang luar biasa bagi orang Melayu yang usianya boleh menjangkau 80 tahun pada zaman abad ke-16.

Berdasarkan makumat daripada sumber Portugis itu, John Miksic pun mengagak usia Laksamana Melaka ketika Portugis mula-mula tiba di Melaka pada tahun 1509 itu ialah 80-an, dan lantas dia membuat spekulasi bahawa laksamana itu lahir kira-kira pada tahun 1425.[397] Selanjutnya, Miksic juga menduga pada tahun 1481 ketika dia menulis surat kepada Raja Ryukyu itu Laksamana itu pastilah sudah berusia 56 tahun.[398] Telahan Miksic ini agak munasabah juga – kecuali apabila dihitung usia Laksamana itu menjelang tahun 1490. Jika hitungan dibuat, maka berertilah ketika Laksamana Melaka itu menghalang tentera Siam di Pulau Pisang pada tahun 1490 itu dia pastilah telah mencapai usia kira-kira 65 tahun, bahkan mungkin lebih tua daripada itu jika berdasarkan agakan Dalboquerque. Usia yang selanjut itu tentulah tidak munasabah bagi hulubalang yang pergi berperang.

Tidaklah mustahil jika usia Laksamana itu pada tahun 1490 lebih muda lagi, barangkali dalam lingkungan 60 tahun sahaja. Jika demikian, lebih masuk akal jika tarikh kelahiran Laksamana itu diletakkan sekitar tahun 1430, iaitu pada zaman pemerintahan Seri Maharaja atau Sultan Muhammad Syah (r. 1423/24 – 1444/45), dan peristiwa pelanggaran Siam di Pulau Pisang itu berlaku ketika Laksamana itu mencecah usia yang tidak terlalu tua. Ini juga bererti tatkala Laksamana itu berhubung dengan Raja Ryukyu bagi pihak Sultan 'Alauddin Ra'ayat Syah, dia haruslah telah berusia 51 tahun, satu usia yang masuk akal juga. Secara tidak langsung, dapat pula dianggarkan usianya pada tahun 1460 ketika dia menjadi Laksamana, Sultan Mansur Syah, iaitu sekitar 30 tahun.

Kendati demikian, walau apa pun cara dibuat untuk mengagak usia Laksamana yang namanya disembunyikan itu, persoalan tarikh kematiannya masih tetap wujud kerana *Sejarah Melayu* menyatakan dia meninggal dunia lama sebelum kejatuhan Melaka. Dalam kisah ke-24, *Sulalat u's-Salatin* (1798: f. clv), pengarangnya dengan jelas menulis: "Maka Laksamana Hang Tuha pun matilah. Maka Khoja Husinlah [*sic*, Hasan] jadi Laksamana menggantikan mentuanya". Kematian yang disebutkan oleh pengarang *Sejarah Melayu* itu berlaku memang sebelum kedatangan Portugis ke Melaka. Walaupun nama Hang Tuha yang disebutkan, tetapi secara berkias, pengarang juga merujuk kepada

Laksamana yang benar-benar wujud. Walaupun penaksiran usia yang dibuat oleh Portugis itu hanya spekulatif sifatnya, iaitu bahawa Laksamana Melaka itu sudah gaek pada ketika Portugis baru menakluki Melaka, dan telahan ini seolah-olah menandakan bahawa Laksamana yang sebenarnya itu belum lagi meninggal dunia, penaksiran spekulatif itu tidak dapat memastikan secara sah, sama ada Laksamana yang dinyatakan oleh Afonso Dalboquerque itu benar-benar Laksamana yang lahir pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Syah. Oleh hal yang demikian, tidaklah pula mustahil jika Laksamana yang hidup pada zaman Sultan Mansur Syah dan Sultan 'Alauddin itu pun telah meninggal dunia pada masa pemerintahan Sultan Mahmud Syah, iaitu sekitar tahun 1490-an, dan namanya pun tidak diketahui. Oleh sebab itu, jika memang Laksamana itu tiada lagi wujud menjelang kedatangan Portugis ke Melaka, maka pastilah dia telah digantikan oleh orang lain, seperti yang disebutkan dalam *Sejarah Melayu*; tetapi Laksamana itu tidaklah semasyhur Laksamana pada zaman Sultan Mansur Syah dan Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah. Dia dianggap seorang yang lemah oleh pengarang *Sejarah Melayu* dan kemungkinan besarnya juga usianya ketika diangkat menjadi Laksamana sudah sangat lanjut.

Namun begitu, walau apapun spekulasi yang dibuat, menurut tulisan yang disebut "ulasan Afonso Dalboquerque" itu, tidak berapa lama selepas tentera Portugis menduduki Melaka, Laksamana itu dilaporkan telah turun ke Sungai Muar dan menghantar permohonan untuk mendapatkan jaminan suaka atau pelindung serta menyatakan keinginannya untuk kembali ke Melaka dan memberikan khidmat kepada raja Portugal. Akan tetapi, meskipun Afonso Dalboquerque telah memberikannya surat jaminan pelindung yang dipintanya itu, dia tidak pula jadi pulang ke Melaka. Dalboquerque mengesyaki Laksamana itu tidak jadi berbuat demikian kerana ada orang Melaka yang telah menulis surat kepadanya bagi menghalangi dia daripada kembali ke Melaka lantaran (menurut sumber Portugis itu), mereka mempunyai kepentingan peribadi yang diharapkan daripada Afonso Dalboquerque. Menurut Dalboquerque, mereka itu pun bimbang jika Laksamana "yang mempunyai kebolehan yang luar biasa" itu akan dipergunakan oleh Portugis dalam mengurus pentadbiran negeri Melaka (Birch 1880(3): 90). Namun, suatu hal yang perlu diwaspadai ialah bahawa tanggapan orang Eropah terhadap usia orang Asia, khusunya Melayu, tidak selalunya betul; ada kecenderungan bagi mereka untuk meletakkan usia yang lebih

lanjut bagi orang Asia. Malahan, menurut sumber Portugis itu juga orang tua itu masih lagi berwibawa untuk menasihatkan dua buah kapal dagang dari Ryukyu yang singgah di perairan Singapura sebelum ke Melaka, agar berlabuh terlebih dahulu di Singapura sementara menaksir keadaan di pelabuhan yang telah jatuh ke tangan Portugis itu (Kobata dan Matsuda 1969: 126).

Penutup

Pendapat yang dipegang sehingga kini bahawa Hang Tuah [*sic*, Hang Tuha] ialah nama pahlawan Melayu yang gemilang ternyata silap kerana bukan sahaja ejaan Jawi untuk kata "Tuha" telah tidak dibaca dengan betul, tetapi yang menyebabkan dakwaan itu lebih mustahil lagi bagi sesiapa pun pada zaman sekarang untuk mengetahui nama Laksamana Melaka kerana pengarang *Sejarah Melayu* sangat mematuhi adat pantang larang dalam penyebutan nama pembesar. Nama Tuha pun sebenarnya hanyalah satu nama gelar. Mitos Laksamana Hang Tuha dengan petualanganya pun hanyalah sebuah kisah mitos yang telah dicipta oleh pengarang *Sejarah Melayu* dengan maksud untuk menyembunyikan nama sebenar hulubalang yang berjawatan Laksamana, dan untuk pengarang mereka sebuah cerita yang disisipkan dalam cerita yang utama tentang Raja-raja Melaka. Oleh yang demikian, tidak akan mungkin sesiapa pun mengetahui nama sebenar Laksamana Melaka semata-mata kerana pantangan yang wujud dalam masyarakat Melayu zaman dahulu menyebut nama seorang orang besar, seperti Laksamana itu.

Hingga kini, apabila orang berbicara tentang wira Melayu Hang Tuha, mereka berbicara secara emosional tanpa menggunakan logik, memikirkan kemunasabahan cerita dan tanpa penakkulan minda yang tajam. Mereka juga tampaknya terkeliru memahami perbezaan antara apa yang disebutkan sejarah dengan apa yang dinamakan kesusasteraan. Oleh sebab itu, tidaklah menghairankan jika mereka pun gagal dalam mentafsirkan Hang Tuha sebagai watak sastera dan bahawa bukannya tokoh sejarah. Dalam percubaan memahami sejarah wira Melayu pada zaman kesultanan Melaka, haruslah disedari bahawa yang dapat menepati makna wira itu ternyatalah bukannya Hang Tuha atau Hang Toh – apatah lagi Hang Tuah – tetapi Laksamana, yang nama sebenarnya tidak diketahui, seperti orang tidak pernah mengetahui nama sebenar Seri Bija Adiraja. Apabila Laksamana Hang Tuha dikatakan telah mati dalam *Sejarah Melayu*, dan dia digantikan oleh Laksamana Khoja Hasan

yang juga nama yang dimitoskan, dan terakhirnya pula Laksamana dikatakan bernama Hang Nadim, maka dengan penuh kehalusan dan misterinya pengarang *Sejarah Melayu* itu cuba menyembunyikan nama sebenar orang yang berjawatan Laksamana itu sampai ke akhir pemerintahan Raja Melaka kerana nama itu adalah rahsia. Apabila Laksamana Hang Nadim disebutkan, nama itu hanyalah satu penampilan metafora oleh pengarang *Sejarah Melayu* yang kreatif kerana perkataan "nadim" dalam bahasa Arab bererti sahabat karib atau orang kepercayaan, atau teman yang rapat – yakni cocok dengan sifat Laksamana yang menjadi penakawan atau "penghulun" yang setia kepada raja – persis menggambarkan watak "Lakshmana" dalam *Hikayat Seri Rama* dalam tradisi *Ramayana.*

318 Winstedt dan van der Tuuklah antara sarjana yang mula-mula menyerlahkan pengaruh cerita Panji terhadap karya klasik Melayu, termasuk *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* [*sic*]. Lihat Winstedt (1977: 53 – 69).

319 Lihat Bab VII yang berikut.

320 Terjemahan bebas. Lihat http://biography.yourdictionary.com/leopold-von-ranke.

321 Dua versi kuno *Hikayat Seri Rama* yang diketahui ialah naskhah yang disimpan di perpustakaan Bodleian, Universiti Oxford yang diterbitkan oleh W. G. Shellabear pada tahun 1915 (285 hlm.) dan naskhah yang yang dikaji oleh Roorda van Eysinga dan diterbitkan pada tahun 1843. Naskhah di perpustakaan Bodleian itu diserahkan oleh Archbishop Laud pada tahun 1633, manakala versi yang diresensi oleh van Eysinga itu diterbitkan semula di Betawi oleh Balai Pustaka pada tahun 1938 (256 hlm.).

322 Menurut Siti Hawa Salleh, yang menyetujui tarikh yang disarankan oleh Sutrisno (1983: 67), seperti yang dipetik Kratz (2000), *HHT* mungkin telah ditulis antara 1676 – 1700 (Siti Hawa Salleh 2012: 22).

323 Bahasa Jawa Kuno (juga disebut bahasa Kawi) telah melalui perkembangan berabad-abad lamanya, seperti terbukti dengan penemuan batu bersurat yang bertarikh 804 M. di Sukabumi. Bahasa ini menjadi bahasa kesusasteraan hingga abad ke-15 (Zoetmulder 1983. 3-5).

324 Menurut Poerbatjaraka dan Tardjan Hadidjaja, bahasa Jawa Kuno yang menjadi bahasa sastera untuk naskhah, seperti *Ramayana*, *Arjunawiwaha*, *Bharatayuddha* dan lain-lain seumpamanya, hanya bertahan hingga waktu Singhasari didirikan. Selepas itu, orang Jawa menggunakan bahasa Jawa Tengahan. Bahasa ini berkembang pada zaman Majapahit dan menjadi bahasa awam. Akan tetapi, bahasa Jawa Kuno, walau bagaimanapun, masih digunakan untuk menghasilkan kitab-kitab (lihat Poerbatjaraka dan Tardjan Hadidjaja 1957: 72-73).

325 Kata "lukaiwa" atau "lukéwa" berasal daripada kata dalam bahasa Jawa Kuno *luké* atau *lukai*. Kata ini dieja l/k/y/w [لكيو] oleh pengarang *Sejarah Melayu.* Lihat *Sulalat u's-Salatin* (1798: f. 168: 2), iaitu kisah Laksamana [Khoja Hasan] membunuh Tun Perpatih Hitam dengan pedang lukaiwa dalam kisah ke-27). Shellabear dalam kisah ke-31 (1957: 199-200) menulisnya "Lakiwa".

326 Po Dharma *et. al.* (1998: 129 (teks), para 128).

327 Dalam semua versi tua *HHT* ejaan Jawi yang digunakan ialah [توه , t/w/h], tetapi versi atau salinan yang lebih baharu mengeja nama ini sebagai [تواه , t/w/a/h]. Lihat misalnya, *Hikayat Hang Tuah* [*sic*] terbitan Djambatan/Gunung Agung, Djakarta, 1960. Dalam naskhah *HHT* yang kononnya ditulis oleh "Tun Kola" iaitu naskhah yang kini tersimpan di Perpustakaan Negara, ejaan Jawi [تواه] (t/w/a/h) digunakan pada halaman pertama, tetapi di tempat-tempat lain ejaannya t/w/h. Berdasarkan ejaan beberapa perkataan dalam teks, saya yakin naskhah ini telah disalin pada awal abad ke-20.

328 Siti Hawa Salleh (2012: 396) jelas tersilap apabila membaca kata "tuan" sebagai "tuah" dalam ayat: "Maka Tuan Syekh itu pun terlalu sukacita seraya berkata, 'Sungguhlah tuahnya anak kepada aku'." Bandingkan dengan bacaan yang betul oleh Kassim Ahmad (1964: 308). Lihat juga *Manuscript 23 HHT*, naskhah yang tersimpan di Perpustakaan Universiti Malaya (t.t.: folio 240) yang menyebut, "Sungguhlah tuan anak kepada aku."

329 Lihat Skeat (1967 [1900]: 579). Semangat boleh hadir di dalam tubuh manusia, haiwan, sayur-mayur, galian, dan apa-apa sahaja benda, termasuk bukit dan gunung, sungai, laut dan benda-benda lain yang keras dan cair. Semangat boleh dipengaruhi, dipujuk, dan ditangkap, ditundukkan oleh orang yang mempunyai kuasa magik, seperti pawang.

330 Tabu ialah istilah Polinesia yang membawa makna ajaran (*precept*) negatif, iaitu bertentangan dengan ajaran positif, seperti mantera, jampi dan azimat (lihat Frazer 1976 [1936]). Menurut Frazer, "doktrin tabu ialah penggunaan khusus apa yang disebut *sympathetic magic*. Masyarakat yang percaya kepada tabu menganggap tabu mengawal atau menyelaraskan jalannya alam semula jadi yang tidak dapat ditentukan oleh kehendak manusia". Penganut doktrin tabu percaya jika orang bertindak dengan cara yang tertentu, maka sesuatu malapetaka akan berlaku (Gaster 1964: 46-47).

331 Seyogia diingati, nama asal Sultan Muzafar Syah ialah Raja Kasim. Demikian juga nama asal Sultan Mansur Syah ialah Raja Abdullah dan nama Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah sebelum dia menjadi raja ialah Raja Husin. Walau bagaimanapun, satu kekecualian yang terdapat ialah pada nama Raja Muhammad anak Sultan Mansur Syah yang 'dibuang' ke Pahang lantaran dianggap tidak layak menjadi raja Melaka. Dia telah dirajakan oleh Seri Bija Diraja atas arahan Sultan Mansur Syah sebagai Sultan Muhammad Syah. Pengekalan namanya (walaupun dengan tambahan gelar Syah) barangkali kerana namanya sama dengan nama Nabi dan ia membawa erti "yang terpuji". Juga dalam *Sejarah Melayu* didapati pada tempat-tempat tertentu nama raja yang telah mangkat disebut marhum, seperti "Marhum yang mangkat di Aceh" (*Sulalat u's-Salatin* 1798: f. iii) atau "Marhum Kampar" Raffles MS. No. 18 (kisah ke-28). Yang pertama merujuk kepada Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah Johor yang kononnya mangkat di Aceh, dan yang kedua merujuk kepada Sultan Mahmud Syah yang mangkat di Kampar. Tentang penggunaan Marhum" lihat Skeat (1967: 35-36).

332 Terjemahan bebas saya daripada petikan yang dibuat oleh Gary F. Simons (1982: 161).

333 Di Tahiti pun menurut Frazer, sebarang kata yang hampir menyerupai nama asal raja yang naik takhta, termasuk bunyi sebutan nama raja itu, akan terpaksa diubah.

334 *Mésa* dalam bahasa Kawi bererti kambing jantan (Zoetmulder 2000(1): 667 dan Mardiwarsito 1981: 349). *Mésa* (bukan Misa) daripada Sanskrit *Mesha* adalah melambangkan bintang rasi zodiak yang pertama.

335 Untuk menyatakan kebahagiaan (menurut ertinya sekarang ini) istilah yang digunakan dalam *Sejarah Melayu* dan *HHT* serta *Hikayat Seri Rama* ialah "sukacita".

336 Sungguh ironik apabila Francois Valentijn (1666-1727), yang menerbitkan karya besarnya, *Oud en Nieuw Oost-Indien* pada tahun 1724, menamakan naskhah Melayu dalam simpanannya itu "*Kitab Hantoea*" (Teuku Iskandar 1996: 292-293).

337 Berpengalaman lantaran sangat tua.

338 Lihat de Casparis (1956: 33 dan 43 – 44). Cf. Bambang Utomo dan Nik Hassan Shuhaimi (2009: 23).

339 Kata yang digelapkan adalah disengajakan demi penegasan.

340 Ayat ini terdapat dalam satu episod *Sejarah Melayu* yang mengisahkan betapa Bendahara Melaka berasa tertekan apabila pertempuran orang Melaka dengan Pasai memperlihatkan kebuntuan. *Kukulu* dalam bahasa Sunda bererti yang pertama, manakala *priya* ialah kata Kawi yang bermakna orang yang dicintai, atau kekasih. Kata *ambah-ambahan* berasal daripada kata *kambahan* yang dalam bahasa Kawi membawa erti menyerbu atau menyerang secara besar-besaran (lihat Hardjadibrata 2003: 453; lihat juga Zoetmulder (2000(1): 29 dan 865).

341 Menurut ahli arkeologi Profesor Nik Hassan Shuhaimi, istilah *Hang* mengandungi erti seseorang yang ahli, pandai atau tukang. Komuniksai peribadi dengannya.

342 Lihat Schnitger (1937: 31-32).

343 Juga disebut *Po*, seperti dalam kata "Po Awang".

344 Perkataan yang hurufnya digelapkan memang saya sengajakan.

345 Tentang penyertaan Hang Tuha dalam rombongan Sultan Mansur Syah ke Majapahit lihat halaman-halaman yang di bawah.

346 Pengarang *Sejarah Melayu* walau bagaimanapun, menyebutkan Hang Tuha meninggal dunia sesudah kisah kembalinya Hang Nadim dari Selan. Kononnya Laksamana ini telah digantikan oleh "menantunya", Laksamana Khoja Hasan. Lihat *Sulalat u's-Salatin* (1798: f. clv dan clxvii:2). Tentang mengapa dia diberikan nama "Khoja" oleh pengarang *Sejarah Melayu* lihat hujah yang di bawah.

347 Gelar "Adiraja" kadang-kadang diringkas menjadi "Diraja" sahaja.

348 "Khoja" adalah dari kata Parsi *khwaja* yang berupa gelar seseorang yang mulanya dipakai di India atau di Asia Barat. Gelar khwaja sama dengan "Encik", Tuan" atau "Tuan Besar". Tetapi penggunaan nama gelar Laksamana Khoja Hasan mempunyai erti dan maksud yang lain bagi pengarang *Sejarah Melayu*. Hal ini akan dibincangkan di bawah.

349 Lihat perbincangan tentang pekara ini di bawah.

350 Seperti dieja dalam "Hikayat Naya Kusuma" (1700 [?]: 7). Lihat British Library MS 12391. Juga dieja Jerudeha, جرودها dalam versi *HCWP* C2, tahun 1787 simpanan British Library. Kata *juru dyah* dalam bahasa Jawa Kuno bererti pemimpin biduanda atau pemimpin pengiring raja (lihat Zoetmulder 2000(1): 431)

351 Lihat Noriah Mohamed (1992: 4).

352 *Prasandha* dalam bahasa Kawi bererti sanggup, sesuai, atau muafakat (lihat Prawiroatmodjo 1980: 606).

353 Akan dibincangkan lagi di bawah.

354 Majapahit wujud antara tahun 1293 dan 1520.

355 Tentang bahasa Jawa Tengahan lihat Poerbatjaraka dan Tardjan Hadidjaja (1957: 72-73).

356 Naskhah Panji Kuda Semirang yang disimpan di dalam koleksi Cohen Stuart itu adalah berupa sebuah salinan yang dibuat pada tahun 1832. Ada beberapa lagi naskhah cerita Panji yang tua usianya; antaranya ialah *Hikayat Cekel Waneng Pati* dan salinan yang ada di British Library bertarikh 1787. Satu lagi naskhah yang tersimpan di perpustakaan yang sama ialah *Hikayat Naya Kusuma* yang mungkin disalin antara awal abad ke-18 dan abad ke-19.

357 Angka lima melambangkan kekebalan dan mempunyai banyak tenaga-kuasa kerohanian. Lima ialah angka bagi elemen dalam kosmologi Hindu, iaitu tanah, air, api, udara, dan *ether* (ruang angkasa). Kosmos dan semua makhluk mengandungi lima elemen ini. Angka lima juga melambangkan lima deria yang dimiliki manusia. Dalam budaya Melayu pun angka lima ialah angka yang menentukan benda yang harus ada dalam upacara magis, dan ritual pengubatan. Dalam kalangan masyarakat Islam ada kepercayaan terhadap amalan membuat tangkal azimat, seperti yang terdapat pada amalan Syiah, iaitu apa yang disebut "Tangan Fatimah" yang melambangkan *panjtan* [pancatan?] yakni "lima orang" – Nabi Muhammad, Fatimah, Ali, Hasan dan Husin. Dipercayai, sebagai azimat, tangan Fatimah ini akan mengelakkan mata syaitan. Untuk selanjutnya, lihat Annemarie Schimmel (1993: 113-120).

358 Menurut *Hikayat Pandawa Lima*, seperti yang ditransliterasi oleh Khalid Hussain (1964: 2 - 4).

359 *Ibid.*

360 *Ibid.*

361 Konsep ini merujuk kepada pahlawan yang hebat. Menurut mitologi Hindu ini terdapat tujuh, delapan atau sembilan makhluk perkasa ternama yang hidup kekal abadi di bumi sepanjang tempoh Kali Yuga Hindu. Kemungkinan besar pengarang *Sejarah Melayu* telah mendapat konsep "ciranjiwin" daripada tradisi *Ramayana* dan *Mahabharata* serta cerita Panji. Lihat "Wikipedia bahasa Indonesia, ensiklopedia bebas. Lihat juga (https://id.wikipedia.org/wiki/Ciranjiwin) dan "Chiranjivis or Nine Immortals of Hindu Myhology" (http://archive.org/stream/Index_20130623_1440/index_djvu.txt). Cf. The Free Encyclopedia (https://en.wikipedia.org/wiki/Chiranjivi). Kesemuanya diakses pada 31 Julai 2015..

362 Singaravelu (1990: 227-239, dan 1993: 74-75 dan 1).

363 Wajar juga dinyatakan, ketika Hang Tuha memekis dengan berkata, "Laksamanalah pencabarnya," secara tidak langsung, menunjukkan bahawa orang lain yang bergelar "Laksamana" memang telah ada pada waktu kejadian itu.

364 Bajing atau Bajeng pada zaman sekarang ialah sebuah kecamatan di Kabupaten Gowa yang berada di provinsi Sulawesi Selatan. Menurut François Valentijn pada abad ke-17 dan ke-18 wilayah ini masih diperintah oleh raja.

365 Jika menurut versi *Sejarah Melayu* tersebut, ketika anak belasan tahun itu mengadap Sultan Mansur Syah selepas dia tiba di Melaka dari Makasar, dia pun telah diberikan gelar "Laksamana". Lihat M.S. Orient. No. 1706 (298) University of Leiden.

Menurut *Hikayat Hang Tuah* pula wira itu telah dinamakan "Laksamana" oleh betara Majapahit selepas dia berjaya membunuh Tameng Sari (Siti Hawa 2012: 197). Dalam satu episod lain dalam hikayat itu gelar "Laksamana" telah diberikan oleh Sultan Mansur Syah apabila hulubalang Melaka itu berjaya membawa Tun Teja ke istana untuk dijadikan isteri oleh sultan (Siti Hawa 2012: 283).

366 *Mampuh* dalam bahasa Sunda bererti kuat, mampu atau berkebolehan untuk menandingi, atau menyamai, atau berpengaruh (lihat Budi Rahayu 1996: 642 dan Hardjadibrata 2003: 519). Cf. Wilkinson (1959: 734). *Mampawah* berasal daripada kata "mempauh" yang bererti "mempelam pauh".

367 Lihat M.S. Orient No. 1706 (298), Perpustakaan University of Leiden. Juga M.S. Orient No. 1736 Leiden. Cf. Co. Or. 1026. Dalam semua manuskrip ini Hang Tuha dikatakan anak Raja Bajung (باجوڠ) [*sic*, Bajing]. Dalam manuskrip terakhir, Hang Tuha bertikam dengan Hang Jebat.

368 Lakshmana sendiri pun, menurut kepercayaan Hindu, memiliki satu perlapan kesucian dewa Vishnu dalam tubuhnya (lihat Dowson 1957: 175).

369 Lihat *The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque, Second Viceroy of India* (Birch, 1880: 89).

370 Masing-masing mewakili kaum tertentu, seperti Cina, Jawa, *Khambhat* atau Kambayat dari Gujerat dan Benggala.

371 Lihat Benjamin Khan (1983: 64 – 65).

372 Namun begitu, ada juga versi *HHT* yang menamakan sahabat yang dibunuh itu ialah Hang Kesturi (Siti Hawa 2012: 8), dan versi *Sejarah Melayu* pun ada yang menyebut Hang Tuha membunuh Hang Jebat. Lihat misalnya, M.S. Orient. 1706 (University of Leiden).

373 Nama ini diadaptasi daripada nama Betara Naya Kusuma, iaitu raja yang turun bersama-sama isterinya dari kayangan ke tanah Jawa untuk mendirikan kerajaan (*Hikayat Naya Kusuma* t.t.: 2). Namun begitu, dalam *Hikayat Carang Kulina* Raden Galuh Bali juga bernama Raden Galuh Cendera Kusuma (*HCK* 1994: 3).

374 Lihat isi kandungan dan terjemahan batu bersurat Kota Kapur (686 M.), batu bersurat Telaga Batu (abad ketujuh) dan batu bersurat Palas Pasemah (abad ketujuh) dalam Bambang dan Nik Hassan (2009: 19-20, 22-26, 29-30) dan de Casparis (1956: 32-36, 37-46).

375 Tentang mengapa nama Hasan dan Husin menjadi pilihan pengarang *Sejarah Melayu* sampai kini belum dapat dijelaskan. Seyogia diingati dua nama ini adalah nama yang popular dalam kalangan orang Syiah. Nama Hasan (dan kadang-kadang Husin) digunakan oleh pengarang *Sejarah Melayu* tahun 1798 seperti dalam kisah ke-23 apabila menyatakan nama anak Bendahara Seri Maharaja. Akan nama Raja Husin pula, ia secara jelas digunakan buat pertama kalinya dalam kisah ke-19 (iaitu sebagai nama asal Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah). Dalam kisah ke-22 pada masa pemerintahan Sultan Mahmud nama Hang Husin Jong disebut. Manakala dalam kisah ke-24, pengarang memberikan nama Patih Husin sebagai nama anak Patih Adam dengan Tun Manda. Dalam kisah ke-27 nama Tun Husin disebut sebagai anak Tun Perpatih Hitam yang dibunuh oleh Laksamana Khoja Hasan. Nama Khoja Hasan juga disebut buat pertama kalinya dalam kisah tersebut. Dalam kisah ke-28 nama Tun Hasan juga terdapat di Pasai. Dialah yang disuruh oleh raja Pasai untuk menjawab pertanyaan Tun Muhammad yang dihantar oleh Sultan Mahmud Syah bagi

mendapatkan penjelasan tentang perbezaan pandangan antara ulama *mawara'an nahar* dan *'alim Khurasan*. Dalam kisah ke-29 nama Tun Hasan Temenggung disebut sebagai salah seorang daripada empat orang pembesar yang dibunuh atas perintah Sultan Mahmud. Nama-nama ini tidak mungkin nama sebenar para pembesar itu kerana pantangan menyebut nama itu masih berlaku ketika *Sulalat u's-Salatin* disalin dalam abad ke-17 dan 18. Oleh itu sangatlah menarik untuk merungkai persoalan mengapa nama Husin dan Hasan dipilih oleh pengarang *Sejarah Melayu*.

376 Asal usul gelar "khoja" adalah bermula daripada panggilan untuk pengikut Syi'ah Ismaili Nizari Imam Islam Syah (1368-1423 M) di India. Walaupun ramai yang beraliran Syi'ah, ada juga anggota kaum khoja yang bermazhab Sunnah dan mereka ini memakai gelar Syekh. Selain menjadi saudagar, kaum khoja juga terkenal sebagai warak dan alim dan menjadi pendakwah Islam. Lihat (https://en.wikipedia.org/wiki/Khoja); diakses pada 10 Disember 2015.

377 Penggelapan kata *khoja* adalah disengajakan demi penegasan.

378 Yakni melaporkan kepada sultan bahawa bendahara merancang untuk menderhaka.

379 Dalam bahasa Benggali, kata *khoja* bererti seseorang yang mati pucuk atau lemah tenaga batin rujuk (http://bengalidictionary.in/meaning.php?id=6261&lang=Bengal); diakses pada 15 Julai 2015.

380 Kepulauan Ryuku yang dalam bahasa Jepun disebut *Ryūkyū-shotō* (Pulau-pulau Nansei) ialah rantaian pulau gunung berapi Jepun yang merentang mengahala ke barat daya dari Kyushu hingga ke Taiwan. Pulau-pulau itu terdiri daripada Ōsumi, Tokara, Amami, Okinawa, dan Sakishima (yang terbahagi kepada Pulau Miyako dan Yaema, diikuti dengan Yonaguni, iaitu pulau yang berkedudukan paling selatan. Pulau yang terbesar ialah Okinawa. Tatanegara (politi) Kepulauan Okinawa telah disatukan sebagai kerajaan Ryukyu pada tahun 1429.

381 Tarikh ini bersamaan dengan 11 April 1480.

382 Raja Ryukyu yang memerintah pada masa surat ini dikirim ialah Shang Chen (1478-1526) (Hsu Yun-Tsiao 1968: 3).

383 Tei Raku, menurut Kobata dan Matsuda (1969: 119).

384 Terjemahan untuk *armour* boleh juga bermaksud baju besi. Namun begitu, menurut pembacaan Kobata dan Matsuda, barang yang dipinta selain pedang dan pelana ialah alat untuk membaiki busur panah. Kobata dan Matsuda (1969: 119, nota 40).

385 Terjemahan bebas dengan berasaskan terjemahan bahasa Inggeris yang dibuat oleh Profesor Hsu-Yun-Tsiao dan juga Kobata dan Matsuda. Pada purnama ketiga (tanpa dinyatakan tarikh), pada tahun ke-16 pemerintahan Raja Ch'eng-Hua (1481) sekali lagi surat dari Melaka dikirim oleh "Laksamana" bagi mewakili Raja Melaka. Timbul pertanyaan di sini: Apakah mungkin sewaktu surat ini dikirim ke Ryukyu pada tahun 1481 itu Raja Melaka Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah sudah tiada lagi? Wajar diperhatikan bahawa surat dalam tulisan Cina ini juga telah dikirim tanpa tarikh yang lengkap.

386 Sejak tahun 1372 M. kerajaan Ryukyu menggunakan sistem kalendar Cina dengan tahunnya dinamakan dan dihitung menurut Maharaja China. Lihat *The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque*, Second Viceroy of India (Birch 1880: . xv, nota kaki).

387 Tentang usia pemerintahan Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah lihat Bab IV.

388 Sebutan Portugis "Pisao" tentulah merujuk kepada "Pisang". Akan tetapi, Pulau Pisang yang dimaksudkan tidak mungkin pulau yang berdekatan dengan Pontian Kecil, Johor, tetapi ialah tempat yang sekarang ini terletak di Kedah, iaitu kira-kira lapan kilometer dari Kubang Pasu. Pada abad ke-19 pun Pulau Pisang menjadi tempat pertempuran orang Kedah dengan Siam. Nama Pulau Pisang wujud pada abad ke-15 seperti yang disebutkan dalam sumber berupa carta China, *Wu pei chih* (Wheatley 1957: 120).

389 Lihat kisah ke-21 naskhah *Sulalat u's- Salatin* (1798: f. cxxx:2 – f. cxxxi).

390 Dalam kisah laksamana pergi ke Siak itu hanya sekali nama Hang Tuha (atau Hang Toh) disebutkan. Penggunaan nama "Tuha" itu pun adalah sebagai deskripsi untuk orang yang dilihat sebagai pemimpin.

391 *Sulalat u's-Salatin* (1798: f. cxii – f. cxii: 2).

392 *Ibid.*, (f. cxviii – f. cxxi: 2).

393 *Ibid.*, (f. cxxvi – f. cxxvii: 2).

394 *Ibid.*, (f. cxxviii – f. cxxx).

395 *Ibid.*, (f. cli-f. cll: 2).

396 Afonso Dalboquerque meninggalkan Melaka bersama-sama kapal *Flor-de-la-Mar* (Kobata dan Matsuda 1969: 126).

397 John Miksic melalui e-melnya kepada saya bertarikh 6 Mei 2015, walau bagaimanapun, tersilap mendakwa bahawa Laksamana inilah yang bernama Hang Tuah [*sic*]. yang berusia 80-an tahun pada tahun 1509 (taksiran usia yang berbeza dengan petikan yang dibuatnya daripada sumber Dalboquerque) dan dia ialah orang yang sama dengan Laksamana yang menulis surat kepada Raja Ryukyu. Lihat Miksic (2013: 406).

398 E-mel bertarikh 6 Mei 2015.

Bab VII

NOTA RINGKAS TENTANG MAKAM HANG TUAH [*SIC*]

Bab sebelum ini telah pun menjelaskan bahawa Laksamana Hang Tuah [*sic*] itu adalah mitos sahaja. Orangnya tidak wujud dalam sejarah Malaysia. Namun demikian, nama ini pernah disensasikan apabila ada dalam kalangan orang Cina Malaysia yang mendakwa Hang Tuah [*sic*] berbangsa Cina. Kita tidak perlu memanjangkan soal ini kerana terdapat banyak orang yang mencuba mereka-reka sejarah tanpa menyemak fakta; keadaan ini samalah halnya dengan orang yang bertegang merih menyatakan Hang Tuah itu wujud. Dakwaan seseorang bahawa "kisah perjalanan hidup Laksamana Hang Tuah [*sic*] dalam bentuk hikayat atau manuskrip ... (ialah warisan) yang turut diiktiraf dunia melalui UNESCO", jelas menampakkan orang yang melahirkan kata ini telah tidak berkata benar, kerana Pertubuhan Pendidikan, Sains, dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu itu tidak pernah mendakwa sedemikian, atau menganggap ada "catatan sejarah" tentang "kisah perjalanan hidup Hang Tuah [*sic*]".[399] Dongeng yang terdapat dalam hikayat atau manuskrip itu bukanlah catatan sejarah.

Bahkan, ada pula yang mendakwa keris Taméng Sari itu pun memang benar-benar wujud. Yang membimbangkan kita apabila orang berkata sesuatu yang tidak benar dan mereka mengatakan dongeng dan tahyul itu sejarah ialah rasa keprihatinan kita terhadap pengaruh buruknya terhadap kumpulan dalam masyarakat sehubungan dengan salah tafsir sejarah dan usaha mencampuradukkannya dengan mitos. Hal ini boleh menimbulkan salah faham terhadap sejarah tanah air dan merosakkan pemikiran sejarah murid-murid di sekolah. Biarlah dongeng itu berfungsi sebagai alat penghibur sahaja dan bukan dianggap sejarah oleh para pelajar di Malaysia.

Dalam bab terakhir ini kita cuba membincangkan satu lagi dongeng tempatan yang mendakwa bahawa telah ditemui kubur tokoh yang dimitoskan itu di Tanjung Keling Melaka pada sekitar tahun 1984/85.

Barangkali atas perhitungan untuk mempromosi pelancongan di negeri Melaka sekarang ini, bukan sahaja kubur Hang Tuah [*sic*] telah diuar-uarkan sebagai tarikan pelancong, tetapi kubur Hang Jebat dan Hang Kesturi pun kononnya telah dijumpai dan dipugar supaya menampilkan wajah "makam". Siapa orang yang membuat dakwaan ini tidak pernah diberitahu secara rasmi. Juga tidak dinyatakan ialah atas dasar apakah kubur ciplakan itu dikatakan kubur Hang Jebat atau Hang Kesturi. Mana buktinya? Mungkin orang atau beberapa orang yang mendalangi projek pembohogan sejarah ini tidak sedar bahawa cara mereka mendakyahkan cerita tahyul ini agar dtingkatkan sehingga boleh dianggap "sejarah" boleh merosakkan cara berfikir masyarakat, khasnya anak-anak sekolah dan para peminat sejarah yang benar-benar ingin sangat mendekati sejarah tanah air, tetapi yang berasaskan kebenaran. Persoalan pembohongan sejarah menjadi bertambah rumit apabila ada kalangan yang melupakan prinsip kaedah sejarah bahawa sesuatu maklumat sejarah itu memerlukan verifikasi demi menjaga sifat kesahihannya dan kebenarannya. Sejarah juga memerlukan sumber yang sahih, yang asli sifatnya, dan bukan sumber yang berkemungkinan ditokok tambah penceritaannya.

Dalam hal tentang Laksamana Hang Tuah [*sic*], ada orang, bahkan yang bertaraf sarjana pun, mendakwa bahawa kewujudan Hang Tuah [*sic*] itu tidak boleh dipertikaikan kerana kononnya ada kuburnya di Tanjung Keling, Melaka. Orang yang mengutarakan pandangan ini berkata: Jika Hang Tuah [*sic*] tidak wujud masakan ada kuburnya? (*Berita Harian*, 23 Oktober 2014). Akan tetapi, orang yang membuat dakwaan ini tidak pernah dapat membuktikan kesahihan dakwaannya bahawa sebuah kubur panjang (16.5 meter) di sebuah kampung di Tanjung Keling itu benar-benar kubur Hang Tuah [*sic*] (lihat *Berita Harian* (Singapura), 10 Mac 1985). Cerita begini yang lebih bersifat dongeng telah menyebabkan seorang sejarawan tempatan senior melahirkan keraguannya bahkan sikap sinisnya terhadap dakwaan bahawa Hang Tuah [*sic*] itu wujud. Tanya sejarawan itu, "Jika wujud, apa buktinya?" (*The Sun Daily*, 18 Januari 2012). Memang sukar bagi sejarawan yang berwibawa untuk menerima sesuatu yang dikhayalkan sebagai *real*, kerana sejarah menekankan sesuatu dakwaan mesti berdasarkan pembuktian. Oleh yang demikian, dakwaan setengah-setengah orang bahawa kubur Hang Tuah [*sic*] di Tanjung Keling, Melaka itu sahih tentunya menuntut bukti yang kuat. Adakah buktinya? Sudahkah rangka manusia di dalam kubur

itu dikaji oleh ahli arkeologi yang kajiannya boleh dipercayai? Pada tahun 1985, seorang penduduk tempatan di Tanjung Keling pernah berkata, "Menurut tradisi lisan yang didengarinya, kubur yang dikatakan makam Hang Tuah [*sic*] itu ialah kubur keramat seorang pedagang Gujerat." Bahkan, menurut wartawan dari Singapura yang melakukan sedikit penyiasatan pada tahun tersebut, banyak orang tua-tua di sekitar Kampung Balik Bukit (tempat letaknya kubur itu), Kampung Kelongkang dan kampung-kampung sekitar Tanjung Keling, berkata, "Makam tersebut terkenal sebagai Keramat Keling" (*Berita Harian* (Singapura), 10 Mac 1985).

Pada tahun 2014, kira-kira 30 tahun selepas penemuan kononnya kubur Hang Tuah [*sic*] di Tanjung Keling itu dipertikaikan, sekonyong-konyongnya dalam satu seminar di Universiti Kebangsaan Malaysia, ahli arkeologi, Profesor Emeritus Dr. Nik Hassan Shuhaimi telah cuba membuktikan kubur panjang di Tanjung Keling itu ialah makam Hang Tuah [*sic*] (Nik Hassan 2014: 23-40). Hujah yang dikemukakannya ialah:

1. Bahawa kubur itu luar biasa panjangnya; justeru, bukanlah kubur orang biasa (Nik Hassan 2014: 35).
2. *Sejarah Melayu* versi Shellabear ada menyebutkan Hang Tuah [*sic*] mati dan ditanamkan oleh Sultan Mahmud di Tanjung Keling (Shellabear 1957: 182, cetera ke-28).
3. Ditemui serpihan seramik zaman awal dinasti Ming dan Sawankhalok (abad ke-14 - ke-15)[400] di dalam struktur kubur yang panjang. Akan tetapi, struktur tersebut walau bagaimanapun, dibina pada zaman Belanda.[401]
4. Terdapat pada kubur itu sepasang batu nisan yang dibuat daripada batu bukit tetapi inskripsi Jawinya, kalaupun ada, tidak dapat dibaca lagi. Juga dinyatakan, tidak ada kubur panjang yang lain yang strukturnya istimewa, seperti di Tanjung Keling.

Jika kaedah berfikir secara kritis digunakan untuk menilai sejauh mana hujah yang dikemukakan oleh Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Hassan itu dapat diterima, maka jelas hujah itu dangkal dan bukan berupa bukti. Pertama-tama kubur yang panjang bukan hanya dapat ditemui di Tanjung Keling, tetapi juga di Bukit Serindit, dekat Bukit Cina dan Pulau Besar. Setahu saya, kubur-kubur ini memang dipercayai sebagai "keramat" oleh orang tempatan Melaka sejak tahun 1950-an.

Penemuan serpihan seramik yang tarikhnya bercampur-baur, iaitu dari abad ke-14 hingga ke-18 (pemerintahan *VOC* tamat pada awal 1796) tidak membuktikan ada kaitannya dengan kubur panjang itu, walaupun mungkin ada kaitan dengan Tanjung Keling sebagai sebuah petempatan atau pusat niaga. Dakwaan tentang keaslian batu nisan itu pun sangat meragukan kerana para ahli arkeologi tempatan tidak pernah membuat ujian saintifik untuk menaksirkan usianya. Bahkan, Profesor Nik Hassan sendiri mengakui betapa nisan kubur itu tidak mengikuti bentuk nisan suatu zaman yang tertentu.

Percubaan Profesor Nik Hassan untuk mengaitkan kewujudan perayaan Mandi Safar sebagai helah yang terselindung untuk mengelakkan kecurigaan Portugis apabila orang tempatan berkunjung ke Tanjung Keling untuk melawat kubur itu, dan juga dakwaannya bahawa dengan menjadikan Mandi Safar sebagai cara untuk menyamarkan kewujudan kubur yang dijadikan sebagai tempat berkumpul orang Melaka, sama sekali tidak masuk akal bagi seorang sejarawan yang berfikiran kritis, bahkan bagi seorang ahli arkeologi pun. Tidak ada bukti di mana-mana yang menunjukkan Mandi Safar telah diamalkan pada zaman pemerintahan Portugis. Dakwaan kononnya pada masa Mandi Safar itu "pagi-pagi lagi mereka berhimpun di tepi laut, mencuci diri mereka dan membaca doa di makam itu dan bernazar beramai-ramai" (Nik Hassan, 2014: 37) juga *ridiculous* kerana sepanjang ingatan saya yang biasa ikut merayakan Mandi Safar pada pertengahan dan akhir 1950-an, tidak pernah kubur panjang di Tanjung Keling itu menjadi tumpuan orang ramai, atau dikaitkan dengan Mandi Safar.[402] Seyogia diingatkan, dalam disiplin ilmu sejarah, melontarkan spekulasi dan membuat andaian yang tidak berdasarkan bukti adalah sesuatu yang sangat bertentangan dengan kaedah penyelidikan sejarah.

Jika penemuan artifak berbentuk seramik itu ingin diambil kira, masih tidak mungkin watak Hang Tuah [*sic*] itu hidup pada zaman abad ke-14 kerana hubungan Melaka dengan kerajaan Ming hanya bermula pada awal abad ke-15. Terdapatnya serpihan seramik yang tarikhnya bercampur-baur menandakan orang yang mengumpulkan seramik yang tarikhnya berbeza-beza itu telah menguburkannya pada abad ke-18 atau ke-19. Perlu juga difahami bahawa pemerintahan Melaka diserahkan oleh Belanda kepada Inggeris buat kali terakhirnya ialah pada 9 April 1825.

Dalam penghujahannya tentang kematian Hang Tuah [*sic*] Profesor Nik Hassan, ahli arkeologi dari UKM itu, tidak dapat mengemukakan sebarang bukti yang sahih untuk dapat dengan tegas mempertahankan bahawa kubur di Tanjung Keling itu ialah makam Hang Tuah [*sic*]. Ahli-ahli arkeologi tempatan lain pun tidak pernah menguji tulang rangka manusia di dalam kubur itu untuk menentukan usianya dan melakukan ujian sains forensik, seperti DNA[403] untuk menentukan bangsanya (sekalipun ini juga tidak memungkinkan). Oleh yang demikian, adalah sukar untuk menolak hujah bahawa cerita tentang kubur Hang Tuah [*sic*] itu hanyalah mitos yang baru dicipta sekitar tahun 1980-an. Hanya mereka yang *gullible* yang mudah mempercayainya. Lebih penting ditekankan ialah jika kisah mitos Hang Tuah [*sic*] itu hanya dongeng sahaja seperti yang telah dibincangkan dalam bab sebelum ini, bagaimanakah mungkin ada kuburnya?

Banyak juga orang yang tidak berfikiran kritis percaya akan cerita kononnya Hang Tuah dikuburkan di Tanjung Keling itu adalah bersumberkan *Sejarah Melayu*. Sebetulnya, dakwaan *Sejarah Melayu* versi Shellabear yang disalin pada sekitar tahun 1890-an dan diterbitkan pada tahun 1896, bahawa Hang Tuah mati di Tanjung Keling, memang tidak boleh dipercayai. Mengingat bahawa naskhah *Sulalat u's-Salatun* telah disalin dari zaman ke zaman dan telah diinterpolasi oleh para penyalin yang berlainan dengan memasukkan beberapa tokok tambah, dan menyedari bahawa versi Shellabear ini ialah versi kacukan (*hybrid text*) dan juga salinan *Sejarah Melayu* yang lebih terkemudian daripada naskhah *Sulalat u's-Salatin* yang disalin di Melaka pada pertengahan tahun 1798, maka seseorang yang berfikiran kritis pun akan menolak kredibiliti versi *Sejarah Melayu* yang dihasilkan oleh Shellabear. Walaupun kematian orang yang bernama Hang Tuah [*sic*] itu disebutkan dalam naskhah Raffles MS. No. 18, tentang dia dikuburkan di Tanjung Keling tidak disebutkan. Demikian pula dalam naskhah tahun 1798 pun perihal Hang Tuah [*sic*] mati di Tanjung Keling atau dikuburkan di daerah itu tidak disebutkan (lihat *Sulalat u's-Salatin*, 1798: 275). Hanya naskhah kacukan Shellabear yang menyebutkannya. Sepatah kata Monique Zaini-Lajoubert (2010: 129), kematian Hang Tuah [*sic*] hanya disebutkan sepintas lalu selepas penyalin naskhah menyatakan Sultan Mahmud murka terhadap Hang Nadim: "Syahdan, akan Laksamana Hang Tuah [*sic*] pun kembalilah ke rahmatullah. Maka oleh Sultan Mahmud ditanamkan di Tanjung Keling dengan sepenuh-penuh adat dianugerah. Tiga hari

baginda tiada nobat" (Shellabear 1957: 182). Akan tetapi, sumber Shellabear pun daripada sebuah naskhah lain yang berkemungkinan besar juga telah diinterpolasi. Mengikut nota kaki yang diberikan oleh Shellabear sendiri maklumat tentang jenazah Hang Tuah [*sic*] "ditanam di Tanjung Keling" itu telah dipetik daripada naskhah Dato' Douglas (Shellabear 1957: 182), yang kini sudah hilang. Oleh itu, nampak jelas kematian Hang Tuah [*sic*] ini pun berupa sisipan yang dimasukkan oleh penyalin yang terkemudian.

Tidak dapat dinafikan cerita tentang Hang Tuah [*sic*] yang tersebar ke serata pelosok Kepulauan Melayu memang sangat popular. Akan tetapi, kisah petualangannya itu adalah semata-mata bersifat sebuah cerita rakyat atau *folklore* Melayu yang tersebar melalui *Hikayat Hang Tuah*, sebuah karya yang ditulis atau mungkin juga disalin pada ketika Belanda telah menakluki Melaka, selewat-lewatnya pada akhir abad ke-17 pada ketika zaman kemegahan dan kebesaran kesultanan Melayu telah lupus (Teuku Iskandar 1996: 292).[404] Pengarang *Hikayat Hang Tuah* itu pastilah seorang sasterawan kreatif yang jempolan kerana berjaya mengisi satu aspek daripada keperluan *psychic* Melayu yang merindui zaman gemilang Raja-raja Melayu yang telah hilang. Pengarang yang tidak diketahui namanya itu berhasil meninggalkan sebuah *folklore* yang sampai ke generasi masa kini pun sangat berpengaruh. Dia berjaya menghasilkan sebuah epik romans, sama hebat kesannya dengan epik *Illiyad dan Odyssey* karangan Homer. Seperti halnya di Eropah, tidak ada anak yang celik huruf tidak tahu atau tidak kenal akan nama Odysseus atau Ulysses; maka demikianlah pula dengan Hang Tuah [*sic*], tidak ada anak Melayu yang tidak mengenali nama tokoh legenda itu. Akan tetapi, seperti cerita Ulysses, cerita tentang Hang Tuah [*sic*] juga sudah dimitoskan.

Oleh sebab sifat mitosnya itulah, maka naskhah *Hikayat Hang Tuah*, baik dalam versi mana pun, hanyalah merupakan sebuah *romans* kesusasteraan, dan oleh itu, sudah jelas tidak boleh digunakan sebagai sumber sejarah jika kajian yang kritis ingin dilakukan. Bahkan, satu-satunya sumber awal yang menyebut nama watak yang disebutkan oleh banyak orang sebagai Hang Tuah [*sic*, Hang Tuha] ialah *Sulalat u's-Salatin*, tetapi sumber ini pun tidak menampilkan apa-apa bukti tentang kewujudannya.[405] Walaupun dalam sebuah versi *Sejarah Melayu* (Cod. Or. 12.026) dikatakan bahawa seorang anak raja Bajeng (atau Bajing) berusia 12 tahun, bernama Daeng Mempawah atau Mampuh [ممفوه],[406]

telah dihadiahkah oleh Raja Gowa kepada Raja Melaka, Sultan Mansur Syah, dan dia hanya diberikan nama "Hang Tuah" [*sic*] setelah berada di Melaka, cerita ini mungkin hanya sisipan yang dilakukan oleh seorang penyalin. Hal ini tidak menghairankan kerana kitab *Sejarah Melayu* itu mempunyai banyak versi dan salinan dan lantaran naskhah induknya pun sudah hilang, maka versi dan salinan yang berbeza-beza itu pun, telah melalui proses tokok-tambah dari semasa ke semasa; justeru, tidaklah boleh seseorang sejarawan mendakwa bahawa "terdapat banyak sumber yang mengatakan Hang Tuah [*sic*] itu wujud".[407] Beberapa tahun yang lalu, iaitu pada bulan Mei 2006 sebuah seminar yang diberikan nama, "Hang Tuah Wira Alam Melayu" diadakan di Melaka. Kertas kerja yang dibentangkan kemudiannya diterbitkan sebagai sebuah kumpulan esei dengan judul, *Hang Tuah Wira Melayu* (Mohd. Yusoff Hashim 2008). Akan tetapi, selain menggembar-gemburkan kehebatan "Hang Tuah" tiada satu makalah pun yang membahaskan, sama ada Hang Tuah [*sic*] watak legenda atau mitos; jika benar dia seorang tokoh bersejarah, seperti yang cuba diandalkan oleh Profesor Emeritus Datuk Mohd. Yusoff Hashim (Mohd. Yusoff 2008: 28-29), tiada pula bukti sejarah dikemukakan yang boleh menunjukkan penemuannya berlandaskan kaedah dan falsafah sejarah. Seyogia diperingatkan, dalam kaedah menulis sejarah, seseorang itu mestilah peka terhadap keperluan membuat penaakulan sejarah berdasarkan bukti serta pemikiran yang kritis.

Penutup

Dakwaan bahawa makam Hang Tuah [*sic*, Hang Tuha] telah ditemui di beberapa tempat harus dipandang sebagai percubaan mahu membohongi sejarah, jika tidak pun untuk mencampuradukkan sejarah dengan mitos. Pandangan yang bersifat *ahistorical* seperti ini hendaklah dibenteras agar penghayatan terhadap sejarah Malaysia itu senantiasa dilestarikan dengan berlandaskan kebenaran – dan bukannya tahyul.

399 Lihat "Hang Tuah Bukan Mitos" (http://www.sinarharian.com.my/edisi/melaka-ns/hang-tuah-bukan-mitos-1.417429).

400 Woodward (1978(66.1): 2), yang memetik tulisan Roxanna Brown *et al.* (1977: 44), memberikan tarikh kewujudan tembikar Sawankhalok di Siam itu antara abad ke-14 hingga permulaan abad ke-16.

401 Syarikat Hindia Timur Belanda (*VOC*) memerintah Melaka antara tahun 1541 hingga 1795, dan kemudian antara 1818 - 1825.

402 Bagi mereka yang ingin tahu tentang perayaan Mandi Safar (lihat Singaravelu 1986: 67-78 dan Zainal Abidin 1949(1): 103-104).

403 Atau *deoxyribonucleic acid*, iaitu bahan turun-temurun yang ada pada manusia dan hampir semua organisme lain.

404 Menurut Teuku Iskandar (1996: 292), sebelum tahun 1712 pun *Hikayat Hang Tuah* [*sic*] telah dikenal hingga ke Ambon lantaran FranÇois Valentijn yang menyebut nama hikayat ini dalam *Oud en Nieuw Oost-Indien* (1726) mengatakan dia telah pun melihat *Kitab Hantoewa* semasa dia masih berada di Moluku sebagai pendeta gereja. Valentijn baru meninggalkan Ambon pada tahun 1713.

405 Lihat bab terdahulu.

406 *Mampuh* dalam bahasa Sunda bererti berkeupayaan, kaya, mampu bersaing, boleh menandingi; mempunyai kuasa atau pengaruh (lihat Hardjadibrata 2003: 519).

407 Dakwaan bahawa terdapat "52 naskhah buku Melayu [*sic*] lama" yang menunjukkan kewujudan Hang Tuah bukanlah satu mitos telah dibuat oleh Profesor Emeritus Dr. Mohd. Yusoff Hashim (lihat *Kosmo*, 7 Mac 2012).

Bab VIII

KESIMPULAN

Kesilapan dalam penanggapan erti mitos dan sejarah dalam kalangan sarjana yang mengkaji *Sulalat u's-Salatin* dan mahu menggunakannya sebagai sumber sejarah yang *bona fide* untuk sejarah silam Malaysia, terutamanya tentang Melaka pada abad ke-15 dan ke-16, telah menimbulkan beberapa permasalahan besar dalam menulis sejarah Malaysia yang bersifat objektif. Banyak sentimen dituangkan melalui tulisan yang mendakwa sesuatu peristiwa itu ialah sejarah yang benar, misalnya perkahwinan antara Sultan Mansur Syah dengan Raden Galuh Cendera Kirana dan Puteri Hang Li Po, dua watak wanita diraja yang ternyata palsu. Hal ini berlaku kerana terdapat banyak dalam kalangan sarjana tempatan yang membaca *Sejarah Melayu* menganggap karya itu sebagai karya sejarah, dan gagal melihatnya sebagai sebuah karya agung kesusasteraan orang Melayu. Kegagalan mereka memisahkan antara dua disiplin, iaitu sejarah dengan mitologi, membuatkan banyak orang yang terkeliru selama ini, terutamanya orang awam yang berminat pada sejarah, dan para pelajar yang ingin mengetahui sejarah negara yang sebenar.

Perbincangan dalam bab-bab di atas telah cuba menjelaskan fiksyen sejarah dan mencari kaedah yang sesuai agar dapat membantu dalam usaha merungkaikan permasalahan mentafsirkan mitos. Sejak persoalan ini dibangkitkan oleh arwah Ismail Hussein kira-kira setengah abad dahulu (Ismail 1966: 79), masih jelas betapa kurangnya para sarjana yang meneliti naskhah tua Melayu dengan menggunakan pendekatan filologi. Oleh sebab itu, banyak yang tersalah baca ejaan Jawi [توه , t-w-h] yang dianggap sebagai ejaan untuk "Tuah". Justeru, timbul salah faham yang berlarutan selama beberapa abad tentang nama wira dalam fiksyen sejarah itu. Akibatnya, banyak orang menganggap epik fiksyen sejarah yang berjudul *Hikayat Hang Tuah* [*sic*] itu adalah benar-benar hasil sebuah pengisahan sejarah tanpa memahami apakah sebenarnya erti sejarah. Mengutip kata Abu Zayd 'Abdur Rahman bin Muhammad bin Khaldun Al-Hadrami (1332-1395): "Sejarah merujuk kepada kejadian

yang *peculiar* bagi sesuatu zaman atau bangsa. Oleh sebab penulisan sejarah memerlukan banyak sumber, dan pengetahuan yang berbagai-bagai, sejarawan haruslah memastikan mereka mendapatkan sumber yang *authentic* atau tulen untuk menentusahkan sesuatu maklumat sejarah (Ibn Khaldun 1958: 15, 63).

Kesalahan para peresensi membuat transliterasi daripada huruf Jawi kepada huruf Rumi juga tidak sediktit menyumbang ke arah menimbulkan banyak kesulitan para pembaca *Sejarah Melayu* lantaran kesilapan mereka menyalin perkataan-perkataan yang walaupun ditulis dalam huruf Jawi adalah dalam bentuk Jawi kuno yang tidak mementingkan penggunaan fonem vokal. Kesilapan umum para peresensi itu kerana membaca naskhah bertulisan Jawi kuno itu, seperti mereka membaca tulisan Jawi moden. Justeru, ada peresensi yang membaca ejaan Jawi [فرتتورن , /p/r/t/t/w/r/n/] sebagai "perteturan". Selain kesilapan mentransliterasi kata-kata dalam huruf Jawi ke Rumi, dan mentafsirkan erti istilah pinjaman yang masuk ke dalam penulisan *Sejarah Melayu*, tidak pula banyak usaha dilakukan untuk mentafsirkan mitos dan menyaringnya daripada pandangan sejarah yang ingin diungkapkan oleh pengarang *Sulalat u's-Salatin*.

Dalam pada itu, harus pula diakui, selain kurangnya sumber asli, kedaifan kualiti setengah-setengah sumber sejarah tempatan itu juga menyukarkan seseorang sejarawan membuat verifikasi terhadap apa-apa dakwaan yang dibuat tentang sejarah masa silam, baik yang menyentuh peristiwa lama mahupun penglibatan seorang tokoh, sehingga menyebabkan "pembikinan sejarah" (*invention of history*) mudah sahaja dilakukan oleh pihak yang ingin mengeksploitasi kejahilan masyarakat terhadap sejarah. Bak kata Ibn Khaldun, seperti yang telah kita kutip dan masukkan dalam Bab IV: "Orang-orang yang tidak berhak melibatkan diri dengan sejarah ... memasukkan dalam buku-buku mereka gosip yang tidak benar yang mereka fikirkan ataupun yang mereka reka secara bebas dan palsu." Sebagai contoh, setelah kubur Hang Tuah [*sic*] dijadikan alat propaganda oleh kalangan tertentu (tidak terkecuali sang penguasa politik), maka "ditemukan" pula kononnya kubur Hang Jebat dan Hang Kesturi. Seperti yang telah dinyatakan dalam bab terdahulu, nama gelar Jebat dan Kesturi itu adalah berpangkal daripada dua perkataan yang mengandungi erti yang sama, iaitu wangi-wangian. Nama itu juga seperti yang telah dijelaskan sebelum ini ialah rekayasa pengarang. Jika nama ini, sama juga dengan nama Hang Tuha, ialah

ciptaan sastera pengarang *Sejarah Melayu* belaka, maka tidak mungkin mereka itu mempunyai kubur. Oleh itu, kelihatanlah di sini bagaimana usaha mencipta sejarah daripada dongeng semakin menjadi-jadi. Di Melaka, bukan sahaja watak mitos dijadikan karakter sejarah, tetapi ada usaha lain yang menampakkan seolah-olah sejarah, demi kepentingan politik pelancongan atau propaganda untuk menonjolkan personaliti seseorang, telah diselewengkan daripada kebenaran. Sepatah kata Ibn Khaldun:

> "Mereka menerima sesuatu maklumat ... tanpa mempedulikan nilainya. Mereka tidak menyemaknya berasaskan prinsip yang mendasari situasi sejarah ... mereka tidak memeriksa secara mendalam dengan menggunakan kayu ukur falsafah, dengan bantuan pengetahuan tentang perkara semula jadi ... Oleh sebab itu, mereka menyeleweng daripada kebenaran dan mendapati diri mereka sesat di gurun anggapan yang tidak berasas, serta kesilapan-kesilapan (Ibn Khaldun 1958: 16).

Mungkin kerana tradisi budaya di Malaysia lebih selesa membaca sejarah yang berbaur dengan mitos, maka menjadi satu sebab mengapa selama ini upaya memitoskan sejarah oleh setengah-setengah pihak sering ditoleransi. Contohnya, beberapa waktu dahulu jabatan tertentu kerajaan negeri Melaka dengan tidak segan-silu mendidirkan papan besar di pinggir beberapa jalan raya di Melaka yang mengiklankan bahawa negeri Melaka telah dibuka pada tahun 1262, suatu propaganda yang tidak berasaskan fakta sejarah. Walaupun dakwaan seperti ini hanya mitos belaka, lantaran tiada bukti konkrit dikemukakan, banyak juga orang Malaysia yang *gullible*. Campur tangan pihak yang berwewenang dalam perkara yang menyentuh sejarah, seperti yang diketahui umum telah pun berlaku ketika makam yang kononnya milik Hang Tuah [*sic*] di Tanjung Keling itu diisytiharkan hampir tiga dasawarsa dahulu. Oleh sebab tindakan sewenang-wenang setengah pihak "membikin" sejarah inilah, maka demi kepentingan meluruskan sejarah tanah air, para sejarawan perlu sangat membersihkan sejarah negara daripada unsur mitos.

GLOSARI

agra (Sansk.): yang utama

bahagya (Sansk., Kawi): tuah, nasib baik

bergonjak (Kawi): berolok-olok mempersendakan diri, mengejek diri sendiri sebagai: tanda merendahkan diri

cangka (Kawi): berani

ciri (Kawi): tanda, bukti

galuh (Kawi): batu permata

gasa (r) (Aceh): ganas dan kasar

gogale (Aceh): membuat tidak tenteram

javōn (Parsi): muda, pemuda

jurudeh (*sic*, juru dyah): pemimpin pelayan/pengiring raja

kadeyan (Kawi): pelayan

kandelan (Kawi): tebal, banyak

ketimbang (Jawa): dibandingkan dengan; daripada

khoja (Parsi): sida-sida

khoja (Arab): golongan peniaga dari India

krtala (Kawi): parang

lah (Kawi): kata seru: wahai!

Lukaiwa/lukéwa (Luké, asal Kawi): golok, sabit; nama jenis parang

mĕrah (mĕurah, Aceh): gelar pembesar wilayah sebelum munculnya kesultanan Aceh

mĕru (Sansk.): gunung

mutia (Sansk., Kawi): mutiara

nadim (Arab): sahabat, teman

penakawan (Kawi): teman, pengiring

panghulun (Kawi): pengasuh

pasar (Kawi): kubur

pengkah atau pengkuh (Kawi): tegap, degil, sukar diatur

pituturan (Kawi): nasihat, anjuran

prapanca (Kawi): penjelasan tambahan

resensi (Inggeris, recension): ulasan buku/naskhah

rinci (Indonesia): menghuraikan sampai sekecil -kecilnya, terperinci

romance (Inggeris): ceritera romans

sawar (Kawi): penghalang

Sogoh [sagoe] (Aceh): sagi atau segi, iaitu wilayah yang diperintah oleh hulubalang bergelar Orang Kaya

samadhi (Sansk.): konsentrasi fikiran di tahap akhir amalan yoga; menjadi seorang Buddha

sawai (Melayu): tidak sedarkan diri kerana kemasukan orang halus

silo (Aceh): silau

sui genaris (Latin): unik

tanggel (Kawi): halangan, rintagan, perlawanan

utus/utoih (Aceh): tukang, pandai

wan (daripada kata Kawi *hwan*): penggiring, penjaga ternakan

LAMPIRAN

Kesilapan mentransliterasikan ejaan Jawi /t/w/h [توه] kepada huruf Rumi

Kesalahan membaca **dan merumikan** nama/nama gelar dalam kitab *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuha* selama ini banyak dipengaruhi oleh kaum Orientalis Eropah. Mereka itu tersilap membaca ejaan seperti /s/p/r/b [سفرب] sebagai "*sapurba*, /b/ṭ/ [بط] sebagai "Bat", */a/w/y/ /d/y/c/w/* [اوي ديچو] sebagai Awi Dicu, /k/y/d/ /h/n/d/y/ [كيد هندي] sebagai "Kida Hindi", /l/k/y/w/ [لكيو] sebagai "Lekiu" dan /t/w/h/ [توه] sebagai "Tuah". Pada hal kata-kata itu masing-masing patut disebut *Supraba*, *Bhuta* atau "Bota", Oya Deco, Kaid Hindi, Lukéwa atau Lukaiwa, dan "Tuha" atau "Toh".

Satu daripada erti kata "tuha" yang dieja /t/w/h/a/ [توها] atau /t/w/h/
[توه] ialah "tua", seperti dalam "perempuan tua". **Tuha** adalah istilah Melayu Kuno dan Jawa Kuno (Kawi).

François Valentijn (seorang padri gereja Kalvinis) adalah orang pertama yang merumikan ejaan /t/w/h/ [توه] sebagai "tuha" dan menterjemahkannya dengan betul sebagai "tua" pada tahun 1726. Tetapi ada satu lagi makna "tuha" yang tidak diketahuinya iaitu yang bererti pemimpin yang cekap. Dalam bukunya *Oud en Nieuw Oost Indien*, Valentijn menyebut "Kitab Hantoeha" atau "Kitab Hantoea" yang dilihatnya di Ambon sebelum 1695.

/t/w/h (tuha) bererti "tua"

Kamus tertua Melayu-Inggeris (1701) oleh Thomas Bowrey pun menyebut ejaan /t/w/h/ [توه] sebagai "**tooah**" dengan ditambah fonem <u>ha</u> [h] pada "tooa" kerana mengikut sebutan lidah Inggeris. Tidak ada kata "tuah" untuk erti nasib atau untung dalam Kamus Bowrey. Sebaliknya, kata "oontoong" [*sic*] digunakan untuk *fortune* atau *luck*. Seyogia diingati kata "tuah" yang bererti untung atau nasib hanya

muncul pertama kali sekitar paruh kedua abad ke-17 dalam *Hikayat Aceh* dan bahagian akhir *Hikayat Hang Tuha*.

Kamus James Howison (1801) pun membaca ejaan /t/w/h/ [توه] sebagai "**tooah**" dengan maksud "tua" (*old*). Kata "lama" (*old*) dieja oleh Howison "lama**h**" [لامه] iaitu dengan menambah fonem ha [h], demi untuk memudahkan lidah Eropah menyebutnya. Howison juga menterjemahkan *fortune* dengan kata "oontoong" [*sic*]. Tidak ada kata "tuah" untuk makna *fortune*.

Dalam kamus Marsden (1812) yang berdasarkan kajiannya sebelum 1779, ejaan /t/w/h/ [توه] bila dirumikan menjadi /t/ū/a/h/ demi membawa erti *old, aged, intense in colour*. Ia sama sekali tidak membawa makna nasib baik atau untung.

Sebaliknya, untuk terjemahan *fortunate* Marsden menggunakan "bhagia" (Kawi) dan kata "ontong" [*sic*]. Untuk makna *fortune* kata "ontong" [*sic*] dan "nesib" [*sic*] juga dipakai.

Dalam kamus John Crawfurd (1852), kata *old* atau *ancient* dalam bahasa Melayu ialah "**tuwah**". Tetapi oleh kerana kamus ini diterbitan pada abad ke-19, kata "tuwah", "bertuwah" dan "mujur" telah diperkenalkan dan diterjemahkan sebagai *lucky*, *fortunate*. Tetapi Crawfurd juga memasukkan kata asal Kawi, "toh" yang bererti *a stake, a deposit at play*, yakni taruhan atau petaruh.

Dengan yang demikian, kata "tuha" [توه] tatkala dirumikan telah diterjemahkan sebagai "tua" dan untuk memudahkan orang Eropah menyebutnya, ejaannya ialah /t/ū/a/h/ atau /t/u/w/a/h/. Para Orientalis Eropah itu tidak tahu bahawa satu lagi makna ***tuha*** ialah pemimpin atau ketua yang berketrampilan.

John Leyden yang menterjemahkan *Sejarah Melayu* ke bahasa Inggeris mula-mula membaca ejaan /t/w/h/ [توه] sebagai "tuha" untuk *Hikayat Hang Tuha*. Tetapi dalam *Malay Annals*-nya yang diusahakannya dalam tahun 1807 (dengan bantuan Ibrahim Kandu, seorang Tami Culia) dia memakai istilah Hang "Tuah" ("**tuah**" mengikut sebutan pelat Eropah yang bererti **tua**). Crawfurd pun dalam tahun 1820 menggunakan nama gelar Hang Tuha sebagai Hang Tuah dengan erti "Hang Tua". Demikian pula Newbold yang juga menyebut nama "Hong [*sic*] Tuah" dalam tahun 1839. Shellabear, yang merumikan resensi *Sejarah Melayu*nya (1898), pun menggunakan kata "Hang Tuah" dengan maksud Hang Tua.

Kesilapan pengkaji Eropah meniru terjemahan "tuha" [توه] oleh Valentijn yang menulisnya "tua" dalam huruf Rumi itulah yang

mendorong penulis Eropah selepas Valentijn, seperti Werndly (1694-1744), John Leyden (1775-1811), Crawfurd (1783-1868), Braddel (1823-1891), dan Shellabear (1862-1948), mengeja /t/u/a/h/ untuk "tua" (menurut sebutan pelat Eropah).

Kesilapan para Orientalis dalam mentransliterasikan ejaan Jawi /t/w/h/ ke huruf Rumi pada abad ke-18 dan ke-19 rupa-rupanya telah diikuti oleh ramai yang lain. Tetapi malangnya pentransliterasi Melayu telah tersilap kerana menyangka ejaan Rumi /t/u/a/h/ tersebut bermaksud "tuah" yang membawa erti untung nasib. Sebelum itu, bacaan dan sebutan huruf Jawinya betul, iaitu "Tuha" yang boleh bererti usia lanjut dan boleh juga bererti pemimpin yang trampil. Ia juga boleh bermakna petaruh atau taruhan jika dibaca sebagai "toh".

BIBLIOGRAFI

Manuskrip

"Ceritera Asal Raja-Raja Melayu Punya Keturunan" (Leiden: Cod. Or, 3199 (3) part 4).

Leiden: Cod. Or. 12.026 Mal 6748 (Fotokopi. Salinan asal di Jakarta).

MS 1658 Hikayat Hang Tuah, Perpustakaan Negara Malaysa.

MS. Orient. No. 1736, University of Leiden.

MS. Orient. 3210 University of Leiden.

Manuscript 23 Hikayat Hang Tuah, Universiti Malaya.

Muhammad Tahir al-Jawi, Muhammad Zakat Long, dan Ibrahim Jamrut (penyalin), 1798. *Sulalat u's-Salatin* (naskhah milik Krusenstern yang kini tersimpan di Muzium Antropologi dan Etnografi Peter the Great, Saint-Petersburg).

Sulalat u's-Salatin (Raffles MS. No. 18, *Sejarah Melayu*).

Sumber Internet

http://archive.org/stream/Index_20130623_1440/index_djvu.txt ("Chiranjivis or Nine Immortals of Hindu Mythology")

https://id.wikipedia.org/wiki/Ciranjiwin

https://en.wikipedia.org/wiki/Chiranjivi

http://malayliterature.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2014/08/2-Oral-Muhammad-Haji-Salleh.pdf

http://malayliterature.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2014/08/3-Hang-Tuah- Medieval-noriah.pdf

http://www-01.sil.org/~simonsg/reprint/Word%2520taboo.pdf

(Third International Conference on Austronesian Linguistics, Vol. 1.3: Accent on Variety).

http://biography.yourdictionary.com/leopold-von-ranke

http://bengalidictionary.in/meaning.php?id=6261&lang=Bengal

Wade, Geoff (penterjemah), 2004. *Southeast Asia in the Ming Shi-lu: An Open Access Resource.* Singapura: Asia Research Institute and the Singapore E-Press, National University of Singapore (http://epress.nus.edu.sg/msl/entry).

E-book (e-buku)

O'Connor, Stanley J., "Vietnamese Ceramics in the Herbert F. Johnson Museum of Art". https://seap.einaudi.cornell.edu/sites/seap.einaudi.cornell.edu/files/1987_4.pdf.

"Hikayat Carang Kulina", British Library Add MS 12383. http://eservice.nlb.gov.sg/viewer/BookSG/f7411f24-a3e0-4e4d-aeb7-

40c391e34f5e.
"Hikayat Cekel Waneng Pati", 1787 British Library MSS Malay C 2. http://www.bl.uk/manuscripts/Viewer.aspx?ref=mss_malay_c_2_f001v.
"Hikayat Naya Kusuma", British Library Add MS 12391. http://www.bl.uk/manuscripts/Viewer.aspx?ref=add_ms_12391_fs001r.
"Hikayat Mesa Sususpan Sira Panji Kelana Panji Asmara Pati". http://eservice.nlb.gov.sg/viewer/BookSG/e34e963b-4486-4bc9-9bb2-6ff170a46639

Akhbar

Berita Harian (Singapura), 10 Mac 1985, "Inikah makam Hang Tuah?"
Berita Harian online, 2010/06/09, "Kerajaan Melayu Melaka diasaskan pada 1262".
Berita Harian, 23 Oktober 2014, "Hang Tuah bukan mitos".
Kosmo, Malaysia, 7 Mac 2012, "Pakar Sejarah yakin Hang Tuah bukan mitos".
Utusan Online arkib: 01/06/2010, "Melaka ditubuh1262, bukannya1400 atau 1278?"

Kamus

Abu Bakar, Budiman Sulaiman, M. Adnan Hanafiah, Zainal Abidin Ibrahim, dan Syarifah H. 2001, *Kamus Bahasa Aceh-Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
Bowrey, Thomas, 1701. A DICTIONARY English and Malayo, Malayo and English. London. E-book. http//eservice.nlb.gov.sg/viewer/BookSG/20d7b813-2055-40a0-8688-fca31227c28f
Crawfurd, John, 1852. *A Grammar and Dictionary of the Malay Language, with a preliminary dissertation, Vol. 2, Malay and English and English and Malay Dictionaries*, London: Smith, Elder & Co., Cornhill.
E-book. https://archive.org/details/grammardictionary00craw
Hardjadibrata, R. R., 2003 (penyusun). *Sundanese English Dictionary*. Jakarta: Pustaka Jaya.
Howison, James, 1801. *A Dictionary of the Malay Tongue as spoken in the peninsula of Malacca, the islands of Sumatra, Java, Borneo, Pulo Pinang, &c. &c.*, Vol. 1, London.
E-book. http://eservice.nlb.gov.sg/viewer/BookSG/20d7b813-2055-40a0-8688-fca31227c28f
Kamus Dewan, 2005. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Macdonell, Arthur Anthony, 2000. *A Practical Sanskrit Dictionary*. Cetak ulang. Oxford: Oxford University Press.
Madina, Maan Z., 2007. *Arabic-English Dictionary of the Modern Literary Language*. Shah Alam: Pustaka Darussaam.
Mardiwarsito, L., 1981. *Kamus Jawa Kuna-Indonesia*. Ende-Flores: Penerbit Nusa Indah.
Monier-Williams, Sir (dengan kerjasama E. Leumann, C. Carpeller *et al.*), 1999. *Sanskrit-English Dictionary*. New Delhi: Munshiram Manoharlal Publishers Pvt. Ltd.
Prawiroatmodjo, S. 1980. *Bausastra (Kamus) Jawa-Indonesia*. Edisi ke-3. Jakarta: PT Toko Gunung Agung.

Steingass, F., 2012. *A Comprehensive Persian-English Dictionary*. Springfield, VA: Nataraj Books.

Tamsyah, Budi Rahayu, 1996. *Kamus Lengkap Sunda-Indonesia, Indonesia-Sunda, Sunda-Sunda*. Bandung: C.V. Pustaka Setia.

Wehr, Hans (disunting oleh J. M. Cowan), 1993. *Arabic-English Dictionary*. Ithaca, New York.

Wilkinson, R. J., 1959. *A Malay-English Dictionary (Romanised)*, Part I & II. London: Macmillan & Co. Ltd.

Wojowasito, S., 1977. *Kamus Kawi-Indonesia*, Bandung: Penerbit C.V. Pengarang.

World Encyclopaedia, 1998. Oxford: Oxford University Press.

Zoetmulder, P.J., 2000. (bekerjasama dengan S.O. Robson), *Kamus Jawa Kuna-Indonesia*. Dua Jilid. Diterjemahkan oleh Darusuprapta dan Sumarti Suprayitna. Cetakan ke-3. Jakarta: Hasil Kerjasama Perwakilan Koninklijk Instituut voor Taal-, Land-, en Volkenkunde dengan Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.

Tesis

Lim Tse Siang, 2012. "14th Century Singpore: The Temasek Paradigm". Tesis M. A. Jabatan Sejarah, National University of Singapore.

Ras, J. J., 1968. "*Hikajat Bandjar*: A Study in Malay Historiography". Proefschrift untuk ijazah Doktor Falsafah, Universiti Leiden, Steendrukkerij v/h H. L. Smits, 's-Gravenhage.

Buku dan Makalah

Abdul Rahman Haji Ismail (pentranskripsi), 2009. *Sejarah Melayu. The Malay Annals*, dlm. Cheah Boon Kheng (penyusun). Cetak ulang No. 17. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.

Abdul Rahman Haji Ismail, 2013. "Menangguk Hikmah di Dasar *Sulalat-Us-Salatin*: Antara Ceritera dengan Cita-cita". Ketas Kerja Seminar 400 Tahun Sulalatus Salatin, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 29 – 30 Oktober.

Ahmat Adam, 2009. *Letters of Sincerity The Raffles Collection of Malay Letters (1780-1824): A Descriptive Account with Notes and Translation*, Malaysian Branch Royal Asiatic Society, monograph 43.

Ahmat Adam, 2016. *Sulalat u's-Salatin yakni per[tu]turan segala raja-raja. Dialih aksara dan disunting dengan kritis serta diberi anotasi dan pengenalan*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

al-Attas, Syed Muhammad Naquib, 2011. *Historical Fact and Fiction*, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.

Aman Datuk Madjo Indo, 1959. *Sejarah Melayu*. Tulisan Jawi, 2 jilid. Jakarta: Penerbit Jambatan dan Gunung Agung.

A. Samad Ahmad, 1986. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Cetakan ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Baharuddin Zainal, 1965. *Hikayat Chekel Waneng Pati*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bambang Budi Utomo dan Nik Hassan Shuhaimi, 2009. *Inskripsi Berbahasa Melayu Kuno di Asia Tenggara*. Bangi: Institut Alam dan Tamaddun Melayu.

Birch, Walter de Gray, 1880 [berasaskan edisi Portugis 1774]. *The Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque, Second Viceroy of India, Vol. III, with Introduction*. London: Hakluyt Society.

Blagden, C. O., 1925. "An Unpublished Variant Version of the Malay Annals", *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol III, Pt. 1, April,

Bloch, Marc, 1953. *The Historian's Craft*. New York: Vintage Books.

Braddel, T., 1851. "Abstract of the Sijara Malayu or Malayan Annals with Notes", *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, Vol. V, Februari.

Braginsky, V. I., 1990. "Hikayat Hang Tuah; Malay Epic and Muslim Mirror: Some Considerations on its Date, Meaning and Structure", *Bijdragen tot de Taal-, Land – en Volkenkunde*, Vol. 146, No. 4.

Brown, C.C. (penterjemah dan penyunting), 1952. *"Sejarah Melayu or 'Malay Annals'"*, *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*, Vol. XXV, Parts 2 & 3, Oktober.

Chambert-Loir, Henri, 2005. "The Sulalat al-Salatin as a Political Myth", *Indonesia*, 79.

Cheah Boon Kheng (penyusun), 2009. *Sejarah Melayu* (ditansliterasi oleh Abdul Rahman Haji Ismail). Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.

Cortesão, Armando (penterjemah), 1967. *The Suma Oriental of Tome Pires and the Book of Francisco Rodrigues, Rutter of Voyage*. Vol. 1. Nendln/Lichtenstein, Wiesbaden: Kraus Reprint Ltd.

Crawfurd, John, 1967 [1820]. *The History of the Indian Archipelago Containing an Account of the Manners, Arts and Languages Religions, Institutions and Commerce of Its Inhabitants*, Vol. 2. London: Frank Cass & Co. Ltd. [Edinburgh: Archibald Constable & Co.].

Dowson, John. 1957. *Classical Dictionary of Hindu Mythology and Religion, Geography, History, and Literature*. Edisi ke-9. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.

de Casparis, J. G., 1956. *Selected Transcriptions from the 7th to the 9th Cenury A. D.* Bandung: Masa Baru.

Frazer, J. G., 1911. *Taboo and the Perils of the Soul*. Edisi ke-3. London: Macmllan and Co. Ltd.

Frazer, J. G. 1976 [1936]. *Aftermath: A Supplement to the Golden Bough*. London and Basingstoke: Macmillan Press Ltd.

Gaster, Theodor H. (ed.), 1964 [1959]. *The New Golden Bough*. New York: Mentor Books, The New American Library of World Literature.

Gibson-Hill, C. A., 1956. "On the Alleged Death of Sultan Ala'ud-din of Johore at Aceh, in 1613", *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 29, Pt. 1.

Hsu-Yun-Tsiao. 1968. "Notes on the Relations between Ryukyu Islands and Malacca Sultanate during 1464-1511". Kertas kerja *International Conference on Asian History*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 5 – 10 Ogos.

Ibn Khaldun, 1958. *The Muqaddimah: An Introduction to History*. Diterjemahkan oleh Franz Rosenthal. Vol. 1. London: Routledge & Kegan Paul.

Ismail Hussein, 1966. "The Study of Traditional Malay Literature", *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*, Vol. 39, Pt. 2.

Kassim Ahmad. 1964. *Hikayat Hang Tuah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khalid Hussain, 1964. *Hikayat Pandawa Lima*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khan, Benjamin, 1983. *The Concept of Dharma in Valmiki Ramayana*. Edisi ke-2. New Delhi: Munshiram Manoharlal Publishers Pvt. Ltd.

Kobata, Atsushi and Mitsugu Matsuda, 1969. *Ryukyuan Relations with Korea and South Sea Countries: An annotated Translation of Documents in the Rekidai Hōan*. Kyoto: Atsushi Kobata.

Leyden, John (penterjemah), 1821. *Malay Annals: Translated from the Malay Language, with an Introduction by Sir Thomas Stamford Raffles*. London: Longman, Hurst, Rees, Orme, and Brown.

Liaw Yock Fang, 1993. *Sejarah Kesusastraan Melayu Klasik*. Jakarta: Penerbit Erlangga.

Liaw Yock Fang. 2013. *A History of Classical Malay Literature*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS).

Macgregor, I. A., 1955. "Johore Lama in the Sixteenth Century", *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 28, Pt. 2, Mei.

Macgregor, I. A., 1956. "A Sea Fight Near Singapore in the 1570's", *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 29, Part 3, Ogos.

Ma Huan, 1970. *Ying-Yai Sheng-Lan "The Overall Survey of the Ocean's Shores" [1433]*.Translated from the Chinese Text edited by Feng Ch'eng-Chin with introduction, notes and appendices by J. V. G. Mills. Cambridge: Published for the Hakluyt Society at The University Press.

Manguin, Pierre-Yves, 2009-2010. *Srivijaya: An Introduction*. Singapura: Nalanda Sriwijaya Centre, Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS).

Marrison, G. E., 1949. "The Siamese Wars with Malacca", *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*.

Maxwell, W. E., 1881. "An Account of the Malay "Chiri": A Sanskrit Formula", *Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland*, Vol. XIII, Issue 1, Januari.

Maxwell, W. E., 1882. "The Chiri", *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. X, Disember.

Maxwell, W. E. 1882: "The History of Perak from Native Sources", *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. IX, no. 9, June.

Mazir, Mozaffari Falarti, 2012. *Malay Kingship in Kedah Religion, Trade, and Society*, Lanham: Lexinton Books.

Miksic, John N., 2000. "Heterogenetic cities in Premodern Southeast Asia", *World Archaeology*, Vol. 12 (1).

Miksic, John N., 2012. *Singapore & The Silk Road of the Sea 1300 – 1800*. Singapura: National Museum of Singapore.

Monier-Williams, Sir, 1893. *Indian Wisdom; or Examples of the Religious, Philosophical and Ethical Doctrines of the Hindus*. London: Luzac & Co.

Muhammad Haji Salleh (ed.) Tun Seri Lanang, 1997. *Sulalat al-Salatin ya'ni Perteturun Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Newbold, T. J. 1839. *British Settlements in the Straits of Malacca*, London: John Murray.

Nik Hassan Shuhaimi, 2014. *Hang Tuah: Antara Mitos dan Sejarah*. Syarahan Tun Seri Lanang, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Noriah Mohamed, 1992. *Hikayat Panji Semarang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Phalgunadi, I. dan Gusti Putu, 1996. *The Pararaton: A Study of the [sic] Southeast Asian Chronicle.* New Delhi: Sundeep Prakashan.

Pinto, 1969. *The Travels, Voyages and Asdventures of Ferdinand Mendez Pinto*. Diterjemahkan oleh H. Cogan. London: Dawsons of Pall Mall.

Poerbatjaraka, R. M. Ng. dan Tardjan Hadidjaja, 1957. *Kepustakaan Djawa*. Djakarta: Djambatan.

Po Dharma, G. Moussay dan Abd. Karim (penyusun), 1998. *Akayet Dowa Mano (Hikayat Dowa Mano)*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia-école française d'Extreme Orient.

Revunenkova, E. V. 2008. *Sulalat-us-Salatin: Krusenstern's Malay Manuscript, its Cultural and Historical Value* (judul yang diberikan terjemahan Inggerisnya) Russian Academy of Sciences and Peter the Great Museum of Anthropology and Ethnography (Kunstkammer), St. Petersburg.

Riddell, Peter, 2001. *Islam and the Malay-Indonesian World, Transmission and Responses*. Singapura: Horizon Books.

Robson, S. O. (penterjemah), 1995. *Desawarnana (Nagarakertagama) by Mpu Prapanca*. Leiden: KITLV Press.

Robson, S. O. (penterjemah), 1981. "The Ramayana in Early Java" dlm. Sachidanand Sahai (ed.), *The Ramayana in South East Asia*. Gaya, Bihar: Centre for South East Asian Studies.

Robson, S. O. (penterjemah), 1981 [1969]. *Hikayat Andaken Penurat*. The Hague: Martinus Nijhof.

Roolvink, R., 1967. "The Variant Versions of the Malay Annals", *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* (123), 3.

Rosenthal, Franz (penterjemah), 1958. *Ibn Khaldun: The Muqaddimah*. Vol. 1. London: Routlege & Kegan Paul.

Sarkar, Himansu Bhusan, 1970. *Some Contribution [sic] of India to the Ancient Civilisation of Indonesia and Malaysia*, Calcutta: Punthi Pustak.

Schimmel, Annemarie, 1993. *The Mystery of Numbers*. New York: Oxford University Press.

Schnitger, P. M., 1937. *The Archaeology of Hindoo Sumatra*. Leiden: E. J. Brill.

Shellabear, W. G. (penyelenggara), 1957. *Sejarah Melayu or the Malay Annals* (jilid yang pertama dan kedua), Malay Literature Series No. 9. Cetakan ke-8. Singapura: The Malaya Publihing House Ltd.

Shellabear, 1981. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Sidang *Methodist* [*American Mission Press*], 1915. *Hikayat Seri Rama*. Singapura: Tempat Cap Sidang *Methodist.*

Simons, Gary F., 1982. "Word Taboo and Comparative Austronesian Linguistics" dlm. *Pacific Lingistics*. Cetak ulang C-76.

Singaravelu, S., 1986. "The Malay-Tamil Cultural Contacts with Special Reference to the Festival of Mandi Safar", *Asian Folklore Studies*, Vol. 45.

Singaravelu, S., 1990. "The Impact of the Mahabharata Traditionon on the Malay Literary Tradition" dlm. R. N. Dandekar (ed.), *The Mahabharata Revisited.* New Delhi: Sahitya Akademi.

Singaravelu, S., 1993. "The Literary Version of the Rama Story in Malay" dlm. K. Krishnamoorthy (ed.), *A Critical Inventory of Ramayana Studies in the World.* Vol. 2. New Delhi: Sahitya Akademi.

Siti Hawa Salleh (pentransliterasi), 2012. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Situmorang, T.D. dan A. Teeuw (dengan bantuan Amal Hamzah), 1952. *Sedjarah Melaju (menurut terbitan Abdullah ibn Abdulkadir Munsji)*. Djakarta: Penerbit Djambatan.

Skeat, Walter William, 1967 [1900]. *Malay Magic: Being an Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula.* New York: Dover Publications, Inc.

Slametmuljana, 1976. *A Story of Majapahit.* Singapura: Singapore University Press Pte. Ltd.

Slametmulyana, 1979. *Nagarakretagama dan Tafsir Sejarahnya.* Jakarta: Bhratara.

Teuku Iskandar, 1996. *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad.* Jakarta: penerbit LIBRA.

Teuku Iskandar, 2001. *Hikayat Aceh*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

Teuku Iskandar, Teuku, 2007. "Aceh as a Muslim-Malay Cultural Centre (14th - 19th Century)". Kertas kerja di *First International Conference of Aceh and Indian Ocean Studies*, anjuran Asia Research Institute, National University of Singapore, 24 - 27 Februari.

Tun Seri Lanang, 1997. *Sulalat al-Salatin ya'ni Perteturun Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Valentyn, François, 1726. *Keurlyke beschrijving van Choromandel, Pegu, Arrakan, Bengale, Mocha, Van 't Nederlands Comptoir in Persien, en eenige fraaje Zaaken van Persepolis overvlyfzelen. Een nette Beschriyving van Malakka, 'Sumatra, Ceylon, Malabar, Kaap der Goede Hoope en Muritius, 5e deel, Dordrecht & Amsterdam: Joannes van Braam, Gerard Onder der Linden.*

Vickery, Michael, 1996. "The Constitution of Ayuttthaya" dlm. Andrew Huxley (ed.), *New Light on Thai Legal History*. Bangkok: White Orchid Press.

Vickery, Michael, 2004. *Cambodia and Its Neighbors in the 15th Century*. Asia Research Institute Working Paper Series No. 27, National University of Singapore.

Wade, Geoff, 2004. *Ming China and Southeast Asia in the 15th Century: A Reappraisal.* Asia Research Institute Working Paper Series No. 28, National University of Singapore.

Wyatt, David K., 1967. "The Thai 'Kata Mandiarapala' and Malacca", *Journal of the Siam Society*, Vol. 55(2).

Wheatley, Paul, 1957. "Possible References to the Malay Peninsula in the Annals of the Former Han", *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society*, Vol. XXX, Pt. 1.

Winstedt, R. O., (ed.), 1938. "*The Malay Annals or Sejarah Melayu*", *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. XVI, Part III, Disember.

Winstedt, R. O., 1977 [1969]. *A History of Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Wolters, O. W., 1970. *The Fall of Srivijaya in Malay History*. Ithaca: Cornell University Press.

Woodward, Hiram W., Jr., 1978. "The Dating of Sukhothai and Sawankhalok Ceramics: Some Considerations", Journal of Siam Society, Vol. 66, No.1.

Wyatt, David K., 1967. "The Thai 'Kata Mandiarapala' and Malacca", *Journal of the Siam Society*, Vol. 55 (2).

Yusoff Hashim, Mohd (penyelenggara), 2008. *Hang Tuah Wira Melayu*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).

Zainal Abidin bin Abdul Wahid, 1991. *Sejarah Malaysia: Pentafsiran dan Penulisan*. Syarahan perdana jawatan profesor, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zainal Abidin bin Ahmad, 1949. "Malay festivals and Some Aspects of Malay Religious Life: Mandi Safar", *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 22 (1).

Zoetmulder, P.J., 1983. *Kalawangan: Sastera Jawa Kuno Selayang Pandang*. Jakarta: Penerbit Djambatan.

INDEKS